



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## KESEDIAAN GURU DALAM PENGAJARAN MODEL TILAWAH AL-QURAN PROGRAM j-QAF

MOHD IZZUDDIN MOHD PISOL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran Program j-QAF (Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik) yang meliputi aspek ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi sebagai seorang guru j-QAF. Reka bentuk kajian ini adalah secara deskriptif diperoleh menggunakan kaedah tinjauan (survey) yang menggunakan instrumen soal selidik sebagai data utama dan temubual guru sebagai data sokongan. Sampel kajian ini terdiri daripada 422 orang guru j-QAF daripada 174 buah Sekolah Kebangsaan yang terpilih daripada seluruh Malaysia. Dapatan keseluruhan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik bagi keempat-empat aspek berada pada tahap tinggi. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF berdasarkan jantina, umur, opsyen, pengalaman mengajar dan lokasi sekolah. Analisis Kolerasi Pearson  $r$  menunjukkan hubungan yang tinggi berkaitan kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran antara ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi guru. Manakala, analisis Kolerasi Pearson  $r$  menunjukkan hubungan yang rendah dalam kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik antara ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar. Namun, analisis Kolerasi Pearson  $r$  menunjukkan hubungan yang tinggi dalam kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik antara personaliti dan motivasi guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesediaan guru menjadi pengantara kepada hubungan ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi guru. Diharapkan kajian ini menjadi panduan dalam membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan institusi-institusi pendidikan dalam memperbaiki dan memantapkan lagi pengajaran guru j-QAF terhadap Tilawah al-Quran Program j-QAF ke arah menghasilkan pengajaran yang berkualiti.





## TEACHERS' READINESS IN TEACHING AL-QURAN RECITATION IN j-QAF PROGRAMME

### ABSTRACT

This study aims to identify the level of teachers' readiness in teaching al-Quran recitation of j-QAF Programme (Completion of al-Quran Recitation Model and Tasmik Model) which covers aspects such as knowledge, teaching skills, personality and motivation as a j-QAF teacher. This is a descriptive study which utilizes survey method by using questionnaire as its primary data and interview as its secondary data. The sample of this study consists of 422 j-QAF teachers from 174 selected Primary National Schools in Malaysia. The overall finding for the level of teachers' readiness in teaching Completion of al-Quran Recitation Model and Tasmik Model is at high level for all four aspects, respectively. Findings of this study shows that there is no significant difference between the level of teachers' readiness in teaching al-Quran recitation of j-QAF programme based on gender, age, option of teaching, experience in teaching and school location. Pearson Correlation  $r$  analysis shows a high correlation towards teachers' readiness in teaching Completion of al-Quran Recitation Model between knowledge and teaching skills, personality and teachers' motivation. On the other hand, Pearson Correlation  $r$  analysis shows a low relation towards teachers' readiness in Tasmik Model between knowledge and teaching skill. Nonetheless, Pearson Correlation  $r$  analysis shows a high relation towards teachers' readiness in Tasmik Model between personality and teachers' motivation. Findings of this study shows that teachers' readiness becomes the medium to the relation of knowledge, teaching skills, personality and motivation. It is hoped that the study will serve as a guide to the Ministry of Education in Malaysia and other educational institutions in upgrading and enhancing the teaching practice of j-QAF teachers towards al-Quran Recitation in j-QAF program in producing a quality teaching practice.



**KANDUNGAN**

	<b>Halaman</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii

**BAB 1 PENGENALAN****HALAMAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah	11
1.4	Tujuan dan Objektif Kajian	16
1.5	Persoalan Kajian	18
1.6	Hipotesis Kajian	20
1.7	Kerangka Teoritikal Kajian	22
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	24
1.9	Kepentingan Kajian	26
1.10	Batasan Kajian	28
1.11	Definisi Operasi Kajian	29
	1.11.1 Kesediaan Guru	29
	1.11.2 Guru j-QAF	30
	1.11.3 Pengajaran	31



1.11.5	Tilawah al-Quran	32
1.11.5	Program j-QAF	33
1.12	Penutup	33

## **BAB II**    **ULASAN KEPUSTAKAAN** 34

2.1	Pengenalan	34
-----	------------	----

2.2	Sejarah Pengajaran al-Quran	35
-----	-----------------------------	----

2.2.1	Pengajaran al-Quran Zaman Rasullullah	35
-------	---------------------------------------	----

2.2.2	Sejarah Pendidikan Al-Quran di Tanah Melayu	39
-------	---	----

2.2.3	Pendidikan al-Quran Selepas Kemerdekaan	42
-------	---	----

2.3	Tilawah al-Quran Dalam Kurikulum Kebangsaan	44
-----	---	----

2.3.1	Model Khatam al-Quran	48
-------	-----------------------	----

2.3.2	Model Tasmik	52
-------	--------------	----

2.3.3	Asuhan tilawah al-Quran	55
-------	-------------------------	----

2.3.4	Kem Literasi al-Quran	57
-------	-----------------------	----

2.4	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Program j-QAF	59
-----	--	----

2.4.1	Kaedah Talaqqi Musyafahah	59
-------	---------------------------	----

2.4.2	Kaedah Tikrar (Ulangan)	59
-------	-------------------------	----

2.4.3	Kaedah Tasmik	60
-------	---------------	----

2.4.4	Kaedah Kuliah / Syarahan	60
-------	--------------------------	----

2.4.5	Halaqah atau Berkumpulan	61
-------	--------------------------	----

2.4.6	Imla' atau Penulisan	62
-------	----------------------	----

2.4.7	Membaca Ayat dan Surah Secara Tartil	62
-------	--------------------------------------	----

2.4.8	Mendengar Bacaan Rakaman	63
-------	--------------------------	----

2.4.9	Membaca Secara Senyap	63
2.4.10	Membaca Mengikut Nombor Ayat	63
2.4.11	Membaca Tidak Mengikut Susunan Nombor	64
2.4.12	Memerhati serta Menyebut Kalimah Baru	64
2.4.13	Kaedah Talqin	65
2.5	Konsep Guru Dalam Pelbagai Perspektif	66
2.5.1	Konsep Guru Daripada Perspektif Islam	66
2.5.2	Konsep Guru Daripada Perspektif Timur	69
2.5.3	Konsep Guru Daripada Perspektif Barat	77
2.6	Teori Kesian Guru Dalam Pengajaran Model Tilawah al-Quran	80
2.6.1	Teori Pengajaran al-Ghazali	81
2.7	Asas Kesian Guru j-QAF Berkualiti	87
2.8	Adab Guru Terhadap al-Quran	98
2.9	Kajian Lepas	104
2.10	Penutup	116
<b>BAB III METODOLOGI KAJIAN</b>		117
3.1	Pengenalan	117
3.2	Reka Bentuk Kajian	118
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	119
3.4	Instrumen Kajian	121
3.4.1	Soal Selidik	122
3.4.2	Temubual	124
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	125

3.6	Kajian Rintis	129
3.7	Kaedah Pengutan Data	131
3.8	Tatacara Penganalisis	131
	3.8.1 Analisis Data Deskriptif	131
	3.8.2 Analisis Data Inferensi	132
3.9	Penutup	135
<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>137</b>
4.1	Pengenalan	137
4.2	Profil Responden Kajian Guru j-QAF	137
	4.2.1 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	137
	4.2.2 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Peringkat Umur	138
	4.2.3 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Bidang Pengkhususan	138
	4.2.4 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	139
	4.2.5 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Model Lokasi Sekolah	139
4.3	Analisis Dapatan Deskriptif Model Khatam al-Quran	140
	4.3.1 Kesediaan Ilmu Pengetahuan Guru j-QAF Model Khatam al-Quran	140
	4.3.2 Kesediaan Kemahiran Mengajar Guru j-QAF Model Khatam al-Quran	147
	4.3.3 Kesediaan Personaliti Guru j-QAF Model Khatam al-Quran	155
	4.3.4 Kesediaan Motivasi Guru j-QAF Model Khatam al-Quran	159

4.4	Analisis Dapatan Deskriptif Model Tasmik	162
4.4.1	Kesediaan Ilmu Pengetahuan Guru j-QAF Model Tasmik	162
4.4.2	Kesediaan Kemahiran Mengajar Guru j-QAF Model Tasmik	167
4.4.3	Kesediaan Personaliti Guru j-QAF Model Tasmik	171
4.4.4	Kesediaan Motivasi Guru j-QAF Model Tasmik	175
4.5	Analisis Dapatan Inferensi	178
4.5.1	Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Khatam al-Quran Berdasarkan Jantina	179
4.5.2	Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Khatam al-Quran Berdasarkan Lokasi Sekolah	180
4.5.3	Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Khatam al-Quran Berdasarkan Bidang Pengkhususan	181
4.5.4	Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Khatam al-Quran Berdasarkan Umur	182
4.5.5	Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Khatam al-Quran Berdasarkan Pengalaman Mengajar	183
4.5.6	Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Tasmik Berdasarkan Jantina	184
4.5.7	Perbezaan Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Tasmik Berdasarkan Bidang Pengkhususan	185
4.5.8	Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Tasmik Berdasarkan Lokasi Sekolah	186
4.5.9	Perbezaan Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Tasmik Berdasarkan Umur	187



4.5.10	Perbezaan Kesiediaan Guru Dalam Pengajaran Model Tasmik Berdasarkan Pengalaman Mengajar	188
4.5.11	Rumusan Dapatan Kajian Analisis Perbezaan	189
4.6	Analisis Hubungan (Kolerasi)	190
4.6.1	Hubungan Antara Ilmu Pengetahuan Dengan Kemahiran Mengajar Guru Dalam Pengajaran Model Khatam al-Quran	191
4.6.2	Hubungan Antara Personaliti Dengan Motivasi Dalam Pengajaran Model Khatam al-Quran Program j-QAF	192
4.6.3	Hubungan Antara Ilmu Pengetahuan Dengan Kemahiran Mengajar Guru Dalam Pelaksanaan Pengajaran Model Tasmik	192
4.6.4	Hubungan Antara Personaliti Dengan Motivasi Dalam Pengajaran Model Tasmik	193
4.6.5	Rumusan Dapatan Kajian Analisis Korelasi	194
4.7	Penutup	195

## **BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN** **196**

### **CADANGAN**

5.1	Pengenalan	196
5.2	Ringkasan Kajian	197
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian Model Khatam al-Quran	198
5.3.1	Kesiediaan Guru j-QAF Dalam Pengajaran Model Khatam al-Quran	198
5.3.2	Kesiediaan Guru j-QAF Dalam Pengajaran Model Tasmik	213

5.4	Analisis Inferensi	221
5.4.1	Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran Berdasarkan Jantina	221
5.4.2	Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran Berdasarkan Lokasi Sekolah	222
5.4.3	Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran Berdasarkan Bidang Pengkhususan	223
5.4.4	Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran Berdasarkan Umur	225
5.4.5	Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran Berdasarkan Pengalaman Mengajar	226
5.5	Analisis Hubungan	228
5.5.1	Hubungan Antara Elemen Ilmu Pengetahuan Dengan Kemahiran Mengajar Guru Dalam Pengajaran Model Khatam al-Quran	228
5.5.2	Hubungan Antara Elemen Personaliti Dengan Motivasi Guru Dalam Pengajaran Model Khatam al-Quran	230
5.7	Rumusan Dapatan Kajian	231
5.7.1	Model Khatam al-Quran	231
5.7.2	Model Tasmik	232
5.8	Implikasi Kajian	232
5.9	Cadangan kajian	235
5.9.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	235
5.9.2	Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah	236



5.9.3	Pentadbir Sekolah	236
5.9.4	Guru Pendidikan Islam/ Guru j-QAF	237
5.9.5	Guru Akademik	239
5.9.6	Ibu bapa	239
5.10	Cadangan Kajian Lanjut	240
5.11	Penutup	240

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN**

A Soal Selidik

B Soalan Temubual



**SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
2.1	Modul Inovasi Iqra	58
3.1	Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	120
3.2	Taburan Guru j-QAF Pendidikan Islam Program j-QAF	121
3.3	Taburan item soal selidik mengikut aspek kajian	122
3.4	Skala Likert dalam kajian	124
3.5	Senarai Pakar Rujukan Instrumen Soal Selidik	125
3.6	Senarai Pakar Instrumen Temu bual	126
3.7	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	127
3.8	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Konstruk	128
3.9	Nilai Alpha Cronbach	128
3.10	Interpretasi min	131
3.11	Kekuatan Perhubungan Kolerasi	133
3.12	Prosedur Penganalisan Data Inferensi	134
4.1	Taburan Kekерapan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	137
4.2	Taburan Kekерapan dan Peratusan Responden Mengikut Umur	138
4.3	Taburan Kekерapan dan Peratusan Responden Mengikut Bidang Pengkhususan	138
4.4	Taburan Kekерapan dan Peratusan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	139





4.5	Taburan Kekерapan dan Peratusan Responden Mengikut Lokasi Sekolah	139
4.6	Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Ilmu Pengetahuan Guru j-QAF Model Khatam al-Quran	140
4.7	Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Kesediaan Kemahiran Mengajar Guru j-QAF Model Khatam al-Quran	148
4.8	Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Personaliti Guru j-QAF Model Khatam al-Quran	156
4.9	Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Motivasi Guru j-QAF Model Khatam al-Quran	160
4.10	Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Ilmu Pengetahuan Guru j-QAF Model Tasmik	163
4.11	Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Kemahiran Mengajar Guru j-QAF Model Tasmik	167
4.12	Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Personaliti Guru j-QAF Model Tasmik	172
4.13	Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Motivasi Guru j-QAF Model Tasmik	176
4.14	Keputusan ujian-t bagi skor min kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan jantungina	179
4.15	Keputusan ujian-t bagi skor min kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah	181
4.16	Keputusan ujian-t bagi skor min kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan	182
4.17	Keputusan ANOVA Satu Hala bagi skor min kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan kelayakan peringkat umur	183
4.18	Keputusan ujian ANOVA satu hala bagi perbezaan skor min tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan pengalaman mengajar	184





4.19	Keputusan ujian-t bagi skor min kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan jantung	185
4.20	Keputusan Ujian-t bagi skor min kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik berdasarkan bidang pengkhususan	186
4.21	Keputusan ujian-t bagi skor min kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik al-Quran berdasarkan lokasi sekolah	187
4.22	Keputusan ANOVA Satu Hala bagi skor min kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan kelayakan peringkat umur	188
4.23	Keputusan ujian ANOVA satu hala bagi perbezaan skor min tahap kesediaan dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan pengalaman mengajar.	189
4.24	Rumusan Dapatan Kajian Analisis Perbezaan	190
4.25	Hubungan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran	193
4.26	Hubungan antara elemen personaliti dengan motivasi guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran.	192
4.27	Hubungan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar dalam pengajaran Model Khatam al-Quran	192
4.28	Hubungan antara elemen personaliti dengan motivasi guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran	193
4.29	Rumusan dapatan kajian analisis kolerasi	194



## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Pengajaran al-Ghazali	22
1.2	Konseptual Kajian Dalam Kesediaan Guru Dalam Perlaksanaan Tilawah al-Quran j-QAF	25
2.1	Kerangka Teori Pengajaran al-Ghazali (t.th) dimodifikasi daripada Kamarul Azmi Jasmi (2010)	81
5.1	Rumusan Kesedian Guru j-QAF Model Tilawah al-Quran	234

## SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JAPIM	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPTA	Institut Pendidikan Tinggi Awam
MPI	Maktab Perguruan Islam
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KDC	Kursus Dalam Cuti
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
PIBG	Persatuan Ibubapa dan Guru
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
j-QAF	Jawi, al-Quran, Arab, Fardhu Ain
SK	Sekolah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Packages For Social Sciences</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





## BAB 1

### PENDAHULUAN



#### 1.1 Pengenalan

Al-Quran merupakan kitab yang menjadi sumber rujukan utama umat Islam sepanjang zaman dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Al-Quran berperanan sebagai petunjuk kepada manusia ke jalan yang benar daripada terpengaruh dengan kesesatan.

Berdasarkan firman Allah s.w.t dalam surah Al-Isra' ayat 9:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ

الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

*Maksud: "Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul, dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka berolehi pahala yang besar".*





Aid Abdullah al-Qarni (2005) menyatakan bahawa al-Quran menjadi petunjuk kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan iaitu daripada segi akidah, akhlak, pergaulan sesama manusia, pekerjaan, dan mencari rezeki. Syed Qutb (2011) menegaskan bahawa bagi melahirkan generasi al-Quran yang unik, maka generasi ini perlu dididik melalui amalan pembacaan al-Quran, penghafalan al-Quran, pemahaman dan penguasaan al-Quran dengan sebaik mungkin, menghayati pengajaran yang terkandung di dalam al-Quran serta mempelajari keindahan dan kemuliaan al-Quran.

Antara keistimewaan al-Quran ialah mukjizat teragung yang dikurniakan oleh Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang berkekalan sehingga akhir zaman (al-Israa:88):Kitab yang terpelihara isi kandungannya daripada sebarang penyelewengan dan pendustaaan (al-Hjir:9):



Rasullullah sa.w. menyatakan bahawa terdapat perumpamaan antara seorang mukmin yang pandai membaca al-Quran dan seorang mukmin yang tidak pandai membaca al-Quran seperti hadis berikut:

عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " مَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَمَثَلُ الْأُتْرُجَةِ رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا طَيِّبٌ ، وَمَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَثَلُ التَّمْرَةِ وَلَا لَهَا رِيحٌ لَهَا وَطَعْمُهَا حُلْوٌ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَثَلُ الرِّيحَانَةِ رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْحَنْظَلَةِ لَيْسَ لَهَا رِيحٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ ". (صحيح البخاري : كتاب فضائل القرآن (66), باب من رآيا بقراءة القرآن (36) رقم (5059) جليد (5-6)

*Maksudnya: Daripada Abu Musa al-Asy'ari r.a mengatakan bahawa Rasullullah s.a.w bersabda, "Perumpamaan orang mukmin yang pandai membaca al-Quran seperti buah limu yang baunya sedap dan*





*manis. Perumpamaan orang mukmin yang tidak pandai membaca dan memahami al-Quran sebagai buah kurma yang tidak berbau sedap tetapi manis rasanya. Perumpamaan orang munafik yang pandai membaca dan memahami al-Quran seperti buah yang berbau harum tetapi pahit. Perumpamaan orang munafik yang tidak pandai membaca dan memahami al-Quran seperti buah labu yang tidak berbau harum dan pahit.”*  
(Shoheh al-Bukhary)

Peranan mengajar merupakan tanggungjawab orang yang berilmu pengetahuan agar dapat menyampaikan peringatan kepada orang lain dan tidak sesekali menyembunyikan ilmu tersebut. Guru yang mengajarkan al-Quran mempunyai tanggungjawab yang sangat besar dalam mendidik pelajar mengenali al-Quran melalui pembacaan, pemahaman dan pengamalan terhadap isi kandung al-Quran (al-Imran:187). Guru pendidikan al-Quran berkesan adalah yang mampu menyampaikan isi pelajaran dengan baik serta berkebolehan dalam mencapai objektif pengajaran.



Bagi melatih bakal guru, institusi latihan guru telah berperanan dalam melatih guru pendidikan al-Quran dengan mengadakan Kursus Dalam Cuti (KDC) pada disember 1964 (dalam penggal persekolahan) yang menekankan kepada bahasa, Agama dan pendidikan. Kemudian, maktab perguruan ilmu khas ditubuhkan bagi melatih guru pendidikan al-Quran/Islam seperti yang dicadangkan melalui Majlis Penasihat Pendidikan Agama Islam kepada Menteri pada tahun 1975. Cadangan tersebut ialah mengesyorkan agar Kementerian Pelajaran Malaysia mewujudkan pusat latihan khusus bagi melatih guru Agama Islam. Pada tahun 1970, Maktab Perguruan Ilmu Khas Cheras telah menubuhkan satu Unit Pendidikan Agama Islam. Kemudiannya, pada 25 april 1977, Maktab Perguruan Islam (MPI) ditubuhkan secara rasmi yang lokasinya di Institut Bahasa Lembah Pantai Kuala Lumpur. Pada november 1977 MPI telah berpindah ke Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya hingga





april 1983. Pada mei 1983 hingga jun 1990 MPI menumpang di bangunan Maktab Perguruan Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Akhirnya pada julai 1990, barulah MPI memiliki kampus sendiri di Bangi, Selangor (Mohd Yusof Ahmad, 2015).

Selain daripada MPI, terdapat beberapa buah maktab perguruan lain yang dibenarkan melatih guru-guru pendidikan Islam disebabkan keperluan yang mendadak pada tahun 1993. Pada tahun 1995, 20 buah maktab perguruan menyediakan kemudahan melatih guru-guru pendidikan Islam. Kandungan pelajaran pendidikan seperti falsafah, kaedah, psikologi dan sebagainya, namun penekanan pelajaran al-Quran secara khusus dalam memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran al-Quran dalam kalangan guru pelatih termasuklah tajwid, tarannum dan qiraaat al-sab'a (Mohd Yusof Ahmad, 2015).



Pada 13 julai 2005, mesyuarat jemaah menteri telah meluluskan penaiktarafan 27 buah Maktab Perguruan kepada Institusi Pendidikan Guru. Keputusan mesyuarat ini membawa perubahan besar kepada institut latihan perguruan KPM. Penawaran Ijazah Sarjana Muda Pendidikan serta meneruskan program sedia ada seperti sijil, diploma serta ijazah. Tugas dan peranan tersebut telah beralih daripada Bahagian Pendidikan Guru kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia bagi meneruskan latihan program pra perkhidmatan, merancang program-program baharu serta menguruskan IPG kampus (IPGM, 2013).

Institusi Pendidikan Tinggi Awam seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) turut berperanan dalam melatih guru pendidikan Islam pada peringkat Diploma Pendidikan Lepas Ijazah





(DPLI) hingga tahun 2000. Manakala, selepas tahun 2000, hanya Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang melatih guru pendidikan al-Quran pada peringkat Ijazah Sarjana Muda. (Mohd Yusof Ahmad, 2015).Perkembangan ini berterusan dengan adanya program j-QAF yang mula dilaksanakan pada tahun 2005, graduan pengajian Islam lepasan universiti tempatan dan luar negara telah menceburi dunia pendidikan dengan mengajarkan program j-QAF di sekolah rendah dan mengikuti Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi mendapatkan latihan perguruan melalui Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI). Namun begitu, pada tahun 2012, merupakan tahun terakhir Kementerian Pendidikan Malaysia melakukan pengambilan guru bagi mengikuti KPLI Program j-QAF. Bermula pada tahun 2013, program j-QAF masih diteruskan di setiap sekolah, namun tenaga pengajarnya adalah daripada guru j-QAF dan guru pendidikan Islam sedia ada di sekolah tersebut. Bagi meningkatkan lagi profesionalisme guru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merancang bagi mengambil guru pendidikan Islam daripada lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia untuk melaksanakan pengajaran pendidikan Islam amnya dan program j-QAF khususnya.

## 1.2 Latar belakang kajian

Sejarah pengajaran al-Quran bermula apabila Rasulullah s.a.w menerima wahyu yang pertama di Gua Hira daripada Jibrail a.s. Bacaan yang diajarkan oleh Jibrail a.s diikuti oleh Rasulullah s.a.w dan difahami oleh Rasulullah s.a.w. Pengajaran al-Quran yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w dengan memberikan contoh dan menunjukkan cara mempraktikkan ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian. Rasulullah s.a.w melaksanakan pengajaran al-Quran di rumahnya sendiri dan rumah Al-Arqam bin Abi





Al-Arqam. Manakala, selepas Rasulullah s.a.w berhijrah ke bumi Madinah, rumah Rasulullah s.a.w dan Masjid Nabawi digunakan sebagai tempat pengajaran al-Quran. Pengajaran al-Quran ini dilaksanakan melalui kaedah penghafalan sehingga wujud ramai “huffaz” daripada kalangan sahabat baginda. (Al-Buti, 1991).

Kaedah pengajaran al-Quran melalui hafalan digunakan pada zaman sahabat Rasulullah s.a.w agar al-Quran berkekalan. Kaedah hafalan merupakan kaedah yang penting dalam mempelajari al-Quran di zaman sahabat Rasulullah s.a.w. Kuttub merupakan tempat kanak-kanak yang telah mencapai umur lima tahun untuk menghafal al-Quran yang berada di anjung-anjung masjid. Kemudian selepas menghafaz al-Quran, kanak-kanak tersebut akan ke masjid untuk menyambungkan pelajaran. Hal ini menunjukkan bahawa pengajaran al-Quran bukan sahaja melalui pembacaan sahaja malah ianya perlu dilakukan melalui aktiviti penghafalan (Mohd Yusuf Ahmad, 2000).

Manakala sistem pendidikan Islam telah wujud di Tanah Melayu sejak kurun ke 15 lagi. Ketika itu pendidikan Islam diajarkan di masjid dan surau (Ahmad Mohd Salleh, 1997). Pengajaran al-Quran berlangsung di rumah guru al-Quran itu sendiri. Pembinaan pondok-pondok kecil yang berhampiran dengan rumah guru membantu pelajar-pelajar yang datang jauh untuk mempelajari ilmu agama (Ahmad Mohd Salleh, 2004). Perkembangan pendidikan Islam bertambah baik, apabila berlaku penghijrahan ulama-ulama daripada timur tengah pada kurun ke 18. Maka wujud “madrasah” yang memberi tumpuan kepada pendidikan yang bercorak Agama dan tidak mengenyepikan kemahiran-kemahiran keduniaan. Namun begitu, kedatangan penjajah Inggeris ke Tanah Melayu telah mewujudkan kesan negatif kepada sistem





pendidikan Agama dengan mewujudkan pendidikan sekular dan mengikis pendidikan Agama secara halus. Pengajaran al-Quran dan Agama telah diabaikan daripada jadual rasmi sekolah dan diarahkan agar dipelajari pada waktu petang (Sayuti Mamat, 2001).

Disamping itu, pendidikan di Tanah Melayu turut berkembang dengan kewujudan sistem pendidikan pondok. Sekolah pondok merupakan tempat orang mempelajari Islam yang berpusat di madrasah, masjid atau rumah tuan guru. Pembinaan rumah-rumah kecil (pondok) di sekeliling madrasah atau rumah guru untuk belajar ilmu agama atau ilmu al-Quran (Mohd Yusof Ahmad, 2015).

Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah berkembang daripada cetusan idea Mantan Perdana Menteri Malaysia Kelima Dato' Seri Haji Abdullah Ahmad Badawi dalam satu perjumpaan bersama ulama dan pegawai-pegawai agama pada 24 Disember 2003 bertempat di Kuala Lumpur. Pertemuan ini menyentuh aspek khatam al-Quran, mewajibkan pembelajaran bahasa Arab dan menekankan aspek penghayatan amalan fardu ain. Harapan tersebut diulangi semasa lawatan beliau ke Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada 30 Disember 2003. Seterusnya, beberapa siri mesyuarat dan bengkel telah diadakan bagi memperhalusi cetusan idea tersebut. Akhirnya, satu Seminar Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan dan fardu Ain (j-QAF) peringkat kebangsaan pada 3 Mac 2004 telah diadakan bagi membentangkan beberapa cadangan model yang bakal dilaksanakan sebagai projek rintis sebelum ianya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat pada tahun 2005 (BKPIM KPM, 2005). Tujuan seminar tersebut bertujuan bagi mendapatkan pandangan masyarakat serta para cendekiawan mengenai model dan modul yang dicadangkan (Ismail Muhamad et. al. 2013). Program j-QAF atau “j” bermaksud Jawi, “Q” bermaksud al-Quran, “A”





bermaksud Bahasa Arab dan “F” bermaksud Fardu Ain merupakan usaha untuk memperkasakan pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah rendah melalui penekanan penguasaan dalam bidang jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain (Ghazali Darussalam, 2007).

Pelaksanaan program j-QAF telah diuji melalui 2 fasa projek rintis iaitu pada april 2004 sehingga julai 2004 untuk fasa I di sekolah-sekolah daerah Setiu, Kuala Terengganu dan Projek Rintis Fasa II pada 1 Oktober 2004 hingga 31 Oktober 2004 di dua buah sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pelaksanaan projek ini telah dihasilkan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) sehingga terhasil beberapa modul pengajaran dan pembelajaran program j-QAF yang telah dilaksanakan disekolah-sekolah terpilih bermula pada tahun 2005 (KPM, 2005). Antara model pengajaran

yang diperkenalkan ialah model Pemulihan Jawi, model Khatam al-Quran, model ‘Tasmik’, model Bahasa Arab Komunikasi dan Model Kem Bestari Solat (Zaidi Razak et. al. 2008).

Penguasaan bacaan al-Quran dirancang melalui model sukatan lanjutan dan model tilawah al-Quran program j-QAF yang diperkenalkan iaitu Model Khatam al-Quran, Model Tasmik, Asuhan Tilawah al-Quran, dan Kem Literasi al-Quran. Penekanan perlu diberikan oleh guru j-QAF dalam melaksanakan Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik agar murid-murid Islam di sekolah kebangsaan dapat mengkhatamkan al-Quran sebelum menjejakkan kaki ke sekolah menengah (Amal Hayati, 2012). Program ini dilaksanakan menggunakan peruntukan masa mata pelajaran pendidikan Islam yang sedia ada. Keempat-empat model ini menekankan







aspek bacaan al-Quran melalui pendekatan kaedah Talaqqi dan Musyafahah sebagai medium pengajaran. Kaedah Talaqqi dan Musyafahah adalah satu proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka antara guru dengan murid bagi mendengar, membetulkan kesalahan dan manyebut semula dengan baik dan lancar (KPM, 2005). Dalam kurikulum pendidikan Islam sekolah rendah, al-Quran telah diajarkan melalui sukatan asuhan tilawah al-Quran, namun ianya hanya menekankan kepada kebolehan membaca sahaja. Manakala aspek khatam al-Quran tidak ditekankan di sekolah tetapi menyerahkannya kepada masyarakat (KPM, 2005).

Bagi mencapai matlamat ini, ia memerlukan bimbingan yang berterusan daripada beberapa orang guru yang mengajar berdasarkan nisbah murid di sesebuah kelas dan sekolah. Guru j-QAF akan membantu dan bersama-sama Guru Pendidikan Islam mengajar tilawah al-Quran dalam kelas yang sama. Hal ini bermakna lebih daripada seorang guru yang mengajar tilawah al-Quran dalam sesuatu masa berbanding pelaksanaan sebelum ini hanya guru pendidikan Islam seorang sahaja yang akan mengajar tilawah al-Quran kepada 30 hingga 40 orang murid dalam sesebuah kelas (KPM, 2005).

Faktor yang berlaku ini disebabkan kurangnya perhatian ibu bapa terhadap pembacaan al-Quran anak-anak dan menyerahkan tanggungjawab mengajarkan al-Quran ini kepada guru-guru j-QAF di sekolah (Ibrahim Hashim et. al 2009). Kajian yang dijalankan oleh oleh Noor Azimah Surip (2012) mendapati kekangan yang paling utama dihadapi oleh guru j-QAF ialah kurang mendapat penyertaan dan penglibatan dalam kalangan ibu bapa, jawatankuasa masjid dan masyarakat setempat. Pelaksanaan Model Khatam al-Quran ini perlu diperbaiki kerana disebabkan pelbagai





faktor antaranya guru, kaedah serta teknik pengajaran yang bersesuaian atau kekangan masa pelaksanaannya (Ibrahim Hashim et. al. 2009).

Pendekatan program j-QAF ini diharapkan mampu menyelesaikan masalah kelemahan pembacaan al-Quran dalam kalangan murid pada hari ini dengan penumpuan yang lebih terhadap jawi, al-Quran, bahasa Arab, dan fardu ain. Harapan besar ini perlu dipikul oleh para guru j-QAF dalam memastikan kejayaan program ini. Ini kerana, program j-QAF merupakan suatu usaha berterusan bagi memperkasakan dan memantapkan pendidikan Islam dengan memberi tumpuan dan perhatian yang khusus melalui kurikulum serta model dan modul yang tersendiri. Peranan guru j-QAF dalam memberi pemulihan, bimbingan, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan dalam diri murid.



Penguasaan kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan pelajar sekolah rendah masih berada pada tahap yang rendah walaupun telah mengikuti mata pelajaran pendidikan Islam selama enam tahun (Mohd Aderi & Rohani, 2009). Kelemahan dalam menguasai bacaan al-Quran akan menyebabkan ketinggalan dalam mengikuti kedudukan ayat al-Quran yang sedang dipelajari. Kelemahan dalam kemahiran membaca al-Quran disebabkan oleh kurang perhatian daripada ibu bapa dan bersikap menyerahkan tanggungjawab mengajar al-Quran kepada guru pendidikan Islam di sekolah. Selain itu, peranan dan penglibatan ibu bapa, institusi masjid dan surau serta masyarakat setempat dalam memberikan sokongan terhadap pembelajaran al-Quran (Nur Azimah Surip, 2012).





Kelemahan dalam merancang strategi, kaedah pengajaran, pendekatan yang bersesuaian akan menyebabkan persediaan guru berada pada tahap yang rendah (Mohd Nasrudin Basar et. al. 2008). Latihan guru secara berterusan bagi memastikan pelaksanaan amalan pengajaran pendidikan Islam mengikut kaedah yang ditetapkan. Kekangan masa pelaksanaan mata pelajaran pendidikan Islam menyebabkan isi pelajaran tidak disampaikan dengan sebaiknya.

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan dalam pelaksanaan j-QAF namun kajian yang telah dijalankan berskala kecil dan tidak menyeluruh. Kajian yang dijalankan sebelum ini banyak menyentuh berkaitan dengan pelaksanaan model khatam al-Quran dan model tasmik, amalan pengajaran guru, pencapaian al-Quran, penggunaan bahan bantu mengajar. Namun begitu, kajian mengenai kesediaan guru dalam pelaksanaan Model Tilawah al-Quran masih kurang dijalankan. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan program j-QAF telah mencapai tempoh 10 tahun, maka satu kajian yang menyeluruh perlu dijalankan untuk mengenalpasti kesediaan guru serta cadangan penambahbaikan yang lebih menyeluruh.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Aderi & Rohani (2009), mendapati masih terdapat kelemahan penguasaan kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan pelajar sekolah rendah walaupun mata pelajaran Pendidikan Islam telah diajarkan selama enam tahun. Faktor yang berlaku ini disebabkan kurangnya perhatian ibu bapa terhadap pembacaan al-Quran anak-anak dan menyerahkan tanggungjawab mengajarkan al-Quran ini kepada guru-guru j-QAF di sekolah (Ibrahim Hashim et. al





2009). Kajian yang dijalankan oleh oleh Noor Azimah Surip (2012) mendapati kekangan yang paling utama dihadapi oleh guru j-QAF ialah kurang mendapat penyertaan dan penglibatan dalam kalangan ibu bapa, jawatankuasa masjid dan masyarakat setempat. Hasil kajian yang dijalankan oleh Ghazali Darulsalam (2007) mendapati sikap yang ditunjukkan oleh guru-guru j-QAF semasa mengikuti kursus di Institut Pendidikan Guru adalah lemah. Contohnya komitmen menyiapkan tugas yang diberikan dan ketepatan masa guru j-QAF semasa menjalani latihan perguruan. Hasil daripada kurangnya komitmen yang diberikan oleh guru j-QAF akan menyebabkan kelemahan dalam melaksanakan strategi, kaedah pengajaran yang berkesan dalam pelaksanaan program j-QAF di sekolah (Mohd Nasrudin Basar et. al 2008). Kurang kerjasama daripada guru j-QAF dan guru pendidikan Islam untuk merancang pengajaran dan pembelajaran secara bersama (berkolaborasi) disebabkan berlakunya pertindihan tugas diantara kedua-duanya (Hasbullah Md. Daud, 2012).

Masih terdapat dalam kalangan guru-guru j-QAF yang tidak menerima latihan dan kursus Iqra dengan secukupnya menyebabkan pelaksanaan amalan pengajaran Iqra tidak mengikut kaedah yang sebenarnya (Mohammad Naim, 2008). Dapatan ini disokong oleh Ibrahim et. al. (2009), yang menyatakan bahawa guru j-QAF memerlukan kursus yang berterusan. Alat bantu mengajar yang disediakan tidak bersesuaian dengan kaedah pengajaran (Ibrahim et. al. 2009). Kajian ini juga mendapati bahawa guru j-QAF tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran seperti syarahan dan lakonan dalam pengajaran program j-QAF.

Pelaksanaan Model Khatam al-Quran ini perlu diperbaiki kerana disebabkan pelbagai faktor antaranya guru, kaedah serta teknik pengajaran yang bersesuaian atau





kekangan masa pelaksanaannya (Ibrahim Hashim et. al. 2009). Disokong oleh, Amal Hayati (2012) mendapati guru tidak dapat melaksanakan Model 6 Bulan Khatam al-Quran yang menggunakan kaedah Bacaan Ikut Guru (BIG) disebabkan kelemahan pelajar dalam menguasai bacaan al-Quran huruf seperti tidak mengenal huruf dan kedudukan ayat yang sedang dibacakan dalam sesebuah kelas.

Pelaksanaan Model Tasmik membosankan kerana ianya hanya bersifat statik dan berlaku di dalam kawasan sekolah dan kurang dijalankan di luar kawasan sekolah seperti di masjid dan surau (Amal Hayati, 2012). Kekangan masa pelaksanaan Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik tidak mencukupi (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pelajaran, 2012). Masalah pembelajaran al-Quran yang dilaksanakan menunjukkan model dan modul yang digubal gagal diikuti sepenuhnya oleh sesetengah murid. Kegagalan itu merujuk kepada ketidakupayaan sesetengah guru menerajui bilik darjah disebabkan kekangan pengalaman dan kemahiran dalam bidang berkaitan, serta kekangan masa yang diperuntukkan. Terdapat ramai lagi murid tahun empat dikenal pasti gagal melepasi khatam Iqra', walaupun tempoh pembelajaran yang dilalui mereka sudah melebihi tiga tahun. Sepatutnya dalam tempoh tersebut, murid - murid sudah dapat menamatkan pengajian literasi al-Quran melalui pendekatan Iqra' 1-6 (Daud Ismail et. al. 2015).

Guru-guru j-QAF seharusnya sedar akan pentingnya program j-QAF ini dilaksanakan. Oleh itu bagi memastikan matlamat dan objektif pengajaran tercapai, pengajaran guru amat memainkan peranan yang amat penting. Keberkesanan pengajaran mampu diukur berdasarkan hasil objektif pembelajaran yang telah dicapai oleh pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan pengajaran





Tilawah Al-Quran program j-QAF amat bergantung kepada kesediaan guru j-QAF untuk melaksanakannya sama ada dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran, personaliti dan motivasi. Oleh itu, pengkaji merasakan kajian ini perlu dijalankan bagi mengenalpasti tahap kesediaan guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran program j-QAF. Daripada hasil kajian ini juga, pengkaji berharap satu pendekatan baru yang lebih dapat dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru j-QAF dan memberikan keberkesanan dalam pengajaran program j-QAF di sekolah rendah.

Sehubungan itu, pelaksanaan program j-QAF ini telah mengambil bahagian peranan sebagai elemen utama dalam memperkasakan sistem pendidikan Islam di sekolah rendah dalam pendidikan Islam dan Jawi seperti tilawah al-Quran, akidah, ibadah, sirah nabawi, akhlak dan jawi agar lebih berkesan dan diamalkan dalam kehidupan seharian murid-murid. Pelaksanaan program j-QAF di sekolah-sekolah rendah di Malaysia telah dilaksanakan *Surat Pekeliling Ikhtisas: Bil.13/2004: Pelaksanaan Program j-QAF Di Sekolah Rendah*. Program j-QAF akan dilaksanakan bermula tahun 2005 yang melibatkan semua murid tahun 1 di sekolah-sekolah rendah terpilih. Pelaksanaan program ini akan diikuti oleh sekolah-sekolah lain pada tahun-tahun berikutnya secara berperingkat-peringkat (KPM 2006). Program j-QAF diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah sejak tahun 2005 adalah untuk memperkukuhkan Pendidikan Islam melalui penekanan dalam pelajaran jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardhu ain di sekolah rendah (KPM, 2004). Program j-QAF ini menggunakan peruntukan jadual waktu pendidikan Islam sedia ada. Ianya bertepatan dengan matlamat pendidikan Islam sekolah rendah yang ingin menghasilkan insan yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan dalam kehidupan





seharian supaya menjadi hamba Allah yang berjaya di dunia dan akhirat (Institut Pendidikan Guru, 2011).

Kesinambungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) telah merancang serta menstrukturkan program j-QAF dengan memperkenalkan beberapa model dalam mentransformasikan pengajaran Agama Islam sehingga terhasilnya beberapa modul PdP program j-QAF untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah terpilih di peringkat awal tahun 2005 (KPM, 2005). Pelancaran program j-QAF secara rasmi telah disempurnakan oleh Menteri Pelajaran Malaysia, Y.B. Datuk Hishamuddin Tun Hussein Onn di Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1, Kuala Terengganu.



Pelaksanaan program j-QAF telah diuji melalui 2 fasa projek rintis iaitu pada april 2004 sehingga Julai 2004 untuk Projek Rintis Fasa I di 30 buah sekolah-sekolah daerah Setiu, Kuala Terengganu dan Projek Rintis Fasa II pada 1 Oktober 2004 hingga 31 Oktober 2004 di 2 buah sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ianya dijalankan bagi mengenalpasti masalah, kekuatan dan kelemahan, implikasi, cara penyelesaian serta cadangan pelaksanaan sebelum program j-QAF ini mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2005. Harapan pelaksanaan program j-QAF dengan baik dan berkesan, akan memberikan perkembangan yang positif bagi murid Islam di sekolah rendah yang dapat menguasai bacaan dan tulisan jawi, menghabiskan khatam al-Quran sebanyak 30 juzuk, menguasai asas bahasa Arab komunikasi dan mantap penghayatan murid terhadap amalan fardu ain.





Pelaksanannya dilakukan melalui penggubalan kurikulum, model dan juga modul yang tersendiri. Dalam usaha menjayakan program j-QAF ini, guru-guru diberikan latihan khusus oleh pihak institut pendidikan guru untuk melaksanakan program pemulihan, bimbingan, pengukuhan, pengayaan, dan penghayatan pelajar (Ibrahim Hashim et.al. 2009). Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia dalam mengadakan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah secara Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) yang bertanggungjawab menyediakan guru terlatih secara berperingkat-peringkat dalam memberi sumbangan yang besar terhadap pelaksanaan program j-QAF di sekolah.

Sasaran yang ditetapkan oleh Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral menjangkakan pelaksanaan program j-QAF akan dapat dilaksanakan di semua sekolah seluruh Malaysia. Kejayaan program j-QAF ini amat bergantung penuh kepada komitmen yang dipikul oleh guru j-QAF, guru pendidikan Islam, guru akademik dan pentadbir sekolah bagi memastikan kelancaran program j-QAF.

#### **1.4 Tujuan dan objektif kajian**

Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Tilawah al-Quran berdasarkan kepada empat aspek iaitu ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perhubungan antara keempat-empat aspek dalam kesediaan dengan perlakuan mengajar guru j-QAF dalam pengajaran Tilawah Al-Quran.

Objektif khusus kajian ini pula adalah seperti berikut:





1. Mengenal pasti tahap kesediaan guru j-QAF terhadap pengajaran Model Khatam al-Quran daripada segi ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi.
2. Mengenal pasti tahap kesediaan guru j-QAF terhadap pengajaran Model Tasmik daripada segi ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi.
3. Mengesan perbezaan tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan:
  - i. Perbezaan tahap kesediaan guru-guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan jantina.
  - ii. Perbezaan tahap kesediaan guru-guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan lokasi sekolah.
  - iii. Perbezaan tahap kesediaan guru-guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan bidang pengkhususan.
  - iv. Perbezaan tahap kesediaan guru-guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan umur.
  - v. Perbezaan tahap kesediaan guru-guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan pengalaman mengajar.
4. Mengesan perbezaan tahap kesediaan guru j-QAF terhadap pengajaran Model Tasmik berdasarkan:
  - i. Perbezaan tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik berdasarkan jantina.
  - ii. Perbezaan tahap kesediaan mengajar guru-guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik berdasarkan bidang pengkhususan.



- iii. Perbezaan tahap kesediaan mengajar guru-guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik berdasarkan lokasi sekolah.
  - iv. Perbezaan tahap kesediaan mengajar guru-guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik berdasarkan umur.
  - v. Perbezaan tahap kesediaan mengajar guru-guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik berdasarkan pengalaman mengajar.
5. Menilai hubungan di antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar dalam pengajaran Model Khatam al-Quran.
  6. Menilai hubungan di antara elemen personaliti dengan motivasi guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran.
  7. Menilai hubungan di antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar dalam pengajaran Model Tasmik.
  8. Menilai hubungan di antara elemen personaliti dengan motivasi guru dalam pengajaran Model Tasmik.

### 1.5 Persoalan Kajian

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan terhadap persoalan kajian berikut:

#### Soalan kajian satu

Apakah tahap kesediaan guru j-QAF terhadap pengajaran Model Khatam al-Quran daripada segi ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi ?

#### Soalan kajian dua

Apakah tahap kesediaan guru j-QAF terhadap pengajaran Model Tasmik daripada segi ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi ?





### Soalan kajian tiga

Apakah terdapat perbezaan tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model

Khatam al-Quran berdasarkan:

- i. jantina.
- ii. lokasi sekolah.
- iii. bidang pengkhususan.
- iv. umur.
- v. pengalaman mengajar.

### Soalan kajian empat

Apakah terdapat perbezaan tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model

Tasmik berdasarkan:

- i. jantina.
- ii. lokasi sekolah.
- iii. bidang pengkhususan.
- iv. umur.
- v. pengalaman mengajar.



### Soalan kajian lima

Apakah terdapat hubungan di antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran.

### Soalan kajian enam

Adakah terdapat hubungan di antara elemen personaliti dengan motivasi guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran.

### Soalan kajian tujuh

Adakah terdapat hubungan di antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik.





## Soalan kajian lapan

Adakah terdapat hubungan di antara elemen personaliti dengan motivasi guru dalam pengajaran Model Tasmik.

### 1.6 Hipotesis kajian

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian, maka pengkaji telah membina beberapa hipotesis nul bagi kajian ini seperti berikut:

#### Hipotesis nul soalan kajian tiga

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan jantina.

Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah.

Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan.

Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan umur.

Ho5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan pengalaman mengajar.



**Hipotesis nol soalan kajian empat :**

Ho6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan jantina.

Ho7 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan.

Ho8 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah.

Ho9 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan umur.

Ho10 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan pengalaman mengajar.

**Hipotesis nol soalan kajian lima :**

Ho11 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen ilmu pengetahuan dan dengan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam Model Khatam al-Quran program j-QAF.

**Hipotesis nol soalan kajian enam :**

Ho12 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen personaliti dan motivasi guru j-QAF dalam Model Khatam al-Quran program j-QAF.

**Hipotesis nol soalan kajian tujuh :**

Ho13 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen ilmu pengetahuan dan dengan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam Model Tasmik program j-QAF.




### Hipotesis nol soalan kajian kelapan :

Ho14 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen personaliti dan motivasi guru j-QAF dalam Model Tasmik program j-QAF.

### 1.7 Kerangka Teoritikal Kajian

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan bagi melihat tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF di sekolah rendah. Teori pengajaran dan pembelajaran al-Ghazali (t.th) dalam membentuk satu kerangka teori kajian yang khusus untuk kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka Teori Pengajaran al-Ghazali (t.th) dimodifikasi daripada Kamarul Azmi Jasmi (2010)

Al-Ghazali (t.th) menyatakan empat elemen yang diperlukan oleh seorang guru iaitu mempunyai ilmu pengetahuan, mempunyai kemahiran mengajar, mempunyai personaliti positif dan mempunyai motivasi yang tinggi. Manakala dalam proses perakuan mengajar, terdapat tiga langkah pengajaran bagi seorang guru yang



berkesan iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Guru perlu melakukan ujian pengesanan ke atas pelajar, menyediakan bahan bantu mengajar, menetapkan objektif pengajaran, memikirkan kaedah pengajaran dan merancang aktiviti yang akan dijalankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala proses pelaksanaan pula memerlukan guru yang dapat memotivasikan pelajar untuk belajar, membimbing pelajar, menguruskan bilik darjah, mengekalkan disiplin pelajar, memberi ganjaran dan penguhan positif dan menutup proses pengajaran dengan kemas. Proses penilaian pula dilaksanakan bagi tujuan menilai keupayaan pelajar menjalankan aktiviti melalui pencapaian objektif pengajaran, menilai pelaksanaan pengajaran serta keberkesan setiap pelaksanaan pengajaran dan bahan bantu mengajar yang terhadap pencapaian objektif pengajaran. Hasil daripada kesediaan guru dan perlakuan mengajar guru yang terancang akan menghasilkan mutu pengajaran yang berkesan.



Menurut Shulman (1987), menyatakan bahawa guru bukan perlu menguasai pengetahuan pedagogi, pengetahuan isi kandungan pengajaran yang berkaitan dengan mata pelajaran yang hendak diajarkan. Malah, pengetahuan mengenai latar belakang pelajar, matlamat pendidikan, nilai-nilai serta falsafah amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru yang baik perlu menunjukkan ciri-ciri minat yang mendalam terhadap murid, memiliki ilmu pengetahuan tentang mata pelajaran yang hendak diajarkan, menggunakan kaedah yang bersesuaian kepada pelajar, mampu menguruskan dan mengawal kelas dengan baik serta melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti lain di sekolah.






Menurut Rohaty Mohd Majzub dalam Norzaini Azman dan Mohammed Sani (2006), seorang guru yang berkesan mempunyai pengetahuan mengenai subjek yang hendak diajar seperti menguasai konsep, teori, prinsip, fakta dan skema-skema dalam disiplin yang hendak diajar. Guru bertanggungjawab menyatakan fakta yang betul dan guru bertanggungjawab memahami isi-isi pengajaran sebelum disampaikan kepada para pelajar. Tambahan lagi, sikap guru memainkan peranan penting dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan. Guru yang mempunyai minat yang tinggi dalam pengajaran akan membangkitkan rasa ingin tahu pelajar. Minat guru akan diwujudkan dalam bidang profesion, rasa bertanggungjawab dan penyampaian yang menarik. Guru yang bermotivasi akan berusaha bagi memastikan keberkesanan dalam pengajaran mereka.



Terdapat dua jenis pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian ini iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah jantina, bidang pengkhususan, lokasi sekolah, umur dan pengalaman mengajar. Manakala pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah; (1) tahap ilmu pengetahuan guru; (2) tahap kemahiran mengajar; (3) tahap personaliti guru dan (4) tahap motivasi guru. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan 2 instrumen bagi mengkaji tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran tilawah al-Quran melalui soal selidik dan temubual. Rajah dibawah menunjukkan kerangka konseptual kajian:







*Rajah 1.2.* Konseptual Kajian Dalam Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan Tilawah al-Quran j-QAF: Modifikasi daripada Noor Azimah Surip (2012)

Kajian ini dilaksanakan di sekolah kebangsaan seluruh Malaysia yang telah melaksanakan program j-QAF mulai tahun 2005 sehingga tahun 2014. Jenis sekolah yang terlibat ialah sekolah kebangsaan sahaja dan tidak melibatkan sekolah jenis kebangsaan cina, tamil, sekolah pendidikan khas yang. Lokasi sekolah ini terletak di kawasan bandar dan luar bandar.

Penyelidik telah menyediakan 1 set instrumen soal selidik yang perlu dijawab oleh guru j-QAF. Daripada aspek sampel akan dipilih mewakili zon seramai 30 orang daripada setiap negeri. Daripada aspek populasi, batasan kajian ini melibatkan 480 orang guru j-QAF yang akan menjawab borang soal selidik bagi setiap zon. Selain itu, temu bual akan dilakukan bersama 14 orang guru j-QAF mewakili 13 buah negeri dan 3 wilayah persekutuan.



## 1.9 Kepentingan kajian

Hasil daripada kajian ini mampu menghuraikan tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF di Malaysia. Ianya diharapkan mampu menjadi panduan dalam memperbaiki dan memantapkan lagi pengajaran guru-guru j-QAF yang telah sedia ada dan menyelesaikan permasalahan yang timbul sepanjang program j-QAF tilawah al-Quran dilaksanakan.

Hasil kajian ini amat berguna kepada semua guru j-QAF dalam melakukan penilaian terhadap tahap kesediaan guru j-QAF dalam melaksanakan pengajaran tilawah al-Quran j-QAF. Oleh itu, guru j-QAF dapat merancang dan melaksanakan kaedah yang bersesuaian dan menarik demi mempertingkatkan tahap pencapaian tilawah al-Quran para pelajar. Hasil kajian ini juga diharapkan agar mampu menjadi panduan kepada guru j-QAF dalam mempertingkatkan personaliti sebagai seorang guru dan memperkasakan motivasi mampu menghasikan pengajaran yang berkesan kepada diri para pelajar.

Di peringkat sekolah, hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan program kecemerlangan staf seperti mengadakan kursus kepada guru-guru j-QAF. Hasil kajian ini dapat membantu pihak pentadbiran sekolah dalam mengenalpasti guru-guru j-QAF bagi mengikuti kursus-kursus yang akan dianjurkan oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Disamping mendedahkan kepada guru-guru j-QAF mengenai penyediaan bahan pengajaran yang sesuai supaya proses pengajaran dan pembelajaran j-QAF dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.





Manakala diperingkat Jabatan Pendidikan Negeri pula, hasil kajian ini diharapkan menjadi panduan bagi merancang strategi demi mempertingkatkan keberkesanan guru j-QAF di sekolah rendah. Penekanan yang lebih mendalam kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap perlu diberi perhatian bagi menghasilkan guru-guru j-QAF yang mempunyai kesediaan yang tinggi dalam pengajaran mereka.

Dapatan kajian ini amat penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia agar hasil kajian ini diharapkan menjadi kayu ukur kepada institusi-institusi yang bertanggungjawab seperti Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Guru Malaysia dalam melatih guru-guru pra perkhidmatan atau bakal-bakal guru perlu memastikan guru yang memasuki perkhidmatan perguruan benar-benar bersedia dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran serta menunjukkan personaliti yang positif serta motivasi yang tinggi terhadap profesion perguruan. Kajian ini amat berguna dan penting kepada para pensyarah di Universiti dan Institusi Pendidikan Guru Malaysia dalam memberikan ilmu pengetahuan yang mendalam serta kemahiran yang pelbagai, mendidik dan mencorakkan guru j-QAF menjadi guru yang mempunyai kesediaan yang tinggi khususnya dalam pengajaran tilawah al-Quran. Dapatan kajian ini boleh dijadikan satu panduan untuk merancang satu program yang holistik bagi memantapkan kaedah pengajaran program j-QAF amnya dan model tilawah al-Quran khasnya seperti mengadakan kursus jangka pendek dan jangka panjang bagi menyediakan guru-guru yang mampu menghasilkan pengajaran yang berkesan.





## 1.10 Batasan kajian

Kajian ini akan dilaksanakan di beberapa buah sekolah rendah di negeri Selangor yang telah melaksanakan program j-QAF mulai tahun 2005. Jenis sekolah yang terlibat ialah sekolah kebangsaan sahaja dan tidak melibatkan sekolah jenis kebangsaan cina, tamil, sekolah pendidikan khas yang. Lokasi sekolah ini terletak di kawasan bandar dan luar bandar di sekitar negeri selangor. Kajian ini dilaksanakan bagi melihat tahap kesediaan guru-guru j-QAF dalam pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran di sekolah rendah di Malaysia.

Daripada aspek persampelan, penyelidik telah membataskan kajian ini kepada guru-guru j-QAF yang mengajar model tilawah al-Quran sahaja di seluruh Malaysia.

Daripada aspek populasi, batasan kajian ini melibatkan 442 orang guru j-QAF yang akan menjawab borang soal selidik dan 14 orang guru j-QAF yang telah dijalankan temu bual berkaitan kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran tilawah al-Quran.

Kesimpulan kajian ini membataskan kepada beberapa batasan seperti berikut:

- i. Penyelidik akan mengkaji tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran program j-QAF tilawah al-Quran. Model lain seperti Pemulihan Jawi, penguasaan bahasa Arab dan fardu ain tidak difokuskan dalam kajian ini.
- ii. Kajian ini hanya melibatkan guru-guru j-QAF sahaja dan tidak melibatkan guru pendidikan Islam yang membantu dalam menjayakan program j-QAF tilawah al-Quran.
- iii. Kajian ini hanya memfokuskan mengenai kesediaan guru-guru j-QAF dalam pengajaran tilawah al-Quran yang dibataskan kepada item-item



yang dikemukakan dalam soal selidik yang diberikan kepada responden. Dapatan kajian ini bergantung kepada kejujuran responden untuk menjawab pernyataan-pernyataan yang dikemukakan dalam soal selidik.

## 1.11 Definisi operasi kajian

Definisi operasional bertujuan memperjelaskan maksud secara lebih terperinci. Berikut merupakan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini.

### 1.11.1 Kesiediaan Guru

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), kesiediaan bermaksud kesungguhan dan kesanggupan guru dalam melakukan sesuatu tugas. Menurut Ab. Halim & Khairul Azman Ajuhary (2010), menyatakan bahawa komponen asas guru Pendidikan Islam yang berkesan memerlukan kepada kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran, penguasaan ilmu pengetahuan, motivasi diri dan personaliti yang positif.

Menurut Amin Senin (2008), usaha-usaha bagi menjayakan pembangunan profesional di sekolah merupakan langkah permulaan yang kritikal seperti menyediakan persekitaran yang mendukung usaha tersebut, membina harapan dan komitmen baru, mempunyai matlamat ke arah menambahbaik sesuatu program bagi mencapai matlamat tersebut dan mendapatkan komitmen daripada semua pihak.

Menurut Omardin (1997), peningkatan tahap keyakinan diri, pengalaman dan kemahiran dalam kalangan guru akan melahirkan guru yang bersiap sedia untuk



melaksanakan tugas pengajaran dengan sebaik mungkin dan menghadapi suasana bilik yang sebenarnya.

### 1.11.2 Guru j-QAF

Penjawatan guru j-QAF telah diwujudkan berdasarkan unjuran dan keperluan. Bermula pada tahun 2005, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Guru telah melaksanakan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah secara Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) yang bertanggungjawab menyediakan guru terlatih secara berperingkat-peringkat dalam memberi sumbangan yang besar terhadap pelaksanaan program j-QAF di sekolah. Oleh itu, Bahagian Pendidikan Guru bertindak dalam melaksanakan tindakan-



tindakan berikut:

- a) Menyediakan kurikulum, model dan modul latihan guru
- b) Menguruskan pemilihan guru
- c) Melaksanakan latihan KPLI Mod LPBS di Institut Pendidikan Guru dan di sekolah.
- d) Menguruskan dan mengesahkan pensijilan guru
- e) Menyediakan bajet latihan.

Guru-guru ditempatkan di sekolah rendah sebagai Guru Dalam Latihan (GDL) dan seterusnya diberikan latihan formal semasa cuti sekolah dalam tempoh setahun enam bulan. Semasa dalam latihan, guru-guru j-QAF diajar serta dibimbing mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran secara teori dan amali





mengikuti modul-modul yang disediakan. Sebanyak 24 daripada 27 buah Institut Perguruan Malaysia telah dipilih untuk melaksanakan program j-QAF. Penglibatan pensyarah khususnya di Jabatan Pengajian Islam bukan sahaja berfungsi sebagai fasilitator dan berperanan sebagai key-personal bagi melatih bakal-bakal guru j-QAF dan guru pembimbing j-QAF (Ghazali Darussalam, 2007).

### 1.11.3 Pengajaran

Hasan Langgulung menyatakan bahawa pengajaran adalah proses pemindahan pengetahuan daripada seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan kepada orang yang belum mengetahui mengenai sesuatu ilmu. (Ramayulis 1989). Menurut Omardin Ashaari (1997), pengajaran meliputi perkara yang berkaitan dengan mengajar. Ianya termasuk kaedah yang digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, bahan bantu mengajar, isi pengajaran yang hendak disampaikan, kemahiran dan nilai yang hendak diserapkan serta perubahan tingkah laku yang diharapkan berlaku pada diri pelajar.

Menurut Hasbullah Abdul Rahman (2003), menyatakan bahawa pengajaran mata pelajaran pendidikan Islam bukan sahaja melibatkan penyampaian fakta atau pengetahuan dalam disiplin ilmu tetapi lebih memberikan perhatian kepada ‘amalan’ sebagai penghayatan kepada ilmu yang dipelajari. Guru memainkan peranan penting dalam menggabungkan aspek teori dan amali dan menekankan kepada pembentukan akhlak pelajar.





#### 1.11.4 Tilawah al-Quran

Ahmad Jamaluddin Ali (2012), al-Quran merupakan kalam Allah yang sekiranya seorang muslim itu berusaha dengan sepenuh tenaga dan fikirannya untuk membaca, menghafal, mempelajari dan mengamalkan al-Quran ianya dinilai oleh Allah s.w.t sebagai satu ibadah. Pembacaan al-Quran perlu dipergiatkan dalam kehidupan seharian seorang muslim.

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2004), definisi tilawah al-Quran ialah kebolehan atau kemahiran membaca al-Quran dengan baik. Tilawah al-Quran merupakan satu elemen yang terdapat dalam matapelajaran pendidikan Islam KBSR yang mempraktikkan kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran fasahah, tilawah bertajwid dan pembacaan secara *taawir* dan *tarwil*. Elemen tilawah al-Quran bukan sahaja diajar bagi memperbetulkan bacaan semata-mata tetapi tilawah al-Quran juga meliputi tilawah (bacaan), kefahaman, penghayatan dan amalan. Melalui pelaksanaan program j-QAF ini akan melahirkan lebih ramai pelajar yang mengkhatamkan al-Quran sebelum menjejakkan kaki ke sekolah menengah dengan menggunakan pendekatan Talaqi Musyafahah. (Mohd Aderi 2009). Dalam kajian ini pengkaji menumpukan kepada pengajaran Model tilawah al-Quran dalam kalangan guru j-QAF di sekolah rendah berdasarkan dua model iaitu Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik.

Model khatam al-Quran bertujuan memastikan murid di peringkat sekolah rendah telah mengkhatamkan al-Quran melalui pendekatan talaqi dan mushafahah secara kolaboratif bersama guru pendidikan Islam yang lain. Pelaksanaan model







khatam al-Quran memerlukan guru menyediakan dan merekod pencapaian bacaan murid. Manakala Model tasmik adalah program bimbingan dan merekod bacaan al-Quran murid secara individu agar murid dapat mengkhatamkan al-Quran semasa berada di sekolah kebangsaan (KPM, 2005). Menerusi Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik adalah bertujuan memastikan murid dapat mengkhatamkan al-Quran sebelum melangkah ke peringkat sekolah menengah melalui Model Tilawah al-Quran yang terdapat dalam mata pelajaran pendidikan

#### 1.11.4 Program j-QAF

Mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah diperkasakan lagi dengan kewujudan program j-QAF yang menekankan kepada pengajaran jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu yang mula dilaksanakan pada tahun 2005 secara berperingkat-peringkat di seluruh Malaysia. Program ini dilaksanakan dengan menggunakan model dan modul yang tersendiri serta menggunakan peruntukan jadual waktu yang sedia ada. Antara model yang terdapat dalam tilawah al-Quran ialah Model Tasmik, Model 6 bulan Khatam al-Quran, Asuhan Tilawah al-Quran dan Kem Literasi al-Quran.

#### 1.12 Penutup

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tilawah al-Quran Program j-QAF yang berperanan dalam menghasilkan pengajaran yang berkualiti. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan bagi melihat tahap kesediaan guru daripada segi ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi guru j-QAF dalam pengajaran Tilawah al-Quran.





## BAB 2

### ULASAN KEPUSTAKAAN



#### 2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai sejarah pengajaran tilawah al-Quran bermula daripada zaman Rasulullah s.a.w sehingga zaman saidina Uthman r.a yang telah memberi sumbangan besar dalam mewujudkan mashaf Rasm Uthmani. Disamping itu, bab ini akan menerangkan tentang beberapa perkara penting dalam pengajaran al-Quran seperti perkembangan pengajaran al-Quran di Malaysia, pelaksanaan model tilawah al-Quran melalui program j-QAF, kaedah pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran j-QAF, kerangka teori pengajaran al-Ghazali (t.th) dan KPM (2005), asas kesediaan guru j-QAF berkesan, adab mengajarkan al-Quran, serta kajian lepas.





## 2.2 Sejarah pengajaran al-Quran

Dalam bahagian ini, sejarah pengajaran al-Quran yang akan dibincangkan adalah pada zaman Rasulullah s.a.w dan zaman sahabat Rasulullah s.a.w serta sejarah perkembangan pengajaran al-Quran di Tanah Melayu.

### 2.2.1 Pengajaran al-Quran Zaman Rasulullah s.a.w

Sejarah pengajaran al-Quran bermula apabila Rasulullah s.a.w menerima wahyu yang pertama di Gua Hira daripada Jibrail a.s. Bacaan yang diajarkan oleh Jibrail a.s diikuti oleh Rasulullah s.a.w dan difahami oleh Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w menyampaikan pengajaran al-Quran dengan memberikan contoh dan menunjukkan cara mempraktikkan ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian. Rasulullah s.a.w melaksanakan pengajaran al-Quran dirumahnya sendiri yang dihadiri oleh ahli keluarga Rasulullah s.a.w dan para sahabat yang bertanya dan memohon penjelasan terhadap wahyu yang diturunkan oleh Allah s.w.t. Apabila telah ramai orang Arab memeluk agama Islam, rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam dijadikan tempat mengajarkan dan mempelajari perkara yang berkaitan al-Quran.

Disamping itu, rumah sahabat Rasulullah s.a.w dijadikan tempat belajar membaca al-Quran, asas-asas agama, tulisan serta bacaan al-Quran. Contohnya, tawanan Badar yang mengajar di rumah sahabat untuk beberapa anak orang Islam. Sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w juga sering kunjung-mengunjungi antara mereka dan berbincang mengenai al-Quran dan hukum-hukumnya. Disamping itu, pasar pada





zamal awal Islam atau sebelum penghijrahan ke Madinah. (Mohd Yusof Ahmad, 2015).

Disamping itu, masjid merupakan institusi utama yang menjadi pusat pendidikan al-Quran dalam tradisi Islam antaranya Masjid al-Nabawi, Masjid Quba' dan Masjid al-Ijabah, Masjid Bani 'Abd al-'Ash, Masjid Bani Harithah dan lain-lain lagi (Mohd Yusoff Ahmad, 2015). Perkembangan ini berlaku apabila Rasullullah s.a.w berhijrah ke bumi Madinah, rumah Rasullullah s.a.w dan Masjid Nabawi digunakan sebagai tempat pengajaran al-Quran. Pengajaran al-Quran ini dilaksanakan melalui kaedah penghafalan sehingga wujud ramai "huffaz" daripada kalangan sahabat baginda (Al-Buti 1991). Pengajaran al-Quran turut berlangsung di anjung Masjid al-Nabawi yang dikenali sebagai "suffah".



Ketika mashaf al-Quran masih lagi belum dibukukan, kebanyakan para sahabat Rasullullah s.a.w menghafal al-Quran. Rasullullah s.a.w telah melantik beberapa orang sahabat sebagai penulis wahyu. Antaranya ialah Abu Bakar al-Siddiq, Umar bin al-Khattab, Uthman bin Affan dan Ali bin Abi Talib. Sejak itu, Rasullallah s.a.w terus menyampaikan pendidikan al-Quran kepada pengikut-pengikutnya dengan dibantu oleh para sahabat yang menulis wahyu selama 10 tahun di Makkah. Perkembangan ini terus berlaku apabila Rasullullah s.a.w telah mengirinkan Mus'ab bin Umair bersama-sama dengan rombongan daripada Madinah sebagai pengajar al-Quran dan ilmu-ilmu yang berkaitan akidah Islam (Mohd Yusof Ahmad, 2015).

Wujud kebimbangan pada sahabat Rasullullah s.a.w seperti Umar dan Abu Bakar. Hasil perbincangan bersama Zaid bin Sabit, beliau bersetuju mengumpulkan





al-Quran daripada daun, pelepah kurma, batu, tanah keras, tulang unta atau kambing dan daripada ingatan sahabat yang menghafal al-Quran. Orang yang baru memeluk Islam mempelajari al-Quran melalui pembacaan ayat-ayat al-Quran dan kemudiannya dihafal. Kefahaman mengenai intisari ayat turut diajarkan dengan mengemukakan contoh beserta cara mengamalkan dalam kehidupan seharian (Zuhairini et. al. 2000).

Para sahabat mengajarkan al-Quran menggunakan dialek masing-masing. Maka wujudlah perselisihan dalam pembacaan al-Quran dan masing-masing ingin mempertahankan kebenaran. Perkara ini diketahui oleh Huzaifah al-Yamani ketika mengikuti pertempuran di Armenia dan Azerbaijan lantas segera berjumpa dengan khalifah Usman bin Affan. Tindakan yang diambil oleh khalifah Usman bin Affan ialah meminjam naskah al-Quran yang telah ditulis pada zaman Abu Bakar yang disimpan oleh Hafsa binti Umar. Panel penulisan al-Quran itu telah diketuai oleh Zaid bin Sabit, Abdullah bin Zubair dan Abdul Rahman bin Haris. Dalam usaha menulis kembali al-Quran, saidina Usman bin Affan menasihatkan agar mengambil rujukan daripada bacaan penghafal al-Quran dan sekiranya wujud pertikaian, maka haruslah ditulis menggunakan dialek suku Quraisy. Selepas itu, 5 buah mushaf al-Quran telah dihantar oleh khalifah masing-masing ke Makkah, Syiria, Basrah, Kufah dan satu dipegang oleh khalifah (Zuhairini et. al 2000).

Selepas itu, kaedah pengajaran al-Quran melalui hafalan digunakan pada zaman sahabat Rasulullah s.a.w agar al-Quran berkekalan. Kaedah hafalan merupakan kaedah yang penting dalam mempelajari al-Quran di zaman sahabat Rasulullah s.a.w . Kuttub merupakan tempat kanak-kanak yang telah mencapai umur





lima tahun untuk menghafal al-Quran yang berada di anjung-anjung masjid. Kemudian selepas menghafaz al-Quran, kanak-kanak tersebut akan ke masjid untuk menyambungkan pelajaran. Ini menunjukkan bahawa pengajaran al-Quran bukan sahaja melalui pembacaan sahaja malah ianya perlu dilakukan melalui aktiviti penghafalan (Mohd Yusuf Ahmad, 2000).

Suffah pula merupakan tempat yang bersambung dengan Masjid al-Nabawi di Madinah. Pada mulanya, Suffah adalah tempat untuk orang yang datang dari luar Madinah untuk belajar dengan Rasulullah s.a.w . Gelaran ahli Suffah diberikan kepada mereka yang duduk di situ. Penempatan ahli Suffah adalah di khemah-khemah sekitar dataran masjid. Ahli Suffah sentiasa bersedia menunggu arahan daripada Rasulullah s.a.w untuk melakukan sesuatu demi kepentingan agama dan negara Islam dan mereka sentiasa belajar dengan Rasulullah s.a.w .



Kesimpulannya, pendidikan al-Quran telah berkembang daripada awal penurunan wahyu kepada Rasulullah s.a.w . dan diajarkan kepada ahli keluarga dan sahabat Rasulullah s.a.w hinggalah pendidikan al-Quran ini tersebar di Madinah dan berkembang pesat melalui penyebaran dakwah para sahabat ke negara-negara di seluruh dunia. Perkembangan pendidikan al-Quran bergerak seiring dengan dakwah Islam melalui peranan yang dimainkan oleh generasi sahabat, tabi' dan tabi'in hinggalah kemunculan pendakwah besar daripada timur tengah. Ianya juga dibantu oleh kewujudan institusi pendidikan al-Quran seperti rumah sahabat, masjid, suffah dan sebagainya sehingga berkembang pesat ke arah pembinaan madrasah, perpustakaan dan universiti yang memberikan penekanan kepada pendidikan al-Quran. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa institusi pendidikan al-Quran



berkembangan daripada kecil-kecilan seperti rumah sahabat atau rumah guru al-Quran kepada institusi pendidikan yang besar.

### 2.2.2 Sejarah Pendidikan al-Quran di Tanah Melayu

Sebelum menghuraikan sejarah pendidikan al-Quran di Malaysia, asas kepada kurikulum al-Quran mempunyai perkaitan dengan kurikulum wajib (Pengajaran al-Quran, Hadis dan Feqah) yang diperkenalkan oleh Ibnu Shahnun. Pelaksanaan pengajaran al-Quran kepada kanak-kanak merupakan mata pelajaran utama di al-kuttab. Perkara ini memberikan kesan dalam pencapaian bacaan, hafazan serta kefahaman yang mendalam terhadap al-Quran (Gamal Nasir, 2002). Kesenambungan

itu, pendidikan Islam di tanah melayu berkembang dengan kedatangan Islam di Tanah Melayu. Kedatangan Islam di Tanah Melayu amat berkait rapat dengan aktiviti perdagangan dalam kalangan orang Arab dan Farsi yang menjalankan perniagaan. Hal ini disebabkan oleh kedudukan Tanah Melayu atau nusantara terletak dipertengahan persimpangan jalan laut antara negara Asia Barat (Arab dan Farsi), dengan India dan China. Pendidikan Islam telah wujud di Tanah Melayu sejak kurun ke 15 lagi. Ketika itu pendidikan Islam diajarkan di masjid dan surau (Ahmad Mohd Salleh, 1997).

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, institusi raja memainkan peranan penting dalam mengembangkan penyebaran Islam. Buktinya, sultan dan pembesar mempelajari cara-cara menunaikan solat dan bacaan dalam solat. Institusi raja menyediakan kemudahan pengajian di istana untuk belajar dengan ulama mengenai ajaran Islam. Perkembangan ini menjadikan istana sebagai pusat pengajian al-Quran

dan pusat penyebaran Islam. Seterusnya, rumah guru ataupun ulama dijadikan tempat mempelajari Islam yang dikunjungi oleh murid-murid yang ingin mempelajari ilmu al-Quran. Pengajaran al-Quran berlangsung di rumah guru al-Quran itu sendiri.

Pada zaman penjajahan, penyebaran Islam terus berkembang walaupun penjajah seperti Portugis dan Belanda tidak memberikan perhatian kepada pendidikan orang Islam. Namun begitu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan asas Islam serta pengetahuan Agama dijalankan tanpa campur tangan penjajah. Seterusnya, pembinaan pondok-pondok kecil yang berhampiran dengan rumah guru membantu pelajar-pelajar yang datang jauh untuk mempelajari ilmu agama (Ahmad Mohd Salleh, 2004). Kewujudan sekolah pondok yang bersistemkan pembelajaran berpusatkan madrasah, masjid atau rumah tuan guru, manakala murid mendirikan rumah-rumah kecil (pondok) di sekeliling madrasah atau rumah guru untuk belajar ilmu-ilmu agama atau ilmu al-Quran daripada tuan guru (Mohd Yusof Ahmad, 2015).

Antara perkara yang diajar adalah tajwid dan tafsir, ilmu agama seperti tauhid, feqah, tasawuf, hadith dan sejarah Islam. Perkembangan pendidikan Islam bertambah baik, apabila berlaku penghijrahan ulama-ulama daripada timur tengah pada kurun ke 18. Maka wujudlah “madrasah” yang memberi tumpuan kepada pendidikan yang bercorak Agama dan tidak mengenyepikan kemahiran-kemahiran keduniaan. Kedatangan penjajah Inggeris ke Tanah Melayu telah mewujudkan kesan negatif kepada sistem pendidikan Agama dengan mewujudkan pendidikan sekular dan mengikis pendidikan Agama secara halus. Pengajaran al-Quran dan Agama telah diabaikan dan daripada jadual rasmi sekolah dan diarahkan diajar pada waktu petang (Sayuti Mamat, 2001).





Pengajaran al-Quran yang dilaksanakan di masjid, surau, rumah dan madrasah yang bermatlamat menyenangkan dan memudahkan murid menerima ilmu yang hendak disampaikan oleh guru, membantu murid menyebut huruf dengan makhraj yang betul, membolehkan murid menyebut kalimah al-Quran dengan lancar serta memperkenalkan murid dengan asas ilmu seperti tafsir, tauhid dan hadith. Kesenambungan itu, perkembangan terus berlaku dengan kewujudan sekolah Agama atau madrasah yang berperanan dalam memberikan mendidik generasi al-Quran dan mengeluarkan guru-guru Agama. Sekolah agama wujud selepas penjajah Inggeris menubuhkan Sekolah Vernakular Melayu pada tahun 1856. Perasaan tidak puas hati dalam kalangan orang Melayu kerana tidak diberikan penekanan kepada mata pelajaran al-Quran. Hal ini menyebabkan kurangnya sambutan dalam kalangan masyarakat melayu menghantar anak-anak ke sekolah vernakular. Maka, pertumbuhan banyak sekolah di seluruh Tanah Melayu seperti di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Pulau Pinang (Mohd Yusof Ahmad, 2015).

Perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu berkembang melalui kedatangan Islam yang dibawa oleh faktor perdagangan, penghijrahan ulama daripada timur tengah, peranan yang dimainkan oleh institusi raja, pembinaan pondok, madrasah, surau, rumah guru membantu dalam memperkembangan pendidikan Islam di Islam di Tanah Melayu.



### 2.2.3 Pendidikan al-Quran selepas kemerdekaan

Sebelum merdeka, Ordinan Pelajaran 1952 telah memperuntukkan agar pelajaran Agama dimasukkan dalam kurikulum sekolah. Pelaksanaannya dilakukan di luar waktu persekolahan sebelah petang yang diajarkan oleh guru-guru yang dilantik oleh pihak berkuasa kerajaan negeri. Keadaan ini semakin baik selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pendidikan Agama diangkat setaraf dengan mata pelajaran yang lain, waktu pelajaran dimasukkan dalam jadual waktu rasmi dan segala pembiayaan pengajaran dan pembelajaran ditanggung oleh pihak kerajaan. Hasil daripada jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu “Penyata Razak” telah mengemukakan beberapa cadangan yang berkaitan dengan pendidikan Islam, jawatankuasa ini menyatakan:

“Kami cadangkan di dalam setiap sekolah yang mempunyai murid tidak kurang daripada 15 orang yang beragama Islam, pelajaran agama yang diberikan kepada mereka hendaklah ditanggung oleh belanja kerajaan”

Penyata Razak ini diperkemaskan dengan kewujudan “Penyata Rahman Talib” pada tahun 1960 yang memberi penekanan kepada aspek kewangan. Pengurusan kewangan di sekolah rendah dibiayai bersama oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Manakala pelaksanaan pengajaran di sekolah menengah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Penyata ini mencadangkan agar mata pelajaran Agama Islam berteraskan al-Quran diajarkan di sekolah rendah dan sekolah menengah selama 2 jam seminggu. Penyataan ini telah menjadi akta pelajaran 1961. Akta ini diteruskan dengan elemen al-Quran, hadith, tauhid, feqah dan sejarah dimasukkan dalam pendidikan Islam. Sejarah pendidikan Islam secara formal di sekolah bermula pada tahun 1962,



apabila mata pelajaran Agama Islam dimasukkan ke dalam jadual rasmi sekolah. Kurikulum Pendidikan Islam telah disemak semula oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang diterbitkan pada 1977 dan pendidikan Islam berdasarkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah dilaksanakan pada tahun 1982.

Penekanan pendidikan al-Quran melalui asuhan membaca al-Quran dalam sukatan pelajaran Agama. Dalam pelajaran ini murid dilatih mengenal dan menyebut huruf-huruf al-Quran dan menulisnya, seterusnya membaca ayat al-Quran daripada surah-surah pendek dalam Juzuk 'Amma. Disamping itu, murid-murid diberikan pengertian ayat-ayat yang telah dipelajari dan dikehendaki menghafal beberapa ayat pendek dan mengetahui maknanya. Aspek bacaan, kefahaman dan hafazan. Pada masa kini, tumpuan terhadap mata pelajaran pendidikan Islam dibahagikan kepada empat bidang iaitu asuhan tilawah al-Quran, bidang asas ulum syariah, bidang asas akhlak Islamiah dan pelajaran jawi. Dalam bidang Asuhan Tilawah al-Quran, terdapat tiga aspek yang diberi penekanan iaitu ayat-ayat untuk bacaan, ayat tilawah untuk kefahaman dan ayat tilawah untuk hafazan. (Amal Hayati, 2012).

Perkara yang perlu diberi penekanan oleh guru pendidikan Islam ialah membolehkan pelajar membaca ayat al-Quran dengan betul dan fasih, menghafaz ayat al-Quran dengan betul dan fasih serta memahami maksud surah-surah tertentu daripada juzu' 'Amma (juzu' 30) dan menghayati pengajaran yang telah disampaikan oleh guru. Dalam KBSR, pengajaran tajwid tidak diajarkan secara khusus tetapi penekanan lebih kepada pembacaan al-Quran dengan betul mengikut hukum tajwid (KPM, 2002). Objektif pengajaran dalam bidang Asuhan Tilawah al-Quran (KBSR) ialah murid dapat membaca surah-surah terpilih daripada juzu' 'Amma dengan betul





dan fasih serta memupuk minat membaca al-Quran dan menjadi amalan seharian. Murid juga dapat menghafaz ayat-ayat lazim yang terpilih untuk bacaan dalam solat dan ibadah harian serta memahami maksud beberapa surah yang dipelajari dan menghayati pengajaran ke arah menyakini al-Quran sebagai rujukan petunjuk Allah. (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR KPM 2002.)

Pendidikan Islam selepas kemerdekaan ditambahbaik oleh pihak berwajib melalui pengiktirafan mata pelajaran pendidikan Islam setaraf dengan mata pelajaran lain, dimasukkan dalam jadual waktu persekolahan, kos pendidikan dan sebagainya. Selain itu, penekanan terhadap elemen al-Quran diberikan perhatian melalui peruntukan masa yang lebih agar murid mampu membaca, memahami menghafal isi kandungan yang dipelajari dalam pendidikan Islam.



### **2.3 Tilawah Al-Quran dalam kurikulum kebangsaan**

Bidang tilawah al-Quran merupakan salah satu elemen yang terdapat dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Setiap pelajar Islam diwajibkan mempelajari mata pelajaran pendidikan Islam sejak di sekolah rendah lagi. Pengajaran tilawah al-Quran masih diteruskan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam walaupun selepas diperkenalkan program j-QAF. Ini adalah kerana tujuan Program j-QAF dilaksanakan adalah untuk memperkasakan pendidikan Islam yang sedia ada. Matlamat yang ingin dicapai dalam pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF adalah murid mampu menguasai bacaan al-Quran dan Khatam al-Quran sebelum menjejakkan kaki ke sekolah menengah. Dalam sukatan pengajaran tilawah al-Quran KBSR, aspek Khatam





al-Quran tidak ditekankan dan tanggungjawab ini diserahkan kepada masyarakat (KPM, 2005).

Bagi mencapai matlamat tersebut, terdapat dua model yang berkaitan dengan pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF dilaksanakan. Model tersebut ialah model Khatam al-Quran dan model Tasmik. Selain daripada model tersebut, pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF masih mengekalkan sukatan pelajaran asuhan tilawah al-Quran KBSR sedia ada. Terdapat juga modul Kem Literasi al-Quran bagi mengatasi masalah murid yang keciciran dalam penguasaan Iqra'. Model, kurikulum lanjutan dan modul ini dilaksanakan secara beransur-ansur hingga murid tersebut tamat tahun enam (Amal Hayati, 2012).



digariskan. Sehubungan itu, beberapa orang guru j-QAF ditempatkan berdasarkan nisbah murid di sesebuah kelas dan sekolah. Guru j-QAF bertanggung jawab membantu dan bersama-sama Guru Pendidikan Islam (GPI) mengajar tilawah al-Quran dalam kelas yang sama. Ini bermakna lebih daripada seorang guru yang mengajar tilawah al-Quran dalam sesuatu masa berbanding pelaksanaan sebelum ini hanya guru pendidikan Islam seorang sahaja yang akan mengajar tilawah al-Quran kepada 30 hingga 40 orang murid dalam sesebuah kelas (KPM, 2005).

Guru j-QAF adalah terdiri daripada graduan-graduan yang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah mod LPBS khusus untuk program j-QAF dibekalkan kepada sekolah untuk memberi bimbingan, pemulihan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan kepada murid. Pada asasnya program ini tidak mengubah





peruntukan waktu pendidikan Islam sedia ada, cuma kurikulumnya melalui proses penambahbaikan dan diperhalusi mengikut peringkat penguasaan murid (KPM, 2005).

Untuk mencapai hasrat membimbing murid sehingga Khatam al-Quran, pendekatan yang dianjurkan ialah menerusi kaedah talaqqi dan musyafahah iaitu satu kaedah pembelajaran secara bersemuka dengan guru bagi mendengar, membetulkan kesalahan dan menyebut semula dengan baik dan lancar. Sebelum wujudnya program j-QAF, kaedah talaqqi dan musyafahah ini telah digunapakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran Asuhan Tilawah Al-Quran kurikulum KBSR. Matlamat yang disasarkan menerusi program ini adalah agar murid dapat:

- i. Menyebut bunyi huruf hijaiyah yang berbaris dengan tepat.
- ii. Membezakan panjang / pendek sebutan huruf.
- iii. Membaca dengan betul dan fasih.
- iv. Yakin dan berani mencuba di hadapan guru.



Prinsip yang diberi penekanan menerusi kaedah talaqqi dan *musyafahah* ialah mengutamakan sebutan dan bacaan yang tepat, memerhati pergerakan mulut guru secara berdepan (bersemuka), menyebut (mengikut) cara sebutan guru dan penguasaan kemahiran membaca al-Quran yang baik oleh guru yang mengajar. Antara ciri-ciri yang mendasari pelaksanaan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* menerusi program j-QAF ini ialah:

- i. Disampaikan secara individu dan kumpulan.
- ii. Pembimbing perlu menguasai kemahiran yang baik
- iii. Perlu penglibatan murid yang aktif.
- iv. Pembelajaran boleh dijalankan dalam kelas atau di luar kelas.





v. Perlu ada teks.

Pengajaran dan pembelajaran boleh dimulakan dengan mencungkil pengetahuan sedia ada murid. Guru atau pembimbing pula perlu peka dan sentiasa membetulkan kesalahan sebutan murid dengan memberi penerangan dan penjelasan. Selain itu guru juga boleh memperdengarkan bacaannya ataupun menerusi pita rakaman bagi menarik perhatian murid. Bacaan murid juga boleh dirakam dan diperdengarkan semula untuk tujuan perbincangan di antara murid-murid dan guru. Untuk pembelajaran yang lebih berkesan guru boleh membahagi murid mengikut kebolehan membaca. Langkah ini bertujuan memudahkan guru untuk membuat perancangan bagi mengatasi kelemahan dan menambah kekuatan yang ada pada setiap murid. Guru juga boleh menggunakan alat bantuan seperti carta surah, kad imbasan yang mengandungi hukum tajwid dan sebagainya untuk menarik minat murid.

Bahan-bahan asas yang disediakan dalam pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF ini adalah Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan pengurusan Kurikulum dan KoKurikulum program j-QAF, buku panduan pelaksanaan model-model pengajaran j-QAF. Selain itu, turut dibekalkan juga mushaf al-Quran, buku dan CD Iqra', Buku Rekod Bacaan, perisian komputer bagi pengajaran tilawah al-Quran, tafsir al-Quran, makmal j-QAF atau bilik khas j-QAF dan peralatan ICT. Bahan-bahan ini amat diperlukan bagi pengukuhan dan pengayaan pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF supaya keberkesanannya berterusan.



Kesimpulannya, pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF ini menjurus kepada aspek Khatam al-Quran melalui penambahan guru al-Quran j-QAF dan penekanan dan perhatian yang lebih kepada kemahiran bacaan al-Quran. Oleh itu, bagi melaksanakan pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF perlu menggunakan model, kurikulum lanjutan, dan modul yang tersendiri iaitu:

### 2.3.1 Model Khatam al-Quran

Model Khatam al-Quran ialah program yang menumpukan kepada penguasaan kemahiran membaca al-Quran pada enam bulan pertama tahun satu dan aspek Khatam al-Quran pada enam bulan pertama tahun dua hingga enam. Kumpulan sasarannya adalah semua murid yang beragama Islam tahun satu hingga tahun 6. Objektif yang

digariskan bagi model 6 Bulan Khatam al-Quran ini ialah:

- i. Murid dapat membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid.
- ii. Murid dapat menghabiskan bacaan al-Quran sebanyak 30 juzuk.

Terdapat beberapa strategi pelaksanaan yang digunakan dalam model ini. Dari segi tempoh pelaksanaannya, murid tahun 1 hingga tahun 6 akan mengikuti Model 6 Bulan Khatam al-Quran selama enam bulan pertama setiap tahun iaitu bermula daripada bulan Januari hingga bulan Jun. Bagi bulan-bulan yang berikutnya mereka akan mengikuti kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan sukatan pelajaran sedia ada.

Pengajaran dan pembelajaran pada tahun satu berfokus kepada penguasaan kemahiran membaca al-Quran selama 6 bulan (20 minggu pengajaran dan





pembelajaran) mulai Januari hingga Jun dengan peruntukan masa empat kali seminggu. Pada enam bulan berikutnya mulai Julai hingga Disember peruntukan waktu Tilawah Al-Quran ialah tiga waktu seminggu.

Manakala pengajaran dan pembelajaran pada tahun dua hingga tahun enam berfokus kepada Khatam al-Quran selama 6 bulan (20 minggu pengajaran dan pembelajaran) mulai Januari hingga Jun dengan peruntukan masa empat kali seminggu. Pada enam bulan berikutnya, mulai Julai hingga Disember peruntukan waktu Tilawah Al-Quran ialah dua waktu seminggu dengan peruntukan empat waktu (120 minit) daripada enam waktu mata pelajaran Pendidikan Islam seminggu bagi pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran.



pada enam bulan pertama adalah dengan menggunakan buku Iqra 1 hingga 6 dengan berdasarkan Agihan Bacaan Iqra' Model 6 Bulan Khatam al-Quran. Proses ini bermula dengan penentuan tahap pencapaian murid melalui satu ujian ringkas untuk tujuan diagnostik. Ujian ini boleh dilakukan dengan menggunakan instrumen yang disediakan oleh pihak sekolah.

Berdasarkan hasil ujian guru membahagikan murid kepada beberapa kelompok mengikut tahap kebolehan masing-masing. Bagi murid yang belum membaca Iqra' dimulakan dengan Iqra' 1 manakala murid yang telah membaca Iqra' dan menguasainya mereka menyambung bacaan pada buku Iqra' yang seterusnya. Murid-murid yang telah menguasai bacaan al-Quran boleh meneruskan dengan





aktiviti Khatam al-Quran. Murid yang telah Khatam al-Quran akan mengulangi bacaan untuk tujuan peningkatan bacaan al-Quran.

Pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara individu dengan menggunakan pendekatan *talaqqi* dan *musyafahah*. Proses *talaqqi* dan *musyafahah* dalam kelas dikendalikan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) dan 3 orang guru j-QAF. Proses ini dilakukan secara langsung oleh guru untuk setiap murid. Untuk membolehkan murid Khatam al-Quran guru hendaklah menetapkan target minimum lima minit masa bacaan untuk setiap murid bagi setiap waktu PDP. Bagi kelas yang ramai murid target sukar dicapai, oleh itu guru boleh meminta dua orang murid yang berkebolehan membaca secara serentak.



adalah dengan membaca al-Quran menggunakan mushaf Rasm Uthmani. Setiap murid membaca al-Quran mengikut kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*. Guru perlu merekodkan bacaan setiap murid di dalam Buku Rekod Bacaan Al-Quran masing-masing yang dibekalkan oleh KPM. Murid yang tidak menguasai bacaan al-Quran hendaklah meneruskan pembelajaran dengan menggunakan kaedah Iqra' atau meneruskan bacaan al-Quran mengikut kesesuaian. Aktiviti pemulihan seperti kelas pemulihan atau kem literasi al-Quran perlu diadakan kepada murid yang tidak dapat membaca (ummi) al-Quran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi Model 6 Bulan Khatam al-Quran menekankan penggunaan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*. Kaedah ini dilaksanakan melalui proses berikut:





- i. Murid mendengar bacaan contoh dari guru.
- ii. Murid membaca dengan bimbingan guru Pendidikan Islam (PI), guru j-QAF dan murid turus.
- iii. Guru PI, guru j-QAF dan murid turus membetulkan bacaan murid.
- iv. Guru PI, guru j-QAF dan murid turus mengesahkan bacaan murid dengan memberi pujian.

Dalam sepanjang pelaksanaan proses PdP Guru Pendidikan Islam dan guru j-QAF mempunyai tanggung jawab yang tersendiri. Guru Pendidikan Islam bertanggungjawab membimbing guru j-QAF dalam melaksanakan PdP, menyelaraskan PDP dalam bilik darjah, memastikan setiap murid memiliki Buku Rekod Bacaan Al-Quran dan bersama guru j-QAF membuat pengesahan bacaan setiap murid seminggu sekali dalam Buku Rekod Bacaan al-Quran.

Manakala guru j-QAF bertanggungjawab bersama guru Pendidikan Islam membahagikan murid-murid kepada beberapa kelompok mengikut tahap penguasaan bacaan, membantu dan membimbing murid secara individu, mencatat bacaan murid dalam Buku Rekod Bacaan Al-Quran mengikut kelompok masing-masing, mengenal pasti kelemahan murid dan membuat catatan dalam Buku Rekod Mengajar dan membuat laporan pencapaian murid sebanyak dua kali setahun iaitu pada bulan julai dan oktober.

Selain itu, pihak pentadbir sekolah perlu memastikan pelaksanaan PDP oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) menggunakan kaedah talaqi dan musyafahah dipatuhi. Guru tidak dibenarkan menjadi guru ganti pada waktu PDP kolaboratif berlangsung.



Sekiranya salah seorang guru tiada di sekolah, pihak pentadbir perlu menyediakan guru ganti pada waktu PDP kolaboratif tersebut. Guru dikehendaki menyediakan dan mencatat rekod pencapaian bacaan murid serta boleh dikemukakan apabila diminta.

Kesimpulannya, pelaksanaan Model Khatam al-Quran sentiasa ditambah baik bagi memastikan proses pengajaran dan penguasaan bacaan al-Quran murid dapat dipertingkatkan. Fokus utama guru Pendidikan Islam memastikan murid dapat membaca al-Quran sehingga mengkhatamkan al-Quran.

### 2.3.2 Model Tasmik

Model Tasmik ialah satu program membimbing dan merekod perkembangan bacaan al-Quran murid secara individu berdasarkan program yang diatur bagi membolehkan murid Khatam al-Quran semasa berada di Sekolah Kebangsaan. Ia dilaksanakan di luar jadual waktu sekolah. Objektif Model Tasmik ialah murid dapat membaca al-Quran dengan bertajwid dan dapat mengkhatamkan bacaan al-Quran 30 juzuk. Kumpulan sasarannya adalah semua murid yang beragama Islam tahun satu hingga tahun 6 sekolah rendah.

Strategi Pelaksanaan Model Tasmik adalah semua murid hendaklah menggunakan al-Quran rasm Uthmani yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran. Setiap murid perlu mempunyai guru tasmik yang dilantik oleh pihak sekolah. Guru tasmik terdiri daripada Guru Pelatih j-QAF. Pihak sekolah boleh melantik guru Pendidikan Islam dan guru akademik yang berkebolehan al-Quran untuk terlibat



dalam program ini. Murid yang telah Khatam al-Quran boleh jadi pembantu kepada guru pembimbing.

Guru tasmik hendaklah membimbing bacaan dan merekod bacaan murid dalam Buku Rekod Bacaan setiap kali ditasmik. Murid yang masih tidak dapat membaca al-Quran perlu dibimbing secara berterusan menggunakan kaedah dan aktiviti yang sesuai seperti Kem Literasi Al-Quran, kelas tambahan dan sebagainya oleh guru j-QAF dan Guru Pendidikan Islam.

Setiap murid mesti memiliki Buku Rekod Bacaan al-Quran yang disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Guru j-QAF hendaklah menilai dan mengesahkan pencapaian murid sekurang-kurangnya sekali seminggu dalam Buku Rekod bacaan. Guru j-QAF hendaklah memastikan murid-murid mendapat bimbingan dari guru pembimbing sebelum penilaian dilaksanakan. Murid-murid yang cemerlang boleh meneruskan bacaan tanpa terikat dengan agihan juzuk yang dicadangkan.

Bagi melaksanakan agihan yang dicadangkan, murid digalakkan membaca al-Quran setiap hari supaya mereka dapat memberi tumpuan kepada kualiti bacaan. Ini penting terutama bagi murid yang belum menguasai bacaan. Murid boleh membaca dan tasmik bacaan al-Quran pada masa-masa yang sesuai (luar jadual waktu) seperti:

- i. Waktu pagi bagi sekolah sesi petang.
- ii. Waktu petang bagi sekolah sesi pagi.
- iii. Waktu Ko-kurikulum



Guru Tasmik bertanggungjawab membimbing murid sehingga Khatam al-Quran, mencatat setiap kali bacaan murid dalam Buku Rekod Bacaan, mengenal pasti kelemahan dan membuat pemulihan dan mengambil langkah-langkah menyelesaikan masalah yang timbul. Guru Pendidikan Islam hendaklah memastikan murid mendapat bimbingan daripada guru pembimbing sebelum penilaian dilaksanakan. Murid yang cemerlang dibolehkan meneruskan bacaan tanpa terikat kepada agihan juzuk yang dicadangkan. Murid digalakkan membaca al-Quran setiap hari sama ada di rumah atau di sekolah supaya mereka tidak membaca banyak ayat al-Quran pada satu waktu dan membolehkan penumpuan yang lebih terhadap kualiti bacaan.

Pengisian tasmik meliputi penggunaan Iqra bagi murid yang belum menguasai al-Quran, penggunaan al-Quran yang mempunyai konsep tajwid berwarna, meneruskan bacaan, sukatan dan merekod bacaan murid, meneruskan tadarus setelah murid selesai khatam al-Quran. Setiap kelas diperuntukkan dua waktu tasmik dan dikira waktu mengajar rasmi guru. Oleh itu, penyediaan Rancangan Pengajaran Harian perlu disediakan dalam pelaksanaan Model Tasmik. Sekiranya terdapat guru yang tidak hadir ke sekolah, pentadbir sekolah perlu menyediakan guru ganti pada waktu PdP kolaboratif tersebut.

Secara keseluruhannya pelaksanaan Model Tasmik terus berkembang dan dimantapkan lagi dengan pelaksanaan di dalam waktu persekolahan. Namun begitu, pelaksanaannya memerlukan kerjasama daripada semua pihak terutamanya guru pendidikan Islam dan pentadbir sekolah untuk memastikan model ini berjaya dilaksanakan.



### 2.3.3 Asuhan tilawah al-Quran

Asuhan Tilawah al-Quran adalah salah satu bidang dalam Kurikulum Pendidikan Islam KBSR yang masih digunakan dalam program j-QAF. Walaupun matlamatnya sebelum ini tidak menekankan pembelajaran sehingga Khatam al-Quran. Ia diajar pada enam bulan kedua iaitu bermula dari Julai hingga Disember setiap tahun. Sukatan dan surah-surah yang berbeza diajar kepada murid mengikut tahun. Objektif yang ingin dicapai di akhir PDP asuhan tilawah al-Quran adalah murid boleh;

- i. Membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul dan fasih.
- ii. Menghafaz ayat-ayat al-Quran tertentu dengan betul dan fasih.
- iii. Memahami pengertian surah-surah tertentu daripada juzu' 'Amma (juzu' 30) dan menghayati pengajarannya.



Bagi komponen tilawah al-Quran, mengandungi ayat untuk tilawah, sebahagian untuk kefahaman dan sebahagian lagi untuk hafazan. Ini menunjukkan bidang ini memberi tumpuan kepada tiga kemahiran murid iaitu bacaan, kefahaman dan hafazan. Ayat al-Quran dipilih berdasarkan tema tertentu berkaitan dengan kehidupan murid atau yang perlu untuk kefahaman, amalan dan pembentukan akhlak.

Namun apa yang penting ialah tilawah al-Quran KBSR tidak bermaksud mengajar ilmu tajwid secara khusus, tumpuan pengajaran ialah kepada tilawah al-Quran dengan bacaan yang betul berdasarkan hukum tajwid (KPM,2002). Di peringkat aras satu, pengajaran masih menyentuh aspek sebutan kalimah dan keratan





ayat sebagai meraikan golongan murid yang lemah yang didapati antara dua puluh hingga tiga puluh peratus.

Peruntukan masa pengajaran Asuhan Tilawah Al-Quran ialah tiga waktu untuk tahun satu dan dua waktu untuk tahun dua hingga tahun enam. Pihak pentadbir sekolah hendaklah memasukkannya ke dalam jadual waktu sesuai mengikut bilangan waktu berdasarkan bilangan waktu mengajar enam bulan kedua supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur. Pelajaran al-Quran mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan mata pelajaran lain kerana ia mempunyai perkara-perkara berikut:

- i. Kemahiran Lisan;
- ii. Aspek kelancaran bacaan;
- iii. Penguasaan kemahiran fasahah;
- iv. Penguasaan kemahiran tilawah bertajwid;
- v. Kemahiran bacaan, seperti tadwir dan tartil;
- vi. Kefahaman teks;
- vii. Hafazan teks;
- viii. Amalan atau aplikasi;
- ix. Penghayatan
- x. Amalan adab-adab berkaitan al-Quran







### 2.3.4 Kem Literasi al-Quran

Kem Literasi Al-Quran adalah aktiviti pemulihan bacaan al-Quran melalui pendekatan kaedah Iqra' kepada murid-murid yang mengikuti program j-QAF di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia yang masih belum menguasai Iqra' satu hingga Iqra' tiga. Matlamat kem ini adalah semua murid yang mengikuti kem ini dapat mencapai sekurang-kurangnya Iqra' 4 dan akan meneruskan bacaan ke tahap yang berikutnya.

Tenaga penggerak Kem Literasi Al-Quran adalah terdiri daripada semua guru j-QAF yang juga merupakan guru pembimbing tasmik. Guru Pendidikan Islam yang lain juga turut digalakkan membantu pelaksanaan Kem Literasi Al-Quran. Murid boleh digunakan sekiranya perlu. Kem Literasi al-Quran dicadangkan dilaksanakan selama 16 jam iaitu setiap 1 jam sebelum atau selepas waktu tasmik. 10 jam dicadangkan untuk buku Iqra' 1 dan 2, manakala 6 jam untuk buku Iqra' 3. Jawatkuasa Pelaksana perlu dilantik disertakan dengan Aliran Kerja Pelaksana bagi melancarkan perjalanan kem yang dilaksanakan.

Modul Pelaksanaan Kem Literasi Al-Quran adalah dengan menggunakan Modul Inovasi Iqra'. Modul ini adalah muka surat-muka surat cadangan yang diambil daripada buku Iqra'. Ia memudahkan murid untuk menguasainya kerana tidak banyak mukasurat yang perlu dikuasai. Modul Inovasi Iqra' adalah seperti dalam jadual 2.1 seperti berikut:



Jadual 2.1

*Modul Inovasi Iqra'*

<b>Buku Iqra'</b>	<b>Muka Surat</b>	<b>Jumlah m/s</b>
1	3,6,9,12,15,19, 21, 25, dan 30	9
2	1, 4, 5, 6, 8, 10, 14, 17, 21, 25 dan 30	11
3	1, 2, 3, 6, 8, 10, 14, 18, 19, 22, 25 dan 30	12
4	3, 5, 7, 9, 11, 14, 16, 18, 21, 25, dan 30	11
5	1, 3, 6, 7, 9, 10, 11, 12, 15, 18, 20, 22, 25, 28 dan 30	15
6	1, 6, 7, 11, 15, 19, 22, 23, 25 dan 27	10
Jumlah Muka Surat Keseluruhannya		68

Muka surat modul ini hendaklah merujuk kepada buku Iqra' yang dibekalkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia. Semua peserta hendaklah sekurang-kurangnya melepasi Iqra' 4. Peserta yang melepasi Iqra' 4 hendaklah diteruskan pencapaian sehingga Iqra' 6. LDK peserta bermula daripada tahap bacaan masing-masing sebelum kem (muka surat murid). Guru meneruskan bimbingan mengikut modul yang disediakan.

Kem Literasi Al-Quran perlu menggunakan borang rekod pencapaian Iqra' yang disediakan untuk tujuan merekod pencapaian murid. Semua rekod bacaan hendaklah dikemaskini dan disimpan di dalam fail khas Kem Literasi Al-Quran untuk tujuan rujukan. Analisa pencapaian hendaklah diserahkan kepada penyelaras Kem selepas tamat tempoh pelaksanaan sekiranya perlu.



## 2.4 Kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran Program j-QAF

Menurut Ahmad Mohd Salleh (2003), kaedah merupakan satu perancangan yang sistematik untuk menyampaikan bahan pengajaran. Ianya merupakan satu prosedur melakukan sesuatu berasaskan tanggapan-tanggapan asas yang dibina melalui pendekatan. Sesuatu pendekatan memungkinkan beberapa kaedah. Ia juga merupakan langkah-langkah atau peringkat-peringkat pengajaran yang tersusun rapi dan kesinambungan yang harus diikuti untuk mencapai sesuatu pelajaran. Antara kaedah yang digunakan dalam pengajaran program j-QAF ialah;

### 2.4.1 Kaedah Talaqqi Musyafahah

Melalui kaedah ini murid akan mendengar bacaan guru sambil memerhati pergerakan bibir guru. Kemudian murid membaca dan guru akan membetulkan bacaan murid secara terus. Cara ini akan menjadikan proses pembelajaran berjalan dengan lancar kerana murid dapat terus memahami apa yang telah dipelajari.

### 2.4.2 Kaedah TIKRAR (Ulangan)

Kaedah ini boleh disamakan dengan teknik latih tubi. Pendekatan kaedah ini adalah dengan melakukan pembacaan dan mengingat secara berulang kali contohnya, selepas guru membaca murid akan mengikut bacaan guru. Kemudian seorang murid membaca diikuti oleh murid-murid yang lain berulang kali sehingga murid mampu menyebutnya. Bagi menjadikan kaedah ini lebih berkesan, hendaklah dilakukan secara berturutan dan berulang kali. Latih tubi merupakan pengulangan ilmu-ilmu





yang dipelajari. Antara tujuannya ialah mencari taraf penguasaan kemahiran, menjamin pengekalannya sesuatu ilmu. Sebelum menghafaz ayat-ayat tertentu, murid perlu membuat bacaan ayat yang telah dihafaz berulang kali secara individu mahupun beramai (Misnan Jemali et. al. 2012). Ianya digunakan pada peringkat awal kaedah hafalan (Ghazali Darusalam, 2004). Kaedah tiktirar membantu murid dalam melancarkan bacaan dan menguatkan ingatan murid untuk menghafal sesuatu ayat mahupun surah yang terdapat dalam al-Quran.

### 2.4.3 Kaedah Tasmik

Kaedah ini dipraktikkan dalam Tilawah al-Quran untuk menguji bacaan murid yang telah mahir dalam pembacaan al-Quran. Antara kekuatan kaedah ini ialah guru dapat membetulkan bacaan murid dengan cepat, guru dapat memastikan murid tidak melakukan kesilapan, guru dapat mengenal pasti tahap sebenar kebolehan murid dan guru dapat mendisiplinkan murid dengan baik. Kaedah ini dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada bacaan al-Quran murid. Namun bilangan murid dalam proses tasmik tidak boleh terlalu ramai kerana akan menyebabkan kawalan dan pengawasan guru terganggu.

### 2.4.4 Kaedah Kuliah / Syarahan

Kaedah kuliah atau syarahan yang bersifat satu hala melibatkan guru dalam memberikan huraian, penjelasan serta penerangan. Pengajaran secara kuliah bertujuan menyampaikan sesuatu kepada pelajar supaya ianya dapat merangsang, menjelaskan, dan membuat rumusan pelajaran dan ulangkaji, mengembangkan isi pengajaran dan





menyampaikan maklumat yang telah dirancang. Kaedah kuliah amat sesuai digunakan oleh guru dalam menyampaikan teori atau isi ilmu yang berkaitan dengan hukum-hukum tajwid secara terperinci dan melibatkan bilangan murid yang ramai dalam satu-satu masa.

#### **2.4.5 Halaqah atau Berkumpulan**

Kaedah halaqah ialah murid-murid mengelilingi guru dalam keadaan separa bulatan untuk mendengar syarahan guru. Tokoh ilmunan Islam seperti Imam Syafie, Imam Malik dan Imam al-Ghazali yang turut menggunakan kaedah halaqah dalam proses. Buktinya, Imam Syafie menggunakan kaedah halaqah semasa pengajaran di sebuah masjid di sebelah barat Kota Baghdad yang dihadiri oleh para ulama, cendiakiawan dan pegawai kerajaan. Kaedah halaqah digunakan oleh Imam Malik dalam mendekati para pemimpin ketika menyampaikan pengajaran. Rasullullah s.a.w bersila di dalam masjid yang dikelilingi oleh umat Islam (Misnan Jemali, 2012). Kemudian, Rasullullah s.a.w membaca ayat al-Quran sebanyak tiga kali dan umat Islam mengelilingi Rasullullah s.a.w serta bertanyakan sesuatu yang berkaitan dengan ajaran al-Quran dan hadis (Ghazali Darusalam, 2004). Berdasarkan pandangan al-Qabisi (1994), pengajaran al-Quran secara berkumpulan tidak dapat mendedahkan kelemahan pelajar kerana pelajar berkelainan dari segi kemampuan. Beliau mencadangkan agar guru al-Quran menggunakan dua teknik iaitu guru perlu memulakan pengajaran dengan menulis ayat al-Quran di papan tulis, seterusnya pelajar membaca apa yang ditulis tersebut. Peranan guru ialah menunjukkan tempat kesilapan bacaan al-Quran pelajar dan berperanan dalam meninjau kekuatan dan kelemahan bacaan al-Quran pelajar.





#### 2.4.6 Imla' atau Penulisan

Para ulama di zaman dahulu kaedah menulis terlebih dahulu sebelum membacanya. Imam Malik menggunakan kaedah penulisan dalam pengajaran beliau melalui dua bidang penulisan iaitu penulisan kitab dan surat. Kaedah Imla' merupakan kaedah yang digunakan oleh Imam Syafie dalam menyusun kitab al-Umm. Imam Syafie meminta muridnya mengimlak kandungan kitab-kitab lama dan kitabnya sendiri (Misnan Jemali, 2012). Manakala, menurut Ghazali Darusalam (2004), kaedah hafalan dimulakan kemudian penggunaan kaedah imla' berlaku selepas kertas dan tulisan dihasilkan. Guru berperanan dalam mengatur setiap huruf yang dilafazkan dan murid mencatatkan perkataan yang didengarinya (Ghazali Darusalam, 2004). Kaedah imla' memerlukan murid menghafal ayat al-Quran sebelum kaedah menulis dilakukan



#### 2.4.7 Membaca Ayat dan Surah Secara Tartil

Pendekatan ini menekankan kaedah bacaan secara kelas atau melibatkan murid dalam satu kelas. Disamping itu, kaedah ulangan diselitkan ketika guru membaca al-Quran secara bertajwid dengan betul, seterusnya diikuti oleh pelajar beramai-ramai. Kemudian guru memilih beberapa orang murid melakukan bacaan secara individu (Kamarul Azmi et. al. 2010). Kaedah ini boleh dilaksanakan oleh guru dalam mengendalikan sesebuah kelas melalui kawalan dan pemantauan bacaan al-Quran terhadap murid.





### 2.4.8 Mendengar Bacaan Rakaman

Penggunaan bacaan rakaman kaset qari-qari yang dengang penggunaan tajwid yang betul. Bahan bantu mengajar dapat mengukuhkan teknik pengajaran melalui mendengar bacaan rakaman. Teknik ini dapat dimantap lagi dengan menggunakan bacaan dari audio visual seperti panduan atau model kepada pelajar (Kamarul Azmi et. al. 2010).

### 2.4.9 Membaca Secara Senyap

Teknik ini diaplikasikan sebelum pengajaran al-Quran bermula. Guru memberi peluang kepada murid dalam beberapa minit untuk membaca secara senyap dan mencari kalimah yang sukar atau menjadi masalah untuk disebut sebelum menyemaknya dengan bacaan guru atau audio visual. Teknik ini memberikan peluang kepada murid untuk meneliti ayat al-Quran atau membuat persediaan awal murid sebelum proses pembelajaran al-Quran (Kamarul Azmi et. al. 2010). Kaedah ini memberikan peluang kepada murid membaca terlebih dahulu dan mengenalpasti kalimah yang susah disebut agar penumpuan yang lebih terhadap tersebut dapat dilakukan.

### 2.4.10 Membaca Mengikut Nombor Ayat

Kaedah ini memerlukan guru mengaplikasikan teknik al-Jahar dengan guru menyuruh setiap murid membaca ayat secara berganti-ganti. Kaedah ini digabungkan dengan teknik pengulangan dapat membantu murid melancarkan sebutan dan hukum tajwid





(Kamarul Azmi et. al. 2010). Kaedah ini memberikan suasana pembelajaran yang aktif dan murid akan lebih peka terhadap bacaan al-Quran murid lain.

#### **2.4.11 Membaca Tidak Mengikut Susunan Nombor**

Kaedah ini mampu membantu guru memerhatikan penumpuan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran. Contohnya, guru akan memilih seorang murid untuk membaca ayat yang pertama kemudian memilih seorang murid lain untuk membaca al-Quran untuk membaca ayat seterusnya.

#### **2.4.12 Memerhati serta menyebut kalimah baru**

Penggunaan kalimah yang baru atau jarang didengari mampu meningkatkan kefasihan dan kelancaran murid dalam pembacaan al-Quran. Antara tujuannya ialah murid dapat membuat perbezaan kalimah yang berlainan hukum khususnya dalam sebutan makhraj atau hukum tajwid yang betul (Kamarul Azmi et. al. 2010).

Ibnu Sahnun mencadangkan agar guru yang mengajarkan al-Quran perlu menerapkan ilmu i'rab al-Quran seperti baris (al-syaki), mengeja (al-hija), tulisan indah (kaligrafi), bacaan yang baik, waqaf (cara berhenti), tartil (bacaan dengan bertajwid). Disamping itu, guru tidak membaca al-Quran dengan menyalahi tajwid. Antara kaedah yang dicadangkan oleh Ibnu Sahnun adalah guru tidak boleh memindahkan bacaan al-Quran murid dari satu surah ke surah yang lain sehingga mereka menguasai bacaan surah dengan bertajwid, mengulangi sehingga dihafal atau







menulis beberapa ayat yang ditentukan pada papan putih atau buku dan menghafalnya (Gamal Nasir, 2002).

#### 2.4.13 Kaedah Talqin

Kaedah pembelajaran al-Quran menggunakan pendekatan hafazan memerlukan kepada pelajar untuk mengulangi setiap satu ayat yang telah disebutkan oleh guru sehingga dapat menghafaz dan mengingati ayat tersebut. Pada peringkat tersebut, guru tidak perlu menghuraikan maksud ayat al-Quran yang telah dihafaz oleh pelajar kerana ketidakmampuan pelajar memahaminya. Kaedah ini tidak selari dengan teknik yang mementingkan kepada kefahaman bagi memudahkan proses hafazan al-Quran. mencadangkan agar pelajar mengulangi apa yang dihafaz agar tidak hilang daripada



Kesimpulannya, terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan oleh guru pendidikan Islam dan guru j-QAF dalam pengajaran al-Quran. Pendekatan talaqqi dan mushafahah merupakan kaedah terbaik dalam pengajaran al-Quran. Namun begitu, pendekatan lain seperti tasmik, ulangan, halaqah dan kumpulan, imlak, bacaan secara senyap, mendengar rakaman audio, membaca mengikut susunan ayat, membaca secara tidak mengikut susunan ayat serta memerhatikan dan membaca kalimat yang baru dipelajari dapat diaplikasikan oleh guru dalam pengajaran al-Quran yang menarik dan berkesan.



## 2.5 Konsep guru dalam pelbagai perspektif

Konsep guru daripada perspektif Islam, Timur dan Barat berdasarkan pandangan daripada sarjana pendidikan

### 2.5.1 Konsep guru daripada perspektif Islam

Guru merupakan unsur yang penting apabila membicarakan tentang dunia pendidikan. Pengaruh guru amat penting dalam menyebarkan ilmu kepada pelajar amat bergantung kepada keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Seorang guru yang baik bukan sahaja mampu mengajar dengan baik dan efektif tetapi perlu memiliki ciri-ciri yang mantap contohnya keperibadian yang unggul, berdisiplin dan sebagainya. Hal ini kerana seorang guru akan dilihat dengan teliti setiap tingkah laku, kelakuan, personaliti, percakapan dan lain-lain apabila berhadapan dengan pelajar. Oleh itu, kedudukan seorang guru perlu diletakkan pada kedudukan yang tinggi dan dipandang mulia serta dihormati oleh ahli masyarakat.

Menurut pandangan Islam, guru adalah orang yang bertanggungjawab terhadap perkembangan anak didik. Tugas guru penting dalam keupayaan mengembangkan potensi murid daripada segi kognitif, psikomotor dan efektif. Seterusnya, potensi yang terdapat pada murid dikembangkan secara seimbang ke arah yang terbaik. Akhirnya, sikap murid banyak dipengaruhi oleh guru yang mengajar di sekolah. Islam amat mengiktiraf kedudukan seorang guru kerana ia mewarisi rantai perjuangan dan lidah para nabi, rasul serta para sahabat nabi s.a.w . Hal ini kerana Islam amat menghargai ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh guru. Kedudukan orang

yang berilmu amatlah tinggi apabila ia beramal dengan ilmu yang dimiliki. Ilmu pengetahuan diperolehi daripada proses pembelajaran ialah mereka yang tergolong dalam bakal guru, manakala orang menjalankan pengajaran ialah guru. Perkembangan ilmu pengetahuan tidak akan berjaya sekiranya tidak terdapat guru dan murid. Matlamat akhir seorang guru bagi mendapat kedudukan yang tertinggi ialah kerana keinginan untuk berjaya di dunia dan akhirat. Dalam Islam, ilmu itu datang daripada Allah s.w.t dan ilmu itu diajarkan oleh para guru yang menunjukkan bahawa kedudukan guru amat tinggi dalam Islam (Ahmad Tafsir, 1992).

Menurut Imam al-Ghazali (1998) telah memberikan beberapa ciri kepimpinan guru. Antaranya:

- i. kasih dan bertimbang rasa terhadap murid
- ii. menunjukkan murid yang diredai Allah s.w.t
- iii. memberikan peringatan kepada murid mengenai akhlak yang buruk
- iv. memberikan peringatikan kepada murid agar tidak merendahkan ilmu.
- v. menyampaikan ilmu berdasarkan kemampuan murid
- vi. beramal dengan ilmu yang dimiliki

Nur Uhbiyati (1998) memberikan definisi tentang guru adalah individu dewasa yang bertanggungjawab memberi bimbingan atau bantuan kepada pelajar dalam perkembangan jasmani dan rohani agar mencapai kematangan, mampu melaksanakan tugasnya sebagai makhluk Allah s.w.t, menjadi khalifah di bumi Allah s.w.t dan sebagai individu yang sanggup berdikari. Menurut al-Muhammadi (1991), guru merupakan ejen kepada keberkesanan pendidikan. Walau sebaik manapun suatu sistem pendidikan, maksud yang ingin disampaikan tidak akan mencapai matlamatnya



sekiranya ejen yang menyampaikan tidak efektif. Jelas di dalam Islam, peranan guru bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi apa yang dilakukan, cara ia berurusan, tingkah lakunya di dalam dan di luar kelas adalah melambangkan keunggulan mereka sebagai guru yang dengan mudah dapat diterima oleh pelajar tanpa teragak-agak (Ashraf & Hussain 1989). Halstead (1995) menjelaskan bahawa para guru sangat disanjung dan diharapkan kerana mereka bukan sahaja berilmu semata-mata, tetapi juga mestilah mempunyai personaliti dan komitmen kepada Islam dan menunjukkan contoh yang baik kepada para pelajar, yang mana para pelajar boleh mengikuti guru mereka tanpa rasa ragu-ragu.

Al-Ghazali (1967) dan Syed Hossein Nasr (1987) telah menegaskan bahawa menurut perspektif Islam, guru mempunyai tanggungjawab dalam pembangunan akhlak, iaitu sebagai *murabbi* dan bukan semata-mata seorang *muallim*. Tugas guru juga menurut Rosnani Hashim (1996) adalah sebagai *muaddib*, iaitu seorang yang bertanggungjawab dalam menerapkan adab (disiplin, dalam pemikiran, fizikal dan rohani). Tiga istilah guru iaitu *murabbi*, *muallim* dan *muaddib* yang dinyatakan di atas menekankan peranan guru dalam pembangunan akhlak dan diri pelajar (Ab. Halim et. al. 2004).

Terdapat ayat al-Quran dalam surah Ali Imran ayat 79 yang menerangkan tugas seorang guru:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيْنَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ





*Maksudnya: Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab Agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah". tetapi (sepatutnya ia berkata): "Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyin (yang hanya menyembah Allah Taala dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.*

Guru Pendidikan Islam mempunyai tanggungjawab yang berbeza daripada guru-guru yang lain. Selain tugas utama melaksanakan pengajaran pendidikan Islam, ia juga berperanan dalam melaksanakan tugas mendidik pelajar dalam membentuk keperibadian, pembinaan akhlak serta mengembangkan keimanan dan ketakwaan para pelajar. Maka guru juga dikenali sebagai daie iaitu pendakwah dalam menyeru kepada kebaikan dan melarang pelajar daripada melakukan kemungkar.



Dapat disimpulkan bahawa dalam perspektif Islam konsep guru amat berkait rapat dengan tugas dan peranan guru sebagai pendidikan, ejen perubahan masyarakat, mempunyai keperibadian yang baik agar mampu menjadi contoh teladan kepada pelajar dan masyarakat melalui sistem pendidikan negara.

### **2.5.2 Konsep Guru Daripada Perspektif Timur**

Menurut Zulkiple Abd. Ghani (1999), guru yang berkualiti akan menghasilkan mutu pendidikan yang berkualiti dan efektif kerana setiap insan mempunyai keistimewaan dan potensi tersendiri sebagai seorang pendidik. Peranan guru dalam Islam ialah membangunkan insan yang berintelek serta soleh (Ahmad Mohd Salleh,1997). Manakala, Abu Bakar Yang (2004) menjelaskan bahawa guru ialah orang yang





memiliki minat yang mendalam, mempunyai kewibawaan ilmu serta keperibadian yang luhur bagi memastikan kejayaan proses pendidikan. Dalam bahasa Indonesia, guru umumnya merujuk pendidik profesional dengan tugas utama mendidik, mengajar, membimbing, mengarahkan, melatih, menilai, dan menilai pelajarannya. Dalam bahasa Jawa, pendidik dikenali dengan (gu dan ru) yang bererti “digugu dan ditiru”. Perkataan digugu ialah bermaksud (dipercayai) kerana guru mempunyai ilmu yang mencukupi, memiliki wawasan dan pandangan yang luas terhadap sebuah kehidupan. Manakala patah perkataan ditiru (diikuti) kerana guru mempunyai keperibadian yang utuh kerana menjadi panduan serta tauladan yang boleh dicontohi oleh pelajar.

Menurut Kamarulazmi & Ab. Halim (2012), menyatakan bahawa guru dikaitkan kepada beberapa perkara berikut:

### **1. Guru sebagai penyebar ilmu pengetahuan**

Penggunaan kemahiran, teknik dan kaedah mengajar yang bersesuaian, menyampaikan ilmu berdasarkan sukatan pelajaran serta menggalakan pelajar mencari maklumat baharu. Disamping itu, guru perlu mengetahui keperluan dan tahap penguasaan pelajar sama ada di peringkat lemah, sederhana atau pintar. Pendekatan berpusatkan guru perlu dielakkan. Penguasaan ilmu mengikut bidang amatlah diperlukan oleh seorang guru (Tajul Ariffin dan Nor Aini, 2002).



## 2. Perancangan dan pengurus pembelajaran

Guru merancang pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah menggunakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian, bertindak sebagai pemudahcara dan membimbing murid. Guru bertindak dalam mengembangkan bakat sedia ada murid dalam mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang wujud. Disamping itu, guru perlu meluaskan maklumat yang telah diketahui, mengulangkaji maklumat jika belum diketahui, menyampaikan maklumat yang baru, menjalankan pemulihan bagi yang masih belum memahami dan menyediakan aktiviti pengayaan bagi mereka yang menguasai pengetahuan dan kemahiran.

## 3. Pengembang dan pengukuh kemahiran

Guru perlu melatih murid untuk menguasai kemahiran berfikir, menggunakan minda yang baik dan membina budaya berfikir. Guru menggalakkan murid melakukan kemahiran yang dikuasai untuk menguasai kemahiran lain.

## 4. Pembentuk akhlak

Guru berperanan dalam menerapkan nilai murni kepada pelajar sama ada secara formal di dalam bilik darjah dan secara tidak formal semasa menjalankan aktiviti kokurikulum dan aktiviti di luar bilik darjah. Oleh itu, guru perlu menjadi contoh akhlak mulia ini diikuti dengan baik. Perbuatan yang keji yang dilihat oleh guru tentang akhlak muridnya perlu ditegur dengan hikmah serta guru perlu menunjukkan akhlak yang sebenar (Kamarulazmi & Ab. Halim, 2012). Contohnya sifat adil kepada

para pelajarnya akan mewujudkan kepercayaan terhadap guru dan mengikuti nasihat yang disampaikan oleh guru. Sifat pilih kasih perlu dihindari bagi mengelakkan perasaan negatif pelajar terhadap guru (al-Qabisi, 1994).

## 5. Pembimbing dan kaunselor

Dalam berkomunikasi dan berhadapan dengan murid, guru akan menerima pelbagai masalah seperti masalah kewangan, pencintaan, penceraian ibu bapa, pelajaran, perhubungan sosial dan sebagainya. Kemahiran asas sebagai seorang pembimbing dan kaunselor diperlukan sebagai seorang guru. Sensitiviti terhadap setiap perubahan dan tingkah laku murid perlu diberikan perhatian.

Guru yang mempunyai peranan sebagai perunding akan berusaha mempersiapkan diri dengan pengetahuan yang mencukupi dalam pelbagai bidang ilmu yang mempunyai kaitan dengan dunia pendidikan. Pengembangan disiplin ilmu mampu dipupuk dengan menambahkan ilmu pengetahuan melalui pembacaan serta menjadi rujukan kepada para pelajar dalam pelbagai bidang ilmu (Zahiah et. al. 2014).

## 7. Mentor

Sebagai guru yang dikenali sebagai mentor berperanan dalam memberikan perhatian kepada aspek kebajikan, kemajuan dan keselamatan murid. Bimbingan dan pengajaran guru dalam bilik darjah dengan penuh keikhlasan tanpa mengharapkan





sebarang pujian dan ganjaran material. Membimbing kepada murid yang menghadapi masalah membantu dalam memberikan keyakinan diri dan mampu mengikuti pembelajaran secara aktif.

## 8. Mempunyai semangat patriotik

Menurut Ismail Hussein (1989), semangat patriotisme yang dicetuskan oleh fahaman kebangsaan atau yang mencetuskan nasionalisme ialah semangat yang tidak mengendahkan kebenaran dan nilai-nilai insan yang mana individu tersebut sanggup melakukan apa sahaja demi memihak kepada bangsa dan negaranya, walaupun membelakangi agama Tuhan. Walau bagaimanapun, semangat cinta akan bangsa dan watan sendiri merupakan suatu perkara biasa dalam kehidupan manusia. Menurut



Mok Soon Sang (1998), selain daripada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan seimbang, adalah diharap juga, melalui proses pendidikan, Malaysia dapat mencapai matlamat pendidikannya seperti melahirkan rakyat yang bertanggungjawab dan boleh memenuhi kewajibannya sebagai seorang warganegara, melahirkan rakyat yang taat setia kepada Raja dan cinta kepada negara, melahirkan rakyat yang memahami serta mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara dan bersikap toleransi, demi wujudnya perpaduan rakyat berbilang kaum dan sebagainya. Seseorang yang bersemangat cinta akan negara dan bangsa harus menunjukkan sifat atau amalan bertanggungjawab untuk mewujudkan kesejahteraan dan membawa kemajuan kepada negara dan bangsa, berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan negara dan bangsa serta sedia berkorban untuk negara dan bangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994).



## 9. Pengamal reflektif

Menurut John Dewey (1933), semasa guru membuat refleksi terhadap pengalaman yang dilalui akan membantu dalam memahami sesuatu situasi yang kabur kepada situasi yang jelas. Amalan reflektif membantu dalam memberikan manfaat agar pelajar meminati pelajarannya, mengelakkan keciciran ilmu, menggalakkan mereka bersaing dengan rakan-rakan yang lebih cemerlang. Guru yang mempunyai sifat reflektif tidak akan mengabaikan kelebihan yang ada pada murid sehingga mampu membantu pelajar dalam memperoleh kejayaan (Nordin Tahir, 2011).

## 10. Contoh teladan dan model

Guru perlu menunjukkan keyakinan dalam disiplin masing-masing, mengambil tindakan selari dengan kata-kata, meningkat dan mengekalkan minat pelajar untuk sentiasa terus belajar dan menunjukkan akhlak mulia sama ada di dalam dan di luar bilik darjah. Pelajar lebih mempelajari sesuatu berdasarkan apa yang dilihat berbanding apa yang didengari. Menurut al-Qabisi (1994) menyatakan bahawa sifat lemah lembut dan sabar semasa berhadapan pelajar akan mewujudkan hubungan yang rapat dan erat antara guru dan murid sehingga dapat memberikan perhatian yang lebih kepada pelajar.

## 11. Pelajar dan pembina budaya ilmu

Guru perlu belajar meneroka ilmu sedalamnya serta mengemaskini pengetahuan agar lebih terkehadapan daripada anak muridnya. Cabaran semasa memerlukan guru yang



meningkatkan pengetahuan dan pengalaman agar pengajaran guru lebih berkesan. Pencapaian carian dan mendapatkan ilmu pengetahuan daripada sumber elektronik atau bahan bukan elektronik. Peningkatan professional adalah penting dalam penguasaan ilmu pengetahuan semasa.

## 12. Penghubung dengan masyarakat

Hubungan guru bukan hanya terhadap murid dan kakitangan sekolah sahaja. Penglibatan guru dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan mampu mendekatkan guru dengan masyarakat seterusnya dapat menabur bakti kepada masyarakat. Dengan ini akan mewujudkan kesinambungan antara rumah, keluarga dan sekolah.



## 13. Penyelidik dan penilai



Guru yang peka dan prihatin terhadap tingkah laku pelajar dalam suasana pembelajaran dan dapat mengumpulkan maklumat untuk memperbaiki keadaan dan suasana pembelajaran. Pemerhatian yang dibuat secara tidak langsung dapat membantu guru melaksanakan kajian tindakan untuk menyelesaikan pelbagai isu dan persoalan yang berkaitan. Guru berperanan dalam menginterasikan ilmu lama dan dengan pengetahuan baru. Guru bertindak sebagai penilai proses pengajaran dan pembelajaran serta melaksanakan pengukuran dan penilaian terhadap kemajuan murid. Kelemahan tersebut diperbaiki sehingga mampu mencapai tahap guru yang paling berkesan.





Disamping itu, guru sebagai penyelidik berperanan dalam meningkatkan keberkesanan teknik pengajaran dalam bilik darjah dan menyelesaikan masalah semasa proses pengajaran berlangsung. Antara kajian yang boleh dilakukan oleh guru adalah dengan melakukan kajian tindakan. Menurut Burhanuddin Salam (1997), profesionalisme guru mengandungi ciri berikut iaitu:

- i. Kepakaran bidang tersebut.
- ii. Melibatkan diri sebagai pekerja dalam bidang tersebut.
- iii. Hidup daripada pekerjaan tersebut.
- iv. Bukan sebagai hobinya.

Burhanuddin Salam (1997), menyatakan bahawa ciri professional ialah;

1. mempunyai ilmu pengetahuan yang khusus,
2. menguasai etika yang tinggi,
3. menyumbang kepada kepentingan masyarakat,
4. mempunyai kemahiran
5. menjadi ahli daripada kumpulan profesional.

Menurut al-Qabisi (1994), kepekaan dan ketegasan merupakan aspek penting dalam menguruskan sistem pendidikan di sekolah. Hal ini kerana, kanak-kanak mempunyai masa yang panjang untuk berinteraksi bersama rakan yang boleh membawa kepada pergaduhan. Peranan besar guru adalah bertindak tegas dalam meleraikan pergaduhan dan mengenalpasti punca dan memberikan hukuman kepada pelajar yang melakukan kesalahan. Disamping itu, kepekaan guru terhadap persekitaran sekolah amatlah penting agar pelajar tidak melakukan perbuatan yang bercanggah dengan nilai akhlak.



Rofishah Rashid & Hailan Salamun (2013), menyatakan bahawa tugas yang disandarkan kepada guru-guru pendidikan Islam mempunyai peranan yang sama besar dengan guru-guru akademik. Komitmen tinggi guru pendidikan Islam menggalas tanggungjawab dalam membimbing pelajar menghayati ajaran Islam memerlukan masa yang panjang. Guru-guru bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan kandungan dalam sukatan pelajaran, tetapi juga mampu untuk membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah. Para pelajar bukan sekadar hanya memahami setiap ilmu yang dipelajari. Mereka juga dituntut agar dapat membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat.

### 2.5.3 Konsep Guru Daripada Perspektif Barat

Guru daripada persepektif barat tidak mengiktiraf unsur ketuhanan. Hubungan guru dan murid tidak mempunyai hubungan dengan Allah s.w.t. Hubungan guru sekadar hubungan penyampai dan pendengar sahaja. Harvey et. al. (1968) yang menyatakan bahawa guru merupakan seseorang yang memahami ciri-ciri pelajarannya dengan baik sehingga ia akan mudah mengenal pasti kaedah dan strategi yang akan digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala, Fuller (1969) berpendapat bahawa guru merupakan seseorang yang boleh memberikan manfaat terhadap bidang pendidikan, mampu memberikan penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi pelajar dalam pembelajaran, melibatkan diri dalam segala aktiviti yang berlangsung dalam bilik darjah, memberikan perubahan yang positif dalam diri pelajar sebagai kesan daripada proses pengajaran dan pembelajaran.



Ryans (1970) pula menyatakan bahawa guru bermaksud seseorang yang mempunyai kemahiran dalam memahami pelajar, memiliki wawasan yang luas, memberikan ransangan yang kuat kepada pelajar untuk menjadi seorang yang berilmu pengetahuan, mampu bersabar dalam menghadapi situasi bilik darjah serta dapat memberikan arahan yang jelas ke arah melahirkan masyarakat yang produktif. Selain itu, McIntyre, D. John, Byrd dan David M (2000) berdasarkan penyelidikan, teori dan amalannya, guru merupakan suatu profesyen yang mempunyai pelbagai tanggungjawab terhadap masyarakat, bangsa dan negara. Tambahan lagi, profesyen perguruan adalah kerjaya yang mempunyai empat hala tuju iaitu:

- i. mengajar bagaimana murid belajar tentang sesuatu yang diketahui
- ii. bagaimana cara mendidik pelajar
- iii. menggabungkan kedua tugas di atas untuk dijadikan sebuah program utama dalam sebuah pengajaran dan pembelajaran
- iv. guru memerlukan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar yang dimiliki untuk disampaikan kepada pelajar.

Menurut Miriam Ben-Peretz (2001), guru merupakan membantu pelajar dalam menyelidik dan mendalami sesuatu ilmu secara mendalam, melibatkan kelas dalam suatu forum perbincangan bagi memecahkan suatu persoalan berdasarkan idea atau gagasan, pemikiran dan pemahaman daripada pelajar. Robert Kunzman (2003), guru adalah seseorang yang memiliki status penuh sebagai tenaga pengajar sehingga ia dapat memberikan penilaian yang penuh terhadap pelajar. Manakala daripada segi profesyen perguruan, seorang guru mestilah dapat meningkatkan pengetahuan,



meningkatkan strategi pengajaran mereka sesuai dengan standard profesyen keguruan yang diasaskan oleh Kementerian Pendidikan.

Dalam *The Free Distionary* (2011), guru ialah pekerjaannya adalah untuk mengajar orang lain seperti anak sendiri. Disamping itu, Chok Suat Ling (2005) menyatakan bahawa guru adalah seseorang yang dapat memberikan motivasi kepada pelajar untuk sentiasa lebih baik dan selalu mendapatkan yang terbaik dalam pelajarannya sehingga pelajar dapat menjawab persoalan yang diberikan kepadanya. Berdasarkan *Dictionary of Education* (1959), pendidikan guru ialah semua aktiviti formal dan tidak formal serta pengalaman yang membantu untuk melayakkan seseorang memikul tanggungjawab seseorang anggota profesion pendidikan dan menunaikan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan. Manakala, Wiseman & Donna L (2005) berpandangan bahawa guru adalah seorang individu yang mengambil berat terhadap pelajarannya, memotivasikan pelajar untuk belajar serta menggalakkan pelajar berbuat baik terhadap diri dan orang lain. Menurutnya lagi, guru mempunyai tanggungjawab terhadap komuniti sekolah dan perlu mengetahui sumber yang dimiliki sekolah dalam memberikan manfaat kepada pelajar.

Berdasarkan perspektif Islam, guru adalah orang yang bertanggungjawab memberi bimbingan kepada pelajar dalam perkembangan jasmani dan rohani, mampu melaksanakan tugasnya sebagai makhluk Allah s.w.t, menjadi khalifah di bumi Allah s.w.t. Disamping itu, guru merupakan ejen kepada keberkesanan pendidikan. Peranan guru bukan sekadar menyampaikan ilmu bahkan bertanggungjawab dalam pembangunan akhlak pelajarannya. Berdasarkan perspektif Timur, guru ialah orang yang memiliki minat yang mendalam, mempunyai kewibawaan ilmu, perancang dan




pengurus pembelajaran, keperibadian yang luhur, pembentuk akhlak, pembimbing serta pengukuh kemahiran dan mempunyai pandangan hidup sebagai hamba Allah. Manakala pada perspektif Barat, guru merupakan seseorang yang memahami ciri-ciri pelajarannya, memberikan manfaat dan mampu memberikan penyelesaian terhadap permasalahan pelajar, memiliki wawasan yang luas, memberikan ransangan yang kuat kepada pelajar untuk menjadi seorang yang berilmu pengetahuan, mampu bersabar dalam menghadapi situasi bilik darjah serta dapat memberikan arahan yang jelas ke arah melahirkan masyarakat yang produktif.

## 2.6 Teori Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Tilawah al-Quran

Di dalam pengajaran, al-Ghazali (t.th) telah membina empat konsep utama yang perlu wujud pada diri seorang guru iaitu, ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti serta motivasi. Keempat aspek ini perlu wujud dalam diri seorang guru terutamanya guru j-QAF dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Teori pengajaran al-Ghazali telah dinyatakan dengan ringkas di dalam bab satu sebelum ini iaitu di bahagian kerangka teori kajian.







Rajah 2.1. Kerangka Teori Pengajaran al-Ghazali (t.th) dimodifikasi daripada Kamarul Azmi Jasmi (2010)

### 2.6.1 Teori Pengajaran Al-Ghazali (t.th)

Nama sebenar Imam al-Ghazali ialah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali yang telah dilahirkan di Ghazale (kota kecil yang terletak di Tus wilayah Khurasan pada tahun 450 Hijrah/1059 Masihi. Imam al-Ghazali belajar dengan beberapa orang guru iaitu Ahmad bin Muhammad Ar-Radzikani di Tus, Abi Nashir al-Isma'ili di Jurjani dan al-Juwaini yang merupakan Imam al-Haramain. Antara penulisan yang dihasilkan oleh Imam al-Ghazali ialah al-Basith, al-Wasith, al-Wajiz, Khalaf, Lubab al-Nadzar, Tasbin al-Ma'akidz, dan al-Mabadi wa al-Ghayat fi Fan al-Khalaf. Manakala dalam bidang khusus seperti ilmu kalam ialah kitab Ghayah al-Maram fi ilm al-Kalam, bidang tasawuf ialah ihya Ulum al-Din, bidang ilmu hukum



ialah Islam al-Musytasyfa, ilmu falsafah iaitu Maqasid al-Falasilah dan Tahafut al-Falsafah. Berdasarkan karya agung beliau iaitu Ihya Ulummuddin, Imam al-Ghazali telah menerangkan konsep utama yang perlu ada dalam diri seorang guru ialah ilmu pengetahuan. Menurut Imam Al-Ghazali dalam kitab Ihya Ulumuddin menyatakan bahawa proses pengajaran guru berkesan akan dapat dicapai melalui 3 peringkat iaitu ilmu pengetahuan mengenai konsep melalui penerangan secara mendalam dan terperinci. Kedua, ialah perubahan tingkahlaku yang diperolehi daripada ilmu yang disampaikan oleh guru. Ketiga, guru yang cemerlang akan melahirkan pelajar yang cemerlang. Antara pendekatan pengajaran guru yang dicadangkan oleh Imam al-Ghazali (1988) ialah:

1. Mempunyai rasa simpati kepada murid, menganggap serta melayani murid sebagai anak sendiri. Guru yang memberikan ilmu pengetahuan digunakan dalam kehidupan di dunia dan di akhirat yang kekal selamanya. Perasaan kasih mengasihani dan sayang menyayangi antara guru dan murid sebagai saudara seagama.
2. Mengikuti tingkahlaku dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w dan tidak meminta imbuhan atas perkhidmatan yang diberinya. Guru yang tidak meminta murid mengucapkan terima kasih dan sebarang balasan membuktikan bahawa guru tersebut mencari dan mendapatkan keredhaan daripada Allah s.w.t.
3. Tidak menasihati atau membenarkan muridnya melaksanakan sesuatu tugas kecuali dia (guru) benar-benar terlatih dan berpengetahuan tentang perkara tersebut. Selain itu, menuntut ilmu adalah bertujuan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dan bukannya untuk menjadi pemimpin dan golongan yang bermegah-megah dengan ilmu yang dimiliki.



4. Menasihati murid-muridnya supaya meninggalkan kelakuan buruk secara lembut, bukannya dengan memarahi mereka.
5. Tidak sekali-kali merendah-rendahkan disiplin ilmu yang lain di hadapan murid-muridnya. Sebaiknya guru bertanggungjawab terhadap sesuatu mata pelajaran, membuka seluasnya jalan kepada murid untuk mempelajari ilmu yang lain dan hendaklah menjaga kemajuan murid daripada satu peringkat ke peringkat seterusnya.
6. Menghadkan pembelajaran bersesuaian dengan tahap pemahaman murid dan tidak sekali-kali memaksa mereka mencapai sesuatu di luar kemampuan. Perkembangan sesuatu ilmu pengetahuan disampaikan secara mendalam apabila murid telah meningkat umurnya.
7. Menyediakan bahan pembelajaran yang mudah difahami, jelas dan bersesuaian dengan tahap perkembangan akal murid khususnya murid yang kurang pintar. Pengajaran dimulai dengan perkara yang terpenting.
8. Menguasai sesuatu bidang ilmu pengetahuan secara menyeluruh dan tersusun serta melakukan perhatian terhadap permasalahan yang berkaitan akal fikiran dan pemahaman.
9. Mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan yang bertujuan menghiasi dalaman diri dalam mendekati diri kepada Allah s.w.t sebagai bekalan kehidupan di akhirat.
10. Mengetahui hubungan ilmu pengetahuan dengan tujuan seseorang untuk kejayaan di dunia dan akhirat.

Imam al-Ghazali (1988), menyatakan bahawa keutamaan mengajar adalah memberikan petunjuk, beramal dengan ilmu yang dimiliki, tidak menyembunyikan



ilmu yang telah kuasai, menyeru kepada jalan Allah serta melakukan amal yang baik, menegur dengan hikmah dan nasihat yang baik, mendapatkan manfaat daripada orang yang berilmu.

Konsep ini disokong Shulman (1987), menyatakan bahawa guru bukan perlu menguasai pengetahuan pedagogi, pengetahuan isi kandungan pengajaran yang berkaitan dengan mata pelajaran yang hendak diajarkan. Malah, pengetahuan mengenai latar belakang pelajar, matlamat pendidikan, nilai-nilai serta falsafah amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Rohaty Mohd Majzub dalam Norzaini Azman dan Mohammed Sani (2006), seorang guru yang berkesan mempunyai pengetahuan mengenai subjek yang hendak diajar seperti menguasai konsep, teori, prinsip, fakta dan skema-skema dalam disiplin yang hendak diajar.



Guru bertanggungjawab menyatakan fakta yang betul dan guru bertanggungjawab memahami isi-isi pengajaran sebelum disampaikan kepada para pelajarnya.

Guru berkesan bukan sahaja mempunyai penguasaan ilmu yang tinggi bahkan perlu mahir dalam aspek pedagogi agar dapat menterjemahkan segala ilmu yang diajar dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan. Melalui kemahiran dalam PdP yang mantap, seseorang guru itu dapat melaksanakan pengajarannya mengikut tahap kecerdasan pelajar, latar belakang serta sosio ekonominya menggunakan pelbagai kaedah, strategik, teknik dan pendekatan yang tertentu dalam pengajarannya. Situasi ini dilihat dapat membantu guru menjayakan proses pengajaran dan pembelajarannya dengan tepat dan berkesan sehingga akhir pengajarannya (Zamri Mahamod et. al. 2007). Guru yang baik perlu menunjukkan minat terhadap pelajarnya, menggunakan kaedah yang bersesuaian kepada pelajar,





mampu menguruskan kelas dengan baik serta melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti lain di sekolah (Shulman, 1987).

Abdul Sukor Shaari (2008), menegaskan bahawa guru yang baik perlu mempunyai enam personaliti seperti bersifat ramah, mampu mengawal emosi, suka akan pelajarannya dan ingin memahami tingkah laku kanak-kanak secara mendalam, tekun dalam melaksanakan tugas yang diberikan, mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas dan kegigihan menjalankan tugas yang diberikan. Sikap guru memainkan peranan penting dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan. Guru yang mempunyai minat yang tinggi dalam pengajaran akan membangkitkan rasa ingin tahu pelajar. Minat guru akan dijemakan dalam bidang profesion, rasa bertanggungjawab dan penyampaian yang menarik. Guru yang bermotivasi akan berusaha bagi memastikan keberkesanan dalam pengajaran mereka. Rohaty Mohd Majzub (2006).

Aktiviti perancangan guru memainkan peranan penting sebagai persediaan untuk mengajarkan ilmu pengetahuan berdasarkan tajuk tertentu. Antara langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh seorang guru ialah membuat ujian pengesanan ke atas pelajar-pelajarnya. Ini bertujuan bagi menyediakan bahan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar. Kemudian, guru berperanan menetapkan objektif yang hendak dicapai oleh setiap murid dan memikirkan kaedah yang bersesuaian untuk memaksimumkan penyertaan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Seterusnya, guru perlu mengusun aktiviti-aktiviti pengajaran agar ianya mempunyai kaitan dengan tajuk yang dipelajari dan mempunyai perkaitan antara satu dengan yang lain. Langkah yang terakhir ialah, guru





perlu memilih bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian dengan kaedah pengajaran yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Ee. Ah Meng, 1995).

Manakala aspek peraksanaan, memerlukan guru yang mampu meningkatkan motivasi pelajar melalui aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan dan merangsangkan perasaan ingin tahu dalam kalangan pelajar. Seterusnya, guru berperanan dalam memberi bimbingan kepada pelajar-pelajar melalui aktiviti yang telah dirancang. Kemudian, guru berperanan dalam menguruskan bilik darjah supaya berada dalam keadaan sistematik dan tersusun serta mengekalkan disiplin bilik darjah yang baik. Disamping itu, guru berperanan dalam memberikan ganjaran serta peneguhan yang positif agar tingkah laku yang baik akan diulang oleh pelajar dan menyangkan tingkahlaku negatif yang wujud dalam kelas. Akhirnya, guru perlu menutup pengajaran dengan kemas dan teratur (Ee. Ah Meng, 1995).

Proses yang terakhir ialah penilaian. Guru perlu menilai keupayaan pelajar untuk menjalankan aktiviti yang telah dirancang melalui pencapaian terhadap objektif pengajaran yang telah dirancang. Disamping itu, guru perlu menilai peraksanaan pengajaran serta bahan bantu mengajar yang digunakan bagi melihat keberkesanan setiap peraksanaan pengajaran dan bahan bantu mengajar terhadap pencapaian objektif pengajaran. (Ee. Ah Meng, 1995).

Kesimpulannya, teori al-Ghazali (t.th) digunakan dalam membentuk pengajaran yang berkualiti. Pengajaran yang berkesan akan mewujudkan kepuasan dalam kalangan pelajar sama pelajar tersebut berada dalam kumpulan yang pandai



mahupun kumpulan yang lemah. Kumpulan pelajar yang pandai akan diberikan akitivi pengayaan manakala kumpulan pelajar yang lemah akan diberikan aktiviti pemulihan. Kesediaan dalam kalangan guru j-QAF amat penting dalam menjamin kualiti pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF

## 2.7 Asas Kediaan Guru j-QAF Berkualiti

Kesediaan guru ialah seorang yang menguasai beberapa perkara-perkara utama bagi seorang guru. Ilmu pengetahuan yang dimiliki belum lengkap untuk menjadi seorang guru. (Abdul Raof & T. Subahan, 1991 & al-Nahlawi, 1996). Manakala Dunkin & Biddle (1974), menyatakan bahawa *teacher properties* atau keperluan guru adalah merujuk kepada kemahiran mengajar, ilmu pengetahuan, personaliti dan amalan

Guru berkesan mempunyai sikap profesionalisme, menunjukkan ciri-ciri kekuatan teori, kaya ilmu, bertindak mengikut etika dan tatasusila kerja, mempunyai moral yang teguh, sentiasa meningkatkan kualiti hasil pengajaran, prihatin terhadap kehendak murid dan ibu bapa, melengkapkan diri dengan tuntutan semasa, menunjukkan watak yang terpuji, beriman, berperibadi mulia, berwawasan sebagai pendidik unggul pada setiap masa, memastikan situasi “guru mengajar murid belajar” wujud di dalam kelas (Abdul Shukor Abdullah, 2008).

Kerjaya guru merupakan satu perkhidmatan sosial yang amat mencabar. Hal ini kerana guru berhadapan dengan pelajar yang telah melalui pelbagai bentuk cabaran globalisasi, media massa, kemudahan berkomunikasi dan sebagainya.

Kejayaan seseorang guru itu bergantung kepada tiga aspek yang berkaitan antara satu sama lain yang merangkumi ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Pengetahuan seseorang guru tidak dapat dinilai melalui sijil yang diperolehi atau tempoh masa perkhidmatan. Pengetahuan amat bergantung kepada kefahaman seorang guru terhadap keperluan para pelajarnya. (Phillip Van Hooser, 1998).

Guru berkesan mempunyai daya ingatan yang kuat mampu menyampaikan isi pengajaran mengikut rancangan yang disediakan akan membantu murid menguasai isi pelajaran dengan lebih lengkap. Keupayaan guru berusaha menambah baik proses pengajaran akan membantu meningkatkan tumpuan dan minat murid – murid dalam kelas (Mok Song Sang, 2008). Menurut Rahmah Ahmad (2000), guru di zaman milenium baru bukan hanya mengajar dengan menyampaikan maklumat dan pengetahuan, bahkan perlu mempunyai kemahiran membimbing pelajar meneroka minda pelajar untuk menerima dan mencari pengetahuan. Guru mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam mendidik pelajar - pelajar di sekolah. Kemahiran serta kecerdasan emosi perlu dikuasai oleh guru sepanjang profesionnya bagi melahirkan generasi yang berpendidikan, berkemahiran, berbudayakan ilmu dan akhlak selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Ragbir Kaur, 2007).

Cabaran besar bagi guru ialah amanah yang diberikan oleh ibu bapa agar menjadi murid sebagai pengganti ibu bapa di sekolah dalam memberikan nasihat dan bimbingan dalam pembentukan sahsiah murid dan menjadi penyebar nilai kebudayaan yang elok sehingga mampu menjadi contoh sahsiah yang baik dalam masyarakat. (Mok Song Sang, 2008). Sifat atau kualiti profesional seorang guru ialah mempunyai sikap ingin mengetahui sesuatu ilmu mampu menambahkan ilmu pengetahuan guru



tersebut. Dengan ini, guru mampu menghadapi perubahan dalam arus pendidikan hari ini. Disamping itu, pengetahuan yang mantap dalam bidang ikhtisas membantu guru menguruskan bilik darjah dengan lebih berkesan seperti ilmu psikologi, ilmu kaedah pengajaran, ilmu kurikulum dan sebagainya. Sikap suka membaca guru mampu meningkatkan pengetahuan seterusnya menyampaikan ilmu dengan penuh keyakinan melalui pembacaan buku ilmiah. Bahkan, sebagai seorang guru kemahiran berkomunikasi secara jelas dan mudah difahami mampu meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran dalam bilik darjah.

Menurut Isjoni (2005), guru dituntut untuk melengkapkan diri dengan teknik mengajar, menguasai ilmu yang akan diajarkan kepada murid. Bimbingan guru dalam memberikan bantuan dan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pelajar. Tambahan lagi, Isjoni (2005), guru masa hadapan perlu mempunyai “*Planner*” program kerja yang jelas yang mengandungi pelbagai hasil pembelajaran yang akan dicapai pada peringkat yang maksimum, “*Inovator*” iaitu melakukan pembaharuan berkaitan pembelajaran seperti kaedah mengajar, media baharu, sistem penilaian. Seterusnya, “*motivator*” guru mestilah memiliki motivasi untuk belajar secara berterusan, “*capable*” guru yang memiliki pengetahuan dan kecekapan serta keterampilan serta personaliti unggul, “*developer*” guru yang sentiasa mengembangkan kemampuan dan keterampilan kepada pelajar.

Abd. Raof & T. Subahan (1991) menegaskan bahawa antara sifat guru berkesan ialah mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai semasa proses pengajaran berlangsung. Manakala Robiah Sidin (1993) menegaskan bahawa sebagai guru hendaklah memiliki ilmu



pengetahuan dan mempunyai kemahiran mengajar yang meliputi elemen perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian. Proses pengajaran bertujuan dalam menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajar dengan berkesan menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berdasarkan teori pengajaran dan pembelajaran (Mok Soon Sang, 2000).

Kualiti profesion perguruan merangkumi semangat dedikasi, peka terhadap perubahan, menyedari keperluan negara, bersikap positif terhadap pembelajaran, dan mempunyai inovasi dalam pengajaran (Mok Song Sang, 2008). Guru dituntut menggunakan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam mendidik murid-murid dalam pelbagai disiplin ilmu dan kurikulum. Guru seharusnya mengamalkan sifat-sifat terpuji seperti amanah, dedikasi, komited kepada tugas yang diberikan, ikhlas, sanggup berkorban masa dan tenaga dan mempunyai sikap bantu membantu dan menyampaikan sebanyak ilmu kepada murid-murid (Ragbir Kaur, 2007).

Menurut Isjoni (2005), guru yang berketerampilan mampu melaksanakan proses pengajaran dengan lebih mudah seperti pelajar menerima ilmu melalui proses pembelajaran berjalan dengan baik. Antara keterampilan yang diperlukan oleh seorang guru adalah keterampilan dalam memberikan motivasi, menguruskan masa, menggunakan alat bahan bantu mengajar. Manakala menurut Shahril @ Charil (2002), menyatakan bahawa ciri guru unggul yang disukai adalah rajin, adil, kepimpinan dan bertimbang rasa. Manakala ciri guru yang tidak berkualiti pula ialah berjenaka, paras baik, mendenda dan garang berdasarkan kajian persepsi guru pelatih mengenai ciri-ciri guru yang unggul. Menurutnya lagi, personaliti guru yang baik dan unggul memerlukan kepada kemahiran dalam aspek pengajaran bilik darjah. Antara





kemahiran yang diperlukan adalah termasuklah pengurusan masa, pengurusan tingkahlaku atau disiplin pelajar, kebolehan penyampaian pelajaran, pengawalan bilik darjah dan mendapatkan maklum balas pengajaran. Guru yang unggul perlu memberikan ujian atau peperiksaan secara formal mahupun tidak formal bagi menentukan kemajuan pelajar dan memberitahu kepada pelajar tentang kemajuan dan keputusan ujian yang diperolehi serta mengadakan kelas pengukuhan atau kelas pemulihan.

Guru yang berkualiti mampu mengamalkan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan seharian dan bukan sahaja menyampaikan ilmu pengetahuan sahaja kepada para pelajar. Disamping menambah kualiti diri dengan ilmu tambahan, membuat pemerhatian, menulis, menyumbangkan idea dan mencari pengalaman baru supaya dapat diterapkan dalam proses pengajaran (Ragbir Kour,2007). Antara perkara perkara terpenting dalam menentukan pensyarah yang berkesan, para pensyarah hendaklah:

1. Memiliki ilmu yang luas, mendalam, mengetahui perkembangan ilmu berkaitan mata pelajaran yang diajarkan.
2. Menerangkan dengan jelas isi kandungan dan objektif pembelajaran sebelum memberikan tugas.
3. Menyediakan semua pengajaran dengan teliti dan lengkap serta menyampaikan dengan sistematik.
4. Mempraktikkan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran agar menarik minat dan memotivasikan pelajar.
5. Memperuntukkan masa yang mencukupi bagi tujuan perbincangan dan penyoalan.



6. Membuat penilaian yang jelas berdasarkan kriteria-kriteria tertentu dan memberitahu kepada pelajar.
7. Memberikan maklumbalas dengan jelas, cepat, sistematik serta kritikan yang membina.
8. Menepati masa dan menggunakan masa pengajaran dengan sepenuhnya.
9. Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penglibatan para pelatih dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun perkara diatas merupakan unsur terpenting bagi melahirkan pensyarah yang berkesan, para guru boleh melaksanakan dan mengamalkan elemen yang berkaitan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Ciri-ciri guru yang profesional ialah seorang guru yang menjadi pendengar yang adil tanpa pilih kasih, mempunyai kejelasan terhadap objektif pengajaran dan berusaha mencapai objektif tersebut. Guru perlu menguasai kemahiran komunikasi yang tinggi dan menguasai serta memahami sebarang isu yang berlaku khususnya dalam bidang pendidikan agar dapat menyampaikan mesej dengan berkesan dan tercapai. Guru perlu meletakkan harapan yang tinggi kepada murid – murid agar harapan yang tinggi ini memotivasikan guru dan murid untuk berusaha mencapai matlamat yang telah ditetapkan (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2011).

Tanggungjawab guru bukan hanya terbatas di dalam kelas sahaja tetapi mempunyai tanggungjawab sosial seperti bekerjasama dengan guru lain serta staf sokongan yang lain. Hal ini kerana kecemerlangan sekolah bergantung kepada kerjasama yang erat antara semua golongan komuniti sekolah. Disamping itu,



penglibatan guru dalam aktiviti kemasyarakatan mampu mempertingkatkan imej seorang guru. Antara sifat atau kualiti sosial seorang guru ialah berbudi pekerti, ramah mesra, merendah diri, semangat berbakti dan jujur (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2011). Manakala Isjoni (2005), guru dituntut untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan pelajar, mengembangkan keperibadian serta kematangan pelajar.

Peranan guru menurut Islam bertujuan membersihkan dan membina jiwa para pelajar agar menjauhi keburukan dan memelihara diri sesuai dengan fitrah kejadian manusia, penyampaian ilmu pengetahuan dan aqidah yang sebenar kepada pelajar agar diamalkan dalam diri dan kehidupan pelajar (Al-Nahlawi, 1996). Manakala menurut Abdullah Ishak (1989) berpandangan bahawa guru dan para pendidik perlu memiliki sifat keperibadian yang unggul, ketokohan dan perwatakan yang sempurna untuk memastikan keberkesanan dalam penyampaian ilmu dan proses pendidikan.

Guru berperanan dalam menunjukkan contoh taulan yang baik kepada para pelajar. Tingkah laku dan peribadi guru sentiasa diperhatikan dan dinilai oleh pelajar sama ada di dalam kelas mahupun luar kelas, dan di luar kawasan sekolah. Keperibadi guru boleh diwujudkan melalui sifat dalaman seperti ikhlas, jujur, sabar, kasih sayang, warak dan taqwa. Bahkan sifat luaran seperti lembut tutur kata, tingkah laku, kebersihan diri, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya (Abdullah Ishak, 1989). Personaliti yang tinggi dapat dilahirkan melalui dedikasi guru terhadap tugas, dipandang tinggi oleh masyarakat (Ashraf & Hussain, 1989).



Hal ini disebabkan tujuan pendidikan bukan hanya bermatlamatkan kepada faktor kebendaan, tetapi keperluan kepada proses pembentukan akhlak dan kerohanian yang kuat merupakan matlamat sebenar pendidikan dalam Islam. Personaliti dan sahsiah guru perlu dimantapkan dari semasa ke semasa agar menjadi contoh kepada para pelajar, guru dan ahli masyarakat keseluruhannya. Guru yang mempunyai personaliti yang unggul mampu menjadi ikutan dan berjaya mempengaruhi pelajar ke arah kebaikan. Antara perkara yang diberikan penekanan oleh Ashraf dan Hussein (1989), guru bukan hanya dikehendaki sebagai seorang yang terpelajar tetapi perlu memiliki sifat keutamaan seperti seorang yang berilmu dengan tingkah laku serta mampu mempengaruhi fikiran pelajar.

Islam amat menggalakkan umatnya melakukan kajian serta mengajarkan ilmu yang diperolehi kepada orang lain. Ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t dalam surah al-Imran ayat 79:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيْنَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ



*Maksudnya: Tidaklah patut bagi seseorang manusia Yang Allah berikan kepadanya Kitab ugama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang-orang Yang menyembahku Dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah". tetapi (sepatutnya ia berkata): "Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyin (yang hanya menyembah Allah Taala - Dengan ilmu dan amal Yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.*

Berdasarkan ayat diatas dapat disimpulkan bahawa tugas guru yang utama ialah mendorong kearah peningkatan iman pelajar kepada Allah s.w.t dan menjauhi



segala perkara yang buruk agar sentiasa berada dalam fitrah. Disamping mengajarkan ilmu pengetahuan serta menerapkan nilai akidah yang mantap agar dapat dipraktik dalam kehidupan seorang muslim (An-Nahlawi, 1989). Sikap bersangka baik akan mewujudkan guru yang bersemangat dan bermotivasi akan menghasilkan guru yang mempunyai jati diri yang tinggi (Isjoni, 2005). Keikhlasan niat guru dalam mendidik sebagai satu pekerjaan semata-mata tetapi merupakan satu ibadah yang menjadi kewajipan bagi diri para guru. Niat yang tulus ikhlas hanya untuk mendapatkan keridaan Allah s.w.t dengan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajarnya. Keikhlasan dalam mendidik akan melahirkan sifat sabar dan kepuasan dalam kehidupan seorang guru khususnya dalam pengajaran yang memerlukan kepada latihan yang berterusan, mempelbagaikan kaedah pengajaran, melatih diri dalam berhadapan dengan kesukaran yang timbul. Penerapan ilmu kedalam jiwa, akan mewujudkan minat yang mendalam terhadap diri pelajar untuk mengulangkaji dan beramal dengan ilmu yang diperolehi.

Menurut al-Nahlawi (1992), seorang guru muslim perlu dengan sifat rabbani yang menunjukkan bukti-bukti keagungan Allah s.w.t dengan penuh keikhlasan mengharapkan keridaan Allah s.w.t. Kejujuran guru dalam menyampaikan pengajaran melalui pengamalan guru terhadap ilmu yang disampaikan membantu pelajar melihat, meniru dan mengamalkan ilmu yang disampaikan oleh gurunya. Al-Quran menerusi surah As-Saf ayat 2- 3 menyatakan:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لِمَ تَقُوْلُوْنَ مَا لَا تَفْعَلُوْنَ كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللّٰهِ اَنْ تَقُوْلُوْا مَا لَا تَفْعَلُوْنَ ﴿٢﴾

*Maksudnya: Wahai orang-orang Yang beriman! mengapa kamu memperkatakan apa Yang kamu tidak melakukannya!. Amat besar*





*kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu Yang kamu tidak melakukannya.*

Elemen motivasi merupakan perkara yang perlu dimiliki dan digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Crow & Crow (1980), motivasi adalah aspek mengajar yang penting. Keperluan guru dalam menimbulkan minat dalam kalangan pelajar untuk belajar kerana keinginan belajar bukan suatu kemestian yang terdapat pada semua manusia. Motivasi adalah pemangkin minat murid untuk belajar. Oleh itu, dalam proses pendidikan ianya merupakan satu keperluan yang perlu diamalkan oleh guru dalam proses PdP. Pembelajaran tanpa unsur motivasi akan menyebabkan proses pembelajaran tidak berkesan (Shahabudin Hashim et. al. 2003).



Terdapat pendekatan dan kaedah motivasi yang dianjurkan oleh Islam bagi

mendidik umatnya dengan pelbagai cara. Antaranya ialah konsep amar ma'ruf dan nahi mungkar, konsep dosa dan pahala, balasan syurga dan neraka dan pendekatan dakwah dengan bijaksanaan. Konsep targhib dan tarhib (dorongan dan ancaman) merupakan pendekatan yang digunakan dalam pendidikan yang disarankan melalui al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w (al-Nahlawi, 1996). Bahkan al-Nahlawi (1996), menekankan agar sebagai seorang murabbi perlu menggunakan pendekatan motivasi semasa mendidik kerana manusia tidak mempunyai kesamaan dari aspek keupayaan untuk belajar. Manakala, kaedah tadarruj atau peringkat demi peringkat adalah kaedah yang digunakan oleh Allah s.w.t melalui contoh yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w ketika mendidik dan menyampaikan dakwah kepada manusia seperti proses pengharaman minuman arak (Mohd Ridhuan Jusoh, 2008).







Menurut Rohaty (2003), pelbagai teori motivasi yang boleh dipraktikkan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Teori motivasi yang boleh digunakan adalah seperti teori motivasi keperluan Maslow, Teori Behaviorisme, Teori Pembelajaran Sosial Bandura dan Teori Pemprosesan Maklumat. Guru perlu peka kepada keperluan fizikal, emosi dan esteem sendiri pelajar. Pendekatan motivasi melalui teori persekitaran termasuk teori-teori cabang utama dalam Behaviorisme iaitu proses pelaziman tingkah laku yang mencetuskan pembelajaran melalui amalan peneguhan yang berbentuk peneguhan positif atau peneguhan negatif dan dendaan.

Hassan Langgulung (1997) mengingatkan hukuman dan peneguhan negatif menyebabkan kebingungan, mempunyai perbezaan daripada segi cara dan menghasilkan akibat yang berbeza. Hukuman melibatkan pengenalan rangsangan

yang dibenci yang mengurangkan kebarangkalian sesuatu gerak balas, peneguhan

negatif pula merupakan proses pemberhentian dan penarikan sesuatu perbuatan.

Menurut Rohani Arbaa et. al. (2010), guru yang mempunyai hubungan baik dengan pelajar mampu membantu pelajar dalam meningkatkan penyertaan dalam proses PdP.

Guru mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan pelajar memahami ilmu yang disampaikan. Guru perlu cakna terhadap perkembangan akademik dan bersedia melakukan perbincangan dalam mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar. Dorongan guru dalam memberikan motivasi mampu memperbaiki kelemahan dan lebih dihormati dan akan mengurangkan masalah yang dihadapi oleh guru dalam bilik darjah.

Kesimpulannya, guru yang berkesan adalah guru yang sentiasa memperdalamkan ilmu pengetahuan dan melakukan penyelidikan dengan meneroka





ilmu seluasnya. Kesan guru yang tidak memahami ilmu secara mendalam akan memberikan persepsi negatif kepada guru dan menyebabkan pelajar kurang kepercayaan dan tidak menghargai apa yang disampaikan oleh guru. Guru perlu mengaplikasikan kaedah pengajaran yang pelbagai bagi mewujudkan pengajaran yang berkesan. Penguasaan ilmu tidak lengkap sekiranya tidak berjaya disampaikan kepada pelajar. Oleh itu, pengalaman, latihan, dan mempelbagaikan kaedah pengajaran mampu memberikan kejayaan dalam proses pengajaran.

## 2.8 Adab guru terhadap al-Quran

Menurut al-Qabisi (1994), pembelajaran al-Quran merupakan perkara asas yang mudah dipelajari ketika diusia kanak-kanak. Menurut beliau, pengajaran al-Quran telah menjadi uruf dan adat dalam masyarakat Islam. Antara kata-kata al-Qabisi ialah:

Apa yang diperolehi oleh kanak-kanak dengan mempelajari al-Quran adalah sepanjang-panjang kekayaan dan sebanyak-banyak perbelanjaan.

Aktiviti menghafaz al-Quran hendaklah disemai dalam kalangan kanak-kanak kerana ingatan yang berkekalan dan berfaedah apabila mencapai kematangan. Allah s.w.t. Kesan daripada pengajaran dan pembelajaran al-Quran akan memberikan manfaat yang besar serta membuktikan al-Quran merupakan mukjizat yang terkandung sebaik-baik perkataan seperti firman Allah s.w.t dalam Surah al-Zumar, ayat 23:

اللَّهُ نَزَلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُتَشَابِهًا مَثَانِيَ تَقْشَعِرُّ مِنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ



ذِكْرَ اللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُدَىٰ اللَّهِ يَهْدِي بِهِ ۚ مَن يَشَاءُ ۚ وَمَن يُضَلِّ  
اللَّهُ فَمَا لَهُ مِن هَادٍ ۖ

*Bermaksud: Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan Iaitu Kitab suci Al-Quran Yang bersamaan isi kandungannya antara satu Dengan Yang lain (tentang benarnya dan indahnya), Yang berulang-ulang (keterangannya, Dengan berbagai cara); Yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) kulit badan orang-orang Yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram; kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah. Kitab suci itulah hidayah petunjuk Allah; Allah memberi hidayah petunjuk Dengan Al-Quran itu kepada sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturannya); dan (ingatlah) sesiapa Yang disesatkan Allah (disebabkan pilihannya Yang salah), maka tidak ada sesiapa pun Yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadaNya.*

Menurut Imam Nawawi (2010), guru perlulah mempersiapkan diri dalam mengamalkan adab terhadap al-Quran agar pengajaran al-Quran bukan sahaja betul daripada segi sebutan tetapi penghayatan terhadap al-Quran lebih penting diutamakan. Peranan niat guru untuk mengajarkan al-Quran mestilah ikhlas mendapatkan keridaan Allah s.w.t. Ibnu Sahnun menyatakan bahawa seorang guru perlulah ikhlas dalam melaksanakan tugas, tidak mengungkit atau meminta-minta ganjaran terhadap ilmu yang telah diberikan kepada pelajarnya (Siti Salwa & Azlina, 2014). Berdasarkan firman Allah s.w.t dalam surah al-Bayyinah ayat 98:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ  
وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ ۚ وَذَٰلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ۖ

*Maksudnya: Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan Ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. dan Yang demikian agama yang lurus.*



Sebagai guru yang mengajarkan al-Quran perlu menghindari daripada mengkehendaki matlamat keduniaan dan harta benda serta berasa dirinya lebih hebat berbanding orang lain. Kenyakinan mengenai janji Allah s.w.t dalam al-Quran dalam surah al-Syura ayat 20:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ ۖ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ  
حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ ﴿٢٠﴾

*Maksudnya: Sesiapa yang ingin mendapatkan ganjaran akhirat, kami tambah ganjaran tersebut kepadanya. Sesiapa yang inginkan ganjaran dunia kami berikan kepadanya sebahagian keuntungan dunia dan di akhirat dia tidak akan memperoleh apa-apa bahagian pun.*

Selain itu, guru yang mengajarkan al-Quran perlu mempunyai akhlak yang terpuji seperti bersederhana dalam kehidupan seharian, lemah lembut, pemurah, penyabar, sentiasa tenang, tawaduk, sentiasa menjaga kebersihan diri dan memakai pakaian yang kemas dan menutup aurat dengan sempurna. Dalam pengajaran al-Quran guru perlu berperanan dalam memberikan nasihat yang baik seperti menunjukkan sikap yang ingin membantu dan melembutkan hati para pelajar. Oleh itu, kesediaan guru menjadi seorang yang pemaaf dan lemah lembut dalam tutur kata.

Disamping itu, guru perlu mendidik pelajar mempelajari al-Quran mengikut tahap para pelajar. Guru berperanan mengajarkan al-Quran mengikut kemampuan para pelajar dan mendidik pelajar secara beransur-ansur. Sepertimana kata Ibnu Abbas:

أُمِرْتُ أَنْ أُكَلِّمَ النَّاسَ عَلَى قَدْرِ عُقُولِهِمْ





*Maksudnya: "Aku diseru supaya bercakap dengan manusia berdasarkan kemampuan akal fikiran mereka"*

Ibnu Sahnun mencadangkan agar guru hendaklah memberikan perhatian kepada pelajarinya, mengambil berat terhadap pelajar sama ada di dalam dan diluar kelas. Contohnya, memberikan perhatian dan tanggungjawab yang berterusan dalam memastikan pelajar pulang ke rumah dengan selamat (Gamal, 2003). Disamping itu, guru juga harus mengambil berat terhadap persekitaran di dalam bilik darjah, jika mengetahui pelajar tidak hadir dan segera mendapatkan sebab ketidakhadiran pelajar tersebut ke sekolah (Siti Salwa & Azlina, 2014).

Guru perlu memberikan penumpuan yang teliti dalam melaksanakan pengajaran tilawah al-Quran daripada sebarang gangguan yang terdapat pada pemikiran. Semasa pengajaran berlangsung, guru perlu menjaga anggota badan seperti tangan, pancaindera daripada perkara yang sia-sia, sentiasa berwuduk, mengajar dengan menghadap ke arah kiblat, duduk dengan sopan dan tenang dan berpakaian bersih dan kemas. Guru disunatkan menunaikan solat sunat sebelum mengajarkan al-Quran. (al-Nawawi, 2008).

Guru al-Quran perlu membersihkan diri daripada sebarang kekotoran atau najis yang terdapat pada tubuh badan dan melakukan amalan berwuduk sebelum mengajarkan al-Quran. Islam menitikberatkan amalan berwuduk, sehinggakan jika tidak terdapat air untuk berwuduk maka diperintahkan agar bertayammum sebagai ganti amalan berwuduk (al-Nawawi, 1999). Pembacaan al-Quran ditempat yang bersih seperti di masjid dengan melakukan amalan iktikaf adalah amat dituntut. Selain itu, disunatkan membaca al-Quran dengan menghadapkan ke arah kiblat. Disunatkan





juga, sebelum membaca al-Quran dimulakan dengan membaca lafaz ta'awwudz. Manakala, lafaz bismillahirrahmanirrahim disunatkan dibaca ketika memulakan pembacaan al-Quran kecuali pada surah al-Taubah (al-Nawawi, 1999).

Ibnu Sahnun meletakkan ciri penting takwa dalam diri seorang guru. Maksud kepada pemeliharaan itu adalah memelihara hubungan baik dengan Allah SWT dan memelihara diri daripada sesuatu yang dilarang oleh Allah s.w.t. Ketakwaan seorang guru itu sudah semestinya disusuli dengan rasa adil. Para pendidik yang bertakwa akan sentiasa melaksanakan tugas pendidikan ini dengan penuh keadilan. Ini kerana seorang insan apabila dia mempunyai rasa takwa di dalam dirinya, maka segala tugas akan dilaksanakan pasti akan berlandaskan paksi kebenaran. Sifat guru yang menepati masa adalah guru yang menyusun masa dalam melaksanakan tugas mengikut waktu yang ditetapkan. Guru tidak boleh menjalankan tugas mengikut keselesaan, namun proses pembelajaran hendaklah dibuat pada waktu yang ditetapkan, oleh itu guru hendaklah sentiasa menepati masa. (Siti Salwa & Azlina, 2014).

Menurut Khadijah Alavi et. al. (2012), peranan guru dalam pembentukan akhlak pelajar ialah memberi nasihat, galakan yang berterusan dengan menggunakan sentuhan rohani dan jasmani. Disamping itu, guru perlu mempelbagaikan kreativiti dalam membentuk sahsiah pelajar yang cemerlang melalui kasih sayang dan belaian. Dalam kajiannya lagi, kaedah rentak-ritma (belajar mengaji secara berirama) ini membolehkan pelajar belajar dalam persekitaran yang kondusif, kurang tekanan dan secara tidak langsung menimbulkan rasa minat untuk belajar al-Quran serta menghafaz dengan lebih berkesan. Guru yang berdedikasi dan tidak mengenal penat,



menjalankan tugas dengan ikhlas, amanah, mengamalkan kreatif serta inovatif dalam menjalankan tugas.

Menurut Muhammad Nurfaahmi et. al. (2012), menyatakan bahawa pemilihan kerjaya merupakan peranan yang penting dalam mencapai kejayaan berkaitan bidang yang disertai. Antara faktor pemilihan kerjaya perlulah berdasarkan minat yang mendalam terhadap pekerjaan tersebut. Kegagalan meminati kerjaya sebagai guru akan menyebabkan kegagalan dalam memahami Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Seterusnya berlakunya ketidakfahaman terhadap isi kandungan kursus pendidikan dan hanya mempelajari ilmu bagi tujuan peperiksaan.

Selain itu, guru mempunyai tanggungjawab yang besar dalam pembentukan insan yang bermula di sekolah pada peringkat rendah. Kurangnya kefahaman guru terhadap FPK menyebabkan guru merasakan tugas guru semakin bertambah. Tanggungjawab yang diberikan kepada guru menyebabkan fokus kepada proses pengajaran dan pembelajaran akan terabai. Sebagai guru, persediaan yang lengkap sebelum memulakan sesi pembelajaran dan pengajaran hanya sekadar proses penyampaian ilmu tanpa memasukkan elemen yang berkaitan FPK.

Menurut Nurul Asiah Fasehah et. al. (2013), tanggungjawab yang perlu ditunjukkan oleh guru pendidikan Islam adalah menunjukkan contoh yang terbaik kepada pelajar dalam proses pembentukan akhlak. Hal ini kerana, guru berperanan dalam mempengaruhi tingkah laku, pencapaian pelajar, serta menarik minat pelajar melalui personaliti yang menarik. Antara keperluan guru adalah persediaan mental,

memberikan pandangan yang positif sebagai agen pembangunan moral dan modal insan.

Kesimpulannya, guru yang mengajarkan al-Quran perlu mengamalkan adab terhadap al-Quran terlebih dahulu, ikhlas terhadap perbuatan yang dilakukan, berakhlak mulia sepanjang masa, memberikan perhatian kepada pelajarannya, bersih diri daripada sebarang kekotaran, pembelajaran al-Quran ditempat yang bersih, bertaqwa, menepati masa dan tidak mementingkan diri sendiri.

## 2.9 Kajian – kajian lepas

Ab. Halim Tamuri et. al. (2004) dalam kajian terhadap 89 daripada 91 orang pelajar yang ditemubual di 20 buah sekolah di negeri Selangor, Perak dan Terengganu menyatakan bahawa pengajaran tilawah al-Quran menarik minat mereka. Diantara sebabnya ialah tilawah al-Quran membiasakan dan membudayakan diri dengan al-Quran dan dapat memberi kesan positif dalam kehidupan seharian pelajar. Pelajar-pelajar menjelaskan bahawa amalan pengajaran dan pembelajaran guru yang menekankan tajwid telah banyak membantu pelajar dalam memperbaiki bacaan al-Quran. Ini menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru dalam bilik darjah dapat menentukan objektif pengajaran, isi pelajaran dan pencapaian pelajar.

Ab. Halim et.al (2004) juga mendapati bahawa kaedah pengajaran yang kerap digunakan oleh guru ialah kaedah kuliah dan penerangan. Ini termasuklah dalam pengajaran tilawah al-Quran. Ini bererti kaedah pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran masih berpusatkan guru dan secara tidak langsung kurang memberi peluang





kepada pelajar untuk sama-sama terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Mohd Alwi et al. (2003) di Wilayah Persekutuan mendapati bahawa hanya 29% sahaja guru-guru mempunyai rancangan pengajaran harian (RPH) yang melibatkan pengajaran Iqra' dalam bilik darjah. Ini menunjukkan 71% lagi guru - guru tidak menulis rancangan mengajar al-Quran (Iqra').

Kajian yang telah dilakukan oleh Misnan Jemali (2008) terhadap 56 orang guru Pendidikan Islam yang dijalankan di negeri Perak mendapati penggunaan Alatan Bantu Mengajar menunjukkan skor min berada pada tahap yang rendah. Manakala daripada aspek set induksi, objektif, kaedah, penilaian serta rumusan berada pada tahap sederhana. Disamping itu juga, sahsiah guru menunjukkan skor min berada pada tahap tinggi.

Kajian yang dijalankan oleh Ghazali Darulsalam (2007) mengenai persepsi pensyarah terhadap pelaksanaan program j-QAF menyatakan bahawa guru j-QAF yang mengikut kursus di Institut Pendidikan Guru perlu mempertingkatkan lagi komitmen mereka terhadap kepatuhan kepada tugas yang diberikan berada pada min 3.5. Begitu juga, mengenai ketepatan masa guru j-QAF dan kepatuhan kepada prosedur modul/model j-QAF berada pada min 3.9.

Menurut kajian yang dijalankan Mohd Nasrudin Basar et. al (2008) mengenai persepsi guru besar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Model Enam





Bulan Khatam al-Quran guru j-QAF dalam bilik darjah berada pada min 3.7. Manakala persepsi guru besar terhadap guru j-QAF berkaitan penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran semasa mengajar berada pada tahap 3.9. Begitu juga dengan persepsi guru besar terhadap guru j-QAF berkaitan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran berada pada min 3.9. Dapatan menunjukkan ketiga-tiaspek tersebut kurang dilaksanakan oleh guru j-QAF.

Kajian yang dilakukan oleh Amal Hayati (2012) terhadap 240 orang guru Pendidikan Islam dan j-QAF daripada 24 buah sekolah di daerah Kuala Selangor, Klang dan Hulu Langat mendapati bahawa tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian ini juga mendapati penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam pengajaran tilawah al-Quran perlu dipertingkatkan demi mempertingkatkan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid.

Ibrahim Hashim et al (2009) yang mengkaji mengenai amalan murid dalam pembacaan al-Quran mendapati 64.3 % (min=1.93) murid membaca al-Quran apabila disuruh dan bakinya sebanyak 36.7% murid membaca al-Quran dengan usaha sendiri. Begitu juga dengan persepsi murid mengenai ibu bapa yang mendengar bacaan al-Quran anak mereka semasa di rumah menunjukkan hanya 64.6% (min=1.96) dan selebihnya 35.4% (min=1.04) ibu bapa tidak mendengar bacaan al-Quran anak-anak mereka di rumah. Keadaan ini menunjukkan, kebanyakan ibu bapa melepaskan tanggungjawab mengajarkan al-Quran kepada guru j-QAF selepas kewujudan program ini di sekolah rendah. Sepatutnya pengajaran al-Quran ini perlu berterusan sama ada di sekolah mahupun dirumah kerana ianya memerlukan latihan serta



pengulangan bacaan yang berterusan. Tugas mengajarkan al-Quran diserahkan sepenuhnya kepada guru-guru j-QAF. Disamping itu, kajian yang dijalankan juga menunjukkan bahawa 80.0% orang guru j-QAF berpendapat bahawa Model 6 bulan Khatam al-Quran perlu diperbaiki. Kajian ini mendapati pelaksanaan model ini kurang sesuai disebabkan pelbagai faktor antaranya guru, kaedah serta teknik pengajaran yang bersesuaian atau kekangan masa pelaksanaannya.

Kajian M. Asrar & Badlihisam (2012) bertujuan menganalisis perspektif guru j-QAF terhadap Islam Hadhari dengan menggunakan analisis dokumen, temubual dan soal selidik. Kajian ini melibatkan seramai 81 orang guru j-QAF yang berkhidmat di sekolah kebangsaan daerah Hulu Langat Selangor. Hasil kajian mendapati perspektif yang sederhana terhadap konsep Islam Hadhari, perspektif yang sederhana pada

Panduan Panduan Kurikulum Pendidikan Islam berasaskan pendekatan Islam Hadhari. Manakala, keupayaan guru dalam menyisipkan konsep Islam Hadhari dalam pengajaran dan pembelajaran menunjukkan perspektif yang tinggi. Namun begitu, perspektif guru terhadap respon murid sewaktu konsep Islam Hadhari disisipkan di dalam pengajaran dan pembelajaran adalah pada tahap sederhana. Hasil kajian mendapati bahawa keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam berasaskan pendekatan Islam Hadhari adalah tinggi.

Manakala kajian Mohd Ridhuan Jusoh (2008) bertujuan mengenal pasti tahap kesediaan guru-guru pelatih j-QAF Bahasa Arab Major di Institut Perguruan Bahasa Melayu Malaysia. Kajian yang dijalankan melibatkan 93 orang guru-guru pelatih dan 6 orang guru pelatih terlibat dipilih sebagai peserta temu bual. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan guru-guru pelatih berdasarkan kesemua elemen yang



diuji. Namun begitu, persepsi guru pelatih j-QAF terhadap konsep kemahiran mengajar yang diperolehi sudah mencukupi menunjukkan hanya 19.4% sahaja bersetuju. Selain itu kajian yang dijalankan mendapati bahawa hanya 52.7% daripada kalangan responden yang memanggil pelajar dengan mesra dan sopan, walaubagaimanapun, terdapat 19.4 % daripada kalangan responden yang mendenda pelajar dengan tujuan menghukum (bukan mendidik). Dapatan kajian juga mendapati bahawa 17.2% daripada responden bersetuju menegur pelajar dengan berleter, mengugut, menyindir bukan dengan hikmah.

Hasbullah Md. Daud (2012) mengenai tahap kepuasan kerja guru j-QAF di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian tersebut melibatkan 250 orang guru j-QAF. Dapatan kajian menunjukkan tahap kepuasan kerja berada di tahap sederhana tinggi (Min=3.67, SP= 0.33) seperti guru sentiasa dilibatkan dengan kerja pengkeranian, kerja guru yang sangat mencabar serta menghalang daripada memajukan diri, peluang kenaikan pangkat terbatas, meninggalkan pekerjaan guru sekiranya mendapat pekerjaan yang mempunyai gaji yang lebih tinggi. faktor-faktor kepuasan kerja berada di tahap yang tinggi (Min=3.83, SP=0.34), Faktor yang terendah adalah gaji, kenaikan pangkat, penyeliaan, tanggungjawab, dasar organisasi, persekitaran, rakan sekerja. Tahap kepuasan kerja Islam berada di tahap yang tinggi (Min=4.23, SP= 0.32). Berdasarkan kepada tahap kepuasan kerja Islam, responden lebih suka bekerja tanpa diawasi oleh pihak pengurusan dan memilih kerjaya guru dengan memandangkan kepada gaji sebelum menerima penerima pekerjaan sebagai guru. Makala dalam model Khatam al-Quran, kajian mendapati guru j-QAF dan guru pendidikan Islam yang tidak merancang dan melibatkan diri dalam pengajaran dan





pembelajaran secara bersama (berkolaborasi). Ianya disebabkan berlakunya pertindihan tugas diantara kedua-duanya.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Noorhannan et al (2013) mengenai tahap kefahaman ilmu pendidikan Islam 48 orang guru pelatih j-QAF di Institut Pendidikan Guru Kampus pendidikan Islam mengikut elemen ilmu pendidikan Islam, akidah, fiqh, akidah, al-Quran, hadis, dan bahasa arab. Dapatan keseluruhan menunjukkan tahap kefahaman yang tertinggi ialah dalam bidang al-Quran (min=4.41) diikuti bidang fiqh (min= 4.36), ilmu Pendidikan Islam (min=4.33), bidang bahasa (min=4.27), bidang akidah (min=4.25). Kajian ini menunjukkan tahap kefahaman guru pelatih j-QAF berada pada tahap tinggi melebihi 3.67.



Quran program j-QAF kepada pelajar tingkatan 1 yang telah melalui 6 tahun program j-QAF di sekolah rendah. Kajian terhadap pelajar tingkatan 1 di enam buah sekolah menengah di Negeri Sembilan, Selangor dan Kedah. Menurut Bhasah Abu Bakar et. al. (t.th). Kajian ini melibatkan 424 responden Tingkatan 1 yang terdiri dari 172 lelaki dan 252 perempuan. Dapatan menunjukkan bahawa seramai 223 (52.6%) pelajar telah mengkhatamkan al-Quran dengan skor min persepsi terhadap keberkesanan program j-QAF (min=4.047, sp.=0.456, manakala seramai 201 (47.4%) belum lagi Khatam al-Quran (min=3.716, sp.=0.500). Selain itu, terdapat hubungan yang positif antara Khatam al-Quran dengan keberkesanan program j-QAF, dan ujian khi kuasa dua menunjukkan terdapat pergantungan yang signifikan statistic antara kedua varibel ini.  $X^2 = 34.403$ ,  $df=2$ ,  $p < 0.01$ .



Kajian yang dijalankan oleh Daud Ismail et. al. (2014) yang membincangkan tentang perkembangan dan masalah pembelajaran al-Quran dalam Program j-QAF di Malaysia. Kajian ini membincangkan tentang usaha yang dilakukan dalam mewujudkan budaya al-Quran dalam sistem pendidikan melalui program yang menekankan kepada ilmu al-Quran sebagai asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran program j-QAF dengan harapan membina masyarakat bertamadun berpaksikan ilmu-ilmu al-Quran.

Kajian oleh Ismail Muhamad et. al. (2013) berkaitan sikap dan realiti penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar Program j-QAF. Kajian ini melibatkan 159 orang murid kohort pertama yang mengikuti program j-QAF. Soal selidik yang mengandungi item-item sesuai dan ujian kemahiran bahasa digunakan sebagai instrumen untuk mendapatkan data kajian yang dianalisis secara statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap responden adalah positif dengan minat yang tinggi untuk mempelajari bahasa Arab, iaitu 66% diikuti dengan kesungguhan 63.52%, pencapaian 30.82% dan dorongan 29.56%. Manakala keputusan ujian bahasa menunjukkan bahawa 74.21 % pelajar berada pada tahap sederhana bagi komponen menulis, 60.38% pada tahap rendah bagi komponen bertutur dan 51.57% pada tahap sederhana bagi komponen membaca. Hasil kajian mendapati bahawa, tahap sendiri pelajar terhadap bahasa Arab yang positif tidak menggambarkan pencapaian yang memuaskan.

Nurul Syuhada et. al. (2013), kertas kerja yang bertajuk penelitian terhadap model j-QAF dan permasalahannya di sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Antara perkara yang dibincangkan dalam model Khatam al-Quran adalah memerlukan keupayaan murid untuk Khatam al-Quran, menggunakan kaedah talaqqi dan



mushafahah bermula dengan menggunakan buku Iqra kepada murid yang baru untuk mengenali al-Quran, penggunaan al-Quran kepada murid yang telah menguasai iqra. Disamping itu, pengenalan kepada program j-QAF yang bertujuan untuk mengatasi murid yang lemah dalam penguasaan al-Quran.

Surul Shahbudin & Muhammad Azhar (2013), bilangan murid sesebuah sekolah yang mempunyai 600 murid perlu mempunyai sekurang-kurangnya 12 orang guru bagi melaksanakan modul pengajaran Khatam al-Quran. Kelas yang mempunyai 35 hingga 40 murid akan dikendalikan oleh 2 atau 3 orang guru GPI atau j-QAF. Peruntukan masa 15 minit pertama akan diperuntukkan untuk bacaan BIG berdasarkan sukatan pelajaran, manakala yang kedua 15 minit akan digunakan untuk kumpulan bacaan yang dibimbing oleh guru-guru tersebut yang telah dikelaskan kepada pencapaian baik, sederhana dan lemah. Permasalahan akan berlaku sekiranya

sekolah mempunyai bilangan murid melebihi 700 orang murid dan mempunyai 12 orang guru GPI dan j-QAF sahaja akan menyebabkan setiap kelas tersebut akan dikendalikan oleh seorang guru sahaja. Hal ini akan menyebabkan tumpuan tidak dapat diberikan kepada murid yang lemah bacaan al-Quran. Pendekatan bacaan ikut guru (BIG) telah digunakan oleh guru bagi menyelesaikan masalah ini. Manakala pelaksanaan model tasmik memerlukan guru datang awal atau pulang lewat 30 minit daripada jadual waktu rasmi persekolahan kerana melaksanakan model tasmik. Kajian mendapati murid tidak bergantung kepada bacaan al-Quran di sekolah dan mengikuti aktiviti mempelajari al-Quran di rumah serta meneruskan bacaan tersebut di sekolah. Buku rekod bacaan dibawa pulang ke rumah bagi mengesan kemajuan bacaan murid. Berdasarkan responden, ramai murid Tahun 4 berkeupayaan membaca al-Quran dengan baik dan Khatam al-Quran melalui bacaan dalam dan di luar waktu



persekolahan. Penyertaan murid dalam kelas asas fardu ain membantu murid mengkhatamkan al-Quran lebih awal. Berbeza dengan situasi di Sabah dan Sarawak, kebanyakan murid membaca Al-Quran hanya di sekolah. Manakala di luar waktu sekolah, bergantung kepada keprihatinan ibu bapa sama ada hendak mengajar sendiri atau menghantar anak-anak mereka ke masjid dan surau. Kesimpulannya, bilangan murid melebihi 700 orang akan menyebabkan ketidakpuasan hati dalam kalangan guru dan menyebabkan masih ada murid yang membaca Iqra 1,2 dan 3 yang dikategori masih rendah keupayaan dalam membaca al-Quran.

Kajian yang ditulis oleh Siti Salwa Md. Sawari & Azlina Mustaffa (2014) berkaitan dengan guru bersahsiah mulia menurut pandang Ibnu Sahnun: Analisa Buku Adab Al Mualimin menghuraikan peranan guru iaitu mengajar, prihatin terhadap pelajar. Manakala sifat seorang guru yang mulia ialah ikhlas, taqwa, adil, menepati masa, prihatin serta amanah dan tanggungjawab. Disamping itu, perkara yang tidak boleh dilakukan oleh guru turut dibincangkan seperti tidak mementingkan diri, tidak boleh mendapat kekayaan atau harta dengan usaha anak didiknya, dan tidak boleh meninggalkan tanggungjawab untuk keperluan peribadi.

Manakala kajian Salleh & Asyraf Ridwan (2013), berkaitan pelaksanaan program j-QAF sekolah rendah orang asli di Terengganu berkaitan penguasaan murid Orang Asli di Terengganu terhadap pelaksanaan Model Tasmik dan Model Khatam al-Quran mendapati tahap penguasaan al-Quran masih lemah dengan dapatan mengenal dan membaca buku Iqra' dengan baik memperolehi min 2.43, membaca ayat-ayat pendek dalam al-Quran dengan baik memperolehi min 2.13, membaca surah dalam al-Quran dengan lancar memperolehi min 2.00, membaca al-Quran dengan





bertajwid dan dapat Khatam al-Quran memperoleh min 1.7. Dapat disimpulkan bahawa penguasaan al-Quran dalam kalangan murid orang asli perlu dipertingkatkan dengan strategi dan pendekatan yang berlainan agar pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Disamping itu, dapatan persepsi guru j-QAF, GPI dan pihak pentadbir terhadap minat murid terhadap model Khatam al-Quran memperoleh min 2.857, minat murid terhadap model Tasmik memperoleh min 2.857, minat murid terhadap model Kelas Pemulihan Jawi memperoleh min 3.00, minat murid terhadap model Bahasa Arab Komunikasi memperoleh min 3.428, dan minat murid terhadap model Kem Bestari Solat memperoleh min 3.857. Dapat disimpulkan murid orang asli lebih minat kepada kem bestari solat, model bahasa Arab komunikasi, diikuti model pemulihan jawi dan akhir sekali model tasmik dan model Khatam al-Quran. Berkaitan dengan tahap kerjasama yang telah diberikan oleh pihak sekolah dalam melaksanakan program j-QAF berada pada tahap tinggi dalam pelbagai aspek seperti pemantauan daripada guru besar, kerjasama daripada guru dan kakitangan sekolah, peruntukan kem bestari solat mencukupi, pentadbir sekolah sentiasa memberikan kerjasama dalam melaksanakan program j-QAF dan guru besar sentiasa bermesyuarat dalam menyelaraskan program j-QAF. Berkaitan dengan impak model Khatam al-Quran dan model tasmik mendapati 4 orang responden (57.1%) setuju dan 1 responden (14.3%) amat setuju bahawa Model 6 Bulan Khatam al-Quran, 4 responden (57.1%) setuju dan 1 responden (14.3%) amat setuju bahawa Model Tasmik dan Model Khatam al-Quran membantu murid membaca al-Quran dengan bertajwid, walau bagaimanapun 1 responden (14.3%) kurang setuju bahawa Model 6 Bulan Khatam al-Quran dapat meningkatkan penguasaan al-Quran pelajar dan bahawa Model Tasmik dan 2 responden (28.6%) kurang setuju bahawa Model Khatam al-Quran membantu murid



membaca al-Quran dengan bertajwid. Dapat disimpulkan bahawa penguasaan murid terhadap model Khatam al-Quran dan model tasmik perlu dipertingkatkan.

Kajian oleh Nabiroh et. al. (2014) berkaitan dengan amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran tilawah al-Quran Program j-QAF berdasarkan temubual mendalam bersama lima orang guru, pemerhatian di bilik darjah beserta dokumen berkaitan bagi melihat perkaitan antara kepercayaan dan amalan guru dalam pelaksanaan penerapan nilai dalam bilik darjah. Analisis temu bual dapat dikelaskan kepada tiga aspek utama iaitu kedudukan dan fungsi al-Quran dalam pendidikan, kesesuaian pelaksanaan di sekolah rendah, kesan terhadap guru, pelajar dan proses pembelajaran. Kajian mendapati bahawa guru mengorak langkah dalam melakukan proses penerapan nilai dalam pengajaran tilawah al-Quran walaupun kurikulum tilawah al-Quran di sekolah rendah tidak menjadikan aspek penerapan nilai

berdasarkan ayat al-Quran sebagai suatu keperluan asas dalam pengajaran tersebut. Kajian ini juga mendapati penerapan nilai sesuai dilaksanakan dalam pengajaran tilawah al-Quran sekolah rendah disebabkan wujudnya peluang yang boleh dimanfaatkan oleh guru dalam penggunaan model Khatam al-Quran. Selain itu, kajian mendapati peluang penerapan nilai dapat dilaksanakan dengan kemudahan al-Quran terjemahan yang dibekalkan memudahkan proses penerapan nilai dilaksanakan.

Kajian yang dijalankan oleh Nurfadilah et. al. 2015 mendapati murid masih lemah dalam kaedah tajwid, walaupun mereka boleh membaca al-Quran. Kelemahan dalam tajwid melebihi aspek membaca al-Quran. Antara kemahiran yang kurang dikuasai murid ialah "Nun Sakinah", "Mim Sakinah", "Nun Syaddah" dan "Mim Syaddah". Peserta kajian didapati tidak boleh membaca dengan baik, tidak dapat menyatakan



dengan betul dan tidak mengetahui hukum tajwid. Hasil daripada temu bual murid menunjukkan bahawa kebanyakan murid-murid menghadapi masalah berkaitan tanda "Sukun", "Shiddah" "Tanwin" dan "Dammah". Berdasarkan kepada empat aspek mendapati aspek kefasihan adalah 25.63, nilai min aspek peraturan tajwid adalah 23.44, min aspek tanda baca adalah 6.07, min aspek sebutan adalah 6.03. Min keseluruhan tahap penguasaan bacaan al-Quran ialah 61.18. Hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan yang signifikan antara aspek kefasihan dan hukum tajwid, tanda baca dan sebutan berdasarkan analisis inferensi. Sementara itu, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap penguasaan dalam membaca al-Quran dalam kalangan murid perempuan dan murid lelaki dalam semua aspek; kefasihan, hukum tajwid, tanda baca dan sebutan.



Pengajaran Tilawah al-Quran Program j-QAF dan hubungannya dengan pencapaian murid yang melibatkan seramai 402 orang guru j-QAF dan 1260 murid tahun lima dipilih secara rawak berstrata, 486 murid turut terlibat dalam ujian pencapaian tilawah al-Quran dan 10 orang guru terlibat dalam pemerhatian kelas dan temu bual. Dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan pengajaran guru berada pada tahap sederhana tinggi berdasarkan persepsi guru (min 3.92) dan juga persepsi murid (min 3.43). Dapatan pencapaian Tilawah al-Quran berada pada tahap baik dengan skor min keseluruhan ialah 71.41. Analisis kolerasi mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara lapan komponen pelaksanaan pengajaran guru dengan pencapaian tilawah al-Quran. Analisis regresi berganda menunjukkan bahawa empat komponen pelaksanaan pengajaran guru (kaedah, tahap murid, set induksi dan ABM memberikan sumbangan sebanyak 15.2% kepada pencapaian tilawah al-Quran murid. Dapatan





disimpulkan bahawa pelaksanaan pengajaran perlu dipertingkatkan ke arah yang lebih baik dari semasa ke semasa.

## 2.10 Penutup

Dalam bab ini pengkaji membincangkan tentang konsep, teori serta kajian-kajian lepas yang menjadi konstruk di dalam kajian ini. Tumpuan kajian tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik program j-QAF. Bab ini juga menyentuh berkaitan pengajaran al-Quran seperti perkembangan pengajaran al-Quran di Malaysia, pelaksanaan model tilawah al-Quran melalui program j-QAF, kaedah pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran j-QAF, kerangka teori pengajaran al-Ghazali (t.th), asas kesediaan guru j-QAF berkesan, adab





## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN



#### 3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang metodologi kajian bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan dalam bab 1. Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model tilawah al-Quran Program j-QAF berdasarkan ilmu pengetahuan guru, kemahiran mengajar guru, personaliti guru dan motivasi guru. Antara perkara yang dibincangkan dalam bab ini ialah reka bentuk kajian, populasi kajian, alat kajian, kaedah pemerolehan data dan penganalisan data serta rumusan.





### 3.2 Reka bentuk kajian

Bagi menyempurnakan kajian di atas, pengkaji telah memilih kaedah kuantitatif sebagai data utama dan kaedah kualitatif sebagai data sokongan. Pilihan terhadap kaedah ini dibuat kerana ia bersesuaian dengan kehendak pengkaji yang ingin meninjau perhubungan pembolehubah bersandar. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan rekabentuk tinjauan yang melibatkan seramai 422 orang guru j-QAF untuk menjawab soal selidik dan seramai 14 orang guru j-QAF akan mengikuti proses temu bual. Maklumat kajian ini diperolehi daripada 2 instrumen kajian iaitu soal selidik untuk guru j-QAF, protokol temubual guru. Penggunaan soal selidik adalah mudah dan sesuai dengan masa serta tidak memerlukan bajet yang besar. Malah menurut Borg & Gall (1983), instrumen soal selidik yang merupakan kaedah tinjauan kerana dapatan kajian boleh digeneralisasikan dari sampel kepada populasi yang dikaji, malah ianya lebih bersifat ekonomi dan lebih praktikal.

Kajian terhadap guru dijalankan dengan cara mengedarkan soal selidik kepada guru j-QAF yang mengajar tilawah al-Quran Program j-QAF daripada 172 buah sekolah kebangsaan di Malaysia. Soal selidik ini mempunyai 2 bahagian; iaitu bahagian A, mengandungi item-item tentang latar belakang responden daripada segi jantina, bidang pengkhususan, umur, pengalaman mengajar dan lokasi sekolah. Manakala pada bahagian BA pula, mengandungi kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi guru. Pada bahagian CA pula berkaitan item Model Tasmik berdasarkan elemen ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi guru.





### 3.3 Populasi dan sampel kajian

Menurut Aziz Yahya (2007), 30 % daripada sampel sebenar daripada jumlah populasi adalah mencukupi. Saiz sampel yang besar adalah penting kerana ia melambangkan kekuatan keputusan kajian nanti. Sampel yang lebih besar akan dapat mengurangkan kesilapan keputusan. Sampel kajian ini terdiri daripada guru j-QAFambilan tahun 2005 hingga 2012 sebagai populasi kajian. Responden kajian adalah guru yang terdiri daripada jantina lelaki dan perempuan. Manakala sekolah yang terlibat adalah terdiri daripada sekolah-sekolah kebangsaan di 172 buah sekolah di seluruh Malaysia. Terdapat 13 buah negeri dan 3 buah wilayah persekutuan. Kajian ini hanya difokuskan kepada sekolah kebangsaan (SK) sahaja di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang dipilih secara rawak sebuah daerah daripada setiap negeri.



Pengkaji telah memilih seramai 422 orang guru j-QAF secara sebagai sampel kajian. Guru j-QAF yang menjawab soal selidik ini mempunyai bidang pengkhususan dalam Pendidikan Islam bahasa Arab, bahasa Arab dan pendidikan Islam. Guru yang mempunyai opsyen bahasa Arab dan pendidikan Islam dilibatkan dalam pengajaran model Tilawah al-Quran. Bagi menentukan sampel yang sebenar, pengkaji telah merujuk kepada Jadual Penentuan Sampel Krejcie & Morgan (1970) sebagai panduan dalam menetapkan jumlah sampel minimum berdasarkan jumlah populasi. Berdasarkan jadual Krejcie & Morgan, bilangan sampel bagi populasi sebanyak 10,000 orang guru ialah 370 responden. Oleh kerana jumlah keseluruhan sampel kajian ialah 10,563, maka pengkaji memilih 422 orang responden yang terdiri daripada guru lelaki dan guru perempuan.



Jadual 3.1

*Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)*

N	S
10000	370
15000	375
20000	377
30000	379
40000	380
50000	381
75000	382
100000	384

N: Jumlah Populasi    S: Jumlah Responden

Pengkaji telah menggunakan persampelan rawak mudah. Menurut Majid Konting (2009), menyatakan bahawa penggunaan sampel ini memberikan peluang kepada setiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih bagi mewakili populasi.





### Jadual 3.2

#### *Taburan Guru j-QAF Pendidikan Islam Program j-QAF*

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Guru</b>
Johor	1,021
Kedah	1,078
Kelantan	1,079
Melaka	329
Negeri Sembilan	436
Pahang	810
Perak	870
Perlis	162
Pulau Pinang	467
Sabah	767
Sarawak	516
Selangor	1,652
Terengganu	784
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	499
Wilayah Persekutuan Labuan	39
Wilayah Persekutuan Putrajaya	54
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>10,563</b>



### 3.4 Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dan temubual separa struktur kepada responden. Pembinaan instrumen soal selidik ini berdasarkan panduan daripada kajian-kajian lepas, literatur dan instrumen soal selidik yang telah dibina oleh Amal Hayati (2012), Azimah Surip (2012), Hamidah Suhaimi (2012), Hasbullah Md. Daud (2012) serta merujuk kepada Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum Program j-QAF Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (2007).



### 3.4.1 Soal selidik

Satu soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini. Soal selidik adalah satu alat formal yang digunakan bagi memperoleh maklumat secara langsung daripada responden mengenai sesuatu perkara yang dikaji oleh seorang penyelidik. Menurut Mohd Najib (1999), menyatakan bahawa soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan, selain daripada keterangan latar belakang. Menurut Majid Konting (1998), menyatakan borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak, dan sebagainya. Disamping itu, ia juga dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas atau jawapan yang diberikan oleh subjek tidak dipengaruhi oleh personaliti atau tingkah laku penyelidik. Subjek juga terasa dirinya selamat untuk memberi jawapan yang tepat dan benar terhadap ransangan.

#### Jadual 3.3

##### *Instrumen Soal Selidik Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran*

Kategori	Elemen	No. Item	Item Negatif	Jumlah Item
Demografi	-	A1-A6	-	6
Kesediaan Guru dalam pengajaran model khatam al-Quran	Ilmu Pengetahuan	BA1 hingga BA12	BA12	12
	Kemahiran Mengajar	BA13 hingga BA29	BA26,BA29	17
	Personaliti	BA30 hingga BA37	BA36,BA37	8
	Motivasi	BA38 hingga BA42	-	5

(bersambung)

Jadual 3.3 (sambungan)

Kategori	Elemen	No. Item	Item Negatif	Jumlah Item
Kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik	Ilmu Pengetahuan	CA1 hingga CA4	CA4	4
		Kemahiran Mengajar	-	6
	Personaliti	CA5 hingga CA10		6
		CA11 hingga CA16	CA16	6
Motivasi	CA17 hingga CA22	CA21	6	
<b>Jumlah keseluruhan item</b>				<b>70</b>

Pengkaji telah memilih untuk menggunakan 6 item bagi demografi dan latar belakang responden, 42 item untuk Kesediaan Guru dalam pengajaran model khatam al-Quran yang meliputi 4 elemen iaitu ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi guru. Sebanyak 22 item yang berkaitan kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik. Jumlah keseluruhan item ialah 70 item untuk melaksanakan kajian rintis.

Reka bentuk soal selidik ini dibentuk untuk menyentuh persoalan-persoalan utama berkaitan tajuk kajian yang dilakukan. Hal ini dapat mengelakkan daripada berlakunya kekeliruan terhadap item yang disediakan oleh pengkaji. Instrumen soal selidik yang digunakan oleh pengkaji menggunakan *Skala Likert* yang mengandungi 5 peringkat. Penjelasan *Skala Likert* adalah seperti jadual berikut:

### Jadual 3.4

#### *Skala Likert dalam kajian*

<b>Skor</b>	<b>Tahap</b>
<b>1</b>	Sangat Tidak Setuju (STS)
<b>2</b>	Tidak Bersetuju (TS)
<b>3</b>	Kurang Setuju (KS)
<b>4</b>	Bersetuju (B)
<b>5</b>	Sangat Sangat (SS)

Berdasarkan skala ini, responden dapat menunjukkan sikap mereka dengan menyepak sejauh mana responden bersetuju dengan item yang diberikan. Responden diminta untuk membulatkan salah satu nombor untuk menunjukkan persetujuan

mereka terhadap item yang terdapat dalam soal selidik.

### 3.4.2 Temubual

Satu set protokol temubual dibina dan akan ditanyakan kepada guru j-QAF untuk melihat kesediaan mengajar guru j-QAF, kaedah pengajaran dan pembelajaran, alat bantu mengajar, perancangan, pelaksanaan, penilaian dalam proses pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF, personaliti serta motivasi guru j-QAF.

### 3.5 Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen

Kesahan adalah suatu alat pengukuran yang bertujuan untuk melihat sejauh mana alat pengukuran tersebut mengukur data yang hendak diukur. Dalam kajian ini, pengkaji telah melakukan kesahan instrumen daripada segi kesahan muka, kesahan kandungan dan kesahan konstruk. Proses untuk mendapatkan kesahan dimulakan dengan melakukan perbincangan dengan guru j-QAF sebagai (*face validity*). Seterusnya proses kesahan kandungan instrumen ini dilakukan dengan menjemput panel rujukan yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang pendidikan Islam daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan pensyarah - pensyarah daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam. Satu set dokumen soal selidik yang terdiri daripada konsep dan pernyataan dalam membentuk item-item dalam instrumen termasuk set temu bual telah diedarkan kepada panel rujukan untuk dinilai dan ditambah baik berdasarkan pandangan yang difikirkan sesuai. Senarai panel adalah seperti berikut:

Jadual 3.5

#### *Senarai Pakar Instrumen Soal Selidik*

Bil	Nama	Jawatan	Kelulusan
1.	Prof. Madya Dr. Kamarulzaman Abdul Ghani	Prof. Madya di Jabatan Bahasa, Pusat Pembangunan Insaniah UMK	PHD Pendidikan Bahasa Arab
2.	En. Othman Loman	Penolong Pengarah Pusat Pembangunan Akademik Institut Pendidikan Guru Malaysia	Sarjana Pendidikan
3.	En. Nazib Hashim	Penolong Pengarah Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Hubungan Luar IPGM	Sarjana Muda Pengajian Islam

## Jadual 3.6

*Senarai Pakar Instrumen Temu bual*

Bil	Nama	Jawatan	Kelulusan
1.	Dr Noraini Omar	Pensyarah Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Tun Abdul Razak	PHD Pendidikan Islam

Pengkaji juga telah berjumpa dengan ahli pakar yang disenaraikan pada jadual 3.5 dan jadual 3.6 bagi memastikan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan difahami dengan jelas. Selepas menerima maklum balas daripada panel rujukan, pengkaji telah melakukan pengubahsuaian tanpa mengubah konsep asal dari segi penggunaan istilah, ringkasan ayat, pernyataan yang berulang dan kesalahan ejaan.

Manakala soalan asas temu bual dipersetujui oleh pakar rujukan untuk dijadikan data sokongan kepada data kuantitatif. Pandangan panel rujukan berpandangan bahawa soalan temu bual perlu disesuaikan berdasarkan situasi semasa proses temu bual dijalankan agar mencapai objektif temu bual.

Nilai kebolehpercayaan menurut Anastasi (1982) ialah sesuatu instrumen yang merujuk kepada ketekalan dalaman sesuatu instrumen untuk mengukur sesuatu fenomena secara tekal walaupun ditadbir dalam waktu yang berbeza. Instrumen yang diperolehi akan diuji dengan menggunakan teknik Alfa Cronbach ( $\alpha$ ) kerana teknik ini adalah sesuai digunakan bagi menilai instrumen berskala likart. Menurut Neuman (2003), terdapat tiga jenis utama dalam membincangkan tentang kebolehpercayaan iaitu kestabilan (*stability reliability*), perwakilan (*representative reliability*) dan

persamaan (*equivalence reliability*). Kehomogenan item yang terkandung dalam instrumen kajian yang digunakan menjustifikasikan penggunaan pendekatan persamaan sebagai pengukuran kebolehpercayaan.

Menurut Mohd Majid Konting (1990) kebolehpercayaan yang bernilai 0.60 dan ke atas sering digunakan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan sesuatu alat kajian. Nilai kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.60 adalah dianggap rendah dan tidak boleh diterima. Klasifikasi indeks kebolehpercayaan adalah seperti berikut:

Jadual 3.7

*Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan*

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangat Tinggi	> 0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.60 – 0.69
Rendah (not reliability)	< 0.60

\*Adaptasi daripada Bryman & Cramer (1999): Azhar (2006)

Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi menerusi kajian rintis ini, ujian Alpha Cronbach yang dijalankan mendapati item-item yang dibina mempunyai skor nilai alpha yang tinggi iaitu pada aras 0.892. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa instrumen yang dibina adalah boleh dipercayai dan seterusnya boleh diaplikasikan dalam kajian ini. Namun begitu, apabila dilakukan perincian terhadap setiap konstruk mendapati bahawa:



## Jadual 3.8

*Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Konstruk*

Aspek	Bil Item	Nilai Alpha Cronbach
Kesediaan guru dalam pengajaran model khatam al-Quran	42	0.931
Kesediaan guru dalam pengajaran model tasmik	22	0.435
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>64</b>	<b>0.892</b>

Berdasarkan jadual 3.6, nilai koefisien *Cronbach Alpha* bagi setiap konstruk yang dibina dan digunakan dalam kajian ini mendapati konstruk bagi aspek kesediaan guru dalam pengajaran model khatam al-Quran adalah melebihi  $> 0.600$ . Maka konstruk tersebut diterima. Manakala, konstruk kesediaan guru dalam pengajaran model tasmik berada pada nilai alpha cronbach  $< 0.40$ . Oleh itu, pengkaji turut mengambil kira nilai alpha cronbach yang dinyatakan oleh Hair *et al.* (2010) yang menyatakan bahawa item tersebut mempunyai nilai alpha cronbach yang sederhana. Oleh itu, pengkaji menggunakan soal selidik yang telah dijalankan kajian rintis untuk kajian lapangan sebenar.

## Jadual 3.9

*Nilai Alpha Cronbach, Hair et al. (2010)*

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
0.00 - 0.20	Sangat Rendah
0.20 – 0.40	Rendah
0.40 – 0.60	Sederhana
0.60 – 0.80	Tinggi
0.80 – 1.00	Sangat Tinggi







### 3.6 Kajian rintis

Kajian rintis ini dilaksanakan bagi melihat kesahan dan kebolehpercayaan item yang terdapat dalam soal selidik. Kepentingan mentadbir kajian rintis ini ialah bertujuan melakukan penambahbaikan terhadap instrumen soal selidik yang telah dibina dan mendapatkan pandangan mengenai instrumen yang telah dibina. Melalui pelaksanaan kajian rintis, pengkaji dapat meneliti kesesuaian dan arahan soalan, format serta kelemahan kecil walaupun hal yang remeh temeh. Pelaksanaan kajian rintis merupakan kajian awal yang dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis ini dijalankan bagi menilai kebolehpercayaan instrumen kajian agar ia mampu mengukur tahap kesediaan guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran Program j-QAF. Item yang dibina ini perlu dijalankan kajian rintis bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham dan tafsiran yang sebenar terhadap soal selidik. Kajian rintis ini perlu diedarkan kepada 30 orang responden yang mempunyai ciri yang sama dengan responden sampel kajian sebenar. Menurut Wolf (1997) mencadangkan pemilihan 30 hingga 50 orang diperlukan bagi mendapatkan keputusan kajian rintis yang baik. Sebelum menjalankan kajian rintis ini, pengkaji telah bertemu dengan 3 orang guru j-QAF bagi mendapatkan pandangan terhadap item yang dibina dalam soal selidik ini. Kajian rintis ini akan dilakukan terhadap guru-guru j-QAF di sekolah kebangsaan di daerah Hulu Langat, Selangor. Masa yang diperuntukan untuk seorang responden ialah 15 - 20 minit.

Hasil daripada kajian rintis yang telah dilaksanakan, data yang telah dijawab melalui instrumen soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian SPSS Version 19 (*Statistical Packages For Social Sciences*) dan mampu menjawab objektif kajian.





Ujian kebolehpercayaan instrumen menunjukkan skor nilai alpha yang tinggi iaitu pada aras alpha 0.892. Nilai ini menunjukkan bahawa item-item dalam soal selidik yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

### 3.7 Kaedah pungutan data

Pengkaji telah memohon kebenaran daripada Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji telah memberikan penerangan kepada pihak yang terlibat tentang tujuan, objektif serta sasaran responden kajian agar sampel yang diambil itu adalah golongan sasaran. Setelah mendapatkan kelulusan tersebut.



### 3.8 Tatacara penganalisis data



Data-data yang diperolehi menerusi borang soal selidik ini dianalisis menggunakan SPSS (*Statistical Packages For The Social Sciences*) Version 19.0. Data ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan bagi melihat min, kekerapan, peratusan dan sisihan piawai. Manakala statistik inferensi seperti ujian-t, ANOVA satu hala dan kolerasi pearson digunakan untuk menguji hipotesis kajian iaitu perbezaan dan hubungna antara pembolehubah bersanda dan tidak bersandar.



### 3.8.1 Analisis data deskriptif

Data disemak dan dimasukkan terus kedalam program SPSS (*Statistical Package For Social Science*). Kajian ini menggunakan statistik deskriptif untuk memperihalkan atau menghuraikan secara menyeluruh tentang subjek kajian seperti jantina, lokasi sekolah, bidang pengkhususan, pengalaman mengajar dan umur bagi menjawab persoalan kajian. Statistik deskriptif yang akan digunakan adalah skor, peratusan, frekuensi, min dan sisihan piawai bagi menerangkan demografi serta persoalan kajian yang dikemukakan.

Statistik inferensi seperti ujian-t, ANOVA satu hala, dan pekali Kolerasi Pearson digunakan untuk melihat perbezaan kesediaan guru yang berbeza daripada segi jantina, lokasi sekolah, bidang pengkhususan, umur dan pengalaman mengajar.

Statistik inferensi digunakan untuk mendapatkan statistik yang boleh merumus populasi. Analisis ini menggunakan lengkungan normal atau tahap kebarangkalian untuk membuat anggapan bahawa penemuan kajian itu ialah secara kebetulan atau pengaruh sesuatu pembolehubah. Segala analisis data berbentuk deskriptif dihurai oleh pengkaji berpandukan jadual interpretasi skor min Nunnaly (1972) seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Jadual 3.10

*Interpretasi Min, Nunnaly (1972)*

Skor Min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.00 – 2.00	Rendah

### 3.8.2 Analisis data inferensi

Analisis data inferensi digunakan untuk membuat inferensi daripada sampel kepada populasi. Menurut Julie (2007), ujian statistik dijalankan untuk mengetahui tahap pengurusan mengenai sesuatu penemuan sama ada berlaku secara kebetulan atau dipengaruhi oleh sesuatu pemboleh ubah. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis inferensi yang digunakan oleh pengkaji bagi mengenalpasti perbezaan skor min pemboleh ubah bersandar berdasarkan faktor pemboleh ubah tidak bersandar yang mempunyai dua kumpulan sahaja iaitu berdasarkan jantina, bidang pengkhususan dan lokasi sekolah responden. Dalam kajian ini, ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan min kesediaan guru dalam pengajaran tilawah al-Quran Program j-QAF meliputi model khatam al-Quran dan model tasmik berdasarkan latar belakang

Manakala Anova Satu Hala digunakan untuk menganalisis perbezaan yang melebihi dua set skor. Keputusan ANOVA adalah untuk menguji hipotesis: i) Tahap kesediaan guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran Program j-QAF iaitu model khatam al-Quran dan model tasmik berdasarkan peringkat umur; dan pengalaman mengajar responden.

Bagi tujuan interpretasi data, pengkaji memilih skala Alias Baba (1997) berkaitan anggaran kekuatan hubungan yang wujud antara pemboleh ubah yang dikaji. Jadual dibawah menerangkan interpretasi bagi skala pekali kolerasi yang digunakan dalam kajian ini. Pekali kolerasi Pearson digunakan untuk meramal kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah. Pemboleh ubah yang mempunyai kolerasi di

antara satu sama lain akan menunjukkan nilai skor yang saling berkaitan. Dalam kajian ini, Kolerasi Pearson digunakan untuk melihat: i.) Hubungan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran. ii) Hubungan antara elemen personaliti dengan motivasi guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran. iii) Hubungan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmek. iv) Hubungan antara elemen personaliti dengan motivasi guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmek. Anggaran kekuatan perhubungan antara 2 pemboleh ubah mengikut Alias Baba (1997) adalah seperti berikut:

Jadual 3.11

*Kekuatan Perhubungan Kolerasi*

Pekali Kolerasi, r	Kekuatan hubungan
0.00 hingga 0.20	Lemah
0.21 hingga 0.40	Rendah
0.41 hingga 0.60	Sederhana
0.61 hingga 0.80	Tinggi
0.81 hingga 1.00	Sangat tinggi

Sumber: Alias Baba (1997)

Secara keseluruhannya, prosedur penganalisan data inferensi bagi semua persoalan dalam kajian ini dinyatakan menerusi jadual di bawah.



Jadual 3.12

*Prosedur Penganalisan Data Inferensi*

<b>Bil</b>	<b>Hipotesis Kajian</b>	<b>Analisis</b>
Ho1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan jantina.	Ujian – t
Ho2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan.	Ujian – t
Ho3	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah.	Ujian – t
Ho4	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan umur.	ANOVA Satu Hala
Ho5	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF pengalaman mengajar.	ANOVA Satu Hala
Ho6	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan jantina.	Ujian – t
Ho7	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan.	Ujian – t
Ho8	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah.	Ujian – t
Ho9	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan umur.	ANOVA Satu Hala





Ho10	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan pengalaman mengajar.	ANOVA Satu Hala
Ho11	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen ilmu pengetahuan dan dengan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam Model Khatam al-Quran program j-QAF.	Kolerasi Pearson
Ho12	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen personaliti dan motivasi guru j-QAF dalam Model Khatam al-Quran program j-QAF.	Kolerasi Pearson
Ho13	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam Model Tasmik program j-QAF.	Kolerasi Pearson
Ho14	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen personaliti dan motivasi guru j-QAF dalam Model Tasmik	Kolerasi Pearson

**3.9****Penutup**

Bab ini menerangkan metodologi kajian dan instrumen kajian yang dijalankan ke atas guru j-QAF di sekolah kebangsaan di Malaysia yang terpilih sebagai lokasi kajian. Sampel terdiri daripada guru j-QAF yang mengajar Model tilawah al-Quran Program j-QAF iaitu Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik. Terdapat pelbagai kaedah dalam mengumpulkan dapatan kajian bagi meninjau pelbagai persoalan kajian yang hendak dilakukan. Namun begitu, kajian ini menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen kajian dan temubual separa struktur. Kaedah soalan selidik dapat memudahkan pengkaji mendapatkan dapatan kajian dalam jangka masa yang cepat dan mudah. Walaubagaimanapun, instrumen soal selidik ini perlu ditadbir mengikut prosedur yang ditetapkan bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian ini. Manakala, temu bual bersama guru j-QAF dijadikan sebagai data sokongan.





## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN



#### 4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tilawah al-Quran di sekolah-sekolah kebangsaan di seluruh Malaysia. Pengkaji akan membentangkan hasil analisis data kajian meliputi profil responden kajian daripada kalangan guru j-QAF. Seterusnya pembentangan dapatan kajian ini berdasarkan tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tilawah al-Quran program j-QAF. Dapatan kajian ini dibentangkan dengan tahap kesediaan guru j-QAF melalui elemen ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi guru j-QAF. Analisis ini menggunakan statistik deskriptif iaitu frekuensi,





peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi menjelaskan profil responden dan menjawab persoalan kajian. Selain itu, statistik inferensi seperti ujian-t dan anova satu hala digunakan bagi tujuan menghuraikan dapatan kajian tentang perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model tilawah al-Quran program j-QAF berdasarkan faktor-faktor tertentu seperti jantina, umur, bidang pengkhususan, pengalaman mengajar dan lokasi sekolah.

#### 4.2 Profil responden kajian

Berdasarkan jadual 4.1, data responden kajian ini diperolehi daripada guru j-QAF yang mengajar di 174 buah sekolah di seluruh negara yang melibatkan 422 orang guru yang telah memberikan respon melalui soal selidik yang diedarkan. Jadual 4.1 menunjukkan sebanyak 107 orang (25.4%) adalah lelaki dan 315 orang (74.6%) adalah perempuan. Jumlah responden perempuan melebihi responden lelaki seramai 208 orang.

Jadual 4.1

*Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina*

Bil	Kumpulan	Jumlah	Peratus
1	Lelaki	107	25.4
2	Perempuan	315	74.6

Jadual 4.2 menunjukkan umur responden hanya 7 orang (1.7%) responden berumur kurang daripada 25 tahun, manakala 316 orang (74.9%) berumur di antara 25 – 35 tahun dan 99 orang (23.5%) berumur melebihi 36 – 45 tahun.

Jadual 4.2

*Taburan Kekерapan dan Peratusan Responden Mengikut Umur*

Bil	Kumpulan	Jumlah	Peratus
1	Kurang 25 Tahun	7	1.7
2	25 - 35 Tahun	316	74.9
3	36 - 45 Tahun	99	23.5

Jadual 4.3 menunjukkan opsyen guru j-QAF mendapati 282 orang (66.8%) mempunyai bidang pengkhususan dalam pendidikan Islam dan bahasa Arab, 140 orang (33.2%) mempunyai pengkhususan dalam bahasa Arab dan pendidikan Islam.

Jadual 4.3

*Taburan Kekерapan dan Peratusan Responden Mengikut Bidang Pengkhususan*

Bil	Kumpulan	Jumlah	Peratus
1	Pendidikan Islam dan Bahasa Arab	282	66.8
2	Bahasa Arab dan Pendidikan Islam	140	33.2

Jadual 4.4 menunjukkan responden berdasarkan pengalaman mengajar guru yang mengajar 1 hingga 3 tahun adalah seramai 114 orang (27.0%), mengajar 4 hingga 6 tahun adalah seramai 119 orang (28.2%), 7 hingga 9 tahun adalah sebanyak 188 orang (44.5%) dan 10 hingga 12 tahun adalah seorang.

Jadual 4.4

*Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar*

Bil	Kumpulan	Jumlah	Peratus
1	1 hingga 3 tahun	114	27.0
2	4 hingga 6 tahun	119	28.2
3	7 hingga 9 tahun	188	44.5
4	10 hingga 12 tahun	1	0.2

Jadual 4.5 menunjukkan responden berdasarkan lokasi kajian mendapati bahawa 188 orang (44.5%) mengajar di kawasan bandar, manakala 234 orang (55.5%) mengajar di kawasan luar bandar.

Jadual 4.5

*Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Lokasi Sekolah*

Bil	Kumpulan	Jumlah	Peratus
1	Bandar	188	44.5
2	Luar Bandar	234	55.5

### 4.3 Analisis dapatan deskriptif

Analisis deskriptif digunakan bertujuan dalam menerangkan dapatan kajian berdasarkan jawapan responden terhadap item-item yang dikemukakan dalam soal selidik. Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan dapatan analisis untuk menjawab persoalan berkaitan tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model

Tilawah al-Quran. Data frekuensi, peratusan dan min digunakan dalam menghuraikan item bagi setiap konstruk yang diuji.

#### 4.3.1 Kesediaan ilmu pengetahuan guru j-QAF Model Khatam al-Quran

Sebanyak 12 item berkaitan elemen ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran. Analisis taburan skor min secara terperinci bagi semua item pula menunjukkan tahap kesediaan elemen ilmu pengetahuan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berada pada 2 tahap iaitu tinggi dan sederhana rendah. Jadual 4.7 menerangkan perincian mengenai taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kesediaan elemen ilmu

pengetahuan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran.

Jadual 4.6

*Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Ilmu Pengetahuan Guru j-QAF Model Khatam al-Quran*

No	Item	Kekerapan & Peratus (N=422)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
BA1	menguasai teknik kolaboratif dalam PdP Model Khatam al-Quran	1 (0.2%)	3 (0.7%)	21 (5.0%)	263 (62.3%)	134 (31.8%)	4.24	0.597	T
BA2	memahami kaedah talaqqi dan mushafahah	-	-	6 (1.4%)	231 (54.7%)	185 (43.8%)	4.42	0.522	T
BA3	mampu menilai bacaan al-Quran murid	-	-	3 (0.7%)	251 (59.5%)	168 (39.8%)	4.39	0.509	T
BA4	mampu memberikan bimbingan kepada murid	-	-	2 (0.5%)	244 (57.8%)	176 (41.7%)	4.41	0.502	T

(bersambungan)

Jadual 3.6 (sambungan)

No	Item	Kekerapan & Peratus (N=422)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
BA5	mampu memperbetulkan bacaan al-Quran murid	-	-	2 (0.5%)	228 (54.0%)	192 (45.5%)	4.45	0.507	T
BA6*	mengajar Model Khatam al-Quran dengan tanpa menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai	43 (10.2%)	100 (23.7%)	172 (40.8%)	68 (16.1%)	39 (9.2%)	2.90	1.081	SR
BA7	mempunyai pengetahuan yang cukup dalam pelaksanaan Model	1 (0.2%)	3 (0.7%)	40 (9.5%)	276 (65.4%)	102 (24.2%)	4.12	0.609	T
BA8	masih memerlukan pendedahan tentang kemahiran membaca al-Quran	1 (0.2%)	6 (1.4%)	23 (5.5%)	245 (58.1%)	147 (34.8%)	4.25	0.644	T
BA9	menguasai kaedah pengajaran menggunakan kaedah iqra	-	1 (0.2%)	23 (5.5%)	270 (64.0%)	128 (30.3%)	4.24	0.555	T
BA10	menguasai kemahiran membaca secara bertajwid dalam buku Iqra	-	-	15 (3.6%)	261 (61.8%)	146 (34.6%)	4.31	0.534	T
BA11	mengikuti kursus/bengkel pengajaran menggunakan buku Iqra	6 (1.4%)	19 (4.5%)	53 (12.6%)	236 (55.9%)	108 (25.6%)	3.99	0.831	ST
BA12*	mempunyai keterbatasan menguasai teknik nyanyian dalam buku Iqra	51 (12.1%)	221 (52.4%)	102 (24.2%)	41 (9.7%)	7 (1.7%)	2.36	0.877	SR
Min Keseluruhan ilmu pengetahuan guru Model Khatam al-Quran Program j-QAF							4.01	0.330	T

\*Penyata negatif yang telah dikod semula

Berdasarkan jadual 4.6 mendapati, 10 item berkaitan kesediaan ilmu pengetahuan guru j-QAF dalam menjalankan Model Khatam al-Quran mencapai skor min yang tinggi (min=4.01) ke atas, 1 item berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.01) ke atas, manakala 2 item berada pada tahap sederhana rendah. Hasil dapatan menunjukkan, keseluruhan skor min bagi Model Khatam al-Quran berada



antara nilai 4.45 hingga 2.36. Item BA5 “mampu memperbaiki bacaan al-Quran murid” menunjukkan nilai min yang paling tinggi (min=4.45). Seramai 192 orang guru (45.5%) sangat bersetuju, 228 orang guru (54.0%) bersetuju berbanding 2 orang guru (0.5%) kurang bersetuju terhadap item yang berkaitan. Hasil dapatan menunjukkan majoriti daripada keseluruhan responden sangat bersetuju dan bersetuju mampu memperbaiki bacaan al-Quran murid.

Manakala item yang mencapai skor min kedua tertinggi dengan nilai (min=4.42) ialah item BA2 “memahami kaedah talaqqi dan mushafahah.” Hasil dapatan membuktikan seramai 185 orang guru (43.8%) sangat bersetuju, 231 orang guru (54.7%) bersetuju terhadap item tersebut. Manakala seramai 6 orang guru (1.4%) kurang bersetuju. Seterusnya, item BA4 “mampu memberikan bimbingan kepada

murid” dengan (min=4.41) merupakan skor min ketiga tertinggi. Seramai 176 orang guru (41.7%) sangat bersetuju, 244 orang guru (57.8%) bersetuju berbanding hanya 2 orang guru (0.5%) yang kurang bersetuju dengan item tersebut. Seterusnya, item BA3 “mampu menilai bacaan al-Quran murid” dengan nilai (min=4.39) menunjukkan seramai 168 orang guru (39.8%) sangat bersetuju dengan item ini. 251 orang guru (59.5%) bersetuju. Manakala, 3 orang guru (0.7%) kurang bersetuju berkaitan mampu menilai bacaan al-Quran murid.

Seterusnya, item BA10 “menguasai kemahiran membaca secara bertajwid dalam buku Iqra” dengan nilai (min=4.31) menunjukkan seramai 148 orang guru (34.6%) sangat bersetuju dengan item ini. 261 orang guru (61.8%) bersetuju. Manakala, 15 orang guru (3.6%) kurang bersetuju berkaitan menguasai kemahiran membaca secara bertajwid dalam buku Iqra.



Seterusnya, item BA8 “masih memerlukan pendedahan tentang kemahiran membaca al-Quran” dengan nilai (min=4.25) menunjukkan seramai 147 orang guru (34.8%) sangat bersetuju dengan item ini. 245 orang guru (58.1%) bersetuju. Manakala, 1 orang guru (0.2%) sangat tidak bersetuju dan seramai 23 orang guru (5.5%) kurang bersetuju berkaitan masih memerlukan pendedahan tentang kemahiran membaca al-Quran. Seterusnya, item BA7 “mempunyai pengetahuan yang cukup dalam pelaksanaan Model” dengan nilai (min=4.12) menunjukkan seramai 102 orang guru (24.2%) sangat bersetuju dengan item ini. 276 orang guru (65.4%) bersetuju. Manakala, 1 orang guru (0.2%) sangat tidak bersetuju dan seramai 3 orang guru (0.7%) tidak bersetuju dan 40 orang guru (9.5%) kurang bersetuju mengenai mempunyai pengetahuan yang cukup dalam pelaksanaan Model.

(min=2.36). Seramai 7 orang guru (1.7%) sangat bersetuju dan seramai 41 orang guru (9.7%) orang guru yang bersetuju menguasai teknik nyanyian dalam buku Iqra. Manakala seramai 102 orang guru (24.2%) kurang bersetuju, 221 orang guru (52.4%) tidak bersetuju dan 51 orang guru (12.1%) sangat tidak bersetuju menguasai teknik nyanyian dalam buku Iqra.

Item BA6 “mengajar Model Khatam al-Quran dengan menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai” adalah merupakan min kedua terendah dengan (min=2.90). Seramai 39 orang guru (9.2%) sangat bersetuju manakala 68 orang guru (16.1%) bersetuju mengajarkan Model Khatam al-Quran menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai. Seramai 172 orang guru (40.8%) orang guru kurang bersetuju manakala seramai 100 (23.7%) tidak bersetuju dan 43 orang guru (10.2%) sangat

tidak bersetuju terhadap item yang berkaitan. Item BA11 “mengikuti kursus/bengkel pengajaran menggunakan buku Iqra” dengan nilai min=3.99 mencapai skor min yang ketiga terendah. Seramai 108 orang guru (25.6%) sangat bersetuju, 236 orang guru (55.9%) bersetuju terhadap item tersebut. Seramai 53 (12.6%) menyatakan kurang bersetuju, manakala 19 orang (4.5%) tidak bersetuju dan 6 orang guru (1,4%) sangat tidak bersetuju dengan mengikuti kursus/bengkel pengajaran menggunakan buku Iqra. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap kesediaan elemen ilmu pengetahuan guru j-QAF bagi Model Khatam al-Quran berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=4.00, sp=0.647). Dapatan kajian ini membuktikan bahawa guru memiliki persediaan yang baik daripada segi ilmu pengetahuan yang berkaitan dalam mengendalikan pengajaran Model Khatam al-Quran di sekolah kebangsaan.

Berikut adalah jawapan temu bual yang telah dijalankan kepada guru j-QAF yang telah mengajar di sekolah kebangsaan. Soalan tersebut berkait rapat tentang pengetahuan yang dimiliki oleh guru berkaitan pelaksanaan dan kekangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pengajaran Model Khatam al-Quran.

Responden pertama :

*Kekangan dari murid sendiri. Sukar nak laksanakan bagi murid yang lemah sebab apabila kita ikut bacaan BIG (silibus) murid sukar baca al-Quran sebenar. Kita nak cover Khatam al-Quran adalah daripada Tasmik jika Tasmik tak berjalan. Khatam al-Quran ini kolaborasi.*

(Gj-QAF1/SK/2014:002)

Responden kedua :

*Dari segi masa, di sekolah cina dua waktu untuk al-Quran dan dua waktu untuk bahasa mandarin, jadi masa suntuk. Silibus khatam yang tak cukup, dibawa ke kelas Tasmik untuk cover silibus.*

(Gj-QAF2/SK/2014:002)



Responden ketiga :

*Bila Khatam al-Quran semua berkejar nak habiskan bacaan. Kaedah murid turus tidak berkesan kerana murid tidak ada kemahiran untuk mengajar kawan dia. Kalau iqra', ia hanya pembelajaran penyambungan huruf dengan baris sahaja, cara waqaf, qalqalah. Kekangan bantuan dari guru Kafa dalam waktu Tasmik untuk cepat khatam. Mereka tidak bantu guru lain, Kafa adalah Kafa. Kalau projek Kafa, Kafa sahaja dan tidak boleh bercampur.*

(Gj-QAF3/SK/2014:002)

Responden keempat :

*Iqra' dan al-Quran mencukupi tapi kekangan dari segi masa. Saya guru j-QAF tunggal yang perlu mengajar semua murid jadi tidak sempat nak Tasmik semua murid. Kalau murid masih belajar iqra', memang mereka tidak dapat nak tangkap dengan murid yang pandai. Kalau dalam kelas ikut silibus 3(al-Quran) 2(Ulum) 1(Jawi). Kalau khatam sebenar, ikut prestasi sebenar murid. Masalah dari segi perkembangan murid apabila murid tinggal dengan datuk/nenek, bukan ibu bapa dan mereka hanya dijaga makan minum tetapi tidak cakna tentang perkembangan pendidikan murid.*

(Gj-QAF4/SK/2014:002)

Responden kelima :

*Kita mengajar murid boleh ikut tapi bila disuruh murid iqra' tak boleh baca. Kedua, murid hanya tumpu kepada guru yang mengajar sebab mengaji hanya disekolah, di rumah tidak amalkan sebab ibu bapa tidak pandai mengaji.*

(Gj-QAF5/SK/2014:002)

Responden keenam:

*Murid baca ikut guru tapi tidak sempat melatih murid yang belum habis iqra' untuk membaca dengan betul. Murid belajar iqra' waktu Tasmik. Jadi kekangan dari segi peruntukan masa. Tapi guru j-QAF ambil juga murid iqra' untuk diajar membaca. Kekangan dari segi al-Quran untuk Tasmik, quran yang sampai 2005-2007 sahaja, jadi al-Quran untuk setiap kelas tidak cukup. Bahan-bahan tidak cukup sebab penghantaran al-Quran sudah terhenti.*

(Gj-QAF6/SK/2014:002)

Responden ketujuh :

*Baca habis tapi murid tidak tahu apa yang dibaca oleh guru. Silibus habis tapi kesan tidak memuaskan.*

(Gj-QAF7/SK/2014:002)



Responden kelapan :

*Ada kekangan kalau kumpulan yang masih iqra', bagi ayat contoh, kalau nak dengar daripada mereka pecahkan mereka seorang demi seorang. Baca separuh-separuh. Melatih membaca secara perlahan-lahan. Round kedua tanya secara perkataan. Tajwid terus masuk ke dalam ayat. Pengukuhan datang dari ayat seterusnya.*

(Gj-QAF9/SK/2014:002)

Responden kesembilan :

*Melangkau silibus, simulasi BIG, kalau pelajar yang masih tak mahir itu menjadi kekangan, bagi pelajar yang lemah kat rumah mesti belajar. tahun 5 ada lagi budak yang belum capai juzuk 1 untuk al-Quran. Ada yang Iqra 3.*

(Gj-QAF10/SK/2014:002)

Responden kesepuluh :

*Di Kuala Krai 6 bulan Model Khatam al-Quran, ikut sukatan, tiada kekangan, ambil waktu rehat untuk latih pelajar lemah.*

(Gj-QAF11/SK/2014:002)



Responden kesebelas:

*Tetapkan bila dalam kelas untuk Model Khatam al-Quran. Ikut silibus ikut BIG. Untuk hilangkan kerisauan, buat satu-satu perkataan. Buat secara ramai-ramai. Talaqi mushafahah. Kalau pdp buat cara silibus.*

(Gj-QAF12/SK/2014:002)

Responden kedua belas:

*Ada kekangan untuk memastikan murid baca dari awal sampai habis. Kalau pelajar tidak datang sekolah itu menjadi susah juga.*

(Gj-QAF14/SK/2014:002)

Berdasarkan kepada pengetahuan guru berkaitan pengajaran Model Khatam al-Quran. Peserta kajian memberikan respon tahap penguasaan bacaan al-Quran murid berada pada tahap yang lemah, penglibatan murid terus kurang berkesan kerana kelemahan mengawal rakan-rakannya, pengurusan kelas Asas Fardhu Ain tidak boleh





dilibatkan dengan Model Khatam al-Quran program j-QAF, masa pelaksanaan Model Khatam al-Quran tidak mencukupi, penggunaan kaedah baca ikut guru mampu menghabiskan sukatan pelajaran tetapi kesan penguasaan murid masih tidak memuaskan. Sekiranya murid masih membaca buku iqra' menyebabkan Model Khatam al-Quran ini tidak dalam mencapai objektifnya. Disamping itu, penggunaan waktu rehat murid digunakan untuk mengajar murid lemah membaca al-Quran. Kehadiran murid yang tidak memuaskan boleh menyebabkan murid ketinggalan dalam Model Khatam al-Quran.

#### **4.3.2 Kesediaan kemahiran mengajar guru j-QAF Model Khatam al-Quran**

Sebanyak 12 item berkaitan elemen kemahiran mengajar yang berkaitan dengan kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran. Analisis taburan skor min secara terperinci bagi semua item pula menunjukkan tahap kesediaan elemen kemahiran mengajar guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berada pada 2 tahap iaitu tinggi dan sederhana rendah. Jadual dibawah menerangkan perincian mengenai taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kesediaan elemen ilmu pengetahuan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran. Taburan skor min secara terperinci bagi semua item pula menunjukkan tahap kesediaan elemen kemahiran mengajar guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berada pada 3 tahap iaitu tinggi, sederhana tinggi dan rendah. Jadual di bawah menerangkan perincian mengenai taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kesediaan elemen kemahiran mengajar guru j-QAF Model Khatam al-Quran.



## Jadual 4.7

*Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Kesian Kemahiran Mengajar Guru j-QAF  
Model Khatam al-Quran*

No	Item	Kekerapan & Peratusn (N=422)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
BA13	melaksanakan kaedah pengajaran al-Quran Model Khatam al-Quran	-	1 (0.2%)	4 (0.9%)	228 (54.0%)	189 (44.8%)	4.25	0.639	T
BA14	berkebolehan membaca al-Quran mengikut hukum tajwid	-	-	11 (2.6%)	239 (56.6%)	172 (40.8%)	4.28	0.750	T
BA15	memberikan bacaan contoh kepada murid	-	-	3 (0.7%)	225 (53.3%)	194 (46.0%)	4.30	0.564	T
BA16	membimbing bacaan al-Quran murid	-	-	4 (0.9%)	203 (48.1%)	215 (50.9%)	4.33	0.523	T
BA17	memperbetulkan bacaan al-Quran murid	1 (0.2%)	-	7 (1.7%)	208 (49.3%)	206 (48.8%)	4.46	0.557	T
BA18*	melaksanakan Model Khatam al-Quran dengan menekankan kepada bunyi dan bacaan (bacaan terus)	45 (10.7%)	102 (24.2%)	137 (32.5%)	79 (18.7%)	59 (14.0%)	3.01	1.190	ST
BA19	mengesahkan bacaan al-Quran murid	3 (0.7%)	3 (0.7%)	10 (2.4%)	254 (60.2%)	152 (36.0%)	4.30	0.621	T
BA20	sentiasa peka terhadap setiap kesalahan tajwid murid	-	-	6 (1.4%)	229 (54.3%)	187 (44.3%)	4.42	0.523	T
BA21	menerapkan kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran buku Iqra'	-	1 (0.2%)	6 (1.4%)	221 (52.4%)	194 (46.0%)	4.48	0.571	T
BA22	melaksanakan PdP kaedah talaqqi musyafahah dalam Model Khatam al-Quran	-	3 (0.7%)	5 (1.2%)	232 (55.0%)	182 (43.1%)	4.40	0.555	T
BA23	menggunakan PdP kaedah tikkar (Pengulangan) dalam Model Khatam al-Quran	-	4 (0.9%)	18 (4.3%)	237 (56.2%)	163 (38.6%)	4.32	0.601	T
BA24	menggunakan PdP halaqah/tadarus dalam Model Khatam al-Quran	1 (0.2%)	1 (0.2%)	25 (5.9%)	250 (59.2%)	145 (34.4%)	4.27	0.600	T
BA25	Melaksanakan teknik 'Baca Ikut Guru' bagi murid yang lemah bacaan al-Quran	1 (0.2%)	5 (1.2%)	18 (4.3%)	213 (50.5%)	185 (43.8%)	3.36	0.646	ST

(bersambung)

Jadual 4.7 (sambungan)

No	Item	Kekerapan & Peratus (N=422)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
BA26*	tidak dapat membezakan 'bacaan contoh' dengan 'bacaan ikut guru'	29 (6.9%)	77 (18.2%)	150 (35.5%)	110 (26.1%)	56 (13.3%)	3.20	1.099	ST
BA27	menggunakan BAM yang sesuai dalam melaksanakan Model Khatam al-Quran	4 (0.9%)	12 (2.8%)	38 (9.0%)	280 (66.4%)	88 (20.9%)	4.03	0.705	T
BA28*	tidak mampu membaca ayat al-Quran secara bertarannum kepada murid	36 (8.5%)	192 (45.5%)	128 (30.3%)	46 (10.9%)	20 (4.7%)	2.57	0.958	SR
BA29	memberikan pemulihan kepada murid lemah dengan menggunakan buku Iqra	1 (0.2%)	8 (1.9%)	11 (2.6%)	227 (53.8%)	175 (41.5%)	4.34	0.648	T
Min Keseluruhan pelaksanaan Kemahiran Mengajar Guru Model Khatam al-Quran Program j-QAF							4.12	0.368	T

\*Penyata negatif yang telah dikod semula

Berdasarkan jadual 4.7, skor min bagi kesediaan kemahiran mengajar guru j-

QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berada antara nilai 4.48 hingga 2.57. Sebanyak 13 item berkaitan kesediaan elemen kemahiran mengajar guru j-QAF Model Khatam al-Quran mencapai skor min yang tinggi (min=4.01) ke atas, manakala 3 item berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.01) ke atas dan 1 item berada pada tahap sederhana rendah berada pada tahap (min=2.01) ke atas.

Perincian skor min mendapati bahawa item BA21 “menerapkan kaedah talaqqi dan mushafahah dalam pengajaran buku Iqra” mencatatkan min yang tertinggi (min=4.48) iaitu seramai 194 orang guru (46.0%) sangat bersetuju, 221 orang guru (52.4%) bersetuju berbanding seramai 6 orang guru (1.4%) kurang bersetuju dan 1 (0.2%) tidak bersetuju terhadap item tersebut. Manakala skor min yang kedua tertinggi ialah item BA17 iaitu “memperbetulkan bacaan al-Quran murid” dengan

nilai (min=4.4.6). Seramai 206 orang guru (48.8%) sangat bersetuju, 208 orang guru (49.3%) bersetuju mampu memperbaiki bacaan al-Quran murid semasa Model Khatam al-Quran dilaksanakan berbanding dengan 7 orang guru (1.7%) kurang bersetuju. Manakala, skor min ketiga tertinggi ialah item BA20 iaitu “sentiasa peka terhadap setiap kesalahan tajwid murid” berada pada tahap nilai (min=4.42). Seramai 187 orang (44.3%) sangat bersetuju, 229 orang guru (54.3%) bersetuju berbanding hanya 6 orang guru (1.4%) orang guru yang kurang bersetuju terhadap kepekaan setiap kesalahan tajwid yang dilakukan oleh murid.

Seterusnya, item BA22 “melaksanakan PdP kaedah talaqqi musyafahah dalam Model Khatam al-Quran” dengan nilai (min=4.40) menunjukkan seramai 182 orang guru (43.1%) sangat bersetuju dengan item ini. 232 orang guru (55.0%) bersetuju.

Manakala, 3 orang guru (0.7%) tidak bersetuju dan seramai 5 orang guru (1.2%) kurang bersetuju mengenai melaksanakan PdP kaedah talaqqi musyafahah dalam Model Khatam al-Quran. Seterusnya, item BA29 “memberikan pemulihan kepada murid lemah dengan menggunakan buku Iqra” dengan nilai (min=4.34) menunjukkan seramai 175 orang guru (41.5%) sangat bersetuju dengan item ini. 227 orang guru (53.8%) bersetuju. Manakala, 1 orang guru (0.2%) tidak bersetuju dan seramai 8 orang guru (1.9%) kurang bersetuju mengenai memberikan pemulihan kepada murid lemah dengan menggunakan buku Iqra.

Seterusnya, item yang menunjukkan min yang sama ialah item BA19 “mengesahkan bacaan al-Quran murid” dengan nilai (min=4.30) dan BA15 “memberikan bacaan contoh kepada murid” dengan nilai (min=4.30). Item BA19 iaitu “mengesahkan bacaan al-Quran murid” menunjukkan seramai 152 orang guru



(36.0%) sangat bersetuju dengan item ini. 254 orang guru (60.2%) bersetuju. Manakala, 3 orang guru (0.7%) sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju. Manakala, seramai 10 orang guru (2.4%) kurang bersetuju mengenai mengesahkan bacaan al-Quran murid. Manakala item BA15 iaitu “memberikan bacaan contoh kepada murid” menunjukkan bahawa seramai 194 orang guru (46.0%) sangat bersetuju, 225 orang guru (53.3%) bersetuju dan hanya 3 orang guru (0.7%) kurang bersetuju.

Seterusnya, item BA14 “berkebolehan membaca al-Quran mengikut hukum tajwid” dengan nilai (min=4.28) menunjukkan seramai 172 orang guru (40.8%) sangat bersetuju dengan item ini. 239 orang guru (58.1%) bersetuju hanya 11 orang guru (2.6%) kurang bersetuju berkaitan berkebolehan membaca al-Quran mengikut hukum tajwid. Manakala item BA24 iaitu “menggunakan PdP halaqah/tadarus dalam Model Khatam al-Quran” menunjukkan bahawa seramai 145 orang guru (34.4%) sangat bersetuju, 250 orang guru (59.2%) bersetuju dan hanya 1 orang guru (0.2%) sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju. Manakala, 25 orang guru (5.9%) kurang bersetuju berkenaan dengan menggunakan PdP halaqah/tadarus dalam Model Khatam al-Quran.

Seterusnya, item BA13 “melaksanakan kaedah pengajaran al-Quran Model Khatam al-Quran” dengan nilai (min=4.25) menunjukkan seramai 189 orang guru (44.8%) sangat bersetuju dengan item ini. 228 orang guru (54.0%) bersetuju hanya 1 orang guru (0.2%) tidak bersetuju berkaitan melaksanakan kaedah pengajaran al-Quran Model Khatam al-Quran. Manakala item BA27 iaitu “menggunakan BAM yang sesuai dalam melaksanakan Model Khatam al-Quran” berada pada nilai (min=4.03), menunjukkan bahawa seramai 88 orang guru (20.9%) sangat bersetuju,







280 orang guru (66.4%) bersetuju dan hanya 4 orang guru (0.9%) sangat tidak bersetuju dan 12 orang guru (2.8%) tidak bersetuju. Manakala, 38 orang guru (9.0%) kurang bersetuju berkenaan menggunakan BAM yang sesuai dalam melaksanakan Model Khatam al-Quran.

Manakala, tiga item yang menunjukkan nilai min yang rendah adalah item BA28 “mampu membaca ayat al-Quran secara bertarannum kepada murid” dengan nilai (min =2.57). Seramai 20 orang guru (14.0%) sangat bersetuju, 46 orang guru (10.9%) bersetuju berbanding 36 orang guru (8.5%) sangat tidak bersetuju, 192 orang guru (45.5%) tidak bersetuju dan 128 orang guru (30.3%) kurang bersetuju dengan pernyataan item tersebut. Item kedua yang memperolehi min kedua iaitu BA18 “melaksanakan Model Khatam al-Quran dengan menekankan kepada bunyi dan



bacaan terus” dengan nilai min =3.01. Seramai 59 orang guru (14.0%) sangat bersetuju, 79 orang guru (18.7%) bersetuju berbanding 137 orang guru (32.5%) kurang bersetuju, 102 orang guru (24.2%) tidak bersetuju dan 45 orang guru (10.7%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan item tersebut.

Bagi item BA26 iaitu “mampu membezakan ‘bacaan contoh’ dengan ‘bacaan ikut guru’ berada pada nilai (min=3.20) merupakan item ketiga terendah. Dapatan menunjukkan seramai 56 orang guru (13.3%) sangat bersetuju, 110 orang guru (26.1%) bersetuju berbanding 150 orang guru (35.5%) menyatakan kurang setuju, 77 orang guru (18.2%) menyatakan tidak setuju dan 4 orang guru (0.9%) menyatakan sangat tidak bersetuju dengan item tersebut. Item keempat yang terendah ialah BA25 iaitu “melaksanakan teknik ‘Baca Ikut Guru’ bagi murid yang lemah bacaan al-Quran” dengan nilai (min=3.36). Seramai 185 orang guru (43.8%) sangat bersetuju,





213 orang guru (50.5%) bersetuju melaksanakan teknik 'Baca Ikut Guru' bagi murid yang lemah dalam bacaan al-Quran. Sebaliknya, 18 orang guru (4.3%) menyatakan kurang bersetuju, 5 orang guru (1.2%) menyatakan tidak bersetuju dan 1 orang guru (0,2%) menyatakan sangat tidak bersetuju. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap kesediaan elemen kemahiran mengajar guru j-QAF Model Khatam al-Quran berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=4.01, sp.=0.470).

Berikut adalah hasil jawapan temu bual yang telah dijalankan kepada guru j-QAF yang melaksanakan Model Khatam al-Quran di sekolah kebangsaan. Soalan yang ditanyakan adalah berkaitan dengan kaedah yang dilakukan agar setiap murid berusaha membaca al-Quran.

Responden kedua :

*Bagi peringatan kepada murid.*

(Gj-QAF2/SK/2014:002)

Responden ketiga :

*Kaedah Bacaan Ikut Guru (BIG), murid tahu nombor al-Quran dan tahu tulisan Arab. Tapi sampai bila murid nak baca ikut guru. Tapi ada kekangan dari segi masa. Program-program sekolah, silibus kena ikut. Tapi di sekolah, orang lain suka ambil waktu subjek Agama untuk program lain, kalau waktu lain tak ambil. Bila program Agama kita buat latihan, tak bagi murid keluar. Tapi bila waktu Agama, panjang waktu diambil untuk buat program lain.*

(Gj-QAF3/SK/2014:002)

Responden keempat :

*Pejabat Pendidikan Daerah Kulai melancarkan program 1 guru 10 murid. Kami mengkhawatirkan 10 murid dalam 1 kelas bermula dari tahun 4, 5 & 6. Murid tersebut diberikan kad Tasmik yang disediakan oleh JPN, kad Tasmik itu ada semua muka surat quran. Wajibkan murid baca beberapa muka untuk sehari, disuruh baca di rumah. Jadi bila murid baca, dia akan tanda kad tersebut.*

(Gj-QAF4/SK/2014:002)

Responden kelima :

*Lebihkan Tasmik murid secara individu. Kalau tak sempat, jumpa guru waktu rehat.*

(Gj-QAF5/SK/2014:002)

Responden keenam :

*Objektif program khatam ialah suruh murid yang baca. Murid baca ikut guru dan dipanggil khatam Bacaan Ikut Guru (BIG).*

(Gj-QAF6/SK/2014:002)

Bagi item CA26 iaitu “mampu membezakan ‘bacaan contoh’ dengan ‘bacaan ikut guru’ berada pada nilai (min=3.20). Dapatan menunjukkan seramai 56 orang guru (13.3%) sangat bersetuju, 110 orang guru (26.1%) bersetuju berbanding 150 orang guru (35.5%) menyatakan kurang setuju, 77 orang guru (18.2%) menyatakan tidak setuju dan 4 orang guru (0.9%) menyatakan sangat tidak bersetuju dengan item tersebut.

Berdasarkan kepada persoalan tindakan yang diambil supaya murid boleh membaca al-Quran. Peserta kajian menyatakan bahawa pelaksanaan majlis bacaan yassin dan memberikan hadiah sebagai galakkan kepada murid yang mampu membaca dan menghafal surah yassin, memanggil murid yang lemah ke bilik j-QAF membaca al-Quran.

Responden ketiga:

*Bila murid dapat baca al-Quran, mereka rasa bangga. Untuk menarik minat murid, sekolah buat bacaan yassin dan memberi hadiah atau wang tunai kepada murid yang bukan setakat baca yaasin dengan sempurna tetapi juga kepada murid boleh menghafal. Kalau nak baca yaasin, mesti pandai baca al-Quran. Inisiatif yang dibuat adalah memberi hadiah galakan. Contoh pada bulan Ramadhan, buat majlis Khatam al-Quran untuk mereka dan bagi duit raya untuk menarik minat sebab baca al-Quran ini lebih kepada minat. Bila guru baca, murid ikut sama nada dengan guru. Jadi*



*untuk menarik minat, guru mesti mengalunkan bacaan itu dengan bacaan yang baik (tahsin).*

(Gj-QAF3/SK/2014:002)

Responden keenam:

*Masa waktu rehat dan selepas waktu sekolah, guru j-QAF panggil murid ke bilik j-QAF baca al-Quran tapi atas inisiatif individu guru tersebut sahaja.*

(Gj-QAF6/SK/2014:002)

Berdasarkan kepada persoalan mengenai kaedah yang dilakukan agar setiap murid berusaha membaca al-Quran. Peserta kajian menyatakan bahawa guru memberikan peringatan kepada murid, penggunaan kaedah seorang guru 10 murid bagi menjayakan Model Khatam al-Quran, mewajibkan murid membaca al-Quran setiap hari beberapa muka surat semasa di sekolah mahupun di rumah dengan



menjadikan kad Tasmik sebagai rujukan bacaan al-Quran.

#### **4.3.3 Kesiediaan personaliti guru j-QAF Model Khatam al-Quran**

Sebanyak 8 item berkaitan elemen kemahiran mengajar yang berkaitan dengan kesiediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran. Analisis taburan skor min secara terperinci bagi semua item pula menunjukkan tahap kesiediaan elemen personaliti guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berada pada 2 tahap iaitu tinggi dan sederhana tinggi. Jadual di bawah menerangkan perincian mengenai taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kesiediaan elemen personaliti guru j-QAF Model Khatam al-Quran.



Jadual 4.8

*Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Personaliti Guru j-QAF Model Khatam al-Quran*

No	Item	Kekerapan & Peratus (N=422)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
BA30	mengadakan kelas pengajian al-Quran bersama masyarakat	20 (4.7%)	42 (10.0%)	100 (23.7%)	202 (47.9%)	58 (13.7%)	3.55	1.003	ST
BA31	tidak jemu mengajarkan al-Quran kepada murid-murid	-	-	8 (1.9%)	214 (50.7%)	200 (47.4%)	4.48	0.537	T
BA32	berusaha meningkatkan penguasaan ilmu tajwid	-	-	2 (0.5%)	210 (49.8%)	210 (49.8%)	4.49	0.509	T
BA33	berusaha meningkatkan penguasaan dalam ilmu tarannum	2 (0.5%)	8 (1.9%)	35 (8.3%)	247 (58.5%)	130 (30.8%)	4.17	0.694	T
BA34	mengesahkan bacaan murid dengan memberikan pujian	-	-	5 (1.2%)	216 (51.2%)	201 (47.6%)	4.46	0.522	T
BA35	membaca al-Quran dengan mengamalkan adab-adab terhadap al-Quran	-	-	5 (1.2%)	199 (47.2%)	218 (51.7%)	4.50	0.523	T
BA36*	malu memperdengarkan bacaan al-Quran kepada guru agama yang lain	33 (7.8%)	76 (18.0%)	141 (33.4%)	90 (21.3%)	82 (19.4%)	3.26	1.191	ST
BA37*	mengajarkan al-Quran dengan mengharapkan habuan	16 (3.8%)	22 (5.2%)	68 (16.1%)	67 (15.9%)	249 (59.0%)	4.21	1.123	T
Min Keseluruhan pelaksanaan personaliti guru Model Khatam al-Quran Program j-QAF							4.15	0.422	T

\*Penyata negatif yang telah dikod semula

Berdasarkan jadual 4.8, skor min bagi tahap kesediaan elemen personaliti guru j-QAF pada keseluruhannya berada antara 4.50 hingga 3.26. Hasil analisis menunjukkan sebanyak 6 item berkaitan kesediaan elemen pesonaliti guru j-QAF berada pada tahap tinggi (min=4.01) ke atas, manakala 2 item berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.01) ke atas. Item BA35 iaitu “membaca al-Quran dengan mengamalkan adab-adab terhadap al-Quran berada pada nilai paling tinggi



(min=4.50). Seramai 218 orang guru (51.7%) sangat bersetuju, 199 orang guru (47.2%) bersetuju, sebaliknya hanya 5 orang guru (1.2%) menyatakan kurang bersetuju dengan item tersebut.

Item BA32 iaitu “berusaha meningkatkan penguasaan ilmu tajwid” merupakan item kedua tertinggi berada pada (min=4.49). Seramai 210 orang guru (49.8%) sangat bersetuju dan bersetuju berbanding hanya 2 orang guru (0.5%) kurang setuju. Manakala item ketiga tertinggi iaitu item BA31 “tidak jemu mengajarkan al-Quran kepada murid-murid” dengan nilai (min=4.48). Dapatan menunjukkan seramai 200 orang guru (47.4%) sangat bersetuju, 214 orang guru (50.7%) bersetuju hanya 8 orang guru (1.9%) kurang bersetuju dengan pernyataan tidak jemu mengajarkan al-Quran kepada murid-murid.



Seterusnya, item BA34 “mengesahkan bacaan murid dengan memberikan pujian” dengan nilai (min=4.46) menunjukkan seramai 201 orang guru (47.6%) sangat bersetuju dengan item ini. 216 orang guru (51.2%) bersetuju hanya 5 orang guru (1.2%) kurang bersetuju berkaitan mengesahkan bacaan murid dengan memberikan pujian. Seterusnya, item BA37 “mengajarkan al-Quran tanpa mengharap habuan” dengan nilai (min=4.21) menunjukkan seramai 249 orang guru (59.0%) sangat bersetuju dan 67 orang guru (15.9%) bersetuju dengan item ini. Manakala seramai 16 orang guru (3.8%) sangat tidak bersetuju, 22 orang guru (5.2%) tidak bersetuju hanya 68 orang guru (16.1%) kurang bersetuju berkaitan mengajarkan al-Quran tanpa mengharap habuan.



Berdasarkan hasil analisis mendapati item BA36 iaitu “memperdengarkan bacaan al-Quran kepada guru Agama yang lain” mencapai skor min yang terendah (min=3.26) Seramai 82 orang guru (19.4%) sangat bersetuju, 90 orang guru (21.3%) bersetuju, manakala seramai 141 orang guru (33.4%) kurang bersetuju, 76 orang guru (18.0%) tidak bersetuju dan 33 orang guru (7.8%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut. Bagi item yang mencapai skor min kedua terendah bagi tahap kesediaan elemen personaliti guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran ialah item BA30 iaitu “mengadakan kelas pengajian al-Quran bersama masyarakat” dengan nilai min=3.55. Seramai 58 orang guru (13.7%) sangat bersetuju, 202 orang guru (47.9%) bersetuju. Manakala, 100 orang guru (23.7%) menyatakan kurang bersetuju, 42 orang guru (10.0%) tidak bersetuju dan 20 orang guru (4.7%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut.

Item yang mencapai skor min ketiga terendah (min=4.17, sp.=0.694) iaitu item BA33 iaitu “berusaha meningkatkan penguasaan dalam ilmu tarannum” mendapati seramai 130 orang guru (30.8%) sangat bersetuju, 247 orang guru (58.5%) bersetuju. Manakala, 2 orang guru (0.5%) menyatakan sangat tidak bersetuju, 8 orang guru (1.9%) tidak bersetuju dan 35 orang guru (8.3%) kurang bersetuju dengan item tersebut. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap kesediaan elemen personaliti guru j-QAF Model Khatam al-Quran berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=4.18, sp.=0.703).

Berikut adalah hasil jawapan temu bual yang telah dijalankan kepada guru j-QAF yang melaksanakan Model Khatam al-Quran di sekolah kebangsaan. Soalan



yang ditanyakan adalah berkaitan dengan pengajaran al-Quran yang lakukan oleh guru selain di sekolah.

Responden pertama :

*Tahun 2006, saya berhenti pada tahun 2010 masa tu ada mengajar mengaji di kampung dan yang datang termasuk orang kampung dan orang luar. Budak sekolah saya tak buat kelas mengaji tapi program Tasmik saya buat kelas Kafa sebab saya mengajar Kafa petang.*

(Gj-QAF1/SK/2014:002)

Responden kedua :

*Guru pendidikan Islam di sekolah buat 2 sesi mengaji. Dalam jam 5 ada 1 sesi, lepas maghrib 1 sesi lagi. Buat kat rumah.*

(Gj-QAF4/SK/2014:002)

Responden keenam :

*Dulu saya tinggal dekat dengan sekolah, saya bagi waktu dalam seminggu bermalam dan ada murid yang berdekatan datang mengaji.*

(Gj-QAF6/SK/2014:002)

Berdasarkan temubual berkaitan pengajaran al-Quran yang lakukan oleh guru selain di sekolah adalah seperti aktiviti pengajian bersama masyarakat orang setempat, mengadakan kelas pembelajaran al-Quran di rumah, pembelajaran di luar waktu formal di kawasan sekolah.

#### **4.3.4 Kesediaan motivasi guru j-QAF Model Khatam al-Quran**

Sebanyak 5 item berkaitan elemen kesediaan motivasi guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran. Analisis taburan skor min secara terperinci bagi semua item pula menunjukkan tahap kesediaan elemen motivasi guru j-QAF dalam pengajaran



Model Khatam al-Quran berada pada 2 tahap iaitu tinggi dan sederhana tinggi. Jadual di bawah menerangkan perincian mengenai taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kesediaan elemen motivasi guru j-QAF Model Khatam al-Quran.

Jadual 4.9

*Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Motivasi Guru j-QAF Model Khatam al-Quran.*

No	Item	Kekerapan & Peratus (N=422)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
BA38	mengadakan lawatan ke tempat pengajaran al-Quran	19 (4.5%)	38 (9.0%)	76 (18.0%)	222 (52.6%)	67 (15.9%)	3.66	0.997	ST
BA39	menghadiri Majlis Tilawah al-Quran	3 (0.7%)	10 (2.4%)	36 (8.5%)	252 (59.7%)	121 (28.7%)	4.13	0.718	T
BA40	menggalakkan murid-murid menonton rancangan televisyen program al-Quran	-	2 (0.5%)	9 (2.1%)	229 (54.0%)	182 (43.1%)	4.40	0.558	T
BA41	memberikan penumpuan terhadap bacaan al-Quran murid	-	-	6 (1.4%)	230 (54.5%)	186 (44.1%)	4.42	0.523	T
BA42	merujuk kepada guru yang berkebolehan sekiranya tidak memahami mengenai pengajaran al-Quran	-	1 (0.2%)	3 (0.7%)	195 (46.0%)	223 (52.8%)	4.51	0.528	T
Min Keseluruhan pelaksanaan motivasi guru Model Model Khatam al-Quran Program j-QAF							4.22	0.664	T

\*Penyata negatif yang telah dikod semula

Berdasarkan jadual 4.9, skor min tahap kesediaan elemen motivasi guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran pada keseluruhannya berada antara nilai 4.51 hingga 3.66. Hasil analisis menunjukkan sebanyak 4 item mencapai skor min yang tinggi (min=4.01) ke atas, manakala 1 item berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.01) ke atas. Item BA42 iaitu “merujuk kepada guru yang berkebolehan sekiranya tidak memahami sesuatu perkara mengenai pengajaran al-Quran merupakan





item yang mencapai skor min yang tertinggi (min=4.51). Seramai 223 orang guru (52.8%) sangat bersetuju, 195 orang guru (46.0%) bersetuju. Sebaliknya hanya 3 orang guru (0.7%) kurang bersetuju dan 1 orang tidak bersetuju.

Item BA41 iaitu “memberikan penumpuan terhadap bacaan al-Quran murid” merupakan item yang mencapai skor min kedua tertinggi (min=4.42). Seramai 186 orang guru (44.1%) sangat bersetuju, 230 orang guru (54.5%) bersetuju berbanding hanya 6 orang guru (1.4%) menyatakan kurang setuju. Manakala item ketiga tertinggi ialah item BA40 iaitu “menggalakkan murid-murid menonton rancangan televisyen program al-Quran” menunjukkan (min=4.40). Seramai 182 orang guru (43.1%) sangat bersetuju, 229 orang guru (54.0%) bersetuju berbanding 9 orang guru (2.1%) kurang bersetuju dan 2 orang guru (0.5%) tidak bersetuju.



Berdasarkan hasil analisis mendapati item BA38 iaitu “mengadakan lawatan ke tempat pengajaran al-Quran” mencapai skor min yang terendah (min=3.66). Seramai 67 orang guru (15.9%) sangat bersetuju, 222 orang guru (52.6%) bersetuju, manakala seramai 76 orang guru (18.0%) kurang bersetuju, 38 orang guru (9.0%) tidak bersetuju dan 19 orang guru (4.5%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut. Item BA39 iaitu “menghadiri Majlis Tilawah al-Quran” memperoleh (min=4.13), iaitu seramai 121 orang guru (28.7%) sangat bersetuju, 252 orang guru (59.7%) bersetuju, manakala seramai 3 orang guru (0.7%) sangat tidak bersetuju, 10 orang guru (2.4%) tidak bersetuju dan 36 orang guru (8.5%) kurang bersetuju dengan item tersebut. Secara keseluruhannya, mendapati bahawa tahap kesediaan elemen motivasi guru j-QAF Model Khatam al-Quran berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=4.22,sp.=0.664).





Berikut adalah hasil jawapan temu bual berkaitan cara yang dilakukan supaya kelas Model Khatam al-Quran menyeronokkan.

Responden ketiga:

*Melalui cerita. Ayat al-Quran itu cerita, sampai satu masa kita cerita tentang ayat tersebut. Selitkan cerita tapi jangan terlalu panjang. Cerita sikit sahaja dan sambung keesokan harinya. Kalau cerita murid jadi seronok.*

(Gj-QAF3/SK/2014:002)

Responden keenam:

*Guru pendidikan Islam baca ayat quran dan guru j-QAF yang menerangkan ayat tersebut. Sebab guru j-QAF lebih mahir Bahasa Arab. Itu saja yang saya nampak setakat ini untuk membantu murid seronok, kalau baca sahaja murid jadi bosan. Murid yang tak baca kena berdiri dalam kelas.*

(Gj-QAF6/SK/2014:002)



Berdasarkan kepada persoalan mengenai cara yang dilakukan supaya kelas

Model Khatam al-Quran menyeronokkan. Peserta kajian melakukan aktiviti penceritaan dan menerangkan intisari ayat al-Quran yang telah dibaca.

#### **4.4 Kesediaan guru j-QAF Model Tasmik**

Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua, sebanyak 22 item yang merangkumi tahap kesediaan guru j-QAF Model Tasmik

##### **4.4.1 Kesediaan ilmu pengetahuan guru j-QAF Model Tasmik**

Sebanyak 4 item berkaitan elemen ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik. Analisis taburan skor min



secara terperinci bagi semua item pula menunjukkan tahap kesediaan elemen ilmu guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik berada pada 2 tahap iaitu tinggi dan sederhana tinggi. Jadual dibawah menerangkan perincian mengenai taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kesediaan elemen ilmu pengetahuan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik.

Jadual 4.10

*Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Ilmu Pengetahuan Guru Model Tasmik*

No	Item	Kekerapan & Peratus (N=422)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
CA1	memahami objektif pelaksanaan Model Tasmik	-	-	1 (0.2%)	215 (50.9%)	206 (48.8%)	4.48	0.527	T
CA2	memahami dengan jelas cara melaksanakan Model Tasmik	-	-	4 (0.9%)	221 (52.4%)	197 (40.0%)	4.45	0.517	T
CA3	berkemampuan dalam memperbetulkan bacaan al-Quran murid	2 (0.5%)	2 (0.5%)	4 (0.9%)	217 (51.4%)	197 (46.7%)	4.43	0.592	T
CA4*	mahir dalam menilai bacaan al-Quran murid	18 (4.3%)	35 (8.3%)	110 (26.1%)	119 (28.2%)	140 (33.2%)	3.77	1.123	ST
Min Keseluruhan pelaksanaan ilmu pengetahuan guru Model Tasmik Program j-QAF							3.90	0.806	ST

\*Penyata negatif yang telah dikod semula

Berdasarkan jadual 4.10, skor min bagi Model Tasmik pada keseluruhannya berada antara nilai 4.48 hingga 3.77. Sebanyak 3 item berkaitan kesediaan ilmu pengetahuan guru Model Tasmik mencapai skor min yang tinggi (min=4.01) ke atas, 1 item berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.01) ke atas. Perincian skor min mendapati bahawa item CA1 mencatatkan min yang tertinggi (min=4.48) iaitu seramai 206 orang guru (48.8%) sangat bersetuju dan 215 orang guru (50.9%)

bersetuju memahami objektif pelaksanaan Model Tasmik berbanding 1 orang guru (0.2%) yang kurang bersetuju.

Manakala skor min yang kedua tertinggi ialah item CA2 iaitu “memahami dengan jelas cara melaksanakan Model Tasmik” dengan (min=4.45). Seramai 197 orang guru (40.0%) sangat bersetuju, 221 orang guru (52.4%) bersetuju berbanding hanya 4 orang guru (0.9%) kurang bersetuju. Begitu juga skor min yang ketiga tertinggi iaitu item CA3 (min=4.43) iaitu “berkemampuan dalam memperbetulkan bacaan al-Quran murid” sangat dipersetujui oleh 197 orang guru (46.7%) dan dipersetujui oleh 217 orang guru (51.4%) berbanding 4 orang guru (0.9%) kurang bersetuju, 2 orang guru (0.2%) sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju.

Bagi item CA4 iaitu “mahir dalam menilai bacaan al-Quran murid” menunjukkan nilai skor min yang paling rendah dengan nilai (min=3.77). Seramai 140 orang guru (33.2%) sangat bersetuju dan 119 orang guru (28.2%) bersetuju terhadap item tersebut. Hasil analisis juga menunjukkan seramai 110 orang guru (26.1%) kurang bersetuju, seramai 35 orang guru tidak (8.3%) tidak bersetuju dan 18 orang guru (4.3%) sangat tidak bersetuju mahir dalam menilai bacaan al-Quran murid” Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan skor min tahap kesediaan ilmu pengetahuan guru j-QAF Model Tasmik berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=4.28, sp=0.689).

Berikut adalah hasil jawapan temu bual yang telah dijalankan kepada guru j-QAF yang melaksanakan Model Tasmik di sekolah kebangsaan. Soalan yang

ditanyakan berkaitan dengan langkah yang dilakukan bagi memastikan kejayaan Model Tasmik.

Responden kedua :

*Tasmik buat pagi dalam waktu jadual sebab ketika itu murid dipanggil ke dewan. Jadi murid Islam ditasmik dan tidak mengganggu bangsa lain. Petang tiada Tasmik.*

(Gj-QAF2/SK/2014:003)

Responden ketiga:

*Guru j-QAF ni luar norma. Kalau pagi tak dapat buat, Tasmik buat petang dan ianya dikira waktu mengajar. Contoh petang Tasmik 2 jam, maknanya dah 4 masa. Peringkat awal, guru j-QAF boleh datang lambat sebab luar norma dan petang kena extend. Tapi jadi isu, kalau ianya dapat diselesaikan, ianya tidak ada masalah untuk Tasmik pada waktu petang. Murid tidak semestinya berkumpul, boleh panggil secara rawak walaupun berada dalam kelas KAFA, murid akan diambil dan yang penting murid tersebut diTasmik. Guru kena datang awal pagi dan terlibat dengan program sekolah.*

Responden kelima :

*Tasmik murid bersemangat dan gabung dengan KAFA sebab murid sikit. Bagi masa, 1 - 2.30 petang Tasmik sekali.*

(Gj-QAF5/SK/2014:003)

Responden keenam :

*Kementerian kata program Tasmik dijalankan 2 waktu. Diluar waktu dikira dalam waktu. Apabila di luar waktu melibatkan banyak masalah, murid ada KAFA & ibu bapa kerja sehingga jam 1 petang atau 2 petang, jadi bagaimana nak lepaskan murid balik sampai jam 2.30 petang. Guru j-QAF jumpa guru besar dan guru penolong kanan, nak letak jadual Tasmik dalam jadual waktu guru. Guru tiada masalah dengan jadual tersebut tapi murid kena rotan sebab masuk kelas KAFA lewat dan sebagainya. Tapi kenapa tidak ada hitam putih dari kementerian jadual Tasmik di dalam waktu. Maksudnya jadual Tasmik tu di dalam waktu. Apabila ada hitam putih, KAFA tiada masalah. Apabila kementerian letak jadual Tasmik di dalam waktu. Mungkin ada sekolah lain masuk pagi tapi saya buat tidak lepas kerana guru besar kata tidak ada hitam putih daripada kementerian. Kalau boleh saya nak kementerian keluarkan hitam putih untuk masukkan jadual Tasmik di dalam waktu.*

(Gj-QAF6/SK/2014:003)



Responden kelapan :

*Satu plus satu, mintak murid study untuk tolong guru. Kadang-kadang dari segi guru, buat masa kelas, 1 kelas 1 cikgu sebab tidak cukup.*

(Gj-QAF8/SK/2014:002)

Responden kesembilan :

*Setiap kelas 30 minit, Tasmik sorang. Budak pandai dengan budak pandai semak sesama dia. Kalau yang lemah kita ambil murid turus.*

(Gj-QAF9/SK/2014:002)

Responden kesebelas :

*Gabung dengan guru Kafa, dibantu oleh guru Kafa, bacaan sebenar murid, pekeliling kena kolaborasi, halangan dalam pdp guru lain tidak boleh terlibat.*

(Gj-QAF11/SK/2014:002)

Responden kedua belas :

*Pengurusan tidak betul atau apa, guru j-QAF kurang.*



(Gj-QAF12/SK/2014:002)

Responden ketiga belas :

*Dua kelas yang belakang ambik guru Agama, Tasmik tidak sempat kolaborasi.*

(Gj-QAF13/SK/2014:002)

Responden keempat belas :

*1 jam kelas Tasmik, ada juga yang ponteng, yang berminat tu memang berminat, tak bagi balik awal untuk ganti kelas Tasmik.*

(Gj-QAF14/SK/2014:002)

Berdasarkan kepada persoalan mengenai langkah yang dilakukan bagi memastikan kejayaan Model Tasmik. Peserta kajian menyatakan bahawa guru menggunakan waktu yang bersesuaian di sekolah, kerjasama dengan Kelas Asas Fardu Ain di waktu peralihan petang dalam awal sesi petang, jadual Tasmik diselaraskan dan dimasukkan dalam jadual waktu persekolahan, meminta murid mahir



membantu guru mentasmik murid yang pencapaian sederhana, manakala murid lemah akan ditasmik oleh guru.

#### 4.4.2 Kesediaan Kemahiran Mengajar Guru j-QAF Model Tasmik

Sebanyak 10 item berkaitan elemen kemahiran mengajar yang berkaitan dengan kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik. Analisis taburan skor min secara terperinci bagi semua item pula menunjukkan tahap kesediaan elemen kemahiran mengajar guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik berada pada 2 tahap iaitu tinggi dan sederhana tinggi. Jadual dibawah menerangkan perincian mengenai taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kesediaan elemen ilmu pengetahuan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran. Jadual di bawah menerangkan perincian mengenai taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kesediaan elemen kemahiran mengajar guru j-QAF Model Tasmik al-Quran.

Jadual 4.11

#### *Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Kemahiran Mengajar Guru Model Tasmik*

No	Item	Kekerapan & Peratus (N=422)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
CA5	melaksanakan Tasmik secara individu melalui kaedah talaqqi musyafahah	1 (0.2%)	1 (0.2%)	11 (2.6%)	209 (49.5%)	200 (47.4%)	4.25	0.639	T
CA6	membimbing bacaan al-Quran mengikut tahap kemampuan murid secara individu semasa kelas Tasmik	1 (0.2%)	-	5 (1.2%)	216 (51.2%)	200 (47.4%)	4.28	0.750	T

*bersambung*

Jadual 4.11 (sambungan)

No	Item	Kekerapan & Peratus (N=422)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
CA7	melaksanakan kaedah latih tubi/pengulangan dalam program Tasmik	1 (0.2%)	4 (0.9%)	21 (5.0%)	230 (54.5%)	166 (39.3%)	4.31	0.634	T
CA8	berkemampuan menarik minat murid mengikuti kelas Tasmik	2 (0.5%)	1 (0.2%)	29 (6.9%)	262 (62.1%)	128 (30.3%)	4.21	0.615	T
CA9	menganalpasti punca murid tidak menghadiri kelas Tasmik	2 (0.5%)	2 (0.5%)	22 (5.2%)	281 (66.6%)	115 (27.3%)	4.19	0.590	T
CA10	memastikan murid membawa al-Quran semasa kelas Tasmik	17 (4.0%)	15 (3.6%)	59 (14.0%)	220 (52.1%)	111 (26.3%)	3.93	0.951	ST
Min Keseluruhan pelaksanaan kemahiran mengajar guru Model Tasmik Program j-QAF							4.19	0.695	T

\*Penyata negatif yang telah dikod semula

Berdasarkan jadual 4.11, skor min bagi kesediaan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik berada antara nilai 4.31 hingga 3.93. Sebanyak 5 item berkaitan kesediaan elemen kemahiran mengajar guru j-QAF Model Tasmik mencapai skor min yang tinggi (min=4.01) ke atas, manakala 1 item berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.01) ke atas. Item CA7 “melaksanakan kaedah latih tubi/pengulangan dalam program Tasmik” mencatatkan min yang tertinggi (min=4.31) iaitu seramai 166 orang guru (39.3%) sangat bersetuju, 230 orang guru (54.5%) bersetuju berbanding seramai 21 orang guru (5.0%) kurang bersetuju, 4 orang guru (0.9%) tidak bersetuju dan 1 orang guru (0.2%) terhadap item tersebut. Manakala skor min yang kedua tertinggi ialah item CA6 iaitu “membimbing bacaan al-Quran mengikut tahap kemampuan murid secara individu semasa kelas Tasmik” dengan nilai (min=4.28). Seramai 200 orang guru (47.4%) sangat bersetuju, 216 orang guru (49.3%) bersetuju membimbing bacaan al-Quran mengikut tahap kemampuan





murid secara individu semasa kelas Tasmik berbanding dengan 5 orang guru (1.2%) kurang bersetuju dan 1 orang guru (0.2%) sangat tidak bersetuju.

Manakala, skor min ketiga tertinggi ialah item CA5 iaitu “melaksanakan Tasmik secara individu melalui kaedah talaqqi musyafahah” berada pada tahap nilai (min=4.25). Seramai 200 orang guru (47.4%) sangat bersetuju, 209 orang guru (49.5%) bersetuju berbanding hanya 11 orang guru (2.6%) orang guru yang kurang bersetuju, 1 orang guru (0.2%) menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju terhadap bimbingan bacaan al-Quran mengikut tahap kemampuan murid secara individu semasa kelas Tasmik.

Manakala, tiga item yang menunjukkan nilai min yang rendah adalah item CA10 “memastikan murid membawa al-Quran semasa kelas Tasmik” dengan nilai (min =3.93). Seramai 111 orang guru (26.3%) sangat bersetuju, 220 orang guru (52.1%) bersetuju berbanding 59 orang guru (14.0%) kurang bersetuju, 15 orang guru (3.6%) tidak bersetuju dan 17 orang guru (4.0%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan item tersebut. Item kedua yang terendah ialah CA9 iaitu “mengenalpasti punca murid tidak menghadiri kelas Tasmik” dengan nilai (min=4.19). Seramai 115 orang guru (27.3%) sangat bersetuju, 281 orang guru (66.6%) bersetuju mengenalpasti punca murid tidak menghadiri kelas Tasmik. Sebaliknya, 22 orang guru (5.2%) menyatakan kurang bersetuju, 2 orang guru (0.5%) menyatakan tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju.

Bagi item BA26 iaitu “berkemampuan menarik minat murid mengikuti kelas Tasmik” berada pada nilai (min=4.21) merupakan item ketiga terendah. Dapatan





menunjukkan seramai 128 orang guru (30.3%) sangat bersetuju, 262 orang guru (62.1%) bersetuju berbanding 29 orang guru (6.9%) menyatakan kurang setuju, 1 orang guru (0.2%) menyatakan tidak setuju dan 2 orang guru (0.5%) menyatakan sangat tidak bersetuju dengan item tersebut. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap kesediaan kemahiran mengajar guru j-QAF Model Tasmik berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=4.19, sp.=0.695).

Berikut adalah hasil jawapan temu bual yang telah dijalankan kepada guru j-QAF yang melaksanakan Model Tasmik di sekolah kebangsaan. Soalan yang ditanyakan berkaitan keperluan setiap murid membawa al-Quran semasa Model Tasmik dijalankan.



Responden ketiga :

*Murid yang bawa al-Quran sendiri bergantung pada murid tersebut sebab kadang-kadang murid tersebut sambung mengaji dengan tok guru di kampung.*

(Gj-QAF3/SK/2014:003)

Responden keempat :

*Al-Quran sudah dibekalkan. Di sekolah saya, setiap awal tahun sehingga sekarang mushaf tajwid dibekalkan 1 kotak ada 24 buah buku. 1 pack iqra' dan 1 pack al-Quran.*

(Gj-QAF4/SK/2014:003)

Responden kelima :

*Sudah ada bekalan al-Quran kepada murid dari pihak sekolah.*

(Gj-QAF5/SK/2014:003)





Rujukan keenam :

*Al-Quran sampai 1 kotak tapi bekal lebih sebab murid ramai. Jarang nampak murid bawa al-Quran sendiri sebab al-Quran itu cukup sekiranya bergilir.*

(Gj-QAF6/SK/2014:003)

Berdasarkan kepada temubual tentang keperluan setiap murid membawa al-Quran semasa Model Tasmik dijalankan. Peserta kajian menyatakan terdapat murid membawa al-Quran sendiri daripada rumah, menggunakan al-Quran yang dibekalkan di sekolah yang akan digunakan secara bergilir-gilir.

#### **4.4.3 Kesediaan personaliti guru j-QAF Model Tasmik**

Sebanyak 10 item berkaitan elemen personaliti yang berkaitan dengan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik. Analisis taburan skor min secara terperinci bagi semua item pula menunjukkan tahap kesediaan personaliti guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik berada pada 1 tahap iaitu tinggi. Jadual dibawah menerangkan perincian mengenai taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kesediaan personaliti guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik. Jadual di bawah menerangkan perincian mengenai taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kesediaan elemen kemahiran mengajar guru j-QAF Model Tasmik.



Jadual 4.12

*Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Personaliti Guru j-QAF Model Tasmik*

No	Item	Kekerapan & Peratus (N=422)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
CA11	sanggup melaksanakan Model Tasmik walaupun diluar jadual waktu rasmi	6 (1.4%)	5 (1.2%)	19 (4.5%)	236 (55.9%)	156 (37.0%)	4.25	0.724	T
CA12	bekerjasama dengan guru Pendidikan Islam dan guru akademik yang berkebolehan untuk menjalankan Model Tasmik	6 (1.4%)	14 (3.3%)	31 (7.3%)	238 (56.4%)	133 (31.5%)	4.13	0.795	T
CA13	menegur kesalahan bacaan murid secara berhemah	-	1 (0.2%)	1 (0.2%)	224 (53.1%)	196 (46.4%)	4.45	0.517	T
CA14	mengajarkan al-Quran kepada murid seperti anak sendiri	-	1 (0.2%)	3 (0.7%)	211 (50.0%)	207 (49.1%)	4.47	0.527	T
CA15	menjalankan Model Tasmik mengikut jadual yang ditetapkan	2 (0.5%)	-	3 (0.7%)	220 (52.1%)	197 (46.7%)	4.44	0.564	T
CA16*	kurang menggalakkan murid membaca al-Quran setiap hari	14 (3.3%)	26 (6.2%)	69 (16.4%)	102 (24.2%)	211 (50.0%)	4.11	1.094	T
Min Keseluruhan pelaksanaan personaliti Model Tasmik Program j-QAF							4.30	0.703	T

\*Penyata negatif yang telah dikod semula

Berdasarkan jadual 4.12, skor min bagi tahap kesediaan personaliti guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik, keseluruhannya berada antara 4.47 hingga 4.11. Hasil analisis menunjukkan sebanyak 6 item berkaitan kesediaan pesonaliti guru j-QAF berada pada tahap tinggi (min=4.01) ke atas. Item CA14 iaitu “mengajarkan al-Quran kepada murid seperti anak sendiri” berada pada nilai paling tinggi (min=4.47). Seramai 207 orang guru (49.1%) sangat bersetuju, 211 orang guru (50.0%) bersetuju, sebaliknya hanya 3 orang guru (0.7%) menyatakan kurang bersetuju dan 1 orang guru (0.2%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Item BA32



iaitu “menegur kesalahan bacaan murid secara berhemah” merupakan item kedua tertinggi berada pada (min=4.45). Seramai 196 orang guru (46.4%) sangat bersetuju, 224 orang guru (53.1%) bersetuju berbanding hanya 1 orang guru (0.2%) kurang setuju dan tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Item CA15 iaitu “menjalankan Model Tasmik mengikut jadual yang ditetapkan” menunjukkan min yang ketiga tertinggi (min=4.44). Seramai 197 orang guru (46.7%) sangat bersetuju, 220 orang guru (52.1%) bersetuju menjalankan Model Tasmik mengikut jadual yang ditetapkan. Manakala, 3 orang guru (0.7%) kurang bersetuju dan 2 orang guru (0.5%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Berdasarkan hasil analisis mendapati item CA16 iaitu “menggalakkan murid membaca al-Quran setiap hari” mencapai skor min yang terendah (min=4.11).

Seramai 211 orang guru (50.0%) sangat bersetuju, 102 orang guru (24.2%) bersetuju, manakala seramai 69 orang guru (16.4%) kurang bersetuju, 26 orang guru (6.2%) tidak bersetuju dan 14 orang guru (3.3%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut. Bagi item yang mencapai skor min kedua terendah bagi tahap kesediaan elemen personaliti guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik ialah item CA12 iaitu “bekerjasama dengan guru Pendidikan Islam dan guru akademik yang berkebolehan untuk menjalankan Model Tasmik” dengan nilai (min=3.55). Seramai 96 orang guru (40.0%) sangat bersetuju, 100 orang guru (23.7%) bersetuju. Manakala, 100 orang guru (23.7%) menyatakan kurang bersetuju, 90 orang guru (21.3%) tidak bersetuju.

Item ketiga terendah dalam kesediaan elemen personaliti guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik CA11 iaitu “sanggup melaksanakan Model Tasmik walaupun diluar jadual waktu rasmi” berada pada (min=4.25). Seramai 156 orang



guru (37.0%) sangat bersetuju, 236 orang guru (55.9%) bersetuju. Manakala, 19 orang guru (4.5%) kurang bersetuju, 6 orang guru (1.2%) sangat tidak bersetuju dan 5 orang guru (tidak bersetuju). Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap kesediaan personaliti guru j-QAF Model Tasmik berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=4.30, sp.=0.703).

Berikut adalah hasil jawapan temu bual yang telah dijalankan kepada guru j-QAF yang melaksanakan Model Tasmik di sekolah kebangsaan. Soalan yang ditanyakan berkaitan pendekatan yang digunakan bagi menggalakkan murid membaca al-Quran setiap hari.

Responden pertama :

*Marah murid jika pencapaian kurang baik. Budaya murid SK Putera Jaya, Setiu ini sekolah kawasan elite. Ibu bapa hantar ke tempat mengaji berbayar. Banyak tempat mengaji, tidak harapkan guru di sekolah untuk mengajar mengaji. Di sekolah buat juga tapi rekod melalui ibu bapa, guru sekolah dan guru luar membuat murid jadi keliru.*

(Gj-QAF1/SK/2014:003)

Responden kedua :

*Sentiasa nasihat murid.*

(Gj-QAF2/SK/2014:003)

Responden kelima :

*Bagi hadiah semasa perhimpunan untuk bagi semangat ikut pencapaian Tasmik al-Quran.*

(Gj-QAF5/SK/2014:003)

Responden keenam:

*Pemberitahuan tentang program Khatam al-Quran/ihya'Ramadhan pada bulan puasa. Program ini dibuat pada akhir tahun dan murid akan dapat sijil & hadiah khususnya untuk tahun 6 kerana penting untuk masuk asrama.*

(Gj-QAF6/SK/2014:003)



Responden ketujuh:

*Ada buku rekod. Bila murid baca di rumah, mereka akan tanda buku tersebut & guru akan tanda sekali lagi di sekolah. Tasmik diambil oleh guru j-QAF sahaja ambil, GPI tak nak ambil murid untuk Tasmik. Kurang sokongan daripada GPI. Waktu pagi setengah jam & sebelum balik sekolah setengah jam.*

(Gj-QAF7/SK/2014:003)

Berdasarkan kepada persoalan tentang pendekatan yang digunakan bagi menggalakkan murid membaca al-Quran setiap hari. Peserta kajian menyatakan proses merekodkan bacaan murid membantu menggalakkan pembacaan al-Quran, menasihati murid, memberikan hadiah semasa perhimpunan pagi, mengadakan waktu Tasmik di awal sebelum masuk ke kelas dan selepas waktu persekolahan selama 30 minit.



#### 4.4.4

#### Kesediaan Motivasi Guru j-QAF Model Tasmik

Sebanyak 6 item berkaitan elemen motivasi yang berkaitan dengan kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik. Analisis taburan skor min secara terperinci bagi semua item pula menunjukkan tahap kesediaan elemen motivasi guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik berada pada 2 tahap iaitu tinggi dan sederhana tinggi. Jadual di bawah menerangkan perincian mengenai taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kesediaan elemen motivasi guru j-QAF Model Tasmik.



Jadual 4.13

*Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Motivasi Guru j-QAF Model Tasmik*

No	Item	Kekerapan & Peratus (N=422)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
CA17	memberikan bimbingan berterusan kepada murid yang tidak dapat menguasai bacaan al-Quran dengan kaedah dan aktiviti yang sesuai	-	-	6 (1.4%)	253 (60.0%)	163 (38.6%)	4.37	0.512	T
CA18	berusaha menjalankan Model Tasmik walaupun jadual program di sekolah padat	-	1 (0.2%)	10 (2.4%)	249 (59.0%)	162 (38.4%)	4.35	0.539	T
CA19	meneruskan Model Tasmik walaupun kurang mendapat penyertaan murid	2 (0.5%)	2 (0.5%)	11 (2.6%)	239 (56.6%)	168 (39.8%)	4.34	0.604	T
CA20	kerap kali menyawal sama ada murid membaca al-Quran setiap hari di rumah	1 (0.2%)	4 (0.9%)	9 (2.1%)	230 (54.5%)	178 (42.2%)	4.37	0.602	T
CA21*	tidak akan melaksanakan Model Tasmik walaupun guru Tasmik lain kurang memberikan kerjasama	18 (4.3%)	36 (8.5%)	102 (24.2%)	108 (25.6%)	158 (37.4%)	3.83	1.147	ST
CA22	menggunakan ruang masa yang sesuai di luar jadual waktu persekolahan (waktu pagi bagi sesi petang, waktu petang bagi sesi pagi, waktu kokurikulum) untuk menjalankan Model Tasmik	9 (2.1%)	10 (2.4%)	40 (9.5%)	248 (58.8%)	115 (27.3%)	4.06	0.806	T
Min Keseluruhan pelaksanaan motivasi guru Model Tasmik program j-QAF							4.22	0.567	T

\*Penyata negatif yang telah dikod semula

Berdasarkan jadual 4.13, skor min tahap kesediaan elemen motivasi guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik pada keseluruhannya berada antara nilai 4.37 hingga 3.83. Hasil analisis menunjukkan sebanyak 5 item mencapai skor min yang tinggi (min=4.01) ke atas, manakala 1 item berada pada tahap sederhana tinggi



(min=3.01) ke atas. Item CA17 iaitu “memberikan bimbingan berterusan kepada murid yang tidak dapat menguasai bacaan al-Quran dengan kaedah dan aktiviti yang sesuai” merupakan item yang mencapai skor min yang tertinggi (min=4.37). Seramai 163 orang guru (38.6%) sangat bersetuju, 253 orang guru (60.0%) bersetuju. Sebaliknya hanya 6 orang guru (1.4%) kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Berdasarkan hasil analisis juga mendapati item CA20 iaitu “kerap kali menyoal sama ada murid membaca al-Quran setiap hari di rumah” mencapai skor min yang terendah (min=4.37, sp.=0.602). Seramai 178 orang guru (42.2%) sangat bersetuju, 230 orang guru (54.5%) bersetuju, manakala seramai 9 orang guru (2.1%) kurang bersetuju, 4 orang guru (0.9%) tidak bersetuju dan 1 orang guru (0.2%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut.

Item CA18 iaitu “berusaha menjalankan Model Tasmik walaupun jadual program di sekolah padat” merupakan item yang mencapai skor min kedua tertinggi (min=4.35). Seramai 162 orang guru (38.4%) sangat bersetuju, 249 orang guru (59.0%) bersetuju berbanding hanya 10 orang guru (2.4%) menyatakan kurang setuju dan 1 orang guru (0.2%) tidak bersetuju berkenaan item tersebut. Manakala item ketiga tertinggi ialah item BA40 iaitu “menggalakkan murid-murid menonton rancangan televisyen program al-Quran” menunjukkan (min=4.40). Seramai 182 orang guru (43.1%) sangat bersetuju, 228 orang guru (54.0%) bersetuju berbanding 9 orang guru (2.1%) kurang bersetuju dan 2 orang guru (0.5%) tidak bersetuju.

Berdasarkan hasil analisis mendapati item CA21 iaitu “akan tetap melaksanakan Model Tasmik walaupun guru Tasmik lain kurang memberikan kerjasama” mencapai skor min yang terendah (min=3.83). Seramai 158 orang guru



(37.4%) sangat bersetuju, 108 orang guru (25.6%) bersetuju, manakala seramai 102 orang guru (24.2%) kurang bersetuju, 36 orang guru (8.5%) tidak bersetuju dan 18 orang guru (4.3%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut. Item CA22 iaitu “menggunakan ruang masa yang sesuai di luar jadual waktu persekolahan (waktu pagi bagi sesi petang, waktu petang bagi sesi pagi, waktu kokurikulum) untuk menjalankan Model Tasmik” merupakan skor min kedua terendah ( $\text{min}=4.06$ ). Seramai 115 orang guru (27.3%) sangat bersetuju, 248 (58.8%) bersetuju. Manakala, seramai 40 orang menyatakan 40 orang guru (9.5%) menyatakan kurang bersetuju, 10 orang guru (2.4%) tidak bersetuju dan 9 orang guru (2.1%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap kesediaan elemen motivasi guru j-QAF Model Tasmik berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah ( $\text{min}=4.22, \text{sp.}=0.567$ ).



#### 4.5 Analisis Dapatan Inferensi

Analisis inferensi dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan pemboleh ubah bersandar berdasarkan faktor-faktor pemboleh ubah tidak bersandar yang digunakan dalam kajian ini. Analisis inferensi digunakan bertujuan untuk menjawab persoalan bagi hipotesis-hipotesis kajian yang dibina. Di antara ujian inferensi yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian-*t* dan Analisis Varian (ANOVA) satu hala.

**Soalan kajian: Apakah terdapat perbezaan tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan jantina, lokasi sekolah, bidang pengkhususan, umur dan pengalaman mengajar?**



#### 4.5.1 Perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam Al-Quran Program j-QAF berdasarkan jantina.

*Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan jantina.*

Untuk melihat perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan jantina dengan lebih jelas, perbandingan skor min antara guru lelaki dan perempuan dilakukan. Jadual 4.14 di bawah menunjukkan keputusan ujian-*t* untuk membandingkan skor min tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan jantina. Analisis skor min di atas menunjukkan bahawa skor min bagi guru perempuan ( $\text{min}=4.09, \text{sp}=0.334$ ) adalah lebih rendah berbanding skor min guru lelaki ( $\text{min}=4.13, \text{sp}=0.305$ ).

Berdasarkan analisis data yang telah dibuat, nilai *t* bagi tahap kesediaan guru dalam pengajaran model khatam al-Quran program j-QAF antara guru lelaki dan perempuan berada pada tahap signifikan  $p = 0.253$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) diterima. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF antara guru lelaki dan perempuan. Ini menjelaskan bahawa tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF antara guru lelaki dan perempuan adalah sama.

Jadual 4.14

*Keputusan ujian-t bagi skor min kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan jantina*

Kumpulan	Bil	Min	Sp	nilai t	sig. (p)
Lelaki	107	4.13	0.305	1.118	0.253
Perempuan	315	4.09	0.334	1.169	

\* Signifikan pada aras 0.05

#### 4.5.2 Perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah

*Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah.*

Untuk melihat perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan lokasi sekolah dengan lebih jelas, perbandingan skor min antara guru yang berdasarkan lokasi bandar dan luar bandar. Jadual 4.15 menunjukkan keputusan ujian-*t* untuk membandingkan skor min tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah.

Analisis skor min di atas menunjukkan bahawa skor min bagi lokasi sekolah di bandar (min=4.11, sp=0.338) adalah lebih tinggi berbanding skor min luar bandar (min= 4.10, sp = 0.318). Berdasarkan analisis data yang telah dibuat, nilai *t* bagi tahap kesediaan pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF antara guru yang berada di bandar dan luar bandar berada pada tahap signifikan  $p = 0.273$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) diterima. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah bandar dan luar bandar. Ini menjelaskan bahawa tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF antara guru yang mengajar di bandar dan luar bandar adalah sama.

Jadual 4.15

*Keputusan ujian-t bagi skor min kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah*

Kumpulan	Bil	Min	Sp	nilai t	sig. (p)
Bandar	188	4.11	0.338	0.277	0.273
Luar Bandar	234	4.10	0.318	0.276	

\* Signifikan pada aras 0.05

#### 4.5.3 Perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan bidang pengkhususan

*Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan*

Untuk melihat perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan bidang pengkhususan dengan lebih jelas, perbandingan skor min antara bidang pengkhususan pendidikan Islam dan bahasa Arab serta Bahasa Arab dan Pendidikan Islam dilakukan. Jadual 4.16 di bawah menunjukkan keputusan ujian-t untuk membandingkan skor min tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan. Analisis skor min di atas menunjukkan bahawa skor min bagi bidang pengkhususan pendidikan Islam dan bahasa Arab (min= 4.09, sp =0.330) adalah lebih rendah berbanding skor min bidang pengkhususan (min=4.13,sp=0.320). Berdasarkan analisis data yang telah dibuat, tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan berada pada tahap signifikan  $p= 0.910$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ( $p >0.05$ ).

Oleh itu, hipotesis nol ( $H_03$ ) diterima. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF antara guru j-QAF yang mempunyai opsyen major Pendidikan Islam dan opsyen major bahasa Arab. Hal ini menjelaskan bahawa tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF antara guru yang mempunyai opsyen sama ada pendidikan Islam atau bahasa Arab adalah sama.

Jadual 4.16

*Keputusan ujian-t bagi skor min kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan*

Kumpulan	Bil	Min	Sp	nilai t	sig. ( $\rho$ )
Pendidikan Islam	282	4.09	0.330	-1.143	0.910
Bahasa Arab	140	4.13	0.320	-1.154	

\* Signifikan pada aras 0.05

#### **4.5.4 Mengenal pasti tahap perbezaan kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan umur**

$H_04$  *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan umur.*

Untuk melihat perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan peringkat umur dengan lebih jelas, ANOVA Satu Hala dilakukan. Jadual 4.17 di bawah menunjukkan keputusan ANOVA Satu Hala untuk membandingkan skor min kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan peringkat umur. Hasil ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan

pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan peringkat seperti yang ditunjukkan oleh nilai F (0.244) dan  $p = 0.784 > 0.05$ . Oleh itu, hipotesis nol ( $H_04$ ) diterima. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan peringkat umur.

Jadual 4.17

*Keputusan ANOVA Satu Hala bagi skor min kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan kelayakan peringkat umur*

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. (p)
Antara Kumpulan	0.52	2	0.26	0.244	0.784
Dalam Kumpulan	44.98	419	0.107		

\* Signifikan pada aras 0.05

#### **4.5.5. Perbezaan Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Khatam al-Quran Program j-QAF Berdasarkan Pengalaman Mengajar**

*$H_05$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF pengalaman mengajar.*

Untuk melihat perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan pengalaman mengajar, Analisis Varian (ANOVA) Satu Hala dilakukan. Jadual 4.18 di bawah menunjukkan keputusan ujian ANOVA Satu Hala. Hasil ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan seperti yang ditunjukkan oleh nilai F (1.129) dan  $p = 0.337 > 0.05$ . Oleh itu, hipotesis nol ( $H_05$ ) diterima. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak

terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan pengalaman mengajar.

Jadual 4.18

*Keputusan ujian ANOVA satu hala bagi perbezaan skor min tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan pengalaman mengajar*

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. (p)
Antara Kumpulan	0.362	3	0.121	1.129	0.337
Dalam Kumpulan	44.67	418	0.107		

\* Signifikan pada aras 0.05

#### 4.5.6 Perbezaan kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik berdasarkan jantina

*Ho6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan jantina.*

Untuk melihat perbezaan tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan Model Tasmik berdasarkan jantina dengan lebih jelas, perbandingan skor min antara guru lelaki dan perempuan dilakukan. Jadual 4.19 di bawah menunjukkan keputusan ujian-*t* untuk membandingkan skor min tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan jantina. Analisis skor min di atas menunjukkan bahawa skor min bagi guru perempuan (min=4.26, sp.=0.96) adalah lebih rendah berbanding skor min guru lelaki (min=4.30, sp.=0.396). Berdasarkan analisis data yang telah dibuat, nilai *t* bagi tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru lelaki dan perempuan berada pada tahap signifikan



$p=0.148$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ( $p>0.05$ ). Oleh itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) diterima. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru lelaki dan perempuan. Ini menjelaskan bahawa tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru lelaki dan perempuan adalah sama.

Jadual 4.19

*Keputusan ujian-t bagi skor min kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan jantina*

Kumpulan	Bil	Min	Sp	nilai t	sig. ( $\rho$ )
Lelaki	107	4.30	0.378	0.902	0.148
Perempuan	315	4.26	0.396	0.924	

\* Signifikan pada aras 0.05

#### 4.5.7 Perbezaan kesediaan guru dalam pelaksanaan Model Tasmik berdasarkan bidang pengkhususan

*H<sub>0</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan.*

Untuk melihat perbezaan tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan Model Khatam al-Quran berdasarkan bidang pengkhususan dengan lebih jelas, perbandingan skor min antara guru yang mempunyai bidang pengkhususan pendidikan Islam dan bahasa Arab. Jadual 4.20 di bawah menunjukkan keputusan ujian-t untuk membandingkan skor min tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan. Analisis skor min di atas menunjukkan bahawa skor min bagi bidang pengkhususan pendidikan Islam & bahasa Arab ( $\text{min}=4.26, \text{sp}=0.395$ ) adalah lebih rendah berbanding skor min bidang pengkhususan

( $\min=4.29, sp=0.387$ ). Berdasarkan analisis data yang telah dibuat, nilai  $t$  bagi tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru yang mempunyai bidang pengkhususan pendidikan Islam dan bidang pengkhususan bahasa Arab ialah pada tahap signifikan  $p = 0.348$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada  $0.05$  ( $p > 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) diterima. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru yang mempunyai bidang pengkhususan pendidikan Islam dan bidang pengkhususan bahasa Arab. Ini menjelaskan bahawa tahap kesediaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru berlainan bidang pengkhususan adalah sama.

Jadual 4.20

*Keputusan Ujian-t bagi skor min kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik Program j-QAF Berdasarkan bidang pengkhususan*

Kumpulan	Bil	Min	Sp	nilai t	sig. ( $\rho$ )
Pend Islam & Bahasa Arab	282	4.26	0.395	-0.606	0.348
Bahasa Arab & Pend Islam	140	4.29	0.387	-0.610	

\* Signifikan pada aras 0.05

#### 4.5.8 Perbezaan kesediaan guru dalam pelaksanaan Model Tasmik berdasarkan lokasi sekolah

$H_0$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah.

Untuk melihat perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik berdasarkan lokasi sekolah dengan lebih jelas, perbandingan skor min antara guru lelaki dan perempuan dilakukan. Jadual 4.21 di bawah menunjukkan keputusan ujian-t

untuk membandingkan skor min tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah. Analisis skor min di atas menunjukkan bahawa skor min bagi lokasi bandar (min= 4.28, sp =0.401) adalah lebih tinggi berbanding skor min lokasi luar bandar (min=4.26, sp=0.384). Berdasarkan analisis data yang telah dibuat, nilai  $t$  bagi tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru lelaki dan perempuan menunjukkan tahap signifikan  $p = 0.515$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) diterima. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru j-QAF yang mengajar di kawasan bandar dan luar bandar. Ini menjelaskan bahawa tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru yang mengajar di kawasan bandar dan luar bandar adalah

#### Jadual 4.21

*Keputusan ujian-t bagi skor min kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik al-Quran Program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah*

Kumpulan	Bil	Min	Sp	nilai t	sig. ( $\rho$ )
Bandar	188	4.28	0.401	0.245	0.515
Luar Bandar	234	4.26	0.384	0.244	

\* Signifikan pada aras 0.05

#### 4.5.9 Perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik Program j-QAF berdasarkan umur

$H_0$  *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik Program j-QAF berdasarkan umur*

Untuk melihat perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan peringkat umur dengan lebih jelas, ANOVA Satu Hala dilakukan. Jadual 4.22 di bawah menunjukkan keputusan ANOVA Satu Hala untuk membandingkan skor min kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan peringkat umur. Hasil ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran seperti yang ditunjukkan oleh nilai F (0.244) dan  $p = 0.784 > 0.05$ . Oleh itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) diterima. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik berdasarkan peringkat umur.

*Keputusan ANOVA Satu Hala bagi skor min kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan peringkat umur*

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. ( $\rho$ )
Antara Kumpulan	0.052	2	0.026	0.244	0.784
Dalam Kumpulan	44.98	419	0.107		

\* Signifikan pada aras 0.05

#### **4.5.10 Perbezaan kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik Program j-QAF berdasarkan pengalaman mengajar**

$H_{010}$  *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Tasmik Program j-QAF berdasarkan pengalaman mengajar.*



Untuk melihat perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan pengalaman mengajar, Analisis Varian (ANOVA) Satu Hala dilakukan. Jadual 4.23 di bawah menunjukkan keputusan ujian ANOVA Satu Hala. Hasil ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik berdasarkan seperti yang ditunjukkan oleh nilai  $F (1.129)$  dan  $p = 0.337 > 0.05$ . Oleh itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) diterima. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik berdasarkan pengalaman mengajar.

Jadual 4.23

*Keputusan ujian ANOVA satu hala bagi perbezaan skor min tahap kesediaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan pengalaman mengajar.*

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. (p)
Antara Kumpulan	0.362	3	0.121	1.129	0.337
Dalam Kumpulan	44.67	418	0.107		

\* Signifikan pada aras 0.05

#### 4.5.11 Rumusan dapatan kajian analisis perbezaan

Dapatan kajian analisis perbezaan berdasarkan Jadual 4.24 latar belakang demografi dengan kesediaan guru j-QAF dalam melaksanakan pengajaran Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik Program j-QAF. Analisis kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min kesediaan guru dalam pengajaran Model





Khatam al-Quran dan Model Tasmik di sekolah kebangsaan berdasarkan jantina, bidang pengkhususan, lokasi sekolah, umur dan pengalaman mengajar.

Jadual 4.24

*Rumusan Dapatan Kajian Analisis Perbezaan*

	<b>Hipotesis</b>	<b>Keputusan</b>
Ho1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan jantina	Diterima
Ho2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah	Diterima
Ho3	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan	Diterima
Ho4	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF berdasarkan umur	Diterima
Ho5	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF pengalaman mengajar	Diterima
Ho6	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan jantina.	Diterima
Ho7	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan	Diterima
Ho8	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan lokasi sekolah	Diterima
Ho9	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan umur	Diterima
Ho10	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan pengalaman mengajar	Diterima

#### 4.6 Analisis hubungan (Korelasi)

Data kajian yang melibatkan analisis korelasi menggunakan ujian Pearson bagi mengenal pasti hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar Model Khatam al-Quran program j-QAF. Ujian Pearson dilakukan kerana data kajian yang diperolehi adalah normal selepas ujian Normaliti dilakukan.





#### 4.6.1 Hubungan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar guru Model Khatam al-Quran program j-QAF

Ho 11 *Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar Model Khatam al-Quran program j-QAF.*

Jadual 4.25

*Hubungan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar guru Model Khatam al-Quran*

Pemboleh ubah	Kemahiran Mengajar sig. ( $\rho$ )	
Ilmu Pengetahuan	$r = 0.739$	$p = 0.00^*$

\*\*korelasi adalah signifikan pada nilai 0.00



Jadual 4.25 menunjukkan pekali korelasi Pearson antara pemboleh ubah elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar dalam Model Khatam al-Quran iaitu  $r = 0.739$ ,  $p = 0.00$  ( $p < 0.05$ ). Nilai  $r$  menunjukkan pekali korelasi secara positif yang memiliki hubungan tinggi. Hal ini telah membawa penolakan kepada hipotesis nol ( $H_{011}$ ). Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar dalam pengajaran Model Khatam al-Quran.

#### 4.6.2 Hubungan antara elemen personaliti dengan motivasi guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Khatam al-Quran

Ho 12 *Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen personaliti dengan motivasi guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran.*



Jadual 4.26

*Hubungan antara elemen personaliti dengan motivasi guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran*

Pemboleh ubah	Motivasi sig. ( $\rho$ )	
Personaliti	$r = 0.601$	$p = 0.00^*$

\*\*korelasi adalah signifikan pada nilai 0.00

Jadual 4.26 menunjukkan pekali korelasi Pearson antara pemboleh ubah elemen personaliti dengan motivasi dalam pengajaran Model Khatam al-Quran iaitu  $r = 0.61$ ,  $p = 0.00$  ( $p < 0.05$ ). Nilai  $r$  menunjukkan pekali korelasi secara positif yang mempunyai hubungan yang sederhana. Hal ini telah membawa penolakan kepada hipotesis nol ( $H_0$ ). Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat

hubungan yang signifikan antara elemen personaliti dengan motivasi dalam pengajaran Model Khatam al-Quran.

#### 4.6.3 Hubungan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar guru Model Tasmik program j-QAF

*Ho 13 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar Model Tasmik program j-QAF.*

Jadual 4.27

*Hubungan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar Model Tasmik program j-QAF*

Pemboleh ubah	Kemahiran Mengajar sig. ( $\rho$ )	
Ilmu Pengetahuan	$r = 0.371$	$p = 0.00^*$

\*\*korelasi adalah signifikan pada nilai 0.00



Jadual 4.27 menunjukkan pekali korelasi Pearson antara pemboleh ubah elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar dalam Model Tasmik iaitu  $r = 0.371$ ,  $p = 0.00$  ( $p < 0.05$ ). Nilai  $r$  menunjukkan pekali korelasi secara positif yang memiliki hubungan rendah. Hal ini telah membawa penolakan kepada hipotesis nol ( $H_0$ 13). Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar dalam pengajaran Model Tasmik al-Quran.

#### 4.6.4 Hubungan antara elemen personaliti dengan motivasi Guru Dalam Pelaksanaan Pengajaran Model Tasmik

$H_0$  14 *Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen personaliti dengan motivasi guru dalam pengajaran Model Tasmik*

*Hubungan antara elemen personaliti dengan motivasi guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran*

Pemboleh ubah	Motivasi guru sig. ( $\rho$ )	
Personaliti	$r = 0.697$	$p = 0.00^*$

\*\*korelasi adalah signifikan pada nilai 0.00

Jadual 4.28 menunjukkan pekali korelasi Pearson antara pemboleh ubah elemen personaliti dengan motivasi dalam pengajaran Model Khatam al-Quran iaitu  $r = 0.697$ ,  $p = 0.00$  ( $p < 0.05$ ). Nilai  $r$  menunjukkan pekali korelasi secara positif yang mempunyai hubungan yang sederhana. Hal ini telah membawa penolakan kepada hipotesis nol ( $H_0$ 14). Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat

hubungan yang signifikan antara elemen personaliti dengan motivasi dalam pengajaran Model Tasmik.

#### 4.6.5 Rumusan dapatan kajian analisis korelasi

Rumusan daripada kajian analisis korelasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual. Rumusan dapatan analisis hubungan menunjukkan bahawa elemen ilmu pengetahuan mempunyai kaitan dengan kemahiran mengajar dalam menjalankan pengajaran Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik. Begitu juga, hubungan personaliti dan motivasi guru dalam menjalankan Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik. Dapatan ini jelas menolak kesemua hipotesis kajian yang berkaitan. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-duanya mempunyai hubungan yang signifikan.

Jadual 4.29

#### *Rumusan dapatan kajian analisis korelasi*

<b>Bil</b>	<b>Hipotesis</b>	<b>Keputusan</b>
Ho11	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen ilmu pengetahuan dan dengan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam Model Khatam al-Quran program j-QAF	Ditolak
Ho12	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen personaliti dan motivasi guru j-QAF dalam Model Khatam al-Quran program j-QAF	Ditolak
Ho13	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen ilmu pengetahuan dan dengan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam Model Tasmik program j-QAF	Ditolak
Ho14	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen personaliti dan motivasi guru j-QAF dalam Model Tasmik program j-QAF	Ditolak



#### 4.7 Penutup

Berdasarkan analisis di atas, pengkaji telah merumuskan bahawa tahap kesediaan guru dalam pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF ini telah dijalankan di setiap sekolah mengikut modul yang telah ditetapkan dengan baik. Namun begitu, masih terdapat beberapa permasalahan dalaman seperti aspek kesediaan guru, penglibatan guru dan masalah sampingan lain yang perlu diteliti, dirungkai dan diselesaikan untuk membantu melicinkan lagi pengajaran Tilawah al-Quran program j-QAF di sekolah kebangsaan.





## BAB 5

### PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN



#### 5.1 Pengenalan

Semua dapatan yang dinyatakan dalam bab IV sebelum ini dianalisis dan dihuraikan oleh pengkaji bagi menjawab semua persoalan yang dikemukakan. Fokus perbincangan ditumpukan kepada konstruk utama kajian iaitu tahap kesediaan guru terhadap pengajaran Tilawah Al-Quran program j-QAF iaitu Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik. Pengkaji turut membincangkan perbezaan konstruk-konstruk kajian berdasarkan demografi responden selain menganalisa hubungan yang wujud di antara konstruk berkenaan. Perbincangan dalam bab ini merangkumi pendahuluan, ringkasan kajian, perbincangan mengenai dapatan yang diperolehi merangkumi



perspektif konseptual dan teoritikal kajian dengan merujuk hasil kajian-kajian lepas. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, pengkaji mengutarakan beberapa implikasi serta cadangan untuk meningkatkan tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Tilawah Al-Quran dalam proses PdP Pendidikan Islam. Beberapa cadangan bagi kajian akan datang dikemukakan agar dapat diperluaskan dalam perspektif yang berlainan pada masa depan.

## 5.2 Ringkasan kajian

Objektif utama kajian ini dijalankan ialah untuk menganalisis tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Tilawah al-Quran iaitu Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik. Selain itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti perbezaan yang wujud di antara konstruk kajian berdasarkan demografi jantina, kelayakan akademik, umur, kelayakan ikhtisas dan pengalaman mengajar serta mengenalpasti hubungan yang wujud antara konstruk kajian iaitu kesediaan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar, antara personaliti dan motivasi guru j-QAF dalam pelaksanaan pengajaran Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik.

Dapatan kajian yang diperolehi adalah merujuk maklum balas 422 responden daripada 174 buah sekolah kebangsaan di seluruh Malaysia. Semua dapatan diperolehi daripada borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu latar belakang guru j-QAF, tahap kesediaan guru j-QAF daripada elemen ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi. Data-data dianalisis dengan program SPSS Windows versi 19.0 dan diinterpretasi melalui beberapa jenis ujian seperti Ujian-t, Anova Satu Hala dan korelasi Pearson bagi menjawab semua



persoalan kajian sebagai data utama dan kaedah temu bual guru diambil sebagai data sokongan.

### 5.3 Perbincangan dapatan kajian

Perbincangan dapatan kajian tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model tilawah al-Quran program j-QAF berdasarkan Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik dibincangkan dengan berpandukan empat komponen utama ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi guru.

#### 5.3.1 Tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran

Secara keseluruhan, analisis dapatan kajian mengenai kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran menunjukkan skor min yang tinggi (min=4.10). Skor min kesediaan elemen ilmu pengetahuan menunjukkan skor min tinggi (min=4.01). Manakala skor min elemen kemahiran mengajar guru menunjukkan skor min tinggi (min=4.12), elemen personaliti memperoleh skor min tinggi (min=4.14) dan elemen motivasi mencapai skor min tinggi (min=4.22). Dapatan ini menunjukkan guru j-QAF mempunyai kesediaan yang tinggi dalam melaksanakan Model Khatam al-Quran. Ini kerana guru j-QAF memainkan peranan yang amat penting dalam menjayakan Model Khatam al-Quran di sekolah kebangsaan. Dapatan ini selari dengan kajian Asmawati Suhid (2013), yang mendapati penggunaan Model Khatam al-Quran menunjukkan kadar penggunaan yang tertinggi.





Berdasarkan elemen ilmu pengetahuan guru dalam pelaksanaan Model Khatam al-Quran mendapati item BA5 “mampu memperbetulkan bacaan al-Quran murid” menunjukkan nilai min yang paling tinggi (min=4.45). Seramai 420 orang guru (99.5%) bersetuju mempunyai ilmu dalam memperbetulkan bacaan al-Quran murid. Hasil dapatan menunjukkan majoriti daripada keseluruhan responden sangat bersetuju dan bersetuju mampu memperbetulkan bacaan al-Quran murid.

Manakala item yang mencapai skor min kedua tertinggi dengan nilai (min=4.42) ialah item BA2 “memahami kaedah talaqqi dan mushafahah” Hasil dapatan membuktikan seramai 416 orang guru (98.5%) bersetuju dalam memahami kaedah talaqqi dan mushafahah. Hasil dapatan menunjukkan majoriti daripada keseluruhan responden sangat bersetuju dan bersetuju dalam memahami kaedah talaqqi dan mushafahah. Dapatan ini selari dengan Misnan Jemali et. al. 2013 dalam kajiannya mendapati guru j-QAF mengakui menjalankan pdp al-Quran yang memberikan penekanan kepada kaedah memahami kaedah talaqqi dan mushafahah.

Seterusnya, item BA4 “mampu memberikan bimbingan kepada murid” dengan (min=4.41) merupakan skor min ketiga tertinggi. Seramai 420 orang guru (99.5%) bersetuju mampu memberikan bimbingan kepada murid dalam Model Khatam al-Quran. Dapatan ini selari dengan kajian Misnan Jemali (2013), mendapati bahawa majoriti guru j-QAF mengambil kira tahap pelajar semasa menjalankan pengajaran.



Seterusnya, item BA3 “mampu menilai bacaan al-Quran murid” dengan nilai (min=4.39) menunjukkan seramai 419 orang guru (99.3%) bersetuju berkaitan mampu menilai bacaan al-Quran murid. Dapatan ini disokong oleh Misnan Jemali (2013) yang mendapati majoriti guru j-QAF bersetuju dalam membuat penilaian kepada pelajar. Seterusnya, item BA10 “menguasai kemahiran membaca secara bertajwid dalam buku Iqra” dengan nilai (min=4.31) menunjukkan seramai 407 orang guru (96.4%) menguasai kemahiran membaca secara bertajwid dalam buku Iqra. Dapatan ini selari dengan kajian Fahimah Ali Hassan (2013) yang mendapati bahawa guru j-QAF menerangkan hukum tajwid, mengajar bacaan qhunnah, melatih sebutan makhraj huruf, membincangkan hukum mad asli serta mempraktikkan sebutan qalqalah bagi mencapai objektif pengajaran Model Khatam al-Quran.

Seterusnya, item BA8 “masih memerlukan pendedahan tentang kemahiran membaca al-Quran” dengan nilai (min=4.25) menunjukkan seramai 392 orang guru (92.9%) bersetuju masih memerlukan pendedahan tentang kemahiran membaca al-Quran. Dapatan ini selari dengan Misnan Jemali et. al. 2013, mendapati masih terdapat segelintir guru j-QAF tidak menggunakan pendekatan yang bersesuaian ketika mengajar.

Seterusnya, item BA7 “mempunyai pengetahuan yang cukup dalam pelaksanaan Model” dengan nilai (min=4.12) menunjukkan seramai 378 orang guru (89.6%) bersetuju mengenai mempunyai pengetahuan yang cukup dalam pelaksanaan Model Khatam al-Quran. Dapatan ini selari dengan kajian Misnan Jemali et. al. 2013, menunjukkan majoriti guru j-QAF menyediakan rancangan pengajaran dan mengajar menggunakan model yang disediakan oleh pihak KPM.



Elemen ilmu pengetahuan guru j-QAF dalam menjalankan Model Khatam al-Quran mendapati item BA12 “menguasai teknik nyanyian dalam buku Iqra” mendapat skor min yang terendah (min=2.36). Hasil kajian mendapati seramai majoriti responden 374 orang (88.7%) guru tidak menguasai teknik nyanyian dalam buku Iqra’. Dapatan ini selari dengan Daud Ismail et. al. (2014), menyatakan bahawa masalah yang ketara dan perlu ditonjolkan ialah guru j-QAF yang sedia ada terdiri daripada para graduan lulusan pusat pengajian tinggi dari dalam dan luar negara yang mengikuti pelbagai bidang pengajian Islam menyebabkan guru j-QAF terpaksa mengajar beberapa subjek di luar bidang pengkhususan menyebabkan sebahagian tenaga pengajar menghadapi kesukaran untuk memberi penerangan yang jelas mengenai suatu perkara di luar bidang pengkhususan.

Item BA11 “mengikuti kursus/bengkel pengajaran menggunakan buku Iqra” dengan nilai min=3.99 mencapai skor min yang ketiga terendah. Hasil kajian mendapati masih terdapat 78 orang guru (18.5) masih tidak pernah mengikuti kursus/bengkel pengajaran menggunakan buku Iqra. Dalam pengajaran al-Quran, Zahiah & Mustapha (2012), menyatakan bahawa kaedah-kaedah pengajaran yang berkesan yang disarankan dalam bidang tilawah al-Quran dan Hafazan ialah talaqqi musyafahah, tikkar, hafazan dan tasmi’. Kaedah talaqqi musyafahah ialah guru membaca al-Quran, murid dapat melihat cara yang betul melalui pergerakan mulut dan bibir guru. Kaedah tikkar pula ialah pelajar mengulangi beberapa kali bacaan al-Quran agar mudah diingati dan menghafaznya.

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap kesediaan elemen ilmu pengetahuan guru j-QAF bagi Model Khatam al-Quran berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=4.01). Aziah Ismail & Abdul Ghani (2014), mendapati bahawa implikasi tertentu terhadap aspek kesediaan guru sama ada sedang atau bakal mengajar. Aspek kesediaan guru dititikberatkan kerana aspek ini mempunyai pengaruh yang amat tinggi terhadap kejayaan sesuatu perubahan yang dilaksanakan. Disamping itu, terdapat implikasi yang penting dalam hal menyediakan guru kepada perubahan. Menurut Rohaty Mohd Majzub dalam Norzaini Azman dan Mohammed Sani (2006), seorang guru yang berkesan mempunyai pengetahuan mengenai subjek yang hendak diajar seperti menguasai konsep, teori, prinsip, fakta dan skema-skema dalam disiplin yang hendak diajar. Guru bertanggungjawab menyatakan fakta yang betul dan guru bertanggungjawab memahami isi-isi pengajaran sebelum disampaikan kepada para pelajar.



Imam al-Ghazali (1988) turut mencadangkan pendekatan pengajaran yang memerlukan guru menguasai sesuatu bidang ilmu pengetahuan secara menyeluruh dan tersusun serta melakukan perhatian terhadap permasalahan yang berkaitan akal fikiran dan pemahaman. Oleh itu, guru pendidikan Islam hendaklah sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan dari semasa ke semasa berkaitan dengan bidang ilmu yang disampaikan.

Temubual bersama guru j-QAF berkaitan pengetahuan yang dimiliki semasa menjalankan pengajaran Model khatam al-Quran. Peserta kajian memberikan respon tahap penguasaan bacaan al-Quran murid berada pada tahap yang lemah, penglibatan murid terus kurang berkesan kerana kelemahan mengawal rakan-rakannya, pengurusan kelas Asas Fardhu Ain tidak boleh dilibatkan dengan Model Khatam al-



Quran program j-QAF, masa pelaksanaan Model Khatam al-Quran tidak mencukupi, penggunaan kaedah baca ikut guru mampu menghabiskan sukatan pelajaran tetapi kesan penguasaan murid masih tidak memuaskan. Sekiranya murid masih membaca buku iqra' menyebabkan Model Khatam al-Quran ini tidak dalam mencapai objektifnya. Disamping itu, penggunaan waktu rehat murid digunakan untuk mengajar murid lemah membaca al-Quran. Kehadiran murid yang tidak memuaskan boleh menyebabkan murid ketinggalan dalam Model Khatam al-Quran.

Berdasarkan elemen kemahiran mengajar dalam Model Khatam al-Quran mendapati bahawa item BA21 “menerapkan kaedah talaqqi dan mushafahah dalam pengajaran buku Iqra” mencatatkan min yang tertinggi (min=4.48) iaitu seramai 415 orang guru (98.4%) bersetuju kaedah talaqqi dan mushafahah dalam pengajaran buku Iqra. Begitu juga dengan item BA22 “melaksanakan PdP kaedah talaqqi musyafahah





dalam Model Khatam al-Quran” dengan nilai (min=4.40) menunjukkan seramai 414 orang guru (98.1%) bersetuju mengenai melaksanakan PdP kaedah talaqqi musyafahah dalam Model Khatam al-Quran. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Amal Hayati (2013) yang mendapati bahawa guru menggunakan kaedah talaqqi dan musyafahah dalam menjalankan Model Khatam al-Quran.

Manakala skor min yang kedua tertinggi ialah item BA17 iaitu “memperbetulkan bacaan al-Quran murid” dengan nilai (min=4.46). Seramai 414 orang guru (98.1%) mampu memperbetulkan bacaan al-Quran murid semasa Model Khatam al-Quran dilaksanakan. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Fahimah Ali Hassan (2013) menyatakan guru menunjukkan bacaan yang betul sebagai kaedah pengajaran dalam Model Khatam al-Quran. Skor min ketiga tertinggi



ialah item BA20 iaitu “sentiasa peka terhadap setiap kesalahan tajwid murid” berada pada tahap nilai (min=4.42). Seramai 416 orang (98.6%) bersetuju terhadap kepekaan setiap kesalahan tajwid yang dilakukan oleh murid. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Fahimah Ali Hassan (2013) yang mendapati bahawa guru memperbetulkan bacaan murid yang salah ketika menjalankan kaedah .

Seterusnya, item BA29 “memberikan pemulihan kepada murid lemah dengan menggunakan buku Iqra” dengan nilai (min=4.34) menunjukkan seramai 402 orang guru (95.3%) bersetuju mengenai memberikan pemulihan kepada murid lemah dengan menggunakan buku Iqra. Menurut Fahimah Ali Hassan (2013), mendapati bahawa guru melatih tubi murid yang lemah dalam pembelajaran al-Quran.



Seterusnya, item item BA19 “mengesahkan bacaan al-Quran murid” dengan nilai (min=4.30) iaitu “mengesahkan bacaan al-Quran murid” menunjukkan seramai 406 orang guru (96.2%) bersetuju mengenai mengesahkan bacaan al-Quran murid. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Fahimah Ali Hassan yang mendapati bahawa guru mendengar bacaan daripada murid. Manakala Amal Hayati (2013), majoriti guru merekodkan bacaan setiap murid di dalam buku rekod bacaan al-Quran.

BA15 “memberikan bacaan contoh kepada murid” dengan nilai (min=4.30) iaitu item BA15 iaitu “memberikan bacaan contoh kepada murid” menunjukkan bahawa seramai 419 orang guru (99.3%) sangat bersetuju dalam memberikan bacaan contoh kepada murid. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Fahimah Ali Hassan yang mendapati bahawa guru menunjukkan bacaan yang betul kepada murid merupakan kaedah pengajaran yang digunakan dalam Model Khatam al-Quran.

Seterusnya, item BA14 “berkebolehan membaca al-Quran mengikut hukum tajwid” dengan nilai (min=4.28) menunjukkan seramai 411 orang guru (97.4%) bersetuju berkaitan berkebolehan membaca al-Quran mengikut hukum tajwid. Manakala item BA24 iaitu “menggunakan PdP halaqah/tadarus dalam Model Khatam al-Quran” dengan nilai (min=4.27) menunjukkan bahawa seramai 395 orang guru (93.6%) bersetuju berkenaan dengan menggunakan PdP halaqah/tadarus dalam Model Khatam al-Quran. Imam al-Ghazali (1988), menyatakan bahawa keutamaan mengajar adalah memberikan petunjuk, beramal dengan ilmu yang dimiliki dan tidak menyembunyikan ilmu yang telah kuasai. Oleh itu, para guru yang menguasai



kemahiran membaca al-Quran dengan baik mampu melaksanakan PdP khatam al-Quran dengan baik.

Seterusnya, item BA13 “melaksanakan kaedah pengajaran al-Quran Model Khatam al-Quran” dengan nilai (min=4.25) menunjukkan seramai 417 orang guru (98.8%) bersetuju berkaitan melaksanakan kaedah pengajaran al-Quran Model Khatam al-Quran. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Fahimah Ali Hassan (2013) yang mendapati kaedah pengajaran guru dalam melaksanakan Model Khatam al-Quran berada pada tahap tinggi.

Manakala item BA27 iaitu “menggunakan BBM yang sesuai dalam melaksanakan Model Khatam al-Quran” berada pada nilai (min=4.03), menunjukkan bahawa seramai 368 orang guru (87.3%) sangat bersetuju menggunakan BBM yang sesuai dalam melaksanakan Model Khatam al-Quran. Menurut Fahimah Ali Hassan penggunaan Mushaf al-Quran berada pada tahap tertinggi, manakala penggunaan carta al-Quran, slide al-Quran, papan gulung, kaset al-Quran dan komputer berada pada tahap penggunaan BBM yang sederhana.

Manakala, tiga item kesediaan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran yang menunjukkan nilai min yang rendah adalah item BA28 “mampu membaca ayat al-Quran secara bertarannum kepada murid” dengan nilai min=2.57. Hasil kajian mendapati majoriti responden seramai 356 orang guru (84.3%) tidak mampu membaca al-Quran secara bertarannum. Dapatan ini selari dengan Mohd Aderi dan Rohani Hamzah (2009), guru Pendidikan Islam yang ingin meningkatkan penguasaan murid dalam Tilawah al-Quran, maka guru Pendidikan





Islam hendaklah memastikan amalan pengajaran Tilawah al-Quran dalam bilik darjah benar-benar memberi kesan kepada murid.

Item kedua yang terendah ialah BA18 “melaksanakan Model Khatam al-Quran dengan menekankan kepada bunyi dan bacaan terus” dengan nilai min =3.01. Hasil kajian mendapati seramai 284 orang guru (67.4%) tidak melaksanakan Model Khatam al-Quran dengan menekankan kepada bunyi dan bacaan terus. Dapatan ini tidak selari dengan Fahimah Ali Hassan (2013), menyatakan guru j-QAF menunjukkan bacaan yang betul berada pada tahap tinggi. Bagi item BA26 iaitu “mampu membezakan ‘bacaan contoh’ dengan ‘bacaan ikut guru’ berada pada nilai min=3.20. Hasil kajian mendapati seramai 256 orang guru (60.6%) tidak dapat membezakan bacaan contoh dan bacaan ikut guru. Sepatutnya guru perlu memberikan bacaan contoh agar pelajar dapat mengikuti dan mencontohi bacaan al-Quran guru.

Dapatan ini selari dengan kajian Sabariah Bahrin et. al. (2014), menyatakan bahawa kaedah Tasmik dan talaqqi mushafahah membantu murid mempelajari al-Quran berada pada tahap sederhana tinggi.

Seterusnya, item BA25 iaitu “melaksanakan teknik ‘Baca Ikut Guru’ bagi murid yang lemah bacaan al-Quran” dengan nilai min=3.36. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden seramai 398 orang guru (94.3%) melaksanakan teknik ‘Baca Ikut Guru’ bagi murid yang lemah bacaan al-Quran. Dapatan ini selari dengan Fahimah Ali Hassan (2013), mendapati bahawa murid mengikuti bacaan guru selepas guru membaca.





Berdasarkan kepada temubual bersama guru mengenai kaedah yang dilakukan agar setiap murid berusaha membaca al-Quran. Peserta kajian menyatakan bahawa guru memberikan peringatan kepada murid, penggunaan kaedah seorang guru 10 murid bagi menjayakan Model Khatam al-Quran, mewajibkan murid membaca al-Quran setiap hari beberapa muka surat semasa di sekolah mahupun di rumah dengan menjadikan kad Tasmik sebagai rujukan bacaan al-Quran. Dapatan ini juga disokong oleh Mohd Ridhuan (2008) yang mendapati tahap kesediaan guru pelatih j-QAF Major bahasa Arab terhadap kemahiran mengajar bahasa Arab adalah tinggi. Shulman (1987) berpandangan bahawa guru yang baik perlu menunjukkan minat terhadap pelajarannya, menggunakan kaedah yang bersesuaian kepada pelajar, mampu menguruskan kelas dengan baik serta melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti lain di sekolah.



Seterusnya, item BA34 “mengesahkan bacaan murid dengan memberikan pujian” dengan nilai (min=4.46) menunjukkan seramai 417 orang guru (98.8%) bersetuju berkaitan mengesahkan bacaan murid dengan memberikan pujian. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru memberikan motivasi serta galakan kepada murid agar lebih bersungguh-sungguh dalam membaca dan mempelajari al-Quran. Al-Ghazali (1988) menyatakan bahawa guru tidak meminta murid untuk mengucapkan terima kasih dan sebarang balasan membuktikan bahawa guru tersebut mencari dan berkerja bagi mendapatkan keredhaan daripada Allah s.w.t.

Seterusnya, item BA37 “mengajarkan al-Quran tanpa mengharap habuan” dengan nilai (min=4.21) menunjukkan seramai 316 orang guru (74.9%) bersetuju bersetuju berkaitan mengajarkan al-Quran tanpa mengharap habuan. Rofishah &





Hailan (2013) menyatakan bahawa apabila seorang guru diberikan motivasi serta dikaitkan dengan rasa tanggungjawab beribadah mampu mewujudkan kekuatan untuk berkhidmat dengan lebih bersungguh-sungguh.

Berdasarkan hasil analisis mendapati item BA36 iaitu “memperdengarkan bacaan al-Quran kepada guru Agama yang lain” mencapai skor min yang terendah (min=3.26) Seramai 250 orang guru (59.2%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada guru j-QAF tidak memperdengarkan bacaan al-Quran kepada guru yang lain. Sebagai guru yang ingin memperkembangan potensi dan keilmuan hendaklah memperbaiki diri daripada pelbagai aspek secara berterusasan.

Bagi item yang mencapai skor min kedua terendah bagi tahap kesediaan elemen personaliti guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran ialah item BA30 iaitu “mengadakan kelas pengajian al-Quran bersama masyarakat” dengan nilai min=3.55. Seramai 100 orang guru (38.4%) menyatakan kurang bersetuju, 42 orang guru (10.0%) tidak bersetuju dan 20 orang guru (4.7%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut.

Item yang mencapai skor min ketiga terendah (min=4.17) pada item BA33 iaitu “berusaha meningkatkan penguasaan dalam ilmu tarannum” mendapati seramai 130 orang guru (30.8%) sangat bersetuju, 246 orang guru (58.3%) bersetuju. Manakala, 45 orang guru (10.7%) menyatakan tidak bersetuju dengan item tersebut. Hal ini menunjukkan masih terdapat guru yang tidak mahu mengembangkan kemahiran al-Quran secara bertarannum. Sebagai guru dalam bidang al-Quran

hendaklah melengkapkan diri dengan kemahiran asas tarannum agar pengajaran yang disampaikan oleh guru lebih menarik perhatian murid. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru kurang untuk memperdalamkan diri dengan kemahiran tambahan dalam meningkatkan mutu pengajaran dalam Model Khatam al-Quran.

Item BA42 iaitu “merujuk kepada guru yang berkebolehan sekiranya tidak memahami sesuatu perkara mengenai pengajaran al-Quran” merupakan item yang mencapai skor min yang tertinggi (min=4.51). Seramai 417 orang guru (98.8%) bersetuju merujuk kepada guru yang berkebolehan sekiranya tidak memahami sesuatu perkara mengenai pengajaran al-Quran. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru j-QAF menunjukkan sikap ingin tahun dengan merujuk kepada guru yang lebih memahami dalam sesuatu bidang di dalam pengajaran al-Quran. Dapatan ini disokong oleh Rofishah & Hailan (2013) yang menyatakan bahawa guru komitmen guru j-QAF dalam memberikan iltizam pekerjaan yang maksimum dapat diberikan melalui suntikan motivasi.

Item BA41 iaitu “memberikan penumpuan terhadap bacaan al-Quran murid” merupakan item yang mencapai skor min kedua tertinggi (min=4.42). Seramai 416 orang guru (98.6%) bersetuju memberikan penumpuan terhadap bacaan al-Quran murid. Dapatan ini selari dengan kajian Fahimah Ali Hassan (2013) yang mendapati bahawa guru yang tekun membimbing pelajar menunjukkan tahap yang tinggi dalam ciri-ciri sahsiah guru Model Khatam al-Quran.

Manakala item ketiga tertinggi ialah item BA40 iaitu “menggalakkan murid-murid menonton rancangan televisyen program al-Quran” menunjukkan (min=4.40).



Seramai 411 orang guru (97.1%) bersetuju menggalakkan murid-murid menonton rancangan televisyen program al-Quran. Menurut Mok Song Sang (2008), kualiti profesion perguruan merangkumi semangat dedikasi, peka terhadap perubahan, menyedari keperluan negara, bersikap positif terhadap pembelajaran, dan mempunyai inovasi dalam pengajaran.

Berdasarkan hasil analisis mendapati item BA38 iaitu “mengadakan lawatan ke tempat pengajaran al-Quran” mencapai skor min yang terendah (min=3.66). Seramai 135 orang guru menyatakan tidak bersetuju dalam mengadakan lawatan ke tempat pembelajaran al-Quran bagi menarik minat murid terhadap al-Quran. Item BA39 iaitu “menghadiri Majlis Tilawah al-Quran” memperolehi (min=4.13), iaitu seramai 373 orang guru (88.4%) bersetuju dalam menghadiri Majlis Tilawah al-Quran. Sebagai guru, pelbagai pendekatan yang digunakan untuk menarik minat murid untuk mempelajari al-Quran. Al-Ghazali (1988) menegaskan bahawa guru yang bertanggungjawab terhadap sesuatu mata pelajaran akan membuka seluasnya jalan kepada murid untuk mempelajari ilmu yang lain dan hendaklah menjaga kemajuan murid daripada satu peringkat ke peringkat seterusnya.

Berdasarkan elemen personaliti, hasil analisis mendapati item BA36 iaitu “memperdengarkan bacaan al-Quran kepada guru Agama yang lain” mencapai skor min yang terendah (min=3.26). Hasil kajian mendapati seramai 250 orang guru (59.2%) tidak memperdengarkan bacaan al-Quran kepada guru Agama yang lain. Bagi item yang mencapai skor min kedua terendah bagi tahap kesediaan elemen personaliti guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran ialah item BA30 iaitu “mengadakan kelas pengajian al-Quran bersama masyarakat” dengan nilai



min=3.55, sp.=1.003). Hasil kajian mendapati bahawa seramai 162 orang (38.4%) tidak terlibat dalam mengadakan kelas pengajian bersama masyarakat. Kajian ini selari dengan kajian Sabariah Bahrin et. al. (2014), guru j-QAF sentiasa menjadi guru yang cemerlang dan berdedikasi. Dapatan ini juga selari dengan Mohd Ridhuan (2008), tahap kesediaan guru pelatih j-QAF menunjukkan positif dan tinggi. Berdasarkan respon peserta kajian mendapati antara langkah yang dilakukan dalam menarik pelajar mendekati al-Quran melalui pelaksanaan majlis bacaan yassin dan memberikan hadiah sebagai galakkan kepada murid yang mampu membaca dan menghafal surah yassin, memanggil murid yang lemah ke bilik j-QAF untuk membaca al-Quran. Dapatan ini selari dengan pandangan Abdul Sukor Shaari (2008), yang menegaskan bahawa guru yang baik perlu mempunyai enam personaliti seperti bersifat ramah, mampu mengawal emosi, suka akan pelajarannya dan ingin memahami tingkah laku kanak-kanak secara mendalam, tekun dalam melaksanakan tugas yang diberikan, mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas dan kegigihan menjalankan tugas yang diberikan.

Selain itu, berdasarkan temubual bersama guru berkaitan pengajaran al-Quran yang dilakukan oleh guru selain di sekolah adalah seperti aktiviti pengajian bersama masyarakat orang setempat, mengadakan kelas pembelajaran al-Quran di rumah, pembelajaran di luar waktu formal di kawasan sekolah. Penglibatan guru dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan menunjukkan guru adalah sebahagian daripada ahli masyarakat yang mempunyai peranan sebagai daie.

Berdasarkan hasil analisis elemen motivasi mendapati item BA38 iaitu “mengadakan lawatan ke tempat pengajaran al-Quran” mencapai skor min yang



terendah (min=3.66, sp.=0.997). Hasil kajian mendapati majoriti guru seramai 289 (68.7%) bersetuju mengadakan lawatan ke tempat pengajaran al-Quran. Motivasi guru ini mampu menarik minat pelajar untuk mempelajari al-Quran. Item BA39 iaitu “menghadiri Majlis Tilawah al-Quran” mencapai skor min (min=4.13, sp.= 0.718). Hasil kajian mendapati bahawa seramai 372 orang guru (88.4%) pernah menghadiri Majlis Tilawah al-Quran Kajian ini selari dengan kajian Sabariah Bahrin et. al. (2014) mendapati responden guru mempunyai minat menjadi guru j-QAF adalah faktor kejayaan program j-QAF. Dapatan ini diselari dengan Mohd Ridhuan (2008), tahap kesediaan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berada adalah tinggi. Dapatan ini selari dengan pandangan Rohaty Mohd Majzub (2006), guru yang bermotivasi akan berusaha bagi memastikan keberkesanan dalam pengajaran yang dilaksanakan.



Berdasarkan kepada temu bual bersama guru berkaitan cara yang dilakukan supaya kelas Model Khatam al-Quran menyeronokkan melalui aktiviti penceritaan dan menerangkan intisari ayat al-Quran yang telah dibaca. Berdasarkan kepada dapatan kajian, peranan perlu dimainkan oleh guru dalam merancang dan mengenalpasti pendekatan yang bersesuaian.

### **5.3.2 Tahap Kesediaan Guru j-QAF Dalam Pengajaran Model Tasmik**

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan skor min tahap kesediaan guru j-QAF Model Tasmik berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=4.27, sp=0.392). Perincian terhadap elemen ilmu pengetahuan menunjukkan skor min sederhana tinggi (min=3.90), manakala elemen kemahiran



mengajar mencapai skor min tinggi (min=4.26), elemen personaliti menunjukkan skor min yang tinggi (min=4.31) dan elemen motivasi menunjukkan skor min yang tinggi iaitu (min=4.22).

Berdasarkan elemen ilmu pengetahuan guru j-QAF mendapati item BA4 iaitu “mahir dalam menilai bacaan al-Quran murid” menunjukkan nilai skor min yang paling rendah dengan nilai min=3.77. Hasil kajian mendapati seramai 163 orang guru (38.7%) mengakui kelemahan terhadap ilmu yang berkaitan dengan penilaian bacaan al-Quran murid. Sabariah Bahrin et al. (2014), hasil daripada Model tilawah al-Quran penguasaan murid terhadap huruf al-Quran dan membaca al-Quran dengan baik berada pada tahap sederhana tinggi. Oleh itu, guru perlu menilai keupayaan pelajar untuk menjalankan aktiviti yang telah dirancang melalui pencapaian terhadap objektif pengajaran yang telah dirancang (Ee. Ah Meng, 1995). Manakala, Isjoni (2005) mencadangkan agar guru perlu melengkapkan diri dengan teknik mengajar, menguasai ilmu yang akan diajarkan kepada murid.

Manakala, elemen kemahiran mengajar guru j-QAF mendapati terdapat tiga item yang menunjukkan nilai min yang rendah adalah item CA10 “memastikan murid membawa al-Quran semasa kelas Tasmik” dengan nilai min=3.93. Hasil kajian mendapati majoriti guru iaitu seramai 331 orang guru (78.4%) memastikan murid membawa al-Quran ketika mengikuti kelas Tasmik. Dapatan ini selari dengan Paharudin et. al. (2015) yang mendapati bahawa guru menyarankan murid menggunakan *mashaf al-Quran* milik sendiri berada pada tahap sederhana tinggi.



Item kedua yang terendah ialah CA9 iaitu “mengenalpasti punca murid tidak menghadiri kelas Tasmik” dengan nilai min=4.19. Bagi item CA8 iaitu “berkemampuan menarik minat murid mengikuti kelas Tasmik” berada pada nilai min=4.21 merupakan item ketiga terendah. Hasil kajian mendapati bahawa seramai 26 orang guru (6.2%) tidak mengenalpasti punca murid tidak menghadiri kelas Tasmik. Menurut Siti Salwa & Azlina (2014), guru harus mengambil berat terhadap persekitaran di dalam bilik darjah, mengetahui pelajar tidak hadir dan segera mendapatkan sebab ketidakhadiran pelajar tersebut ke sekolah.

Skor min mendapati bahawa item CA1 mencatatkan min yang tertinggi (min=4.48) iaitu seramai 421 orang guru (99.7%) bersetuju memahami objektif pelaksanaan Model Tasmik. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru amat memahami tentang pelaksanaan Model Tasmik. Kajian oleh Amal Hayati (2012) juga mendapati bahawa majoriti guru memahami pelaksanaan Model Tasmik yang dijalankan. Skor min yang kedua tertinggi ialah item CA2 iaitu “memahami dengan jelas cara melaksanakan Model Tasmik” dengan (min=4.45). Seramai 418 orang guru (92.4%) sangat bersetuju dalam memahami cara melaksanakan Model Tasmik. Dapatan ini juga selari dengan Amal Hayati (2013) yang mendapati bahawa guru mengetahui dengan jelas pelaksanaan Model Tasmik.

Begitu juga skor min yang ketiga tertinggi iaitu item CA3 (min=4.43) iaitu “berkemampuan dalam memperbetulkan bacaan al-Quran murid” sangat dipersetujui oleh 414 orang guru (98.1%) dipersetujui berkemampuan dalam memperbetulkan bacaan al-Quran murid. Dapatan ini selari dengan kajian Fahimah Ali Hassan (2013)



yang mendapati bahawa guru dapat membetulkan bacaan yang salah berada pada tahap min yang tinggi.

Bagi item CA4 iaitu “mahir dalam menilai bacaan al-Quran murid” menunjukkan nilai skor min yang paling rendah dengan nilai (min=3.77). Seramai 279 orang guru (61.4%) bersetuju berkaitan mahir dalam menilai bacaan al-Quran murid. Dapatan ini menunjukkan sebahagian guru masih memerlukan kemahiran dalam menilai bacaan al-Quran murid. Namun begitu menurut kajian Paharudin et. al (2015) yang mendapati bahawa menurut pandangan murid, guru membetulkan bacaan murid sekiranya berlaku kesalahan berada pada tahap tinggi.

Skor min bagi kesediaan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik. Item CA7 “melaksanakan kaedah latihan tubi/pengulangan dalam program Tasmik” mencatatkan min yang tertinggi (min=4.31) iaitu seramai 396 orang guru (93.8%) bersetuju melaksanakan kaedah latihan tubi/pengulangan dalam program Tasmik. Dapatan ini disokong oleh Fahimah Ali Hassan (2013) yang mendapati bahawa guru melakukan latihan tubi kepada pelajar lemah dalam pembacaan al-Quran berada pada tahap tinggi.

Manakala skor min yang kedua tertinggi ialah item CA6 iaitu “membimbing bacaan al-Quran mengikut tahap kemampuan murid secara individu semasa kelas Tasmik” dengan nilai (min=4.28). Seramai 416 orang guru (98.6%) bersetuju membimbing bacaan al-Quran mengikut tahap kemampuan murid secara individu semasa kelas Tasmik. Dapatan ini selari dengan Amal Hayati (2013) yang mendapati bahawa pelaksanaan Model Tasmik dijalankan secara individu.





Manakala, skor min ketiga tertinggi ialah item CA5 iaitu “melaksanakan Tasmik secara individu melalui kaedah talaqqi musyafahah” berada pada tahap nilai (min=4.25). Seramai 409 orang guru (96.9%) bersetuju terhadap bimbingan bacaan al-Quran mengikut tahap kemampuan murid secara individu semasa kelas Tasmik. Penggunaan kaedah talaqqi dan musyafahah dijadikan pendekatan oleh guru dalam melaksanakan Model Tasmik. Bagi model Tasmik, pendekatan yang digunakan dalam proses PdP adalah *talaqqi* dan *musyafahah*. Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab dua, *talaqqi* bermaksud pertemuan antara guru dan murid secara bersemuka. Guru tasmik hendaklah membimbing bacaan dan merekod bacaan murid dalam Buku Rekod Bacaan setiap kali ditasmik (KPM, 2005).



Item CA14 iaitu “mengajarkan al-Quran kepada murid seperti anak sendiri”



berada pada nilai paling tinggi (min=4.47). Seramai 207 orang guru (49.1%) sangat bersetuju, 211 orang guru (50.0%) bersetuju, sebaliknya hanya 3 orang guru (0.7%) menyatakan kurang bersetuju dan 1 orang guru (0.2%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Dapatan ini disokong oleh Fahimah Ali Hassan (2013) yang mendapati bahawa guru menyayangi murid merupakan sebahagian daripada aspek sahsiah berada pada tahap yang tinggi.

Item CA13 iaitu “menegur kesalahan bacaan murid secara berhemah” merupakan item kedua tertinggi berada pada (min=4.45). Seramai 420 orang guru (99.5%) bersetuju menegur kesalahan bacaan murid secara berhemah. Dapatan ini selari dengan kajian Fahimah Ali Hassan (2013) yang mendapati bahawa guru berlemah-lembut dengan murid berada pada tahap tinggi.



Item CA15 iaitu “menjalankan Model Tasmik mengikut jadual yang ditetapkan” menunjukkan min yang ketiga tertinggi (min=4.44). Seramai 417 orang guru (98.8%) bersetuju menjalankan Model Tasmik mengikut jadual yang ditetapkan. Dapatan ini juga selari dengan kajian Amal Hayati (2012) yang mendapati bahawa guru j-QAF melaksanakan Model Tasmik berdasarkan jadual yang telah ditetapkan oleh sekolah.

Berdasarkan hasil analisis elemen personaliti guru dalam pelaksanaan Model Tasmik mendapati item CA16 iaitu “menggalakkan murid membaca al-Quran setiap hari” mencapai skor min yang terendah (min=4.11). Hasil kajian mendapati, seramai 109 orang guru (25.9%) tidak menggalakkan murid membaca al-Quran setiap hari. Dapatan ini selari dengan Fahimah Ali Hassan (2013), guru meminta murid membaca al-Quran sebagai salah satu daripada amalan pengajaran guru. Bagi item yang mencapai skor min kedua terendah bagi tahap kesediaan elemen personaliti guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik ialah item CA12 iaitu “bekerjasama dengan guru Pendidikan Islam dan guru akademik yang berkebolehan untuk menjalankan Model Tasmik” dengan nilai min=4.13. Menurut Sabariah Bahrun et. al. (2014), kefahaman guru Pendidikan Islam penting dalam merealisasikan kejayaan program j-QAF. Dapatan ini selari dengan Norasmah & Rofilah (2014), menyatakan guru terlibat secara aktif dalam perbincangan mengenai penambahbaikan pedagogi dalam sesuatu mata pelajaran berada pada tahap sederhana tinggi.

Item ketiga terendah dalam kesediaan elemen personaliti guru j-QAF dalam pengajaran Model Tasmik CA11 iaitu “sanggup melaksanakan Model Tasmik walaupun diluar jadual waktu rasmi” berada pada (min=4.25). Hasil kajian mendapati,

majoriti daripada responden iaitu seramai 392 orang guru (92.9%) menyatakan kesanggupan melaksanakan Model Tasmik di luar jadual waktu rasmi sekolah. Dapatan ini selari dengan kajian Surul Shahbudin & Muhammad Azhar (2013), permasalahan yang timbul adalah murid dan guru perlu datang awal ke sekolah, murid perlu menghadiri kelas di Sekolah Rendah Agama (SRA) atau Kelas Asas Fardu Ain (KAFA), kegiatan kokurikulum serta kelas tambahan.

Item CA17 iaitu “memberikan bimbingan berterusan kepada murid yang tidak dapat menguasai bacaan al-Quran dengan kaedah dan aktiviti yang sesuai” merupakan item yang mencapai skor min yang tertinggi (min=4.37). Seramai 416 orang guru (98.6%) sangat bersetuju dalam memberikan bimbingan berterusan kepada murid yang tidak dapat menguasai bacaan al-Quran dengan kaedah dan aktiviti yang sesuai.

Dapatan ini selari dengan Fahimah Ali Hassan (2013) yang menyatakan bahawa guru memberikan bimbingan kepada murid lemah berada pada tahap yang tinggi.

Berdasarkan hasil analisis juga mendapati item CA20 iaitu “kerap kali menyoal sama ada murid membaca al-Quran setiap hari di rumah” mencapai skor min yang terendah (min=4.37). Seramai 408 orang guru (96.7%) sangat bersetuju berkaitan menyoal sama ada murid membaca al-Quran setiap hari di rumah.

Item CA18 iaitu “berusaha menjalankan Model Tasmik walaupun jadual program di sekolah padat” merupakan item yang mencapai skor min kedua tertinggi (min=4.35). Seramai 411 orang guru (97.4%) bersetuju akan berusaha menjalankan Model Tasmik walaupun jadual program di sekolah padat.



Berdasarkan hasil analisis tahap kesediaan motivasi guru j-QAF dalam menjalankan Model Tasmik mendapati item CA21 iaitu “akan tetap melaksanakan Model Tasmik walaupun guru Tasmik lain kurang memberikan kerjasama” mencapai skor min yang terendah (min=3.83, sp.=1.147). Hasil kajian mendapati bahawa seramai 266 orang guru (63%) menyatakan akan tetap melaksanakan Model Tasmik walaupun kurang mendapat kerjasama daripada guru lain. Dapatan ini disokong oleh Rofishah & Hailan (2013), menyatakan bahawa komitmen guru j-QAF untuk memberikan iltizam kerja yang optima boleh dipertingkatkan apabila mereka sentiasa diberikan suntikan motivasi. Guru-guru seharusnya mempunyai motivasi kerja yang tinggi dan dapat mempengaruhi guru-guru yang lain. Perkaitan antara motivasi dengan tanggungjawab beribadah dapat mengembalikan kekuatan untuk bekerja dengan lebih tekun. Guru perlu meletakkan harapan yang tinggi kepada murid – murid agar harapan yang tinggi ini memotivasikan guru dan murid untuk berusaha mencapai matlamat yang telah ditetapkan (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2011).

Item CA22 iaitu “menggunakan ruang masa yang sesuai di luar jadual waktu persekolahan (waktu pagi bagi sesi petang, waktu petang bagi sesi pagi, waktu kokurikulum) untuk menjalankan Model Tasmik” merupakan skor min kedua terendah (min=4.06). Hasil kajian mendapati bahawa seramai 363 orang guru (86.1%) bersetuju menggunakan ruang masa yang sesuai di luar jadual waktu persekolahan untuk menjalankan Model Tasmik. Dapatan ini selari dengan Surul Muhammad & Azhar (2013), yang menyatakan bahawa Model Tasmik dilaksanakan di luar waktu persekolahan rasmi persekolahan sama ada datang awal atau mengadakan Model Tasmik selepas waktu persekolahan. Dapatan ini disokong Ragbir Kaur (2007) yang mencadangkan agar guru mengamalkan sifat-sifat terpuji seperti amanah, dedikasi,



komited kepada tugas yang diberikan, ikhlas, sanggup berkorban masa dan tenaga dan mempunyai sikap bantu membantu dan menyampaikan sebanyak ilmu kepada murid-murid.

## 5.4 Analisis Inferensi

Analisis inferensi dijalankan bagi mengetahui perbezaan kesediaan guru dalam pengajaran Model Khtam al-Quran dan Model Tasmik Program j-QAF berdasarkan faktor latar belakang responden dan hubungan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar serta elemen personaliti dengan motivasi guru.

### 5.4.1 Perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran berdasarkan jantina

Hasil daripada analisis inferensi, kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan jantina. Ini menjelaskan bahawa tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF antara guru lelaki dan perempuan adalah sama. Dapatan ini tidak selari dengan Azimah Surip (2012), perbezaan yang signifikan di antara tahap kesediaan guru-guru Pendidikan Islam j-QAF dalam pelaksanaan KBS berdasarkan jantina. Manakala, menurut Mohd Ridhuan (2008), terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran mengajar dan personaliti guru pelatih j-QAF bahasa Arab, tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap motivasi guru pelatih j-QAF yang berjantina lelaki atau perempuan. Dapatan kajian ini disokong oleh Amal Hayati (2012) mendapati tahap pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF antara guru Pendidikan Islam lelaki dan perempuan adalah sama.



Sebagai kesimpulan faktor jantina tidak mempengaruhi kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran sama ada guru tersebut berjantina lelaki atau perempuan tidak mempunyai perbezaan daripada segi kesediaan pelaksanaan Model Khatam al-Quran kerana responden telah melalui proses latihan perguruan dalam sistem pembelajaran yang sama berpandukan kepada modul dan model yang telah ditetapkan walaupun berbeza institusi pendidikan guru.

Manakala, hasil analisis inferensi kesediaan guru dalam pengajaran pelaksanaan Model Tasmik berdasarkan jantina mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru lelaki dan perempuan. Ini menjelaskan bahawa tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru lelaki dan perempuan adalah sama. Dapatan ini selari dengan Amal Hayati (2012) yang mendapati tahap pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF antara guru Pendidikan Islam lelaki dan perempuan adalah sama. Namun begitu, kajian Mohd Ridhuan (2008), mendapati terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran mengajar dan personaliti guru pelatih Major bahasa Arab, tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap motivasi guru pelatih tersebut.

#### **5.4.2 Perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran berdasarkan lokasi sekolah**

Hasil analisis inferensi mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF antara guru yang berkhidmat di bandar dan luar bandar. Ini menjelaskan bahawa tahap



kesediaan pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF antara guru bandar dan guru luar bandar adalah sama. Keadaan ini membuktikan bahawa guru pendidikan Islam yang mengajar di sekolah bandar dan luar bandar adalah sama daripada segi kesediaan mengajar dalam Model Khatam al-Quran. Lokasi sekolah tidak memberikan perbezaan kepada guru dalam menjalankan model tersebut. Hal ini kerana, guru telah bersedia dan menerima amanah untuk berkhidmat sama ada di bandar mahu pun luar bandar.

Selain itu, hasil analisis juga mendapati untuk melihat perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik berdasarkan lokasi sekolah bandar dan luar bandar. Hasil analisis secara inferensi menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru j-QAF yang mengajar di kawasan bandar dan luar bandar. Ini menjelaskan bahawa tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru yang mengajar di kawasan bandar dan luar bandar adalah sama. Al-Ghazali (1988) berpandangan bahawa pendekatan yang boleh dilakukan oleh guru adalah melalui penguasaan sesuatu bidang ilmu pengetahuan secara menyeluruh dan tersusun serta melakukan perhatian terhadap permasalahan yang berkaitan akal fikiran dan pemahaman.

#### **5.4.3 Perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran berdasarkan bidang pengkhususan**

Hasil daripada analisis inferensi, kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF antara guru j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan pendidikan Islam mahupun



bahasa Arab. Ini menjelaskan bahawa tahap kesediaan guru j-QAF dalam pelaksanaan pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF antara guru yang mempunyai pengkhususan pendidikan Islam dan bahasa Arab adalah sama. Dapatan ini selari dengan Mohd Ridhuan (2008), tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi guru pelatih bahasa Arab berdasarkan latar belakang pendidikan. Namun begitu, dapatan ini tidak selari dengan Azimah Surip (2012), menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru Pendidikan Islam dan j-QAF dengan bidang pengkhususan berhubung pelaksanaan Kem Bestari Solat. Sebagai kesimpulan, faktor bidang pengkhususan guru tidak mempengaruhi kesediaan guru dalam pelaksanaan Model Khatam al-Quran. Hal ini kerana, semasa guru menjalani Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) secara Kursus Dalam Cuti (KDC), mereka telah mempelajari kesemua Model dan Modul yang terdapat dalam program j-QAF yang dianggap sebagai membantu dalam memperkasakan pendidikan Islam di sekolah rendah.

Manakala, hasil daripada analisis inferensi menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru yang mempunyai bidang pengkhususan pendidikan Islam dan bidang pengkhususan bahasa Arab. Dapatan ini selari dengan Amal Hayati (2012), menyatakan Ini menjelaskan bahawa tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF antara guru berlainan bidang pengkhususan adalah sama. Manakala kajian Hasbullah (2013), mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru j-QAF. Namun begitu, Azimah Surip (2012) mendapati wujud perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru Pendidikan Islam dan j-QAF dengan bidang







pengkhususan berhubung pelaksanaan Kem Bestari Solat. Al-Ghazali (1988) mencadangkan agar guru tidak sekali-kali merendah-rendahkan disiplin ilmu yang lain di hadapan murid-muridnya.

#### **5.4.4 Perbezaan kesediaan guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran berdasarkan umur**

Hasil analisis inferensi, kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF. Dapatan ini selari dengan Amal Hayati (2012) yang mendapati pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran berdasarkan umur guru menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Dapatan ini berbeza dengan Norasmah & Rofilah (2014) menyatakan, terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru-guru



berdasarkan amalan kepimpinan tersebar dimensi penetapan & perkongsian visi, misi dan matlamat sekolah antara guru yang berpengalaman 5 tahun dan ke bawah dengan 11 tahun ke atas. Manakala dapatan Lashway (2003) dan Helterbran (2010), guru yang berpengalaman mengajar 11 tahun ke atas lebih berkeyakinan dan lebih dipercayai untuk berkongsi dengan pihak pengurusan sekolah dalam melaksanakan visi, misi dan merancang matlamat sekolah. Guru yang berpengalaman tahu bila masa yang sesuai untuk bertindak dan sentiasa berupaya untuk mewujudkan kolaborasi serta kejelekitan dalam interaksi dan hubungan interpersonal yang berbeza-beza tanpa diarah, di samping mengurus dan memimpin secara spontan. Sebagai kesimpulan, faktor umur guru tidak mempengaruhi kesediaan guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran kerana guru telah mendapatkan pendedahan dan kemahiran dalam menjalankan model tersebut.





Hasil analisis mendapati tidak terdapat perbezaan tahap kesediaan guru dalam pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan peringkat umur Menurut Amal Hayati (2012), tahap pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran berdasarkan umur juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan peringkat umur. Dapatan ini selari dengan kajian Hamidah (2012) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan domain pengajaran, modul pengajaran dan kaedah pengajaran dalam mata pelajaran kelas pemulihan jawi dalam kalangan guru j-QAF berdasarkan faktor umur.

#### **5.4.5 Perbezaan kesediaan guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran berdasarkan pengalaman mengajar**

Hasil daripada analisis inferensi, kajian ini tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Khatam al-Quran berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan ini selari dengan Norasmah & Rofilah (2013), tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi amalan kepimpinan berdasarkan pengalaman mengajar. Ini bermakna amalan kepimpinan guru berpengalaman mengajar 5 tahun dan ke bawah, 6 hingga 10 tahun dan 11 tahun dan ke atas adalah sama atau hampir. Dapatan ini selari dengan kajian Mohd Ridhuan (2008) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran mengajar, motivasi dan personaliti guru berdasarkan faktor pengalaman mengajar. Begitu juga, dapatan Amal Hayati (2012) mendapati tahap pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran berdasarkan pengalaman mengajar adalah sama walaupun guru memiliki pengalaman yang berbeza. Sebagai kesimpulan, faktor pengalaman mengajar tidak mempengaruhi guru dalam melaksanakan Model Khatam al-Quran





Selain itu, hasil analisis inferensi mendapati tidak terdapat perbezaan tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan ini selari dengan Norasmah & Rofilah (2013), tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi amalan kepimpinan berdasarkan pengalaman mengajar dengan. Ini bermakna amalan kepimpinan guru berpengalaman mengajar 5 tahun dan ke bawah, 6 hingga 10 tahun dan 11 tahun dan ke atas adalah sama atau hampir. Namun begitu, kajian oleh Hamidah Suhaimi (2012), mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan konsep pengajaran jawi dalam kalangan guru j-QAF berdasarkan pengalaman mengajar, walaubagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan modul pengajaran jawi dalam kalangan guru j-QAF berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan ini selari dengan kajian Hasbullah (2008), yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor-faktor kepuasan kerja guru j-QAF dari segi jantina, tahap pendidikan di luar atau dalam negara dan opsyen dalam kalangan guru j-QAF. Menurut Daud Ismail et. al (2014), mendapati bahawa sebahagian besar guru j-QAF terpaksa mengajar beberapa subjek di luar bidang pengkhususan yang ditujah semasa mengikuti pengajian di pusat pengajian tinggi. Hal ini menyebabkan kekangan yang dihadapi oleh sebahagian guru-guru bukan lulusan bidang pengajian al-Quran ialah ketidakmampuan membaca dan menulis dengan betul berasaskan *Mushaf 'Uthmani*. Disamping itu, guru – guru yang dilantik tidak mempunyai opsyen pendidikan al-Quran dan hanya terdiri daripada opsyen pendidikan Islam dan bahasa Arab. Namun begitu, kajian yang dijalankan oleh Azimah Surip (2012), mendapati terdapat perbezaan tahap penilaian bagi pasangan guru yang memiliki pengalaman mengajar selama 4-6 tahun dengan 10 tahun ke atas. Manakala, bagi guru yang memiliki pengalaman mengajar selama 1-3 tahun dan 7-9 tahun tidak mempunyai perbezaan





yang signifikan. Menurut al-Ghazali (1988), guru yang menyediakan bahan pembelajaran yang mudah difahami, jelas dan bersesuaian dengan tahap perkembangan akal murid dan dimulai dengan ilmu yang terpenting. Sebagai kesimpulannya, faktor pengalaman mengajar tidak mempengaruhi guru dalam melaksanakan Model Tasmik. Hal ini disebabkan pelaksanaan Model Tasmik hanya melibatkan aspek kemahiran bacaan al-Quran murid dan penglibatan guru sebagai mentor dalam membimbing dan memperbetulkan bacaan al-Quran.

## 5.5 Analisis Hubungan

### 5.5.1 Hubungan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran

Hasil analisis hubungan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar Model Khatam al-Quran program j-QAF menunjukkan hubungan yang signifikan dengan hubungan yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan mempunyai kaitan dengan kemahiran mengajar dalam melaksanakan pengajaran Model Khatam al-Quran. Dapatan ini selari dengan Rohani Arbaa et. al. (2010) yang mendapati bahawa komitmen belajar pelajar mempunyai hubungan positif yang sederhana dengan penguasaan guru dalam ilmu kandungan. Mok Song Sang (2008), pula menyatakan bahawa guru berkesan mempunyai daya ingatan yang kuat mampu menyampaikan isi pengajaran mengikut rancangan yang disediakan akan membantu murid menguasai isi pelajaran dengan lebih lengkap. Keupayaan guru berusaha menambah baik proses pengajaran akan membantu meningkatkan tumpuan dan minat murid-murid dalam kelas. Al-Ghazali (1988), mencadangkan agar guru menghadkan





pembelajaran bersesuaian dengan tahap pemahaman murid dan tidak sekali-kali memaksa mereka mencapai sesuatu di luar kemampuan.

Hal ini menunjukkan bahawa elemen ilmu pengetahuan mempunyai hubungan dengan kemahiran mengajar guru j-QAF di sekolah kebangsaan. Justeru itu pihak pentadbiran sekolah dan Unit Pendidikan Islam, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) perlu merancang dan mengadakan kursus dan latihan yang bersesuaian dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dari semasa ke semasa.

Selain itu, hasil analisis hubungan antara elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar Model Tasmik program j-QAF mendapati terdapat hubungan yang signifikan dengan tahap hubungan yang rendah berkaitan elemen ilmu pengetahuan dengan kemahiran mengajar Model Tasmik program j-QAF. Dapatan ini selari dengan kajian Hamidah Suhaimi (2012), yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara domain pengajaran jawi program j-QAF dengan penggunaan bahan bantu mengajar. Dapatan ini juga disokong oleh Azimah Surip (2012), hubungan signifikan yang rendah antara tahap penilaian, kesediaan dengan tahap kekangan guru-guru dalam pelaksanaan Kem Bestari Solat. Ini menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar guru j-QAF mempunyai hubungan yang rendah. Ini disebabkan oleh pelaksanaan Model Tasmik lebih kepada aktiviti membimbing dan merekod perkembangan bacaan al-Quran murid secara individu dan tidak memerlukan kemahiran mengajar yang pelbagai.





### 5.5.2 Hubungan antara elemen personaliti dengan motivasi guru dalam pengajaran Model Khatam al-Quran program j-QAF

Hasil analisis hubungan personaliti dengan motivasi guru tahap kesediaan dalam pelaksanaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan yang positif yang tinggi. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara elemen personaliti dengan motivasi guru dalam pengajaran Model Tasmik. Dapatan ini selari dengan Rohani Arbaa et. al. (2010) yang mendapati bahawa komitmen belajar pelajar mempunyai hubungan positif yang tinggi dengan hubungan guru dan pelajar. Menurut kajian Masribanun Duki (2004), mendapati pelajar yang sering terlibat dalam aktiviti keagamaan memberikan penilaian yang positif terhadap kepimpinan guru pendidikan Islam melalui contoh tauladan yang ditunjukkan oleh guru.



Disamping itu, hasil analisis hubungan yang signifikan antara elemen personaliti dengan motivasi dalam pelaksanaan pengajaran Model Tasmik program j-QAF menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tahap hubungannya adalah tinggi. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara elemen personaliti dengan motivasi guru dalam pelaksanaan Model Tasmik. Dapatan ini selari dengan kajian Che Zakiah (2005), yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap personaliti guru Pendidikan Islam dengan sikap murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan ini juga disokong oleh Mohd Yusri Ibrahim & Aziz Amin (2014) menunjukkan bahawa kepemimpinan pengajaran mempunyai hubungan positif dan menyumbang secara signifikan terhadap pengajaran guru. Ini menunjukkan bahawa personaliti dan motivasi penting kepada guru j-QAF dalam melaksanakan Model



Tasmik. Hal ini kerana komitmen guru dalam membimbing dalam membantu murid mendengar bacaan al-Quran murid penting dalam pelaksanaan Model Tasmik. Al-Ghazali (1988) mencadangkan agar guru perlu mempunyai rasa simpati kepada murid, menganggap serta melayani murid sebagai anak sendiri. Perasaan kasih mengasihani dan sayang menyayangi antara guru dan murid sebagai saudara seagama.

## 5.7 Rumusan kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat memberikan gambaran awal berkaitan kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik. Guru j-QAF mempunyai kesediaan dalam pelbagai elemen iaitu ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi dalam melaksanakan model tersebut.

Dapatan-dapatan ini membawa kepada beberapa implikasi terhadap dasar dan amalan pengajaran dalam pendidikan khususnya di sekolah kebangsaan dalam memperkasakan mata pelajaran pendidikan Islam.

### 5.7.1 Model Khatam al-Quran

Secara khususnya, kajian ini memberikan gambaran bahawa guru berusaha melaksanakan Model Khatam al-Quran di sekolah kebangsaan. Guru j-QAF berusaha dalam mempertingkatkan kesediaan guru seterusnya memberikan kesan kepada proses pembelajaran. Usaha yang dilakukan oleh guru patut dihargai kerana guru telah menunjukkan peranan dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas mahupun di luar bilik darjah. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa guru mempunyai kesediaan yang tinggi dalam melaksanakan Model Khatam



al-Quran agar Model Khatam al-Quran dapat membantu dalam meningkatkan tahap penguasaan murid dalam pembacaan al-Quran di peringkat sekolah rendah lagi.

### 5.7.2 Model Tasmik

Tinjauan terhadap kesediaan guru dalam melaksanakan Model Tasmik memberikan gambaran bahawa tahap kesediaan guru j-QAF berada pada tahap tinggi. Manakala tinjauan secara terperinci pula mendapati wujudnya elemen-elemen kesediaan yang tinggi. Dapatan kajian juga mendapati bahawa guru mengetahui objektif pelaksanaan Model Tasmik berada pada tahap yang tinggi. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan bahawa masih terdapat guru yang masih kurang penguasaan ilmu berkaitan kemahiran menilai bacaan al-Quran murid. Selain itu, masih terdapat guru yang tidak memastikan murid membawa al-Quran semasa kelas Tasmik. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa personaliti dan motivasi guru membantu dalam melaksanakan Model Tasmik.

### 5.8 Implikasi kajian

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Tilawah al-Quran program j-QAF berada pada tahap tinggi iaitu daripada aspek ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi guru tersebut. Pengkaji berpandangan bahawa kesediaan guru dalam pelbagai aspek tersebut mampu memantapkan pengajaran Tilawah al-Quran menerusi dua model yang digunakan iaitu Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik. Hal ini kerana pengajaran al-Quran memerlukan kesungguhan yang tinggi dan berterusan dalam








mendidik murid agar mampu membaca al-Quran dengan lancar dan mengkhatamkan al-Quran sebelum ke sekolah menengah.

Kajian ini juga memberikan sumbangan yang penting menghasilkan satu teori yang diambil pandangan Imam al-Ghazali dalam melaksanakan pengajaran yang berkualiti. Teori tersebut telah dirangka menjadi satu kerangka untuk mewujudkan kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran Tilawah al-Quran yang merangkumi aspek ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi. Setiap elemen tersebut mempunyai beberapa ciri-ciri penting dalam mewujudkan guru yang mempunyai kesediaan yang tinggi. Hasil kajian ini akan menjadi rujukan kepada guru j-QAF dalam menghasilkan pengajaran yang berkualiti.





Rajah 5.1. Rumusan Kesiediaan Guru Dalam Pengajaran Model Tilawah al-Quran



## 5.9 Cadangan kajian

Berdasarkan dapatan serta perbincangan daripada kajian ini, penyelidik telah mengenalpasti beberapa cadangan kajian kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Guru Besar, Guru j-QAF dan Ibu bapa.

### 5.9.1 Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Pelaksanaan program j-QAF perlu diteruskan di sekolah rendah dan sekolah menengah dengan memantapkan serta penambahbaikan kurikulum yang sedia ada, disamping memperkasakan pelaksanaannya.
2. Latihan guru j-QAF hendaklah terus diadakan serta dimantapkan bagi setiap Model secara terperinci, latihan secara berkala dan mewajibkan kehadiran ke kursus atau latihan tersebut.
3. Kemudahan ICT yang mencukupi serta suasana belajar yang kondusif perlu dititikberatkan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dan mampu menarik minat murid.
4. Dicadangkan agar pemantauan terhadap pelaksanaan kolaboratif dalam Model Khatam al-Quran difahami dan dilaksanakan dengan betul.
5. Waktu Tasmik al-Quran dicadangkan untuk dikaji agar pengajaran dan pembelajaran al-Quran mempunyai masa yang mencukupi serta melibatkan semua murid dalam pengajaran dan pembelajaran.
6. Dicadangkan agar Model Tasmik dimasukkan dalam jadual persekolahan bagi mengelakkan ketidakhadiran murid ke kelas Tasmik.



7. Mewajibkan kepada semua guru pendidikan Islam melibatkan diri dalam Model Tasmik.
8. Dicapangankan agar Kementerian Pendidikan Malaysia mewujudkan laman web pengajaran dan pembelajaran program j-QAF yang berkaitan kurikulum, pedagogi, bahan bantu mengajar yang boleh diakses di seluruh Malaysia.
9. Dicapangankan agar waktu pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam memberikan fokus kepada aspek penguasaan bacaan al-Quran dan ilmu fardu ain seperti solat fardu agar penumpuan dan penekanan yang lebih dapat diberikan kepada murid tahun 1.
10. Disarankan agar wujudnya kerjasama sekolah agama kerajaan negeri dan sekolah rendah dalam melaksanakan program Tasmik agar pencapaian murid dapat dipertingkatkan.

### **5.9.2 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)**

1. Menyediakan latihan, kursus secara berterusan kepada guru pendidikan Islam program j-QAF yang berkaitan dengan latihan, pengetahuan serta kemahiran.
2. Disarankan kepada JPN/PPD diberikan latihan berpusat bagi meningkatkan kefahaman para pentadbir sekolah.

### **5.9.3 Pentadbir Sekolah**

1. Memberikan kerjasama dalam menjayakan dalam Model Khatam al-Quran daripada aspek peruntukan jadual waktu dan penglibatan guru.

2. Pentadbir sekolah dicadangkan agar sentiasa memantau program j-QAF serta perkembangannya daripada semasa ke semasa.
3. Sokongan dan motivasi daripada pentadbir sekolah kepada guru pendidikan Islam program j-QAF mampu melancarkan pelaksanaan program j-QAF di sekolah dan memberikan iltizam kerja kepada para guru.
4. Bimbingan, bantuan dan sokongan padu kepada guru pendidikan Islam j-QAF bagi melaksanakan tugas ini.
5. Latihan berpusat mengenai kolaboratif perlu diberikan kepada pentadbir sekolah perlu dilaksanakan secara berterusan agar pelaksanaan berjalan dengan lancar dan berkesan.
6. Kursus atau Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) perlu diberikan kepada para guru mengenai kepentingan pelaksanaan program j-QAF dan memberikan fokus kepada pemantapan profesion perguruan.
7. Peruntukan masa pendidikan Islam tidak boleh digunakan untuk aktiviti atau program lain disekolah.

#### 5.9.4 Guru Pendidikan Islam Program j-QAF

1. Guru pendidikan Islam program j-QAF perlu sentiasa meningkatkan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan seperti kaedah, teknik mengajar, kemahiran membina dan menggunakan BAM, kemahiran ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
2. Memantapkan penggunaan BAM dalam pengajaran dan pembelajaran agar pengajaran lebih berkesan disamping memberikan latihan berkaitan penggunaan BAM kepada guru terutama penggunaan teknologi terkini.

3. Kurikulum pendidikan Islam program j-QAF perlu disemak dan dibuat penambahbaikan agar ianya lebih berkesan, menarik dan relevan.
4. Guru pendidikan Islam j-QAF perlu bersifat proaktif, kreatif, inovatif dan sentiasa meningkatkan tahap profesionalisme terutamanya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.
5. Penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran al-Quran seperti alat berbentuk komputer atau alat-alat audio-visual seperti LCD Projektor dan televisyen sebagai penekanan kepada bacaan contoh.
6. Guru pendidikan Islam j-QAF disarankan agar lebih peka terhadap pencapaian murid yang berbeza tahap penguasaan pembacaan al-Quran.
7. Penggunaan kaedah talaqqi dan mushafahah perlu digunakan dalam pengajaran al-Quran.
8. Guru hendaklah peka, cakna cuba menyesuaikan diri dengan nilai tambah yang diperkenalkan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran.
9. Para guru diharapkan dapat merubah daripada penumpuan kepada proses pengajaran sahaja ke arah proses mendidikan murid-murid.
10. Guru pendidikan Islam j-QAF perlu mengembangkan kemahiran dan penglibatan dalam setiap aktiviti sekolah terutama yang mampu meningkatkan pencapaian akademik murid.
11. Guru Pendidikan Islam program j-QAF perlu mempergiatkan usaha dakwah dengan penglibatan program kemasyarakatan di masjid mahupun surau.

### 5.9.5 Guru Akademik

1. Sifat cakna guru akademik yang beragama Islam dalam berkongsi matlamat bagi menjayakan cita-cita kejayaan program j-QAF dapat meningkatkan semangat untuk bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh.
2. Guru akademik yang mempunyai ilmu dan kemahiran dalam pembacaan al-Quran boleh dilibatkan dalam program Tasmik.

### 5.9.6 Ibu bapa

1. Ibu bapa dicadangkan agar memberikan komitmen dalam memotivasikan anak-anak mereka tentang pentingnya program j-QAF, disamping memastikan kehadiran anak-anak dalam aktiviti Tasmik.
2. Ibumama perlu membudaya amalan membaca al-Quran dan menunaikan solat berjemaah perlu diperkasakan agar mampu mewujudkan nilai-nilai Islam dalam kalangan murid.
3. Pembacaan al-Quran anak-anak perlu diteruskan walaupun telah Khatam al-Quran kerana kualiti bacaan al-Quran perlu dipertingkatkan agar bacaan al-Quran anak-anak lancar, fasih dan mengikut hukum tajwid yang telah ditetapkan.



## 5.10 Cadangan Kajian Lanjut

Kajian ini mungkin terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki dalam kajian lanjutan yang akan datang. Antara perkara yang perlu diambil kira oleh kajian yang akan datang adalah seperti berikut:

1. Instrumen kajian perlu dipelbagaikan meliputi pemerhatian bilik darjah dan kaedah eksperimen.
2. Membuat kajian yang lebih mendalam berkaitan persepsi dan penilaian pengajaran guru dan kesan mengikuti program j-QAF oleh murid tahun enam terhadap aktiviti kurikulum j-QAF yang lain seperti Model Model Model Tasmik (al-Quran), Model 6 bulan Khatam al-Quran .
3. Membuat kajian keberkesanan program j-QAF daripada kalangan ibu bapa



## 5.11 Penutup

Aspek kesediaan guru dalam pengajaran Model Tilawah al-Quran program j-QAF perlu dipertingkatkan lagi oleh mereka yang terdiri daripada guru pendidikan Islam yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar Model program j-QAF di sekolah. Guru-guru perlu meningkatkan kefahaman terhadap aspek pengurusan dan pelaksanaan konsep, strategi, pendekatan serta kaedah pengajaran dan pembelajaran program j-QAF yang sentiasa dikemaskini bagi menghasilkan mutu pengajaran yang lebih berkesan. Selain itu, kemahiran pengajaran juga perlu dipertingkat dan ditambah nilai untuk membantu mereka menjalankan pengajaran yang lebih baik dan







melahirkan murid yang lebih cemerlang. Personaliti dan motivasi guru perlu sentiasa dimantapkan agar keberkesanan pelaksanaan program j-QAF mampu dilihat kesannya terhadap murid keluaran program j-QAF. Penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran program j-QAF lebih berkesan dan lebih menarik seterusnya dapat mengelakkan proses pembelajaran membosankan dan murid tidak berminat untuk belajar. Semua pihak seharusnya memikul tanggungjawab ini bersama-sama bagi memastikan pelaksanaan program j-QAF bagi memastikan matlamat utama pelaksanaan program ini terlaksana. Sehubungan itu, pihak pentadbir sekolah secara amnya dan guru-guru Pendidikan Islam khususnya perlu memberi perhatian secara bersungguh-sungguh bagi memastikan program j-QAF yang dilaksanakan terus diberi keutamaan dan mendapat kepercayaan oleh ibu bapa, masyarakat dan pihak kementerian dalam usaha memperkasakan Pendidikan Islam yang bermula dari sekolah rendah.





## RUJUKAN

### Al-Quran al-Karim

Abdullah Ishak. 1989. *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam di Malaysia*. PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.

Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusop, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. 2004. *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, JAPIM, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ab. Halim Kamarul Azmi. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Bahru. Penerbit UTM.

Ab. Halim Tamuri. 2012. Memugar Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam. Siri Wacana Hadhari 6/2012. Institut Islam Hadhari. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Jamaluddin Ali. 2012. Naungan Kitab Allah. Peniagaan Jahabersa. Johor Bharu.

Ahmad Mohd Salleh. 2008. Siri Pendidikan Guru Pengajian Agama Islam & j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan. Shah Alam Selangor. Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Al-Buti, Said Ramadhan 1991. *Fiqh Sirah Nabawiyah*. Beirut. Darul Fikir.

Aid Abdullah Al-Qarni. 2005. *Al-Quran Menjadikan Hidup Lebih Bererti*. Penerbit Cendekia. Sentra Muslim. Jakarta.

Ab. Halim & Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Muallim. *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 2010 43-56.

Ahmad Mohd Salleh. 1997. *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi, Metodologi*. Shah Alam. Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad Mohd Salleh. 2004. *Pendidikan Islam Falsafah, Sejarah dan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Al-Na'miy, Abdullah Al-Amin, *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan Al-Qabisi*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Bukhary. 2009. Shoheh al-Bukhary. Cetakan Kedua. Beirut Lubnan, Darul Tauqu al-Najah.

Abdurrahman an-Nahlawi, 1989, *Prinsip-Prinsip dan Metod Pendidikan Islam*, Darul Fikr, Damsyik.





Abdurrahman al-Nahlawi. 1996. *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibiha: fi al-Bait wa al-Mujtama'*. Beirut: Darul Fikr.

Abu Mardhiyah. 2012. *Sejarah Al-Quran*, Al-Jenderaki Enterprise. Kuala Lumpur.

Abdurrahman an-Nahlawi. 1992. *Prinsip-prinsip dan Metode Pendidikan Islam*. Penerbit CV. Diponegoro. Bandung.

Ahmad Mohd Salleh. 1997. *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. t.th. *Ihya' Ulum al-din*. Jil. 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.

Anastasi, A.1982. *Psychological testing*. Ed. Ke 5. New York: Mac Millan Publishing. Co.Int.

Alias Baba. 1997. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit UKM.

Ahmad Tafsir. 1992. *Ilmu Pendidikan Dalam Perspektif Islam*. Penerbit PT Remaja Rosdakarya. Bandung.

Abdul Halim al-Muhammadi. 1991. *Falsafah Pendidikan Islam: Satu Perspektif Baru dalam Pendidikan Islam Peranan dalam Pembangunan Ummah*. Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.

Al-Ghazali, Abu Hamid. 1967. *Ihya' cUlumuddin*. Juz. 1. Mesir: Matbaah Mustafa al-Bab al-Halabi.

Asariah Mior Shahrudin. 2009. *The Next Generation of Teachers: The Malaysian Perspective*. Paper presented at The 13th UNESCO-APEID International Conference on Education and World Bank-KERIS High Level Seminar on ICT in Education.

Bahagian Perancangan dan Dasar Penyelidikan. 2012. *Kajian Penilaian Impak j-QAF*. Kementerian Pelajaran Malaysia. Putrajaya.

Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral (2007). *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum Program j-QAF*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.

Burhanuddin Salam. 2000. *Etika Individual*. Reka Cipta. Jakarta.





Bhasah Abu Bakar, Mohd Nafiruddin Mad Siadid , Abdul Jadid Suwairi, Safaruddin Urusli, Azlan Deris, Mohd Yusof bin Abd Wahab, Mahyuddin Abu Bakar (t.th) *Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Program j-QAF Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 - Satu Kajian Kes.*

Crow and Crow. 1980. Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dunkin, Michael, J.& Biddle, Bruce J. 1974. The Study of Teaching, New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.

Daud Ismail, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Mahadi Mohammad. 2014. Perkembangan dan Masalah Pembelajaran al-Quran dalam Program j-QAF di Malaysia *ISLAMIYYAT 36(2) (2014): 57 - 66*

Dewey, J. (1933), *How We Think*, Boston, D. C. Heath & Co.

Ee Ah Meng. 1995. *Murid dan Proses Pembelajaran Asas Pendidikan 2*. Siri Pendidikan Perguruan. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam.

Fathiyah Mohd Fakhrudin, Nor Hayatti Alwi, Azimi Hamzah & Lukman Abd.



Mutalib. 2013. Pemahaman Dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan Dalam Pengajaran. *Journal Of Islamic Education*. January 2013. Vo; 1. Issue 1.

Fuller, Frances. 1969. *Annual Report of Research and Development in Education*. Texas: The Research and Development Center For Teacher Education.

Ghazali Darusalam. 2007. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Kuala Lumpur.

Ghazali Darusalam. 2007. *Perlaksanaan program j-QAF mengikut persepsi pensyarah dan pelajar*. *Jurnal Penyelidikan*. 10: 18-25.

Ghazali Darussalam. 2007. *Perlaksanaan Program j-QAF mengikut persepsi pensyarah dan pelajar*. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Islam Selangor*, Jilid 10, 2007.

Good, Carter V. 1959. *Dictionary of Education*. New York: McGraw-Hill Book Company.

Hasbullah Abd Rahman & Yusni Abd Rahman. 2003. *Kesediaan Guru-Guru Agama Menggunakan Komputer Dalam Menjalankan Tugas Pentadbiran dan Pengajaran*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.



Hassan Langgulung. 1997. *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasbullah Mat Daud (2012). *Tahap Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru j-QAF: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hamidah Suhaimi. 2012. *Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Jawi Program j-QAF Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan*. Tesis Sarjana. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., & Anderson, R.E. (2010). *Multivariate Data Analysis*. Seventh Edition. Prentice Hall, Upper Saddle River, New Jersey.

Harvey et. Al. 1968. *Teacher's Belief Classroom Atmospheres and Student Behaviour* "American Educational Research Journal, 59:119-27.

Halstead, John Mark. 1995. Towards a Unified View of Islamic Education. *Islam and Christian Muslim Relations* 6 (1): 25-43.

Imam al-Ghazali. 2010. *Ringkasan Ihya' Uhumuddin* Berlian Publications Sdn Bhd Puchong Selangor.

Ibrahim Hashim, Misnan Jemali, Muhammad Akramin Kamarulzaman, Mohd Abdul Nasir Abdul Latif, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Zanariah Noor, Mohd Abdul Aziz Mahmud & Hasanuddin Abd Hamid 2009. *Penilaian Perlaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah Kementerian Pelajaran Malaysi*. Laporan Projek Penyelidikan Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kamarul Azmi Jasmi. 2010. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Lukman Abdul Mutalib, Anwar Ahmad, Shamsul Shah Trajo, Nor Ellina Abdul Razak. 2012. *Kecerdasan Sosial Dan Emosi Guru Cemerlang Pendidikan Islam Dalam Meningkatkan Prestasi Pelajar*. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Volume 7, Number 1, 094-104.

KPM. 2004. *j-QAF Buku Panduan Pelaksanaan Model-Model Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Kurikulum*. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim. 2012. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Skudai, Johor Bharu.



Kamus Dewan Edisi Ketiga. 2002. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 1994. Surat Pekeliling Bil. 6.1994. 12 September 1994. *Usaha Menanam Semangat Patriotisme di kalangan Pelajar dan Senaman Ringkas Dalam Bilik Darjah.*

KPM. 2005. *Panduan Pelaksanaan Dan Rancangan Tahunan Pendidikan Islam j-QAF Tahun 1.* Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Siti Fatimah Ahmad. 2010. *Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia Dalam Pengajaran Guru j-QAF.* Tesis Sarjana Pendidikan Islam, Fakulti Pendidikan Islam UKM.

Sabri Mohammad Shah. 2009. *Generasi Ulul Albab Segunung Harapan Seteguh Gagasan.* Karisma Publications Sdn. Bhd. Shah Alam.

Shahril@ Charil Marzuki. 2002. Ciri-Ciri Guru yang Unggul: Satu Kajian Kes di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal Pendidikan.* Jilid 22. 97 -109.

Shahabuddin Hashim, Rahizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad, 2003. *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan.* Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.



Masribanun Duki. 2004. *Penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru pendidikan Islam: satu kajian di daerah Kuala Selangor.* Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Misnan Jemali. 2008. *Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah Menengah.* Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan UKM.

Mohd Alwi Yusoff, Adel M Abdulaziz & Ahmad Kamel Mohamed. 2003. *Keberkesanan iqra' sebagai Kaedah Pembelajaran.* Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia.

Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. 2009. *Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran.* *Jurnal Pendidikan Malaysia.* Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mansor Yahya. 2010. *Pengenalan Al-Quran dan Qiraat.* Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Mohammad Naim Mat Salleh. 2007. *Pencapaian Tilawah al-Quran Melalui Program j-QAF Bagi Murid-Murid Sekolah Rendah Setiu.* Muaddib *Jurnal Penyelidikan Institut Perguruan Kuala Terengganu,* Jilid:V, 2007 101-120.

M. Nashiruddin al-Abani. 2005. *Ringkasan Shahih Muslim.* Penerbit Gema Insani. Jakarta.







- Mohd Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah dan kaedah pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mok Soong Sang, 2008, *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*, Edisi Semakan Terkini, Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Puchong, Selangor.
- Misnan Jemali, Ibrahim Hashim, Azmil Hashim, Abdul Kadir Arifin, Ishak Ismail. 2012. *Strategi Pengajaran Jawi*. Emeritus Publications. Batu Caves, Selangor.
- M. Asrar Sidon & Badlihisam Mohd Nasir. 2012. Perspektif Guru j-QAF Terhadap Islam Hadhari: Kajian di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Daerah Hulu Langat, Selangor Jurnal Hadhari 4(1)1-22.
- Mohd Ridhuan Jusoh. 2012. Tinjauan Terhadap Kesiediaan Guru-Guru Pelatih Dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Institut Perguruan Bahasa Melayu. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Nurfahmi Mohamed, ,Mohamed Yusof, Rohana Hamzah, Amirmudin Udin. 2012. *Kemantapan Penghayatan Guru Terhadap Falsafah Pendidikan Kebangsaan Asas Membangunkan Guru Cemerlang*. Journal of Edupres, Volume 1 September 2011, Pages 271-278
- Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2015. *Konsep Guru Menurut Islam*. Prosiding International Seminar On Tarbiyah, Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry, Banda Aceh. Pusat Pengurusan Penyelidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Azmir Mohd Nizah dan Mohd Azrani Asran. 2009. *Isu dan cabaran j-QAF dalam memperkasakan pelajar islam: Kajian di Sekolah Kebangsaan Datuk Hj. Baginda, Melaka*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Misnan Jemali. 2008. *Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah al-Quran Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting.1998. *Pendidikan dan Pembangunan, Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nuri Enterprise.
- Mohd Najib Abd. Ghaffar.1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Ridhuan Jusoh. 2008. Tinjauan Terhadap Kesiediaan Guru-Guru Pelatih j-QAF Dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Institut Perguruan Bahasa Melayu Malaysia





Nurul Syuhada Johari, Asmawati Suhid & Fathiyah Fakhruddin. 2013. Penelitian Terhadap Model j-QAF dan Masalah Perlaksanaanya di Sekolah-Sekolah Rendah di Malaysia. Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDEC2013) 1 Disember 2013. Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia.

Norhannan Ramli, Zaharah Hussin & Awang Idris. 2013. *Tahap Kefahaman Ilmu Pendidikan Islam dalam Kalangan Guru Pelatih j-QAF*. Prosiding 3<sup>rd</sup> International Conference On Islamic Education 2013. Bangi: Persatuan Intelektual Muslim Malaysia.

Nabiroh Kassim, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Ab. Halim Tamuri. 2014 *Kepercayaan Guru Pemangkin Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran*. Journal of Al-Quran and Tarbiyyah, Vol 1(1) 2014 : 33-42.

Nur Uhbiyati, *Ilmu Pendidikan Islam I* (Bandung: Pustaka Setia, 1998), hal. 65

Nordin Tahir. 2011. *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru*. Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. Perak.

Noor Azimah Binti Surip. 2012. *Penilaian Pelaksanaan Model Kem Bestari Solat Program J-QAF Di Sekolah Rendah: Kajian Di Sekolah Kebangsaan Daerah Kuala Selangor*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norzaini Azman & Mohammed Sani Ibrahim. 2007. *Profesion Perguruan*. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nurul Asiah Fasehah, Mohd Isa Hamzah, Ab. Halim Tamuri, Noornajihan Ja'afar, Norzulaili Mohd, Ghazali, Robiatul Adawiyah Mohd Amat, Norakyairee Mohd Raus, Syed Najihuddin Syed Hassan 2013. *The Importance of Positive Self-concept for Islamic Education Teacher as a Role Model*. US-China Education Review B, ISSN 2161-6248, Vol. 3, No. 1, 29-35

Omardin Ashaari. 1997. *Prinsip Pengajaran Mikro*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Ramayulis. 1989. *Metodologi Pengajaran Agama Islam*. Penerbit Kalam Mulia. Jakarta.

Ragbir Kaur a/p Joginder Sight, 2007, *Panduan Ulangkaji Pendidikan Untuk KPLI Sekolah Menengan dan Sekolah Rendah*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Rahmah Ahmad. 2000. Guru dan Sekolah di Milenium Baru. Jurnal Masalah Pendidikan Jilid 23, 33-44.







Rohani Arbaa, Hazri Jamil, Nordin Abd Razak. 2010. Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2)(2010): 61-69.

Robert Kunzman. 2003. *Religion, Ethics and the Implications for Moral Education: a critique of Nucci's Morality and Religious Rules*. Journal Moral Education. Volume 32, Issue 3, 2003. pages 251-261.

Hasbullah Md. Daud. 2012. *Tahap Kepuasan Kerja dalam Kalangan Guru-Guru j-QAF: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan, 2003, *Kajian Keberkesanan Iqra Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca Al-Quran di Semenanjung Malaysia*, Kolej Universiti Islam Malaysia.

Paharudin Arbain. 2015. Eksplorasi Pelaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran Program j-QAF dan Hubungannya Dengan Pencapaian Murid. Tesis Doktor Falsafah. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Paharudin Arbain, Misnan Jemali, Azmil bin Hashim. 2015. *Persepsi Murid Terhadap Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Tilawah Al-Quran Program j-QAF dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid*. Jurnal Teknikal dan Sosial Sains. Jun 1(1) 2015 muka surat 2-12

Isjoni. 2005. *Citra Guru: Antara Tuntutan dan Pengabdian*. Penerbit Unri Press. Pekanbaru.

Isjoni. (2005). *Peranan Guru & Kemajuan Sekolah*. Penerbit Unri Press. Pekanbaru.

Imam Nawawi. 2010. *Etika Belajar & Mengajar al-Quran* Terj Ahmad Asri Lubis Abu Samah. Yamana Angle Sdn Bhd. Kuala Lumpur.

Imam Nawawi. 1999. *Tata-Tertib Pengajian al-Quran* Terj Syed Ahmad Semait. Pustaka Nasional Pte Ltd. Kuala Lumpur.

Imam Nawawi. 2008. *Adab kepada al-Quran* Terj Ramadhan Hakim. Jasmin Enterprise. Kuala Lumpur.

Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad, Azman Che Mat. 2013. *Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF*. GEMA Online. Journal of Language Studies 81 Volume 13(2), 81-97.





Sayuti bin Mamat. 2001. *Sejarah Pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah Kerajaan di Negeri Sembilan*. Prosiding Konvensyen Pendidikan Islam Negeri Sembilan: Sejarah dan Hala Tuju Pendidikan Islam di Negeri Sembilan Pada Alaf Baru. 2001. Pusat Pendidikan As-Sa'idiyyah Seremban. Negeri Sembilan.

Salehudin Sabar Mohd.Ismail Mustari. 2012. Kertas Kerja ini “*Pendidikan Islam Mendepani Cabaran Abad Ke-21: Aplikasi Pendidikan Bil-Hikmah*” dibentangkan di dalam Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 di The Royale Bintang Resort & Spa, Seremban, Negeri Sembilan tarikh 3-6 Julai 2012.

Syed Ali Ashraf. 1995. *Horizon Baru dalam Pendidikan Islam*. Terj. Ismail Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Hossein Nasr. 1987. *Traditional Islam in the Modern World*. London: Kegan Paul.

Shulman, L. (1987). *Knowledge and teaching: Foundations of the new reform*. Harvard Educational Review, 57(1), 1-22.

Sayyid Qutb, 2011. *Ma'alim Fi Ath-Thariq*. Terjemahan Mahmud Harun Muchtarom Yogyakarta. Darul Uswah.

Syed Ismail Syed Mustafa & Ahmad Subki Miskon, 2011, *Penghantar Pendidikan*, Edisi Semakan Terkini, Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Puchong, Selangor.

Neuman, W.L. 2003. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Needham Heights: Allyn and Bacon.

Rudzi Munap, 2003. *Penilaian Program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif di Universiti Teknologi MARA*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ryans, David G. 1970. *Characteristics of Teachers*, Washington: America Council On Education.

Rofishah Rashid & Hailan Salamun. 2013. *Pengupayaan Kepimpinan Guru j-QAF*. Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013. 19 -20 Jun 2013, Puri Pujangga, UKM. Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research. Educational and psychological measurements 30: 607-610.





Surul Shahbudin Hassan, Muhammad Azhar Zailaini. 2013. *Khatam Al-Quran in Islamic Education Curriculum in Malaysia*. 13th International Educational Technology Conference Procedia - Social and Behavioral Sciences 103 ( 2013 ) 558 – 566 1877-0428.

Salleh Jusoh @ Mamat & Asyraf Ridwan Ali. 2013. *Pelaksanaan Program j-QAF Sekolah Rendah Orang Asli Di Terengganu*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Mualaf 2013 (ICMuD 2013) 243- 256. 7 - 8 September 2013. Di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Shah Alam, Majlis Agama Islam Selangor.

Van Hooser, Philip 1998, *Triagle of Succes*. Van Hooser Associates, Ocala, Florida, USA. (Ceramah Siri 1 Motivasi Personel anjuran Majlis Guru Besar Maran dan Pejabat Pendidikan Daerah Maran, 1999.

Wiseman, Donna L. Knight, Stephenie L. Cooder, Donna D. 2005. *Becoming a Teacher In A Field Based Setting*. Third Edition. Canada: Thomson Wadsworth.

Wong Seet Leng. 2001. *Jangkaan Guru Pelatih dan Prestasi Pensyarah*. *Jurnal Pendidikan*. Jilid 21. 93 – 101.

Zulkiple Abd Ghani. 1999. *Kepimpinan Dakwah dan Politik Islam*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zakiah Daradjat. 1995. *Pendidikan Islam dalam Keluarga dan Sekolah*. Penerbit Jakarta), hal. 99.

Zahiah Binti Haris @ Harith , Mustapha Kamal Bin Ahmad Kassim & Abdullah Bin Yusof. 2010. *Peranan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Di Institut Pendidikan Guru Malaysia ( IPGM) Dalam Membangun Modal Insan Guru : Satu Perbincangan*. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI. Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010*.

Zuhairini, Moh. Kasiram, Abdul Ghofir, Tadjab, A. Malik Fadjar & Maksum Umar. 2000. *Sejarah Pendidikan Islam*. Penerbit Bumi Aksara, Jakarta.

Zaidi Razak, Noor Jamaliah Ibrahim, Mohd Yamani Idna Idris, Emran Mohd Tamil, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff & Noor Naemah Abdul Rahman. 2008. *Quranic verse recitation recognition module for support in j-QAF learning: A review*. *IJCSNS International Journal of Computer Science and Network Security*, 8(8): 207-216.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

252

## Rujukan Atas Talian

*The Free Distionary*.2011. Atas Talian <http://www.thefreedictionary.com/glossary>.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## KESEDIAAN GURU DALAM PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN PROGRAM j-QAF

### SOAL SELIDIK GURU j-QAF

#### TUJUAN KAJIAN

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji dan meningkatkan tahap pengurusan, pelaksanaan program j-QAF di sekolah-sekolah kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia.

#### PANDUAN MENGISI BORANG SOAL SELIDIK INI:

- 1- Borang soal selidik ini **BUKAN** soalan ujian.
- 2- Semua maklumat yang dinyatakan **AKAN DIRAHSIAKAN**.
- 3- Anda **TIDAK PERLU** menulis nama dalam borang soal selidik ini.
- 4- Borang soal selidik ini mempunyai **TIGA BAHAGIAN** iaitu **A, B, dan C**.
- 5- Pelaksanaan program j-QAF bagi **tahun 2005 - 2013**.



Segala kerjasama dan keikhlasan anda amatlah dihargai dengan ucapan ribuan terima kasih.

#### Penyelidik

Mohd Izzuddin Mohd Pisol  
Pelajar Sarjana,  
Jabatan Pendidikan Islam  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Emel: mpmizzuddin@gmail.com  
Tel: 0193759094



**BAHAGIAN A: GURU j-QAF**

**ARAHAN:** Sila tulis jawapan anda pada ruangan yang disediakan ATAU tandakan (✓) di dalam kotak yang sesuai

A1. Jantina: Lelaki   
Perempuan

A2. Umur: Kurang dari 25 tahun   
25-35 tahun   
36-45 tahun

A3. Opsyen kelayakan ikhtisas:

Opsyen pertama	
Opsyen kedua	

A4. Kelulusan akademik tertinggi: Sarjana Muda (Dalam Negeri)   
Sarjana Muda (Luar Negeri)   
Sarjana   
Doktor Falsafah

A5. Pengalaman mengajar: 1 hingga 3 tahun   
4 hingga 6 tahun   
7 hingga 9 tahun



A6. Lokasi sekolah : Bandar   
Luar Bandar



**BAHAGIAN B: MODEL KHATAM AL-QURAN**

**Arahan:** Sila tandakan (✓) pada kotak yang disediakan mengikut skala berikut:

1. **Sangat Tidak Setuju (STS)**
2. **Tidak Setuju (TS)**
3. **Kurang Setuju (KS)**
4. **Setuju (S)**
5. **Sangat Setuju (SS)**

**Dalam melaksanakan pengajaran Model Khatam al-Quran, saya...**

KESEDIAAN						
ILMU PENGETAHUAN GURU MODEL KHATAM AL-QURAN						
Bil	Penyataan	1	2	3	4	5
BA1	menguasai teknik kolaboratif dalam PdP Model Khatam al-Quran					
BA2	memahami kaedah talaqqi dan mushafahah					
BA3	mampu menilai bacaan al-Quran murid					
BA4	mampu memberikan bimbingan kepada murid					
BA5	mampu memperbetulkan bacaan al-Quran murid					
BA6	mengajar Model Khatam al-Quran tanpa menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai					
BA7	mempunyai pengetahuan yang cukup dalam pelaksanaan Model					
BA8	masih memerlukan pendedahan tentang kemahiran membaca al-Quran					
BA9	menguasai kaedah pengajaran menggunakan kaedah iqra					
BA10	menguasai kemahiran membaca secara bertajwid dalam buku Iqra					
BA11	mengikuti kursus/bengkel pengajaran menggunakan buku Iqra					
BA12	mempunyai keterbatasan menguasai teknik nyanyian dalam buku Iqra					
KEMAHIRAN MENGAJAR GURU MODEL KHATAM AL-QURAN						
Bil	Penyataan	1	2	3	4	5
BA13	melaksanakan kaedah pengajaran al-Quran Model Khatam al-Quran					
BA14	berkebolehan membaca al-Quran mengikut hukum tajwid					
BA15	memberikan bacaan contoh kepada murid					
BA16	membimbing bacaan al-Quran murid					
BA17	memperbetulkan bacaan al-Quran murid					
BA18	melaksanakan Model Khatam al-Quran tanpa menekankan kepada bunyi dan bacaan (bacaan terus)					
BA19	mengesahkan bacaan al-Quran murid					
BA20	sentiasa peka terhadap setiap kesalahan tajwid murid					
BA21	menerapkan kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran buku Iqra'					
BA22	melaksanakan PdP kaedah talaqqi musyafahah dalam Model Khatam al-Quran					





BA23	menggunakan PdP kaedah <i>tikrar</i> (Pengulangan) dalam Model Khatam al-Quran						
BA24	menggunakan PdP halaqah/tadarus dalam Model Khatam al-Quran						
BA25	melaksanakan teknik 'Baca Ikut Guru' bagi murid yang lemah bacaan al-Quran						
BA26	tidak dapat membezakan 'bacaan contoh' dengan 'bacaan ikut guru'						
BA27	menggunakan BAM yang sesuai dalam melaksanakan Model Khatam al-Quran						
BA28	tidak mampu membaca ayat al-Quran secara bertarannum kepada murid						
BA29	memberikan pemulihan kepada murid lemah dengan menggunakan buku Iqra						
<b>PERSONALITI GURU MODEL KHATAM AL-QURAN</b>							
BA30	mengadakan kelas pengajian al-Quran bersama masyarakat						
BA31	tidak jemu mengajarkan al-Quran kepada murid-murid						
BA32	berusaha meningkatkan penguasaan ilmu tajwid						
BA33	berusaha meningkatkan penguasaan dalam ilmu tarannum						
BA34	mengesahkan bacaan murid dengan memberikan pujian						
BA35	membaca al-Quran dengan mengamalkan adab-adab terhadap al-Quran						
BA36	malu memperdengarkan bacaan al-Quran kepada guru agama yang lain						
BA37	mengajarkan al-Quran dengan mengharapkan habuan						
<b>MOTIVASI GURU MODEL KHATAM AL-QURAN</b>							
BA38	mengadakan lawatan ke tempat pengajaran al-Quran						
BA39	menghadiri Majlis Tilawah al-Quran						
BA40	menggalakkan murid-murid menonton rancangan televisyen program al-Quran						
BA41	memberikan penumpuan terhadap bacaan al-Quran murid						
BA42	merujuk kepada guru yang berkebolehan sekiranya tidak memahami mengenai pengajaran al-Quran						

### BAHAGIAN C: MODEL TSMIK

**Arahan:** Sila tandakan (√) pada kotak yang disediakan mengikut skala berikut:

1. **Sangat Tidak Setuju (STS)**
2. **Tidak Setuju (TS)**
3. **Kurang Setuju (KS)**
4. **Setuju (S)**
5. **Sangat Setuju (SS)**





KESEDIAAN						
ILMU PENGETAHUAN GURU MODEL TASMIK						
Dalam melaksanakan pengajaran Model Tasmik, saya...						
Bil	Penyataan	1	2	3	4	5
CA1	memahami objektif pelaksanaan Model Tasmik					
CA2	memahami dengan jelas cara melaksanakan Model Tasmik					
CA3	berkemampuan dalam memperbetulkan bacaan al-Quran murid					
CA4	lemah dalam menilai bacaan al-Quran murid					
KEMAHIRAN MENGAJAR GURU MODEL TASMIK						
CA5	melaksanakan Tasmik secara individu melalui kaedah talagqi musyafahah					
CA6	membimbing bacaan al-Quran mengikut tahap kemampuan murid secara individu semasa kelas Tasmik					
CA7	melaksanakan kaedah latih tubi/pengulangan dalam program Tasmik					
CA8	berkemampuan menarik minat murid mengikuti kelas Tasmik					
CA9	mengenalpasti punca murid tidak menghadiri kelas Tasmik					
CA10	memastikan murid membawa al-Quran semasa kelas Tasmik					
PERSONALITI GURU MODEL TASMIK						
CA11	sanggup melaksanakan Model Tasmik walaupun diluar jadual waktu rasmi					
CA12	bekerjasama dengan guru Pendidikan Islam dan guru akademik yang berkebolehan untuk menjalankan Model Tasmik					
CA13	menegur kesalahan bacaan murid secara berhemah					
CA14	mengajarkan al-Quran kepada murid seperti anak sendiri					
CA15	menjalankan Model Tasmik mengikut jadual yang ditetapkan					
CA16	kurang menggalakkan murid membaca al-Quran setiap hari					
MOTIVASI GURU MODEL TASMIK						
CA17	memberikan bimbingan berterusan kepada murid yang tidak dapat menguasai bacaan al-Quran dengan kaedah dan aktiviti yang sesuai					
CA18	berusaha menjalankan Model Tasmik walaupun jadual program di sekolah padat					
CA19	meneruskan Model Tasmik walaupun kurang mendapat penyertaan murid					
CA20	kerap kali menyoal sama ada murid membaca al-Quran setiap hari di rumah					
CA21	tidak akan melaksanakan Model Tasmik sekiranya guru Tasmik lain kurang memberikan kerjasama					
CA22	menggunakan ruang masa yang sesuai di luar jadual waktu persekolahan (waktu pagi bagi sesi petang, waktu petang bagi sesi pagi, waktu kokurikulum) untuk menjalankan Model Tasmik					

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA YANG DIBERIKAN



## INSTRUMEN TEMU BUAL GURU j-QAF

### MODEL KHATAM AL-QURAN

#### KESEDIAAN

1. Apakah yang ustaz/ustazah ketahui berkaitan pelaksanaan dan kekesan pengajaran Model Khatam al-Quran?
3. Apakah tindakan yang diambil supaya murid boleh membaca al-Quran?
4. Apakah yang ustaz/ustazah lakukan supaya kelas Model Khatam al-Quran menyeronokkan?
5. Adakah ustaz/ustazah turut mengajarkan al-Quran selain di sekolah?

### MODEL TASMIK

#### BIL KANDUNGAN

#### PELAKSANAAN

1. Apakah yang ustaz/ustazah lakukan bagi memastikan kejayaan Model Tasmik?
2. Adakah murid turut dilibatkan dalam menjayakan Model Tasmik ?
3. Adakah ustaz/ustazah guru mengisi buku rekod mengajar?
4. Adakah ustaz/ustazah mewajibkan setiap murid membawa al-Quran semasa Model Tasmik dijalankan?
5. Apakah pendekatan yang digunakan bagi menggalakkan murid membaca al-Quran setiap hari?

